

**IMPAK SOSIOEKONOMI PROGRAM PENEMPATAN
TERSUSUN: KAJIAN KES MASYARAKAT ORANG ASLI
DI PARLIMEN CAMERON HIGHLANDS**

DEVAMANY S. KRISHNASAMY

**SARJANA EKONOMI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Oktober 2013**

**IMPAK SOSIOEKONOMI PROGRAM PENEMPATAN
TERSUSUN: KAJIAN KES MASYARAKAT ORANG ASLI
DI PARLIMEN CAMERON HIGHLANDS**

OLEH

DEVAMANY S. KRISHNASAMY

**Tesis dikemukakan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Ekonomi (Penyelidikan)**

KEBENARAN MERUJUK

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah *Graduate School of Business* terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarangsana sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan tesis ini sama ada sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darual Aman

ABSTRAK

Salah satu strategi kerajaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli ialah melalui Rancangan Penempatan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK). RPS melibatkan perpindahan masyarakat Orang Asli yang jauh berselerak ke dalam satu kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas dan aktiviti ekonomi untuk pertanian komersial. Manakala PPK tidak melibatkan perpindahan penduduk, tetapi kawasan penempatan mereka disusun semula dari segi kemudahan rumah dan komponen-komponen infra sosial yang lain. Walau bagaimanapun, bantuan dari segi prasarana dan ameniti sosial termasuk rumah dan lokasi RPS serta PPK di kalangan masyarakat Orang Asli mungkin tidak serasi dengan pilihan yang mereka inginkan. Selain itu, cara hidup mereka juga mungkin tidak berubah dengan ketara di kawasan penempatan semula. Selepas sekitar 35 tahun dilaksanakan, kajian ini akan menilai impak program penempatan/penyusunan semula masyarakat Orang Asli di kawasan RPS dan PPK yang terletak dalam Parlimen Cameron Highlands, Pahang. Impak dan kepuasan daripada program penempatan semula dinilai dengan menggunakan lima indikator iaitu peluang ekonomi, hubungan kemasyarakatan, keupayaan mengekalkan tradisi, perkhidmatan kemudahan awam dan kepuasan terhadap saiz/lokasi kampung/rumah di kawasan penempatan sekarang. Reka bentuk kajian ini adalah secara deskriptif yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif melalui kaedah kajian kes dengan menggunakan data primer. Secara am, dapatan kajian menunjukkan RPS dan PPK telah berjaya meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Kepuasan masyarakat Orang Asli telah meningkat berbanding dengan penempatan mereka yang dahulu. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih rendah jika dibandingkan dengan indikator yang sama di peringkat nasional. Dalam masa yang sama kajian mendapati kejayaan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli lebih berjaya di RPS berbanding dengan di PPK.

Kata Kunci: Orang Asli, program penempatan semula, kualiti hidup, Cameron Highlands.

ABSTRACT

Among the governmental strategy to enhance the quality of life of the indigenous community is the implementation of the Resettlement Plan (RPS) and Village Reconstruction (PPK). RPS involves the relocation of remote aboriginal communities scattered in an area and equipped them with basic amenities and economic activities for commercial agriculture in a specific location. While in PPK the settlements are restructured amenities and homes with additional socio infra components. However, infrastructure and social amenities assistance including houses and the location of RPS or PPK among indigenous communities may not be compatible with the choices they desire. In addition, their living standards may not have a significant change in the resettlement vicinity. After about 35 years of implementation, this study will evaluate the impact of settlement/restructuring of indigenous peoples in the RPS and PPK, located in the Parliament of Cameron Highlands, Pahang. This study design is a descriptive quantitative and qualitative one using case study methodology (surveys/field). Impact and satisfaction of the relocation program is evaluated using five indicators in terms of economic opportunities, social relationships, ability to maintain tradition, public utility services and satisfaction with the size/location of the village/house in the settlement area. In general, the results show that the RPS and the PPK have managed to improve the quality of life of indigenous community. Study finds that Aboriginal satisfaction has increased compared to their previous village dwellings. However, these achievements are still low when compared with the same indicators at the national level. In fact, the study found that indigenous communities living in the RPS are more successful than the PPK.

Keywords: indigenous peoples, aboriginal resettlement program, quality of life, Cameron Highlands.

PENGHARGAAN

Rakaman penghargaan terima kasih khusus kepada penyelia tesis ini, Prof Madya Dr Asan Ali Golam Hassan (UUM) atas panduan, tunjuk ajar dan inspirasi beliau dalam merealisasikan kejayaan kajian ini. Sokongan jasmaniah dan minda serta masa amat disanjung terutama semasa kerja lapangan dijalankan di kawasan Cameron Highlands dan Lipis. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Madeline Berma (UKM) dan Dr. Fauzi Hussin (UUM) selaku penilai luar dan penilai dalam semasa sesi viva.

Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak JAKOA, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Kuala Lumpur, Pejabat JAKOA Daerah Cameron Highlands dan Pejabat JAKOA Daerah Lipis di atas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua Batin-Batin, KIR yang terlibat sebagai responden kajian, belia-belia yang terlibat sebagai Pembanci di semua kawasan perkampungan Orang Asli dalam parlimen Cameron Highlands. Penghargaan khas saya hulurkan kepada Dato' Arivalagan, En. Dilip Martin, Cik Haizan dan Cik Ananthy atas sumbangan mereka.

Tidak terlupa ucapan jutaan terima kasih kepada ibuku yang dikasihi Nagarathinambal, isteri tersayangku Saraswathy, puteri-puteriku Loshna, Navina, Yoginna atas kasih sayang dan sokongan moral semasa tugas disempurnakan. Akhir sekali, penghargaan kepada rakan-rakan penyelidik yang menyuntik semangat untuk menamatkan pengajian ini dengan jayanya.

Terima kasih daun keladi
“Maa Ee Gah.. Gah Bourr”...

SK Devamany

KANDUNGAN

ABSTRAK	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xviii
SINGKATAN	xx

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Skop dan Batasan Kajian	13
1.8 Istilah Operasional	13
1.9 Struktur Kajian	15

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Pembangunan dan Penempatan Semula: Konsep dan Teori	17
2.2.1 Teori Pembangunan	18
2.2.2 Penempatan Semula Penduduk	20
2.2.3 Skim Pembangunan Tanah Baru	27
2.3 Orang Asli Secara Global	35
2.4 Penempatan Semula Orang Asli	41
2.5 Kesimpulan	46

BAB 3: DEMOGRAFI DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan	49
3.2 Takrif Orang Asli Di Malaysia	50
3.3 Demografi Orang Asli	53
3.4 Pentadbiran dan Perancangan Pembangunan Masyarakat Orang Asli	64
3.5 Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli	72
3.5.1 Program Penempatan Tersusun	72
3.5.2 Program Pembangunan Ekonomi	75
3.5.3 Program Pembangunan Sosial	75
3.6 Isu-Isu Dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli	76
3.6.1 Kemiskinan dan Peluang Pekerjaan	78
3.6.2 Pendidikan	83
3.6.3 Kesihatan	93

3.6.4 Kemudahan Pasarana dan Peralatan Isi Rumah	96
3.6.5 Pemilikan, Pembangunan Tanah dan Akta Orang Asli 1954	101
3.6.6 Nilai dan Warisan Masyarakat Orang Asli	113
3.6.7 Perubahan Minda dan Kepimpinan Desa	114
3.7 Kesimpulan	114

BAB 4: METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan	117
4.2 Reka Bentuk Kajian	118
4.2.1 Kawasan Kajian	120
4.2.2 Responden dan Sampel Kajian	129
4.2.3 Prosedur Pengumpulan Data Dan Kerja Lapangan	135
4.3 Instrumen Kajian	136
4.4 Penganalisaan Data	138
4.5 Kesimpulan	151

BAB 5: DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan	153
5.2 Profil Sosio-Demografi	154
5.2.1 Agihan Mengikut Kaum	154
5.2.2 Struktur Umur dan Jantina	155
5.2.3 Taraf Perkahwinan dan Pendidikan	161
5.3 Impak Ekonomi	167
5.3.1 Pekerjaan dan Lokasi	167

5.3.2 Pendapatan Utama dan Sampingan	173
5.3.3 Agihan Pendapatan dan Kemiskinan	184
5.3.4 Kepuasan Ekonomi KIR	188
5.4 Impak Kemasyarakatan dan Tradisi	190
5.4.1 Kepuasan Kemasyarakatan	190
5.4.2 Kepuasan Mengekalkan Tradisi	198
5.5 Kemudahan Awam	201
5.5.1 Kepuasan Kemudahan Awam	201
5.5.2 Lain-lain Kepuasan Kemudahan Awam yang Diperlukan	209
5.6 Pilihan Kampung dan Rumah	210
5.6.1 Maklumat Kampung dan Rumah sekarang	210
5.6.2 Peralatan Asas Dalam Rumah	213
5.6.3 Kepuasan Perkampungan/Skim Sekarang	214
5.6.4 Pilihan Kampung	216
5.6.5 Pilihan Rumah	218
5.7 Kesimpulan Dapatan Kajian	221
5.7.1 Profil Sosio-Demografi	221
5.7.2 Impak Ekonomi	224
5.7.3 Kemasyarakatan	228
5.7.4 Tradisi	230
5.7.5 Kemudahan Awam	231
5.7.6 Lokasi Kampung dan Rumah	234
5.7.7 Kepuasan Meningkatkan dan Berkurangan	236
5.7.8 Berpuas Hati dan Tidak Berpuas Hati	241

BAB 6: KESIMPULAN KAJIAN

6.1 Pendahuluan	245
6.2 Kesimpulan dan Implikasi Kajian	245
6.3 Kajian Lanjutan	252
Rujukan	253
Lampiran 1 Saiz Sampel Berdasarkan Bilangan Populasi	265
Lampiran 2 Borang Soalselidik	266

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Perancangan Pembangunan Orang Asli	3
Jadual 1.2	Perumahan Masyarakat Orang Asli	6
Jadual 2.1	Semenanjung Malaysia, Taburan Peneroka Mengikut Kaum	31
Jadual 2.2	Projek Pembangunan yang Melibatkan Penempatan Semula Orang Asli, 1998-2005	42
Jadual 3.1	Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia	53
Jadual 3.2	Agihan Orang Asli Mngikut Kaum dan Negeri, 2010	56
Jadual 3.3	Peratusan dan Nisbah Orang Asli Daripada Penduduk Negeri, 2010	58
Jadual 3.4	Taburan Peratus Orang Asli Mengikut Strata	61
Jadual 3.5	Kategori Perkampungan Orang Asli	62
Jadual 3.6	Perbandingan Petunjuk Umur Orang Asli, 2000	62
Jadual 3.7	Evolusi Pentadbiran dan Perancangan Orang Asli, 1939-2011	65
Jadual 3.8	Nisbah Batin dengan Jumlah Penduduk Orang Asli, 2010	71
Jadual 3.9	Peruntukan Mengikut Program dalam Tempoh RMKe-9	76
Jadual 3.10	Insiden Kemiskinan KIR Orang Asli, 2000 dan 2010	80
Jadual 3.11	Taburan Peratus Orang Asli yang Bekerja Mengikut Taraf Guna Tenaga, 1991 dan 2000	81
Jadual 3.12	Taburan peratus Orang Asli yang Bekerja Mengikut Industri, 1991 dan 2000	82
Jadual 3.13	Projek Pertanian dan Ternakan Dalam RMKe-9	82
Jadual 3.14	Pelajar Orang Asli yang Mendaftar di Sekolah Rendah, Menengah dan Peringkat Tertiar	84

Jadual 3.15	Pelajar Orang Asli yang Mendaftar Darjah Satu dan Tamat Darjah Enam	88
Jadual 3.16	Pelajar Orang Asli yang Tamat Darjah Enam dan Mendaftar Tingkatan Satu	89
Jadual 3.17	Pelajar Orang Asli yang Mendaftar Tingkatan Satu dan Tamat Tingkatan Lima	90
Jadual 3.18	Pelajar Orang Asli yang Tercicir Di Peringkat Sekolah Menengah	90
Jadual 3.19	Kadar Penglibatan Tenaga Buruh Untuk Penduduk Berumur 10 Tahun dan Lebih, Orang Asli dan Semenanjung Malaysia, 2000	91
Jadual 3.20	Bantuan Perumahan Untuk Masyarakat Orang Asli	97
Jadual 3.21	Liputan Bekalan Air dan Elektrik	97
Jadual 3.22	Taburan Peratus Isi Rumah Orang Asli Mengikut Peralatan Isi Rumah dan Serata, Semenanjung Malaysia, 2000	99
Jadual 3.23	Taburan Peratus Isi Rumah Orang Asli Mengikut Bahan Binaan Dinding Rumah, Semenanjung Malaysia, 1991 dan 2000	100
Jadual 3.24	Taburan Peratus Unit Perumahan Orang Asli Mengikut Jenis Tandas, 1991 dan 2000	100
Jadual 3.25	Keluasan Tanah Diduduki dan Diusahakan, 1990, 2003 dan 2010	102
Jadual 4.1	Perkampungan Orang Asli di Mukim Tanah Rata, Ringlet dan Hulu Telom, Daerah Cameron Highlands	123
Jadual 4.2	Perkampungan Orang Asli di Hulu Jelai Daerah Lipis	124
Jadual 4.3	Jenis Penempatan Orang Asli, Parlimen Cameron Highlands	126
Jadual 4.4	Pengiraan Saiz Sample Peringkat Kawasan Penempatan dan Kampung	130
Jadual 4.5	Saiz Sampel Peringkat Kawasan Penempatan, Mukim, Daerah dan Parlimen Cameron Highlands	132

Jadual 4.6	Saiz Sampel Peringkat Kampung	133
Jadual 4.7	Bahagian dan Sub-Bahagian dalam Borang Soalselidik	137
Jadual 5.1	Agihan Responden Mengikut Kaum	154
Jadual 5.2	Struktur Umur KIR	155
Jadual 5.3	Jantina KIR	156
Jadual 5.4	Hubungan KIR dan AIR	156
Jadual 5.5	Struktur Umur AIR	157
Jadual 5.6	Struktur Umur Penduduk	158
Jadual 5.7	Nisbah Tanggungan	159
Jadual 5.8	Struktur Jantina AIR	160
Jadual 5.9	Struktur Jantina Penduduk	160
Jadual 5.10	Taraf Perkahwinan KIR	161
Jadual 5.11	Taraf Perkahwinan AIR	162
Jadual 5.12	Tingkat Pendidikan KIR	163
Jadual 5.13	Tingkat Pendidikan AIR	163
Jadual 5.14	Tingkat Pendidikan, Anak-Anak KIR	165
Jadual 5.15	Perbandingan Tingkat Pendidikan KIR dengan Anak-Anak KIR	166
Jadual 5.16	Pekerjaan Utama Sekarang dan Sebelum Berpindah	168
Jadual 5.17	Lokasi Pekerjaan Utama Sekarang dan Sebelum Berpindah	171
Jadual 5.18	Pekerjaan Sampingan	172
Jadual 5.19	Lokasi Pekerjaan Sampingan	173
Jadual 5.20	Pendapatan Utama KIR	174
Jadual 5.21	Pendapatan Sampingan KIR	175

Jadual 5.22	<i>Paired Samples T-Test Statistics</i> Keseluruhan Kawasan Kajian	176
Jadual 5.23	<i>Paired Samples T-Test Statistics</i> Kawasan RPS	177
Jadual 5.24	<i>Paired Samples T-Test Statistics</i> Kawasan PPK	178
Jadual 5.25	Purata Pendapatan Utama dan Sampingan Sebelum dan Selepas Berpindah	179
Jadual 5.26	Purata Lain-lain Sumber pendapatan	180
Jadual 5.27	Jumlah Pendapatan KIR	182
Jadual 5.28	Purata Jumlah Pendapatan KIR daripada Pelbagai Sumber	184
Jadual 5.29	Kepuasan Ekonomi KIR Di kawasan Penempatan Sekarang	189
Jadual 5.30	Kepuasan Kemasyarakatan Di kawasan Penempatan Sekarang	191
Jadual 5.31	Kepuasan Kemasyarakatan Meningkatkan Di kawasan Penempatan Sekarang	195
Jadual 5.32	Kepuasan Kemasyarakatan Tiada Perubahan Di Kawasan Penempatan Sekarang	196
Jadual 5.33	Kepuasan Kemasyarakatan Berkurangan Di kawasan Penempatan Sekarang	197
Jadual 5.34	Kepuasan Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang	198
Jadual 5.35	Kepuasan Meningkatkan dalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang	199
Jadual 5.36	Kepuasan Tiada Perubahandalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang	200
Jadual 5.37	Kepuasan Berkurangan dalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang	201
Jadual 5.38	Kepuasan Terhadap Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang	202
Jadual 5.39	Peratusan Ada Kemudahan Awam Tersebut Di kawasan Penempatan Sekarang	207

Jadual 5.40	Peratusan Menggunakan Kemudahan Awam Tersebut Di kawasan Penempatan Sekarang	207
Jadual 5.41	Peratusan Berpuas Hati dengan Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang	208
Jadual 5.42	Lain-lain Kemudahan Awam yang Diperlukan	209
Jadual 5.43	Maklumat Perumahan Sekarang	211
Jadual 5.44	Peralatan Asas Dalam Rumah	214
Jadual 5.45	Kepuasan di Perkampungan/Skim Sekarang	215
Jadual 5.46	Pilihan Kampung	217
Jadual 5.47	Pilihan Rumah	219
Jadual 5.48	Pilihan Jarak Antara Rumah	221
Jadual 5.49	Ringkasan Profil Sosio-Demografi	223
Jadual 5.50	Ringkasan Impak Ekonomi	224

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 3.1	Taburan Orang Asli Mengikut Kaum	54
Rajah 3.2	Bilangan Penduduk Orang Asli, 1947-2010	60
Rajah 4.1	Responden dan Maklumat Kajian	120
Rajah 4.2	Daerah Cameron Highlands	121
Rajah 4.3	Kawasan Kajian	128
Rajah 4.4	Keluk Lorens dan Koefisien Gini	143
Rajah 4.5	Peringkat-Peringkat Analisis Kepuasan	146
Rajah 5.1	Koefisien Gini di Kawasan RPS dan PPK	185
Rajah 5.2	Kadar Kemiskinan di Kawasan RPS dan PPK	188
Rajah 5.3	Keseluruhan Kepuasan Ekonomi KIR Di kawasan Penempatan Sekarang	227
Rajah 5.4	Keseluruhan Kepuasan Kemasyarakatan KIR Di kawasan Penempatan Sekarang	229
Rajah 5.5	Keseluruhan Kepuasan Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang	230
Rajah 5.6	Keseluruhan Kepuasan Terhadap Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang	232
Rajah 5.7	Keseluruhan Kepuasan di Perkampungan/Skim Sekarang	234
Rajah 5.8	Keseluruhan Kepuasan Meningkatkan – RPS	237
Rajah 5.9	Keseluruhan Kepuasan Berkurangan – RPS	237
Rajah 5.10	Keseluruhan Kepuasan Meningkatkan – PPK	239
Rajah 5.11	Keseluruhan Kepuasan Berkurangan – PPK	239
Rajah 5.12	Keseluruhan Berpuas Hati – RPS	242

Rajah 5.13	Keseluruhan Berpuas Hati – PPK	242
Rajah 5.14	Keseluruhan Indikator Kajian, RPS dan PPK	244

SINGKATAN

3M	-	membaca, menulis dan mengira
ADB	-	<i>Asian Development Bank</i>
AIPP	-	<i>Asian Indigenous Peoples Pact</i>
AIR	-	Ahli Isi Rumah
AITPN	-	<i>Asian Indigenous & Tribal Peoples Network</i>
AMAN	-	Aliansi Masyarakat Adat Nusantara
APT	-	Akta Pengambilan Tanah
ASEAN	-	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
Bil.	-	Bilangan
CAC	-	<i>Center for Orang Asli Concerns</i>
CH	-	Cameron Highlands
COHRE	-	<i>Centre on Housing Rights and Evictions</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
e-Damak	-	Data Maklumat (Orang Asli)
FELCRA	-	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FELDA	-	<i>Federal Land Development Authority</i>
ICF	-	<i>International Finance Corporation</i>
ICITP	-	<i>Indian Confederation of Indigenous and Tribal Peoples</i>
IFAD	-	<i>International Fund for Agricultural Development</i>
I-KeuNITA	-	Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita
IP	-	<i>Indigenous peoples</i>
IPRA	-	<i>Indigenous Peoples' Rights Act</i>
IRR	-	<i>Impoverishment Risks and Reconstruction</i>
JAKOA	-	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	-	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia
JKKKOA	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli
JOA	-	Jabatan Orang Asli
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESBAN	-	Keselamatan dan Pembangunan
Kg	-	Kampung
KIR	-	Ketua Isi Rumah
KKB	-	Kuala Kubu Baru
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KLIA	-	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
km	-	kilometer
MID	-	Medan Info Desa
MPAJA	-	<i>Malayan Peoples' Anti-Japanese Army</i>
MoCHTA	-	<i>The Ministry of Chittagong Hill Tracts Affairs</i>
NAFRI	-	<i>National Agriculture and Forestry Research Institute</i>
NIRIPs	-	<i>National Institutions on the Rights of Indigenous Peoples</i>
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBR	-	Program Bantuan Rumah

PERKIM	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPE	-	Program Pembangunan Ekonomi
PPK	-	Program Penyusunan Semula Kampung
PPS	-	Program Pembangunan Sosial
PPT	-	Program Penempatan Tersusun
PROSDET	-	Projek Desa Terpencil
REPELITA	-	Rancangan Pembangunan Lima Tahun
RKB	-	Program Rancangan Kampung Baru
RM	-	Ringgit Malaysia
RMKe-10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMKe-5	-	Rancangan Malaysia Kelima
RMKe-7	-	Rancangan Malaysia Ketujuh
RMKe-9	-	Rancangan Malaysia Kesembilan
RPS	-	Rancangan Pengumpulan Semula
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UN	-	<i>United Nations</i>
UNDP	-	<i>United Nations Development Program</i>
UN-HABITAT	-	<i>United Nations Human Settlements Programme</i>
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
WP	-	Wilayah Persekutuan
YOAP	-	Yayasan Orang Asli Perak

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Bahagian kedua bab ini akan membincang perancangan pembangunan Orang Asli di Malaysia, manakala bahagian ketiga bab ini ialah pernyataan masalah. Bahagian keempat pula akan membincang persoalan-persoalan kajian dan diikuti dengan bahagian kelima iaitu objektif kajian. Seterusnya bahagian keenam dan ketujuh pula akan membincang kepentingan kajian dan skop kajian dan bahagian terakhir bab ini akan membincang struktur kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Orang Asli merupakan penduduk asal di Semenanjung Malaysia yang dikelompokkan sebagai salah satu daripada masyarakat Bumiputera. Menurut Undang-Undang Malaysia, Akta 134, Akta Orang Asli 1954, Orang Asli ditakrifkan sebagai;

“mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu” (Akta 134 2006: 6).

Orang Asli merupakan kaum minoriti yang hanya meliputi 0.63 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia¹. Mengikut Rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), sehingga 2010 terdapat seramai 178,197 Orang Asli yang meliputi

¹Dikira dari jumlah penduduk Malaysia, seramai 28,334,135 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010:11).

36,658 ketua isi rumah (KIR). Masyarakat Orang Asli bersifat heterogen dan terbahagi kepada tiga suku kaum utama iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto. Setiap kaum terbahagi kepada enam suku bangsa yang berbeza dari segi sosio-budaya dan psikososio-kognitif. Suku kaum Orang Asli yang terbesar ialah kaum Senoi (55%) diikuti dengan kaum Melayu-Proto (42%) dan Negrito (3%). Dari segi agihan mengikut negeri, paling ramai Orang Asli bermastautin di Pahang (38%) dan Perak (30%). Dalam tempoh 40 tahun, dari tahun 1970 (53,379 orang) hingga 2010, bilangan penduduk Orang Asli telah meningkat dengan mendadak iaitu sebanyak 224 peratus (JAKOA 2011a).

Sehingga tahun 2010 terdapat sebanyak 852 buah perkampungan Orang Asli di Malaysia. Perkampungan ini boleh dikategorikan kepada tiga berdasarkan lokasi, tahap pembangunan ekonomi dan kemudahan asas yang disediakan. Sekitar 61 peratus Orang Asli tinggal di kawasan pinggir bandar, 38 peratus di kawasan pedalaman dan hanya satu peratus di kawasan bandar (JAKOA 2011a).

Pentadbiran dan pembangunan secara khusus untuk masyarakat Orang Asli telah bermula sejak zaman pentadbiran British. Pada tahun 1939, kerajaan telah melantik seorang *Field Ethnographer* yang berfungsi sebagai *Protector of Aborigines* melalui '*Perak Aboriginal Tribes Enactment*', No.3. Pada tahun 1954, kerajaan mewujudkan Akta Orang Asli (Akta 134) dan menubuhkan Jabatan Orang Asli (JOA) bagi tujuan peruntukan demi perlindungan dan kemajuan Orang Asli di Tanah Melayu. Akta ini juga dirangka bagi melindungi Orang Asli daripada anasir negatif dan ancaman pihak komunis.

Jadual 1.1
Perancangan Pembangunan Orang Asli

Pra-DEB	Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) ^a	Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) ^a	Dasar Wawasan Negara (2001-2010) ^a	Model Ekonomi Baru (2011-2020) (RMKe-10, 2011-2015) ^b
	<ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan keselamatan daripada ancaman dan fahaman komunis • Memupuk semangat integrasi • Peluang pendidikan • Program penempatan in-situ – Rancangan Pengumpulan Semula • Pembukaan tanah baru, program pertanian dan ternakan • Penyediaan kemudahan asas • Perubatan dan kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan tanah secara komersial • Perkongsian pintar • Pembangunan pendidikan dan latihan kemahiran • Bimbangan usahawan • Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan awam 	<ul style="list-style-type: none"> • Program pembangunan manusia dan masyarakat (Bina Insan) • Pembasmian kemiskinan • Pelan Tindakan Pendidikan Orang Asli • Akses teknologi maklumat dan komunikasi • Medan Info Desa (MID) • Eko-pelancongan • Pemilikan tanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Program khusus untuk kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah. • Program bantuan rumah, infra dan ameniti sosial yang lebih baik, • Program pembangunan bersepadu bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. • Program pembangunan dan pemilikan tanah dengan membangunkan tanah rezab Orang Asli untuk aktiviti pertanian komersial.

Sumber: ^aJAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015. Jadual 2, ms. 16.

^bdipetik daripada RMKe-10, ms.115

Pembangunan taraf sosioekonomi mulai diberi penekanan serius oleh kerajaan mulai tahun 1963 dan nama JOA ditukar kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA). Agenda pembangunan masyarakat Orang Asli sebagai suatu agenda

pembangunan nasional telah dilaksanakan mulai 1971 melalui Dasar Ekonomi Baru. Seterusnya pada tahun 2011, nama JHEOA ditukar kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), selaras dengan matlamat agenda Tranformasi Nasional (JAKOA 2011a).

Tiga Program pembangunan Orang Asli meliputi Program Penempatan Tersusun (PPT)², Program Pembangunan Ekonomi (PPE) dan Program Pembangunan Sosial (PPS). Program Penempatan Tersusun melibatkan penyusunan semula perkampungan Orang Asli yang sistematik, sebuah rumah yang dilengkapi dengan kemudahan air dan elektrik. Di sesetengah kawasan, dilengkapi dengan kemudahan sekolah, klinik kesihatan, balai polis, pejabat JAKOA, jalan berturap dan sumber ekonomi seperti tanah untuk tanaman getah/kelapa sawit.

Program Penempatan Tersusun (PPT) untuk masyarakat Orang Asli terbahagi kepada dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah penduduk dipindahkan ke penempatan baru, tersusun dan dilengkapi dengan kemudahan asas serta program ekonomi pertanian komersial. Kaedah yang kedua ialah kampung sedia ada disusun semula dan dilengkapi dengan kemudahan asas serta program ekonomi pertanian komersial.

Program Penempatan Tersusun (PPT) yang melibatkan perpindahan penduduk ialah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Rancangan Kampung Baru (RKB). RPS dan RKB dirangka sejak zaman pra-merdeka khusus untuk menyusun semula perkampungan Orang Asli di kawasan pendalaman yang terdedah kepada ancaman

²Bermula RMKe-7, kerajaan menerusi JAKOA telah menyediakan perancangan pembangunan tanah secara berkelompok melalui Program Penempatan Tersusun dan melalui Program Pembangunan Ekonomi(JAKOA 2011a:42). Perincian program-program ini dibincangkan dalam Bab 3.

komunis. Manakala PPT yang tidak melibatkan perpindahan penduduk ialah Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) dan Projek Bencana Alam.

Program Pembangunan Ekonomi pula, sebahagian besarnya, berasaskan pertanian/ternakan bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli. Manakala Program Pembangunan Sosial bermatlamat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Program ini meliputi bantuan pendidikan, perumahan rakyat termiskin, infra dan ameniti sosial, pembangunan minda, pembangunan institusi keluarga dan prasarana kesihatan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), kerajaan telah memperuntukkan RM337.3 juta untuk program-program pembangunan Orang Asli. Daripada jumlah ini, RM109.9 juta (29%) digunakan untuk Program Penempatan Tersusun, RM109.1 juta untuk Program Pembangunan Ekonomi dan RM158.3 juta (42%) untuk program Pembangunan Sosial. Pada tahun 2009, peruntukan pembangunan untuk Orang Asli telah ditambah sebanyak RM91.7 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Satu dan RM40.1 juta lagi melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Dua (jumlah peruntukan kerajaan sepanjang RMKe-9 bersamaan dengan RM509.1 juta). Daripada jumlah sebanyak RM91.7 juta yang diperuntukan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Satu, RM66.5 juta telah digunakan untuk Program Bantuan Rumah untuk golongan miskin & miskin tegar yang melibatkan 2,248 KIR (JAKOA 2011a).

Bantuan perumahan kepada masyarakat Orang Asli meliputi tiga kaedah iaitu melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di mana setiap peserta akan menerima rumah

baru, Program Bantuan Rumah (PBR) untuk penduduk miskin dan perumahan untuk ketua masyarakat.

Jadual 1.2
Perumahan Masyarakat Orang Asli

Kategori Perumahan	Jumlah KIR	Telah disediakan	Belum disediakan
Perumahan Program Bantuan Rumah (PBR)	19,110	18,420	2,818
Perumahan Peserta RPS	3,246	1,768	1,478
Perumahan Ketua Masyarakat	611	503	108
Jumlah	22,967	10,895	4,404

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015. Jadual 19, ms. 35.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), kerajaan akan melaksana program khusus untuk kumpulan sasar termasuk untuk masyarakat Orang Asli yang rata-rata tergolong dalam kategori isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah. Di samping menyediakan program bantuan rumah, infra dan ameniti sosial yang lebih baik, satu program pembangunan bersepadu akan dirangka bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Melalui program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus untuk masyarakat Orang Asli, dijangka akan dapat mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50 peratus pada tahun 2009 kepada 25 peratus pada tahun 2015. Di peringkat nasional, insiden kemiskinan tegar disasarkan berkurangan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 2.0 peratus pada tahun 2015 (Malaysia 2011:153).

Selain itu, dalam tempoh RMKe-10 juga, lebih banyak program pembangunan dan pemilikan tanah khusus untuk masyarakat Orang Asli akan dilaksana. Program ini akan mengurangkan kebergantungan mereka kepada pendapatan daripada hasil hutan sahaja. Melalui program ini mereka akan diberi hak milik tanah untuk menjadi petani yang produktif. Kerajaan, melalui kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan (seperti FELCRA dan RISDA) akan membangunkan Tanah rezab Orang Asli untuk aktiviti pertanian komersial. Melalui program ini, setiap isi rumah Orang Asli yang dipilih akan mengusahakan tanah seluas dua hingga enam ekar di samping tapak tanah tambahan seluas 0.5 ekar untuk membina rumah dan diberi hak milik setelah ladang matang (mengeluarkan hasil) (Malaysia 2011).

1.3 Penyataan Masalah

Dua Program Penempatan Tersusun (PPT) yang paling utama ialah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK). Dianggarkan sekitar 50 peratus masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan penempatan tersusun tersebut (RPS dan PPK).

Orang Asli pada asalnya menduduki rumah kayu (atau campuran buluh/rotan, nibung) di kawasan pendalaman di perkampungan tradisional mereka. Melalui Rancangan Penempatan Semula (RPS) sejak tahun 1979, kerajaan meneroka penempatan yang baru bagi masyarakat Orang Asli yang biasanya terletak di kawasan pinggir perkampungan Melayu.

Setiap peserta akan diperuntukkan sebuah rumah yang diperbuat daripada kayu (pada tahun 1980an) atau daripada batu (mulai tahun 2000). Keadaan persekitaran

penempatan semula ini lebih baik dari segi infra dan ameniti sosial dibandingkan dengan perkampungan tradisional masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, ia mungkin tidak sesuai dengan budaya, cara hidup dan aktiviti ekonomi (mencari hasil hutan) masyarakat Orang Asli.

Program Bantuan Rumah (PBR) pula, diberi kepada mereka yang miskin/miskin tegar. Selain itu, bantuan rumah juga diberi kepada anak KIR yang telah berkahwin dan belum mendapat bantuan rumah atau untuk menggantikan rumah yang telah usang di penempatan RPS.

Walaupun bagaimanapun, bantuan dari segi prasarana dan ameniti sosial termasuk rumah dan lokasi RPS serta PBR di kalangan masyarakat Orang Asli mungkin tidak serasi dengan pilihan yang mereka inginkan. Terdapat rumah baru (rumah RPS atau PBR) yang kosong dan tidak diduduki oleh penghuninya yang berdaftar. Keadaan ini mungkin kerana latar belakang kehidupan harian masyarakat Orang Asli amat berkait rapat dengan sumber hutan. Selain itu, pilihan Orang Asli untuk menetap di suatu kawasan dan kemudahan rumah baru juga dipengaruhi oleh latar belakang sosio-budaya dan kepercayaan mereka.

Taraf hidup dan pendapatan Orang Asli yang rendah memang terkekang terutamanya jika perkampungan mereka jauh dari pusat pembangunan tempatan (pekan atau bandar). Ini kerana, sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam pertanian tradisional atau mencari sumber hasil hutan yang kurang nilai ekonominya (bekerja sendiri). Jika perkampungan mereka hampir dengan pusat pembangunan tempatan, sebahagian besar Orang Asli telah mula berkhidmat dengan sektor swasta atau

kerajaan yang memberi pendapatan bulanan yang tetap dan lebih tinggi. Justeru itu, wujud konflik antara kawasan perumahan/penempatan dengan sumber pencarian mereka. Jika mereka bukan bekerja sendiri, dijangka mereka lebih cenderung untuk tinggal di perkampungan yang hampir dengan pusat pembangunan.

Penerokaan dan pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk tujuan pembangunan secara langsung akan memberi kesan positif dan negatif kepada tahap sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Pembukaan kawasan-kawasan hutan dijangka akan membolehkan masyarakat Orang Asli terlibat dalam proses pembangunan, mengubah cara hidup ke arah taraf hidup yang lebih baik (moden) dan dalam jangka masa panjang akan merapatkan jurang taraf hidup antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar bandar yang lain (bukan Orang Asli). Walau bagaimanapun, pembukaan kawasan hutan secara langsung akan mempengaruhi aktiviti harian Orang Asli terutamanya jika perkampungan mereka terletak di pinggir kawasan hutan dan mereka menjadikan hasil-hasil hutan sebagai sumber rezeki utama.

Kajian-kajian lepas termasuk Mustaffa (2008) mendapati Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) telah berjaya dalam mengurangkan aktiviti pertanian pindah (*shifting cultivation*) dan meningkatkan penglibatan penduduk dalam pertanian komersial. Walau bagaimanapun kajian-kajian lepas tidak membandingkannya pencapaian RPS yang melibatkan perpindahan penduduk dengan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) yang tidak melibatkan perpindahan penduduk. Kejayaan dan kelemahan Program Penempatan Tersusun (RPS dan PPK) yang melibatkan perpindahan penduduk dan yang tidak melibatkan perpindahan penduduk adalah dijangkakan berbeza.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu persoalan yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi, kedua berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi, ketiga berkaitan kepuasan kemudahan awam yang sedia ada di kawasan perkampungan mereka dan lain-lain kemudahan awam yang diperlukan dan yang terakhir persoalan kajian berkaitan dengan pilihan lokasi kawasan perkampungan dan keadaan rumah yang mereka inginkan di kawasan penempatan RPS dan PPK.

1. Maklumat kegiatan ekonomi.
 - a. Apakah pekerjaan utama dan sampingan mereka sebelum dan selepas berpindah ke penempatan sekarang?
 - b. Di manakah lokasi pekerjaan utama dan sampingan mereka sebelum dan selepas berpindah ke penempatan sekarang?
 - c. Adakah tahap pendapatan daripada pekerjaan utama dan sampingan mereka selepas berpindah ke penempatan sekarang telah meningkat?
 - d. Adakah mereka berpuas hati dengan peluang ekonomi di kampung/skim sekarang?

2. Hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi.
 - a. Adakah selepas berpindah mereka dapat meningkatkan hubungan kemasyarakatan dari segi:
 - i. hubungan dengan ahli keluarga,
 - ii. hubungan masyarakat setempat,
 - iii. hubungan dengan masyarakat luar,
 - iv. hubungan dengan Batin,
 - v. hubungan dengan ketua agama,
 - vi. hubungan dengan pihak JAKOA, dan
 - vii. hubungan dengan Wakil Rakyat/Parlimen

 - b. Adakah selepas berpindah mereka dapat mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) turun-menurun nenek-moyang mereka dari segi:
 - i. perkahwinan,
 - ii. upacara keagamaan, dan
 - iii. Tarian Sewang lain-lain amalan harian.

3. Maklumat kemudahan awam.
 - a. Adakah mereka berpuas hati dengan kemudahan awam di kampung/skim sekarang dari segi:
 - i. pengangkutan awam (bas),
 - ii. kemudahan jalan ke kampung,
 - iii. kemudahan jalan di dalam kampung,
 - iv. balai raya,
 - v. sekolah rendah,
 - vi. telefon awam,
 - vii. rumah ibadat,
 - viii. rumah adat, dan
 - ix. kedai runcit
 - b. Lain-lain kemudahan awam yang diperlukan di kampung/skim sekarang
4. Pilihan lokasi penempatan semula dan rumah.
 - a. Apakah pilihan kampung/skim yang mereka inginkan dari segi:
 - i. Keadaan kampung (berkelompok atau kg tradisional) dan
 - ii. lokasi (pendalaman, pinggir atau bandar)
 - b. Bagaimanakah rumah pilihan mereka dari segi:
 - i. binaan dinding,
 - ii. binaan lantai,
 - iii. binaan bumbung,
 - iv. tidak bertiang (di atas tanah) atau bertiang,
 - v. bilangan bilik tidur, dan
 - vi. kemudahan tandas (dalam atau luar rumah)
 - c. Adakah berpuas hati dengan saiz/lokasi kampung/skim sekarang?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian, objektif umum kajian ini ialah untuk menilai impak program penempatan semula ke atas petunjuk sosio ekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) dalam Parlimen Cameron Highlands.

Secara khusus objektif kajian ini terbahagi kepada lima iaitu;

1. Mengenalpasti profil demografi KIR dan AIR di setiap kawasan kajian;
2. Menganalisis impak ekonomi dari segi jenis pekerjaan, lokasi tempat kerja dan pendapatan dan perbelanjaan setiap KIR;
3. Menilai sejauh mana Orang Asli dapat mengekalkan hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi di perkampungan sekarang (RPS & PPK);
4. Mengenalpasti kepuasan Orang Asli terhadap kemudahan-kemudahan awam yang ada di perkampungan sekarang dan apakah kemudahan awam lain yang mereka perlukan; dan
5. Mengenalpasti pilihan lokasi penempatan semula dan jenis rumah yang akan memenuhi kehendak masyarakat Orang Asli.

1.6 Kepentingan Kajian

Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar, iaitu sekitar 40 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan untuk Orang Asli untuk program penstrukturan semula kampung dan Program Bantuan Rumah dalam RMKe-9 dan RMKe-10. Kajian untuk menilai impak program penempatan semula ke atas petunjuk sosio ekonomi masyarakat Orang Asli ini wajib dilakukan untuk menilai sejauh mana program penempatan semula untuk masyarakat Orang Asli mencapai matlamatnya dari segi perubahan aktiviti ekonomi Orang Asli. Selain itu, melalui kajian ini kerajaan boleh menilai semula keperluan kemudahan-kemudahan awam, lokasi penempatan semula dan rumah yang disediakan serta menilai kesesuaian dengan kehendak sosioekonomi dan budaya masyarakat Orang Asli. Kajian ini juga penting untuk membandingkan pencapaian dalam meningkatkan kualiti hidup dan kepuasan peserta (KIR) di kawasan RPS dan PPK

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengambil kira sosioekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan kajian sahaja. Maklumat lokasi dan gambaran keadaan di kawasan kajian adalah berdasarkan pemerhatian penyelidik dan temubual dengan pegawai JAKOA dan ketua kampung (Batin). Maklumat mengenai sumber dan jumlah pendapatan sampingan, tabungan, profil isirumah, pilihan Orang Asli adalah berdasarkan temuduga (soalselidik) yang dijalankan. Maklumat demografi AIR sama ada yang telah bekerja atau tidak bekerja adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada KIR.

1.8 Istilah Operasional

- a) Rancangan Penempatan Semula (RPS) - melibatkan perpindahan penduduk ke kawasan penempatan (kampung) yang baru.
- b) Program Penyusunan Kampung (PPK) – tidak melibatkan perpindahan penduduk.
- c) Penempatan dahulu – merujuk kepada kampung asal peserta RPS sebelum berpindah ke penempatan sekarang atau lokasi asal rumah dan infra sosial di kawasan PPK sebelum penyusunan semula kampung.
- d) Penempatan sekarang - merujuk kepada RPS sekarang atau lokasi baru rumah dan infra sosial di kawasan PPK selepas penyusunan semula kampung.
- e) Tidak bekerja - merujuk kepada mereka yang tidak bekerja dan mereka yang bekerja tetapi tidak mendapat bayaran daripada pekerjaan yang diusahakan atau hasil daripada pekerjaan tersebut digunakan sendiri. Termasuk mereka yang mencari hasil hutan/bercucuk tanam hanya untuk kegunaan sendiri/keluarga.

- f) Kemudahan jalan ke kawasan kampung atau dalam kawasan kampung - merujuk kepada jalan tanah, jalan batu kelikir, jalan berturap bitumen atau jalan konkrit.
- g) Tarian Sewang – merujuk kepada tarian tradisional masyarakat Orang Asli kaum Senoi. Ia merupakan amalan tradisional yang masih kekal hingga kini sebagai aktiviti hiburan, menyambut tetamu, atau untuk tujuan perubatan tradisional. Tarian ini diadakan di atas pentas (pentas sewang) yang diperbuat daripada rotan dan buluh.
- h) Batin - merujuk kepada penghulu masyarakat orang asli di kawasan yang berkenaan.
- i) Sektor ekonomi moden – pekerjaan selain daripada mencari hasil hutan atau aktiviti pertanian saradiri.
- j) Sektor ekonomi saradiri – tanaman atau ternakan yang diusahakan bukan untuk dijual tetapi untuk makanan harian keluarga
- k) Tanah saka” atau “tanah adat” atau “tanah warisan” (*customary land*) dan “kawasan rayau” - tanah milik bersama masyarakat Orang Asli di suatu kawasan yang telah lama diusahakan oleh keturunan sebelum mereka dan akan diwarisi turun-temurun.
- l) Tahap kepuasan berpuas hati - merujuk kepada kepuasan yang meningkat.
- m) Tahap kepuasan tidak berpuas hati - merujuk kepada kepuasan tidak berubah dan berkurangan.
- n) Kelamin – merujuk kepada satu keluarga yang mempunyai ketua isirumah dan ahli isirumah (KIR dan AIR).
- o) KIR – merujuk kepada ketua keluarga (isirumah) tersebut.

- p) AIR – merujuk kepada isteri, anak-anak, cucu, menantu, ibu/bapa (mertua) kepada KIR dan semua mereka yang menetap dalam satu rumah tersebut.
- q) Rumah bertiang – merujuk kepada lantai rumah yang diperbuat daripada papan/rotan/buluh dan tidak menyentuh tanah.
- r) Rumah tidak bertiang – merujuk kepada lantai rumah yang diperbuat daripada simen yang diratakan atas tanah.

1.9 Struktur Kajian

Struktur kajian akan meliputi enam bab. Bab satu ialah pengenalan kepada kajian yang akan dijalankan. Ia akan membincang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop dan batasan kajian.

Bab dua akan membincang kajian literatur yang berkaitan dengan konsep-konsep, teori-teori dan kajian-kajian lepas mengenai Orang Asli dan program-program penempatan semula Orang Asli di pelbagai negara di dunia.

Bab ketiga pula, akan memberi fokus kepada Orang Asli di Malaysia. Ia akan membincang takrif, perancangan pembangunan dan isu-isu semasa Orang Asli di Malaysia.

Manakala bab empat pula, akan membincang metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini. Kandungannya meliputi kawasan kajian, kaedah persempalan dan teknik-teknik kajian yang akan digunakan.

Bab kelima ialah dapatan kajian. Bab ini akan membincang dapatan kajian dari sudut profil demografi KIR dan AIR di setiap kawasan kajian dan impak ekonomi dari segi jenis pekerjaan, lokasi tempat kerja dan pendapatan dan perbelanjaan setiap KIR. Bab ini juga akan membincang sejauh mana Orang Asli dapat mengekalkan hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi, kemudahan-kemudahan awam yang ada di perkampungan sekarang dan apakah kemudahan awam lain yang diperlukan oleh mereka. Selain itu, bab ini juga akan membincang pilihan lokasi penempatan semula dan jenis rumah yang akan memenuhi kehendak masyarakat Orang Asli.

Bab lima juga akan membincang kesimpulan kajian dari segi profil sosio-demografi, impak ekonomi, kemasyarakatan, keupayaan mengekalkan tradisi, kepuasan terhadap kemudahan awam, lokasi perkampungan dan pilihan rumah. Bahagian terakhir bab ini akan membincang kesimpulan secara keseluruhan dari segi kepuasan meningkat atau berkurangan dan dari segi KIR berpuas hati atau tidak berpuas hati dengan skim sekarang.

Bab terakhir kajian ini ialah bab enam. Ia akan membuat kesimpulan hasil kajian dan mengemukakan cadangan bersesuaian dengan dapatan kajian. Selain itu, bab ini juga akan mencadangkan beberapa kajian lanjutan berkaitan dengan perancangan dan pembangunan Orang Asli untuk kajian yang akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan. Bahagian keduanya akan membincang konsep-konsep dan teori pembangunan penempatan semula. Turut dibincangkan dalam bahagian dua ialah skim atau program pembangunan tanah baru yang telah dilaksanakan di Malaysia dan di Indonesia. Bahagian ketiga akan membincang takrif Orang Asli di peringkat global dan bahagian keempat akan membincang pengalamam program-program penempatan semula di Amerika Latin, Afrika dan Asia. Bahagian kelima adalah kesimpulan bab.

2.2 Pembangunan dan Penempatan Semula: Konsep dan Teori

Bidang kajian ekonomi pembangunan dan perancangan sebagai sub bidang dalam kajian ekonomi telah mula berkembang selepas Perang Dunia Kedua di antara tahun 1950 dan 1960an. Ketika itu kebanyakan negara dunia ketiga berhadapan dengan masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan agihan pendapatan yang tinggi (Asan 2004).

Bidang kajian ekonomi pembangunan melibatkan kajian kependudukan, sosiologi, antropologi, politik, geografi dan lain-lain. Selain daripada petunjuk-petunjuk ekonomi pembangunan seperti pertumbuhan, agihan pendapatan dan kemiskinan, bidang kajian pembangunan juga meliputi aspek-aspek lain seperti moral, sosial, kebendaan, agama dan kepercayaan (Foster-Charter 1985; Webster 1984). Goulet Denis (1971) dalam bukunya *The Cruel Choice. A New Concept in the Theory of*

Development menyatakan bahawa perubahan sosial perlu selari dengan proses pembangunan ekonomi. Menurut beliau, U-Thant³, bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pernah menegaskan bahawa pembangunan meliputi “pertumbuhan ekonomi + perubahan sosial”.

2.2.1 Teori Pembangunan

Menurut Bernstein (1971) pembangunan ekonomi tidak hanya tertumpu pada peralihan struktur ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian sahaja, memandangkan pembangunan juga dinilai dari segi perubahan petunjuk demografi, kefahaman politik dan sosioekonomi penduduk. Manakala menurut Chenery (1979) dan Kuznets (1981), perubahan struktur ekonomi perlu disokong oleh perubahan sosioekonomi dan institusi sosial.

Pembangunan ditakrif sebagai satu proses peralihan ke tahap yang lebih tinggi dalam keseluruhan sistem ekonomi dan sosial seperti peningkatan produktiviti, keseimbangan ekonomi dan sosial, pengetahuan moden, kewujudan institusi-institusi dan perubahan kepada sikap yang lebih baik (Seers 1979; Todaro 1989; Meier 1988). Pembangunan juga melibatkan peralihan struktur tenaga buruh dan peningkatan tahap pendidikan dan latihan, peningkatan peratusan populasi yang tinggal di kawasan bandar, pertambahan peluang pekerjaan moden, pengurangan kadar kemiskinan dan agihan pendapatan yang lebih seimbang (Zuvekas 1979; Smith 1997).

³Maha Thray Sithu U Thant, atau lebih dikenali sebagai U-Thant, diplomat Myanmar, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1961-1971

Selain itu, pembangunan juga membawa kepada perubahan positif dalam tiga nilai asas iaitu kecukupan hidup (*life-sustenance*), keyakinan diri dan kebebasan (Thirlwall 1983).

Dari aspek demografi, pembangunan ekonomi akan diikuti dengan penurunan tahap kelahiran dan kematian, peningkatan tingkat umur penengah (*median age*), jangka hayat dan kadar celik huruf di kalangan orang dewasa. Perkara ini banyak dibincangkan dalam teori peralihan demografi (*demographic transition theory*).

Menurut Hirschman (1986:178);

“This interaction of education and fertility by ethnicity offers a possible interpretation of the different ethnic trends in fertility – an interactive effect of ethnicity and education on fertility”.

Menurut Leete (1989: 58);

“the socio-economic and demographic change that have occurred in Malaysia should have led to a substantial and sustained fertility decline. Similar changes notably, in South Korea, Hong Kong, Thailand, Taiwan and Singapore”.

Menurut Asan (2004: 86);

“The rate of population growth more recently has slowed down with a declining fertility rate as the country progressed towards a developed nation status. Peninsular Malaysia is well along the path of a modern fertility transition”.

Berdasarkan teori ini, kadar pertumbuhan penduduk akan berbentuk U terbalik. Pada peringkat awal pembangunan, kadar pertumbuhan penduduk akan meningkat dan apabila semakin maju sesebuah negara terutamanya dari segi kemudahan pendidikan dan kesihatan, kadar pertumbuhan penduduk akan mula berkurangan (Hirschman 1986; Hirschman & Guest 1990). Menurut Panis & Lillard (1995:475), peningkatan

taraf pendidikan di kalangan wanita menyebabkan corak pengambilan makanan dan penjagaan kesihatan ibu dan anak yang lebih baik.

Oleh kerana pembangunan itu merupakan suatu yang subjektif, pengukuran pembangunan memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh. Pada tahun 1990an, Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*) telah banyak digunakan untuk mengukur tahap pembangunan. HDI telah mula diperkenal dan digunakan oleh *United Nations Development Program* (UNDP) pada 1990. HDI berasaskan empat indikator, iaitu ketahanan hidup (*longevity*), celek huruf (*literacy*), pendaftaran sekolah (*school enrolment*) dan pendapatan perkapita (*percapita income*) (UNDP 1997; Hassan et al. 1999).

HDI telah dikembangkan lagi dan kini kebanyakan kajian pembangunan menggunakan pendekatan *Sustainable Livelihood Approach* (SLA). SLA digunakan untuk memahani faktor-faktor yang mempengaruhi kehidupan harian golongan miskin (*livelihoods of poor people*). Selain itu, SLA juga menilai keupayaan golongan miskin dari segi modal dan pengetahuan teknikal dalam melaksanakan program-program ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup mereka secara lestari (*sustainable*) (IFAD 2010; Morse & McNamara 2013).

2.2.2 Penempatan Semula Penduduk

Penempatan semula (*resettlement, displacement, rehabilitation*) merupakan satu bentuk migrasi yang dirancang. Proses ini boleh berlaku secara sukarela (*voluntary resettlement, induced displacement*) atau melalui paksaan (*involuntary resettlement, forced relocation*) oleh pihak yang berkuasa. Penempatan semula juga boleh

dibahagikan kepada tiga, bergantung kepada tujuan mereka berpindah. Pertama, penempatan semula akibat daripada konflik politik (*conflict-induced displacement*), kedua akibat daripada masalah bencana alam (*environmental-induced displacement*) dan ketiga akibat daripada sesuatu projek pembangunan (*development-induced displacements*) (Messay & Bekure 2011). Satu lagi bentuk penempatan semula ialah *Refugee Resettlement*. Ia bukan perpindahan sukarela tetapi terpaksa dibuat untuk keselamatan diri dan keluarga akibat daripada konflik ekonomi dan politik sesebuah negara/kaum. Perpindahan akibat daripada masalah bencana alam juga disebut sebagai '*environmental migrants*' atau '*climate refugees*'. Dianggarkan 200 juta penduduk telah dipindahkan akibat daripada masalah bencana alam (Helene & Katleen 2011).

Menurut Alison Gray & Susan Elliott (2001:2), terma yang digunakan untuk penempatan semula termasuklah pembudayaan (*acculturation*), *biculturalism*, kepelbagaian budaya (*multiculturalism*), masyarakat terpinggir (*marginalization*), asimilasi, integrasi, pengasingan (*segregation*). Penempatan semula boleh merujuk kepada proses penempatan atau hasil yang berlaku daripada penempatan semula. Penempatan merujuk kepada penyesuaian dan peringkat awal mereka berpindah. Selepas mereka berpindah akan berlaku proses intergasi atau asimilasi. Integrasi iaitu proses jangka panjang di mana pendatang baru menjadi sama rata dalam semua dimensi masyarakat. Asimilasi berlaku apabila identiti pendatang baru semakin hilang dalam masyarakat yang dominan (*melts into the dominant society*). Integrasi merujuk kepada keadaan di mana kumpulan berinteraksi dengan masyarakat yang lebih besar dan juga mengekalkan identiti sendiri. Secara am tiada definisi yang seragam berkaitan dengan penempatan semula.

Program penempatan semula bagi perpindahan secara sukarela lebih berjaya berbanding dengan program penempatan semula melalui paksaan (Yntiso 2002). Pembangunan ekonomi yang berterusan memerlukan pelaburan yang berterusan dalam infrastruktur seperti pembinaan jalanraya, landasan kereta api, pelabuhan, empangan hidro dan lain-lain infra-sosial.

Projek-projek infra pembangunan ini pastinya akan melibatkan pengambilan tanah dan penempatan semula penduduk. Pengambilan tanah ini boleh menjejaskan sosioekonomi dan kesejahteraan (*well-being*) masyarakat di kawasan berkenaan. Penempatan semula boleh memberi kesan yang serius yang tidak boleh semata-mata diukur dari segi ekonomi. Walau bagaimanapun, jika program penempatan semula dapat dilaksanakan dengan baik, ia boleh menjadi peluang pembangunan khusus untuk masyarakat yang terpinggir di negara berkenaan.

Menurut World Bank, 2004: xvii

“Impacts include physical relocation, disruption of livelihoods, and potential breakdown of communities. Resettlement can have serious repercussions that cannot be exclusively measured in economic terms. Breakdown of established community relationships, social disarticulation among people who find themselves in a different sociocultural environment after resettlement, and the psychological trauma of moving into an alien environment can be severe if efforts to design and implement resettlement programs are not sensitive to the needs and preferences of communities. Well-designed and well-implemented resettlement can, however, turn involuntary resettlement into a development opportunity”.

Sekurang-kurangnya 3.2 juta penduduk terpaksa berpindah kesan daripada projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh pihak World Bank. Setiap tahun, sekitar 10 juta penduduk di negara sedang membangun dipindahkan untuk memberi laluan

kepada projek pembinaan empangan, projek pembangunan bandar dan pengangkutan (Doris & Peter 2003).

World Bank juga menganggarkan 40 peratus projek pembangunan akan melibatkan penempatan semula penduduk dan sekitar 80 juta penduduk terpaksa berpindah kerana pelaksanaan projek empangan air (termasuk hidro) (Jason 2003). Projek penempatan semula penduduk yang terbesar ialah projek pembinaan empangan hidro terpanjang di dunia (sepanjang 1.3 batu) merentasi Sungai Yangtze di negara China. Projek yang bermula pada tahun 1998 hingga 2003 dikenali sebagai *Three Gorges Dam on China's Yangtze River* ini menyebabkan penempatan semula seramai 1.2 juta penduduk yang kebanyakannya petani yang tinggal di sepanjang Sungai Yangtze (Doris & Peter 2003).

Bagi projek-projek pembangunan yang berkaitan dengan penempatan semula akibat projek pembangunan (*development-induced displacement*), sejak Disember 2001, untuk projek-projek yang mendapat pembiayaan daripada *World Bank (Bank-financed Projects)*, pihak *World Bank* telah menyediakan satu garis panduan bagi memastikan penduduk yang terlibat dengan penempatan semula dapat menikmati peningkatan taraf hidup selepas mereka dipindahkan (World Bank 2004).

Penempatan semula penduduk juga berlaku apabila status tanah tempat tinggal mereka berubah. Contohnya, penempatan semula setingan di kawasan bandar dan penempatan semula pekerja estet apabila pemilik tanah (ladang/estet) menjual ladang mereka atau mengubah status ladang kepada kawasan perumahan atau industri. Di Malaysia, antara tahun 1980 hingga 2000, lebih daripada 300,000 orang pekerja estet

(kaum India) terpaksa berpindah keluar dari kawasan estate tempat mereka tinggal dan bekerja (Shri Dewi et al. 2008).

Dalam kajian ekonomi pembangunan, rangkakerja teoritikal (*conceptual frameworks*) yang digunakan ialah mengukur tingkat kepuasan (utiliti) penduduk yang terlibat dalam penempatan semula. Manakala dalam kajian bidang antropologi dan sosiologi, dua rangkakerja teoritikal yang digunakan dalam kajian penempatan ialah model tahap-tahap penilaian dan model *Impoverishment Risks and Reconstruction (IRR)* program penempatan semula.

Tiada teori khusus dalam bidang kajian migrasi yang berkaitan dengan penempatan semula. Walau bagaimanapun, teori migrasi Falaris (1979) boleh diaplikasikan dalam kajian berkaitan dengan penempatan semula, iaitu bagaimana individu yang bercadang untuk berpindah akan membuat perbandingan utiliti (kepuasan) yang akan dinikmati jika dia berpindah ke tempat baru berbanding dengan kepuasan yang dinikmati di lokasi sedia ada. Model migrasi Falaris menggabungkan pendekatan daripada model migrasi Sjaastad pada tahun 1962 yang menekankan faktor peruntukan dan pengagihan sumber ekonomi yang cekap melalui proses migrasi dan pendekatan daripada model migrasi Everett Lee pada tahun 1966, berkaitan dengan faktor tolakan dan tarikan migrasi (Asan et.al 2003).

Model migrasi Sjaastad oleh Larry A. Sjaastad menilai peruntukan dan pengagihan sumber ekonomi yang cekap melalui proses migrasi. Menurut Sjaatad, migrasi adalah satu pelaburan dalam mempertingkatkan daya pengeluaran (produktiviti) individu tersebut apabila membuat keputusan untuk berpindah. Pelaburan ini akan melibatkan

kos dan pulangan dalam bentuk wang dan bukan wang (kepuasan/utiliti). Kos bukan wang ini ialah seperti kos psikologi dan kos sosial (Asan et.al 2003).

Manakala Everett Lee's "*Theory of Migration*" pula, menekankan kepada faktor tolakan dan tarikan (*Push-Pull Model*) sebagai punca berlakunya migrasi. Faktor positif merujuk kepada faktor-faktor yang boleh 'menarik' migran ke tempat yang akan dituju, manakala faktor negatif pula, merujuk kepada faktor yang menolak migran supaya berpindah keluar dari lokasi sekarang.

Faktor-faktor positif (tarikan) merangkumi pendapatan yang lebih tinggi, taraf hidup yang lebih baik, peluang pekerjaan termasuk pekerjaan sampingan dan lain-lain. Manakala faktor negatif (tolakan) ialah masalah kemiskinan, peluang pekerjaan yang sedikit, taraf hidup yang rendah, masalah politik, peperangan dan lain-lain. Faktor peribadi migran seperti tingkat umur, tahap pendidikan, kemahiran, jantina, bangsa, kaum dan sebagainya akan menentukan sama ada faktor-faktor ini positif (tarikan), negatif (tolakan) atau sifar. Menurut Lee juga, akan ada migran yang pulang semula ke tempat asal mereka (*return migration or repatriation*) kerana mendapati jangkakan peluang di tempat yang dituju tidak menepati realiti yang mereka inginkan (Asan et.al 2003).

Montri Suwanmontri (2010)⁴ yang banyak terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan penempatan semula penduduk akibat daripada projek hidro elektrik menggunakan kaedah memaksimum utiliti dalam kajian penempatan semula. Menurut beliau, tiada teori yang sesuai untuk perancangan dan pelaksanaan penempatan

⁴Beliau terlibat dalam perancangan projek hidro elektrik Rajjaprabha di Thailand, Don Sahong Hydropower Project di Laos dan Ta Sang Hydropower Project di Myanmar.

semula penduduk dan program pemulihan, terutamanya di negara-negara membangun. Oleh itu, kajian beliau berdasarkan konsep utiliti pengguna. Teori ini boleh digunakan untuk apa-apa projek pembangunan yang melibatkan penempatan semula penduduk (*relocation of affected people*).

Matlamat sesuatu projek pembangunan ialah untuk meningkatkan keseluruhan pencapaian ekonomi negara termasuk mereka yang terlibat dalam penempatan semula. Utiliti akan mengukur kepuasan pengguna (peserta penempatan semula) sama ada meningkat atau berkurangan. Kepuasan merujuk kepada perubahan tingkat kebajikan individu dan sosial bagi mereka yang terlibat dengan program penempatan semula. Terdapat dua kaedah pembayaran pampasan kepada mereka yang terlibat dengan penempatan semula supaya tahap kebajikan mereka tidak berubah. Pertama, pembayaran dalam bentuk wang pampasan untuk mengekalkan tingkat pendapatan mereka apabila tanah mereka diambil untuk projek pembangunan dan kedua, dengan memberi subsidi (diskaun harga) kepada mereka di penempatan yang baru.

Di Malaysia, kedua-dua kaedah pampasan digunakan. Contohnya, dalam program penempatan semula setinggan, mereka diberi pilihan untuk menerima pampasan (wang) atau mendapat diskaun untuk membeli rumah. Untuk penempatan semula nelayan, skim FELDA dan penempatan semula masyarakat Orang Asli, kerajaan akan memberi subsidi rumah, tanah, peralatan menangkap ikan (yang berkaitan) dan menyediakan kemudahan asas di perkampungan baru.

Menurut Montri Suwanmontri (2010) juga, taraf hidup mereka yang dipindahkan boleh diukur secara subjektif oleh kepuasan mereka di kawasan penempatan semula

dengan mengambil kira infrastruktur, kemudahan, dan perkhidmatan sosial yang mereka terima. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di kawasan penempatan semula adalah seperti sistem komunikasi dan pengangkutan, bekalan elektrik, air, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan agama. Menurut beliau lagi, faktor-faktor lain menyumbang secara positif kepada utiliti ialah seperti kualiti perumahan, nilai hartanah (*household properties*), peluang untuk masa lapang (*opportunity for leisure*), dan penyertaan mereka dalam projek-projek pembangunan.

2.2.3 Skim Pembangunan Tanah Baru

Satu lagi bentuk penempatan semula ialah melalui dasar kerajaan yang berkaitan dengan Skim Pembangunan Tanah Baru (*New Land Development Scheme*). Perpindahan penduduk ke kawasan skim pembangunan tanah baru akan dibiayai oleh kerajaan termasuk bantuan tanah (ladang) rumah dan kemudahan asas (*government-sponsored migrants*).

Selepas era Perang Dunia Kedua hinggalah ke tahun 1970an, kebanyakan negara membangun mencapai kemerdekaan. Dalam merangka strategi pembangunan negara, penekanan mula diberi kepada pembangunan luar bandar. Masalah utama ketika itu ialah dualisma-ekonomi yang ketara dan tumpuan dasar adalah untuk merapatkan perbezaan taraf hidup penduduk bandar-luar bandar (McNicol & Cain 1989). Rancangan penempatan semula penduduk dilaksanakan sebagai salah satu daripada perancangan pembangunan kawasan luar bandar di kebanyakan negara sedang membangun untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar (Hardoy & Satterhwaite 1981).

Di Indonesia, strategi pengagihan semula penduduk melalui perancangan penempatan semula dilaksana bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan (pulau) tertentu (Arndt 1988). Bagi Malaysia, United Republic of Tanzania dan Brazil, strategi penempatan semula merupakan salah satu daripada strategi meningkatkan eksport pertanian komoditi utama dan berfungsi sebagai pelengkap kepada strategi pembangunan jangka panjang negara (Tungku Shamsul 1988; Henriques 1988). Manakala di Iran (Amid 1990), Egypt (Radwan 1986), Peru (Alberts 1983) dan Thailand (Scholz 1988), strategi ini digunakan bagi meningkatkan lagi kadar mampu diri pengeluaran makanan negara berkenaan. Di Sri Lanka, strategi lebih kepada pengagihan semula penduduk bagi meningkatkan pengeluaran padi dan dalam masa yang sama mengurangkan masalah kemiskinan di kawasan luar bandar (Aruna & Asan 2012).

Amnya, perancangan perpindahan secara sukarela penduduk luar bandar ke luar bandar, ke kawasan penempatan semula ialah untuk meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan. Secara tidak langsung, perancangan ini juga dapat mengubah sistem pertanian daripada sistem pertanian tradisional kepada pertanian yang moden, dan dalam masa yang sama meningkatkan pendapatan, mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penggunaan sumber (tanah) dengan lebih efisien (Asan & Hassan 2003).

Di Malaysia, perancangan pembangunan tanah baru bermula pada tahun 1954 apabila Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan khas bagi memajukan sektor luar bandar (Tunku 1971; Tunku & Lee 1988). Matlamat utama FELDA ialah untuk mengatasi masalah (i) pengangguran dan pengangguran tidak penuh di

kawasan luar bandar, (ii) pemilikan dan pemecahan tanah yang tidak ekonomik, (iii) meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar dan (iv) mewujudkan masyarakat luar bandar yang bersikap positif terhadap pembangunan, progresif, berdisiplin dan maju (Sulong 1985; Asan et al. 1999).

Satu kawasan skim FELDA akan menempatkan antara 400 – 600 peneroka (2,400 - 3,600 orang penduduk), peneroka FELDA yang dipilih berumur antara 18 – 35 tahun dan telah berkahwin kecuali bekas polis dan tentera yang umur mereka tidak lebih daripada 45 tahun (Sulong 1985; Tunku et al. 1992). Pada awal penubuhan FELDA, setiap peneroka diberi 7 ekar kawasan ladang dan suku ekar untuk kawasan rumah. Walau bagaimanapun, keluasan telah meningkat kepada 10 ekar kawasan ladang untuk tanah rancangan yang dibuka mulai tahun 1970. Setiap peneroka diwajibkan membayar semua kos tanah dan rumah dengan kadar faedah 6.25 peratus setahun. Sebahagian besar daripada mereka telah mendapat hakmilik kawasan ladang dan rumah setelah 15 hingga 20 tahun berusaha dalam yang kawasan dimajukan (Tunku 1971).

Model FELDA yang telah diterima di peringkat antarabangsa sebagai salah satu model meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Menurut Fold, N. (2000:473);

“The rate of development of the resettlement program has been impressive and the FELDA program is considered as one of the most successful example of settlement schemes in developing countries in terms of economics viability and political stability. The Malaysian way of organizing poor and landless people in commercial agricultural production has been stressed by many observers as an ideal model to deal with rural poverty”

Walaupun tiada dokumen rasmi menyatakan perancangan pembangunan tanah rancangan khusus untuk orang Melayu, tetapi masalah luar bandar, kemiskinan, saiz kebun yang kecil adalah senonim dengan masalah orang Melayu. Walaupun kaum Melayu merupakan kaum majoriti di tanah rancangan FELDA, kaum-kaum lain juga diberi peluang yang sama untuk menjadi peneroka kecuali di tanah rancangan yang terletak di kawasan tanah simpanan Melayu (*Malay reserve lands*), peneroka seratus peratus mestilah orang Melayu (Ness 1967). Namun demikian, kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina kurang berminat untuk menyertai skim FELDA. Sehubungan itu, hampir keseluruhan faedah daripada skim FELDA dinikmati oleh orang Melayu (Nagata, 1974). Menurut Jomo (1991) dan Wikkramatileke (1963):

“the number of non-Malay applicants to FELDA schemes has declined significantly since the early 1960s. This decline is, in turn, now cited as evidence of non-Malay disinterest in greater participation in rural agricultural sector”(Jomo 1991:474).

“both Malays and Chinese were entitle to recruitment, but the Chinese preferred not to enter into the project since they considered the monthly subsistence allowance or wage of RM75 offered unrewarding: they could make more from market gardening or petty trade”(Wikkramatilake 1963:335).

Daripada keseluruhan peneroka di Semenanjung Malaysia, 97 peratus daripadanya ialah orang Melayu, bakinya sekitar 1% kaum Cina, 1.5 peratus kaum India dan 0.04 peratus kaum-kaum lain (Jadual 2.1).

Jadual 2.1
Semenanjung Malaysia, Taburan Peneroka Mengikut Kaum

Negeri	Melayu	Cina	India	Lain-lain (kaum)
Johor	27,721	100	87	1 (Iban)
Kedah	3,069	0	0	24 (Siam)
Kelantan	3,206	0	0	0
Melaka	1,684	295	21	0
N.Sembilan	16,037	435	693	0
Pahang	41,943	276	691	24 (Orang Asli)
Perak	5,824	38	66	0
Perlis	608	0	0	0
Selangor	2,447	10	115	0
Terengganu	7,424	0	0	0
Keseluruhan	109,963	1,154	1,673	49
Peratus	97.46	1.02	1.48	0.04

Nota: dikira berdasarkan maklumat setiap tanah rancangan FELDA yang terdapat daripada buku Pembangunan Tanah: Usaha dan Pendapatan terbitan FELDA, 1995. ms.7 hingga 401. Maklumat jumlah bilangan peneroka mengikut negeri berbeza dengan bilangan kini kerana terdapat peneroka yang telah meninggal dunia, berhenti daripada skim FELDA atau status tanah peneroka telah diubah untuk pembangunan lain.

Sumber: FELDA. 1995. Pembangunan Tanah: Usaha dan Pencapaiannya.

Bagi kaum Orang Asli, hanya terdapat 24 orang peneroka daripada kaum Orang Asli di tanah rancangan FELDA di negeri Pahang (4 orang di Keratong 6; 2 orang di Keratong 7; 2 orang di Keratong 9; 8 orang di Padang Piol; 3 orang di Rentam; seorang di Sebertak; seorang di Selendang 1&2; dan 3 orang Triang 1). Walaupun kaum-kaum lain juga diberi peluang yang sama untuk menjadi peneroka FELDA termasuk daripada kaum Orang Asli, penglibatan Orang Asli dalam skim FELDA sangat kecil. Melalui temubual penyelidikan dengan KIR Orang Asli, alasan utama mereka tidak menyertai skim FELDA ialah kerana tidak berminat, tiada pengalaman

mengusahakan tanaman getah atau kelapa sawit, lebih berminat mencari hasil hutan dan tanaman saradiri secara kecil-kecilan dan takut tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu di perkampungan FELDA.

Manakala di Indonesia rancangan penempatan semula bermula sejak tahun 1909 yang diperkenalkan oleh penjajah Belanda (*Netherlands East Indies*) bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk di Pulau Jawa. Kawasan penempatan semula yang paling utama di Indonesia ialah di selatan Sumatera. Antara tahun 1902 hingga 1922, 22,000 orang peneroka telah berpindah ke penempatan semula di Lampung dan Bengkulu. Sehingga 1940, terdapat sekitar 200,000 peneroka di kawasan penempatan semula, dengan kadar 4,000 peneroka berpindah masuk setahun (70% daripadanya di Lampung). Dasar penempatan semula kerajaan (*government-sponsored migrants*) berhenti seketika akibat penjajahan Jepun pada tahun 1942. Di bawah Rancangan 1947 (*A 1947 plan*), kerajaan mensasarkan perpindahan seramai 49 juta penduduk ke kawasan penempatan semula dalam tempoh 35 tahun (sehingga 1982). Purata seramai 25,000 orang peneroka setahun berpindah ke kawasan penempatan semula antara 1947 hingga 1966 (Arndt 1988).

Program transmigrasi ini semakin ketara sejak tahun 1966 di bawah pentadbiran Soeharto. Program transmigrasi yang sebelum itu tertumpu dari Jawa ke Sumatera, telah dikembangkan dari Jawa ke Kalimantan, Sulawesi dan Irian Jaya. Sejak awal 1970an, program ini mendapat pembiayaan pinjaman daripada *World Bank*, *Asian and Islamic Development Bank* dan *United Nation*. Selain itu, peningkatan harga minyak sekitar 1970an, juga telah membantu dalam merangka perancangan pembangunan. Di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun – 1 (REPELITA-1), (1969/70 -

1974/75), kerajaan mensasarkan perpindahan penduduk seramai 50,000 orang setahun. Angka ini terus meningkat kepada 200,000 orang setahun di bawah REPELITA-2, (1974/75 – 1978/79), dan kepada 2 juta orang setahun di bawah REPELITA-3, (1978/79 – 1983/84) (Arndt 1988:50-51), menjadikan program transmigrasi (*resettlement* atau pemukiman baru) di Indonesia sebagai yang terbesar di dunia (Babcock 1983;1986).

Di Indonesia, tanaman utama di kawasan penempatan semula ialah padi (60%) dan lain-lain tanaman ialah tanaman kontan (30%) dan getah (10%). Setiap peneroka diberi kemudahan pengangkutan percuma ke kawasan penempatan semula, 2 hektar (5 ekar) kawasan sawah dan pinjaman kewangan (Hardjono 1977).

Sejak 1970an, keluasan ladang telah ditingkatkan kepada 3.5 hingga 5 hektar (termasuk 1 hektar kawasan tanaman lain dan rumah). Tanah tidak boleh dipindah milik untuk tempoh 15 tahun. Peneroka yang dipilih berumur adalah antara 20 hingga 40 tahun, dan telah berkahwin. Bilangan ahli isi rumah yang tidak lebih daripada 5 orang, tiada yang berumur lebih daripada 60 tahun atau kurang daripada 6 bulan dan tiada AIR yang sedang mengandung (Suratman & Guinness 1977).

Seperti juga di Malaysia, masyarakat Orang Asli di Indonesia kurang terlibat sebagai peneroka program pembukaan tanah baru (program Transmigrasi). Masyarakat Orang Asli di Indonesia terbahagi kepada dua, iaitu Masyarakat Adat dan Komunitas Adat Terpencil.

Menurut Aliansi Masyarakat Adat Nusantara (AMAN) (*Indigenous Peoples Alliance of the Archipelago*),

“Masyarakat Adat adalah komunitas-komunitas yang hidup berdasarkan asal-usul leluhur secara turun temurun di atas suatu wilayah adat, yang memiliki kedaulatan atas tanah dan kekayaan alam, kehidupan sosial budaya, yang diatur oleh hukum adat dan lembaga adat yang mengelola keberlangsungan kehidupan masyarakatnya” (Abdon, 2013: 4).

Komunitas Adat Terpencil (*Remote indigenous community*) bermaksud;

“Kelompok sosial budaya yang bersifat lokal dan terpencar serta terpencar atau belum terlibat dalam jaringan sosial, ekonomi maupun politik” (Bappeda 2010:1).

“is a local social (culture) group and spread-out as well as lack of or doesn't have access in networking and social, economic and politic public service as well” (Arifin 2009:4).

Terdapat sekitar 1.1 juta orang dikategorikan sebagai Komunitas Adat Terpencil di Indonesia (Arifin 2009). Dianggarkan pada tahun 2007, terdapat sebanyak 229,479 keluarga Komunitas Adat Terpencil di 30 buah provinsi di Indonesia. Sekitar 67 peratus daripada keluarga ini tinggal jauh terpencil dan masih belum terlibat dalam projek pembangunan (Rakhmani 2009).

Dianggarkan juga terdapat sebanyak 50 hingga 70 juta Masyarakat Adat di Indonesia iaitu sekitar 23 hingga 32 peratus daripada jumlah penduduk Indonesia (230 juta) (Abdon 2013).

Lebih daripada 70 peratus daripada mereka tinggal di Kepulauan Sumatera, Kalimantan dan Sulawesi. Terdapat sebanyak 1,163 komuniti Masyarakat Adat di Indonesia. Program Transmigrasi, perpindahan penduduk dari pulau Jawa ke

kepulauan lain, sedikit sebanyak telah menimbulkan konflik penerokaan dan pemilikan tanah adat Masyarakat Adat di Indonesia (Arifin 2009).

2.3 Orang Asli Secara Global

Tiada satu takrif atau definisi Orang Asli yang sama digunakan peringkat antarabangsa⁵. Takrifan Orang Asli adalah berbeza antara negara selaras dengan takrifan perlembagaan/undang-undang negara tersebut⁶. Kebanyakan penyelidik merujuk kepada takrifan yang digunakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), masyarakat Orang Asli (pribumi) ialah mereka yang mempunyai kesinambungan sejarah dengan zaman pra-pencerobohan (*pre-invasion*) dan pra-kolonial yang berlaku di kawasan mereka. Mereka menganggap diri mereka berbeza daripada masyarakat kini yang wujud di wilayah-wilayah itu tersebut.

“They form at present non-dominant sectors of society and are determined to preserve, develop, and transmit to future generations their ancestral territories, and their ethnic identity, as the basis of their continued existence as peoples, in accordance with their own cultural patterns, social institutions and legal systems”(United Nations 2009; 4).

⁵ Menurut George K. Foster (2012: 629) dalam *Michigan Journal of International Law*, Vol. 33:627-691; *There is no universally accepted definition of the term “indigenous peoples,”*. Menurut Carlos Yescas Angeles Trujano (2008: 14), International Organization for Migration, *“A definition of the term Indigenous Peoples has not been adopted at the international level”*. Manakala menurut Marianne et.al. (2002: 197) dalam *International Journal on Minority and Group Rights*, *“In international law, there is no such thing as an officially accepted definition of a national minority”*.

⁶ Contoh di Filipina, Indigenous Peoples’ Rights Act (IPRA) of 1997; *“A group of people or homogeneous societies identified by self-ascription and ascription by others, who have continually lived as organized communities on community-bounded and defined territory, and who have, under claims of ownership since time immemorial, occupied, possessed and utilized such territories, sharing common bonds of language, customs, traditions and other distinctive cultural traits, or who have, through resistance to political, social and cultural inroads of colonization, nonindigenous religions and cultures, become historically differentiated from the majority of Filipinos* (Jacqueline K. Cariño, 2010:11). Di Kanada pula, Orang Asli ditakrifkan di bawah Constitution Act, 1982 *“as all indigenous people, including Indians, Métis and Inuit”* (Government of Alberta 2010: 2)

“The various UN agencies that deal with the rights of indigenous peoples have, rather than adopting a single formal definition of indigenous peoples, generally developed working definitions that include the following characteristics: 1. A significant historical attachment to territory; 2. An explicit commitment to culture distinctiveness; and 3. A resolve to preserve both territory and culture as a means of reproducing a singular ethnic community” (Jacqueline Hand 2005: 265).

Menurut World Bank pula, Orang Asli hidup dalam institusi sosial, politik, adat dan bahasa mereka sendiri yang berbeza dengan bahasa kebangsaan negara berkenaan.

“Indigenous Peoples” refers to a “distinct, vulnerable, social and cultural group possessing the following characteristics in varying degrees:” • self-identification and identification by others as members of a distinct indigenous cultural group; • collective attachment to ancestral territories and to natural resources in these areas; • presence of customary social and political institutions; and • an indigenous language, often different from the national language” (Tom Griffiths 2005: 1).

Asian Development Bank (ADB 2007) menganggarkan terdapat seramai 300 juta hingga 370 juta Orang Asli di dunia iaitu sekitar enam peratus daripada penduduk dunia. Mereka terbahagi kepada sekitar 5,000 kaum yang tinggal di 70 buah negara. Sekitar 150 juta Orang Asli tinggal di benua Asia, termasuk 68 juta di negara India. Lima peratus daripada mereka tinggal di benua Asia dan Pasifik. Orang Asli merupakan 10 peratus daripada jumlah penduduk Amerika Latin. Mereka juga merupakan 40 peratus daripada jumlah penduduk luar bandar di Amerika Latin (Roger & Soren 2001).

Peratusan Orang Asli yang telah berpindah ke kawasan bandar juga terus meningkat. Dianggarkan sekitar 40 peratus Orang Asli tinggal di kawasan bandar. Di Amerika Latin, banci tahun 2000 mencatatkan terdapat seramai 30 juta Orang Asli di negara tersebut. Daripada jumlah ini, 12 juta (40%) tinggal di kawasan bandar. Di Guatemala dan Mexico, bagi setiap 3 Orang Asli, seorang daripadanya tinggal di kawasan

bandar. Manakala di Bolivia, Chile dan Brazil, separuh daripada populasi Orang Asli tinggal di kawasan bandar. Pada tahun 1960, di Arctic Region dan Kesatuan Rusia (*Russian Federation*), sekitar 58 peratus Orang Asli telah tinggal di kawasan bandar dan meningkat kepada 83 peratus pada tahun 2006. Di Canada, banci tahun 2006 menunjukkan 54 peratus Orang Asli tinggal di kawasan bandar.

Mengikut banci 2007 di Amerika, kaum *American Indian* atau *Alaska Native* berjumlah 4.5 juta atau 1.5 peratus daripada jumlah penduduk Amerika. Separuh daripada mereka tinggal di kawasan bandar. Di Australia pula, 30 peratus kaum Orang Asli tinggal di kawasan bandar manakala, 83 peratus kaum asli *Maori* di New Zealand tinggal di bandar.

Di negara India, banci tahun 2001 menunjukkan 15.4 peratus penduduk Orang Asli tinggal di Tamil Nadu dan 8.2 peratus di Gujarat. Manakala di Afrika pula, menurut UN, dijangka 54 peratus penduduk Orang Asli akan tinggal di kawasan bandar pada tahun 2030. Di Tanzania pula, sekitar 90 peratus kaum *Masai* telah berpindah ke kawasan bandar (UN-HABITAT 2010).

Di Bangladesh terdapat sebanyak 45 suku kaum Orang Asli. Dianggarkan terdapat 3 juta Orang Asli yang sebahagian besarnya daripada kaum *Jumma* (704,834 orang) yang tinggal di *Chittagong Hill Tracts* (AIPP 2007). Manakala di Cambodia, pada tahun 2008, dianggarkan 1.4 peratus adalah terdiri daripada suku kaum Orang Asli. Daripada jumlah penduduk seramai 13,395,682, sekitar 101,000 hingga 190,000 adalah Orang Asli. Di Filipina, pada tahun 2005 terdapat 12 juta Orang Asli, yang

terbahagi kepada 110 suku kaum. Orang Asli mewakili sekitar 15 peratus daripada jumlah penduduk negara tersebut yang berjumlah seramai 85 juta orang (David 2007).

Bagi menjaga hak asasi masyarakat Orang Asli *National Institutions on the Rights of Indigenous Peoples* (NIRIPs) telah ditubuhkan di negeri India, Nepal dan Filipina. Manakala di Bangladesh, Malaysia dan Vietnam, pentadbiran dan penjagaan hak Orang Asli di bawah pentadbiran satu agensi kerajaan.

Menurut *Asian Indigenous & Tribal Peoples Network* (AITPN 2008:1), beberapa negara di Asia (India, Nepal dan Filipina) telah menubuhkan institusi nasional (NIRIPs) bagi menjaga hak asasi Orang Asli, Manakala beberapa negara yang lain telah menolak untuk menubuhkan institusi ini. Beberapa kerajaan telah menubuhkan Kementerian, Jabatan atau Jawatankuasa peringkat kabinet untuk berurusan dengan hal ehwal orang asal/etnik minoriti di negara masing-masing. Antara negara tersebut, *The Ministry of Chittagong Hill Tracts Affairs* (MoCHTA) di Bangladesh, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) di Malaysia dan Jawatankuasa untuk Etnik Minoriti (*Committee for Ethnic Minorities - CEM*) di Vietnam⁷.

Berdasarkan kajian *Asian Indigenous & Tribal Peoples Network* (AITPN) (2008: 1-2)⁸; agensi kerajaan ini tidak berkesan kerana;

⁷Menurut AITPN. 2008: 1; “*These agencies are not expected to meet the existing standards relating to the National Institutions as they are not National Institutions but their role remains crucial as they are often highlighted as governments’ commitment towards indigenous/tribal peoples*”.

⁸ Diringkaskan daripada dokumen asal. Kajian ke atas *The Ministry of Chittagong Hill Tracts Affairs (MoCHTA) Bangladesh; JHEOA, Malaysia dan Committee for Ethnic Minorities (CEM), Vietnam*. Rujuk juga AITPN. 2008, ms.1-2

1. Agensi kerajaan kurang kebebasan, kesaksamaan dan objektif untuk melindungi hak-hak orang-orang asal. Terdapat juga agensi pelaksana yang anti-masyarakat asal (Orang Asli) (*agencies implementing the anti-indigenous/minority policies of the government*);
2. Kementerian, jabatan atau jawatankuasa ini tidak diketuai oleh Orang Asli dan tidak mempunyai wakil daripada masyarakat Orang Asli;
3. Tiada ketelusan dan akauntabiliti dalam fungsi kementerian, jabatan atau jawatankuasa ini;
4. Kementeraan, jabatan atau jawatankuasa ini tidak mempunyai kebebasan kewangan;
5. Tidak ada kepelbagaian kaum Orang Asli dan gender dalam perlantikan/perwakilan ahli;
6. Agenda utama agensi ini ialah mengasimilasikan masyarakat minoriti/Orang Asli ke dalam masyarakat arus perdana (*assimilation of the ethnic minority/indigenous peoples into the mainstream society remains the main agenda of these governmental agencies*);
7. Kawasan (tanah rizab) masyarakat Orang Asli terlelak di bawah kawalan ketat oleh kawasan agensi kerajaan yang berkaitan (*the areas of indigenous peoples have been under strict government control*); dan
8. Oleh kerana Orang Asli menuntut pelbagai tahap autonomi, kawasan penempatan Orang Asli seakan-akan dikawal oleh angkatan tentera (*as the indigenous peoples demand various degree of autonomy or self determination, the indigenous areas have been turned into virtual military*).

Masalah utama masyarakat Orang Asli ialah kadar kemiskinan yang tinggi. Walaupun kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 47 peratus pada tahun 1994 kepada 30 peratus pada tahun 2007, angka ini masih tinggi berbanding dengan peratusan kemiskinan di peringkat nasional (Moul & Seng 2010). Contohnya di Filipina, masyarakat Orang Asli kekal sebagai sektor/masyarakat yang paling terpinggir (David 2007).

Masyarakat Orang Asli masih lagi terpinggir daripada arus perdana pembangunan ekonomi. Orang Asli (IP) adalah antara rakyat termiskin di kebanyakan negara. Ramai antara mereka hidup terpinggir serta budaya dan bahasa mereka semakin pupus. Isu masyarakat Orang Asli termasuk pemeliharaan budaya dan bahasa, hak milik tanah, pemilikan dan eksploitasi sumber asli, isu politik dan autonomi, pencemaran alam sekitar, kemiskinan, kesihatan dan diskriminasi.

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang terpinggir dan boleh menjadi semakin terpinggir akibat daripada sesuatu projek atau proses pembangunan (*vulnerable to being affected by projects or vulnerable to being disadvantaged in the processes of development*) (ADB 2007).

Orang Asli ditakrifkan sebagai “*vulnerable segments of society*” iaitu masyarakat yang mudah terancam dan menghadapi kemiskinan akibat daripada faktor-faktor yang di luar kawalan mereka. Projek-projek pembangunan ekonomi di kawasan pendalaman (pinggir/dalam hutan) akan menggugat sosio-ekonomi, budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli.

World Bank mentakrif *vulnerable groups* sebagai;

People who by virtue of gender, ethnicity, age, physical or mental disability, economic disadvantage, or social status may be more adversely affected by resettlement than others and who may be limited in their ability to claim or take advantage of resettlement assistance and related development benefits (IFC_x).

Pada tahun 1993, Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Organization (UN)*,) telah merangka Deklarasi Hak Asasi Masyarakat Orang Asli (*Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*). Pada tahun 1982, *Working Group on Indigenous Populations*

telah diwujudkan di UN bagi merangka hak asasi masyarakat Orang Asli (Florenca, 1999). Deklarasi ini telah diperdebat dan akhirnya pada 2007, diterima pakai di peringkat antabangsa.

Menurut ADB (2007:6), pengisytiharan ini mempunyai 46 artikel;

“among which is an article that states the right of IP to self determination, autonomy, or self-government in matters relating to their internal and local affairs, and articles providing that IP shall not be forcibly removed from their lands or territories, and that relocation shall take place only with the free, prior, and informed consent of the IP concerned and after agreement on just and fair compensation and, where possible, with the option of return”.

2.4 Penempatan Semula Orang Asli

Kawasan-kawasan pembangunan baru ini kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman dan melibatkan kawasan perkampungan Orang Asli. Ciri-ciri pembangunan adalah seperti projek-projek pembinaan empangan hidro-elektrik, jalan raya (lebuhraya), laluan gas (LPG), perlombongan dan program pembangunan semula tanah dan lain-lain. Di peringkat antarabangsa, antara tahun 1998 hingga tahun 2005, sebanyak 605 projek pembangunan dilaksanakan dengan melibatkan perpindahan Orang Asli ke penempatan semula dengan yang paling banyak di negara China dan India. Daripada jumlah tersebut, hanya 22 peratus sahaja projek-projek pembangunan yang melibatkan perpindahan keluar Orang Asli yang mempunyai perancangan pembangunan penempatan semula di kawasan penempatan yang baru (Jadual 2.2).

Jadual 2.2

Projek Pembangunan yang Melibatkan Penempatan Semula Orang Asli, 1998-2005

Negara	Bilangan Projek	Projek yang mempunyai perancangan penempatan semula	
		Bil	%
China	64	23	36
Laos	21	18	86
Viet Nam	40	18	45
India	53	17	32
Indonesia	40	14	35
Nepal	22	9	41
Cambodia	26	8	31
Sri Lanka	41	7	17
Bangladesh	35	6	17
Philippines	35	4	11
Pakistan	54	4	7
Uzbekistan	16	3	19
Afghanistan	12	2	17
Kyrgyz Republic	16	1	6
Mongolia	17	1	6
Lain-lain negara ^a	91	0	0

^aAzerbaijan, Bhutan, Cook Islands, Federated States of Micronesia, Fiji Islands, Kazakhstan, Kiribati, Maldives, Marshall Islands, Nauru, Papua New Guinea, Samoa, Solomon Islands, Tajikistan, Thailand, Tonga, Tuvalu, and Vanuatu.

Sumber: ADB 2007. Indigenous Peoples Safeguards, Table 2, ms.18

Projek penempatan semula yang melibatkan pembinaan empangan hidro yang berjaya ialah seperti projek empangan *China's Shuikou and Yantan*. Pembinaan empangan bermula pada tahun 1987 dan penduduk mula berpindah pada tahun 1990-1992. Projek di Sungai Min Jiang ini telah memindahkan 15,600 keluarga kawasan dari luar bandar (67,200 orang penduduk) dan sekitar 20,000 orang di kawasan bandar

termasuk 3,900 keluarga (17,200 orang penduduk) dari bandar Nanping City. Mereka yang terlibat dengan penempatan semula sangat berpuas hati dengan penempatan baru yang disediakan kerana telah berjaya meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka berbanding sebelum mereka berpindah ke kawasan penempatan semula (Picciotto et.al. 2001; World Bank, 1998).

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga program penempatan semula yang gagal. Menurut Mengistu Woube yang menjalankan kajiannya di wilayah Gambela, Ethiopia pada tahun 2005, kebanyakan projek penempatan semula hanya bersifat jangka pendek. Projek ini bergerak secara bersendirian dan bukannya sebagai program pembangunan yang bersepadu. Ini telah membawa kepada konflik dalam pengambilan tanah, penebangan hutan, masalah banjir, kekurangan makanan dan wabak pelbagai penyakit.

Satu contoh program yang gagal ialah *The Chixoy Hydroelectric Project*. Projek ini yang dibina antara tahun 1976-1985, dibangunkan oleh *Guatemalan National Electrification Institute* (INDE), yang mendapat pembiayaan daripada *World Bank* dan *Inter-American Development Bank*. Seramai 3,400 orang terlibat dalam perpindahan semula. Walaupun pihak *World Bank* mempunyai dasar penempatan semula yang menjanjikan bakal peserta memperolehi kadar pampasan yang sama dengan kualiti hidup mereka sebelum berpindah, namun setelah dipindahkan mereka tidak menerima pampasan (*compensation*) yang memadai. Pada tahun 1992, kaum Orang Asli *Maya Achi Indians (Rio Negro)* di Baja Verapaz, Guatemala tidak

bersetuju dengan penempatan semula dan menentang pihak tentera yang menyebabkan seramai 440 Orang Asli telah terbunuh (Karen 2002)⁹.

Program-program penempatan semula terkini yang lain adalah seperti *Phulbari Coal Project* di Bangladesh. Projek ini melibatkan perpindahan kaum Orang Asli Santal, Munda dan Mahili groups, masyarakat Orang Asli yang tertua di selatan Asian (Kate 2012). Program penempatan semula sekitar 400 keluarga Orang Asli terlibat dengan program LNG di Papua New Guinea (ESSO 2010). Program landasan kereta api dari Delhi dan Mumbai ke Uttar Pradesh, Haryana, Rajasthan, Gujarat dan Maharashtra yang melibatkan perpindahan 38,310 orang termasuk beberapa kampung Orang Asli (*Ministry of Railways India* 2011).

Termasuk juga projek kabel dan pencawang elektrik di Sri Lanka, yang melibatkan sekitar 436 isirumah (CEB 2012). Projek *Lao Nam Theun II Hydroelectric* (Viet Nam) yang menenggelamkan kawasan Nakai Plateau melibatkan penempatan semula seramai 1,149 isirumah. Ia melibatkan 16 daripada jumlah 17 buah perkampungan Orang Asli di kawasan tersebut. *Projek Indonesian Tangguh Liquefied Natural Gas (LNG)*, melibatkan penempatan semula 127 keluarga (694 orang) daripada kaum *Tennah Merah* dan pengambilan 3,466 hektar tanah milik kaum Samuri (etnik Sowai, Wayuri dan Simuna). Pembinaan *121-kilometer-long rail line of the Guizhou-Shuibai*

⁹ Menurut COHRE Mission Report, 2004, ms.5, “*The few internal reports released by the IDB and the World Bank refer to problems with resettlement, but make no mention whatsoever of the appalling fact that, shortly before the reservoir filled, hundreds of people who were supposed to be resettled were actually murdered instead. To this day, both institutions deny any knowledge of, or responsibility for, the role that they played in the massacres through their financial backing of the Chixoy Dam Project. However, in 1991, the World Bank alluded to the problems that occurred in relation to the Chixoy Dam Project in a confidential ‘Project Completion Report’. The report noted that the resettlement plans were “conceptually ... seriously flawed” and also mentioned “delays in implementing the program due to intensive insurgency activity in the project area during the years 1980-1983”.*”

Railway Project di *People's Republic of China (PRC)* yang melibatkan penempatan semula sekurang-kurangnya 210 isirumah kaum minoriti Orang Asli (ADB 2007).

Di Laos, sejak 2001, penempatan semula kampung (*village resettlement*) (termasuk perkampungan Orang Asli) merupakan salah satu strategi utama pembangunan luar bandar. Matlamat utama *Lao Revolutionary Party's Socio-economic Strategy for Poverty Reduction*¹⁰, ialah untuk mengurangkan kemiskinan, meningkatkan peluang pendidikan kepada masyarakat luar bandar, mengatasi masalah pembakaran hutan (*slash-and-burn cultivation*)¹⁰ dan meningkatkan kadar produktiviti negara. Walau bagaimanapun, 80 peratus daripada keluasan negara tersebut dilitupi oleh kawasan pergunungan dan kebanyakan kawasan (kampung) terletak di kawasan yang jauh di pedalaman (*isolated*). Bagi tujuan ekonomi kawasan luar bandar dapat diintegrasikan dalam rancangan pembangunan wilayah, penduduk dari kawasan perkampungan yang jauh di pedalaman dipindahkan ke kawasan yang hampir dengan kawasan bandar.

Menurut Laurent Romagny, 2004:117;

“In this way the villagers are brought closer to cities and communication links. This action could be summarised by saying: “If development cannot be brought to people, bring the people towards development”.

Kesan positif daripada program penempatan semula kampung ialah peningkatan taraf pendidikan (dalam kes di Laos, lebih ramai penduduk boleh bercakap bahasa Lao) dan peningkatan kadar kehadiran di sekolah, peningkatan taraf kesihatan dan integrasi ekonomi luar bandar dengan kawasan bandar (meningkatkan produk industri).

¹⁰ Mengusahakan tanaman pindah atau berpindah rumah kerana faktor adat atau kepercayaan masih diamalkan di kalangan masyarakat Orang Asli. Kajian Biddle 2009 di kalangan masyarakat Orang Asli di Australia mendapati Orang Asli lebih kerap berpindah (migrasi keluar). Di antara tahun 2001 hingga 2006, 46.5% daripada Orang Asli berubah tempat tinggal.

Manakala kesan negatif daripada program penempatan semula terutamanya di peringkat awal penduduk berpindah ke perkampungan yang baru ialah persekitaran tempat tinggal yang tidak selesa (*brutal degradation of living conditions*), kekurangan bekalan makanan, peningkatan penyakit berjangkit (*diarrhoea, malaria, respiratory diseases, dan psychological disorders*), masalah sosio-budaya¹¹ (*social and cultural breakdowns*) dan masalah kewangan (*loss of assets, both financial and symbolical with traditional functions often becoming obsolete in the process*) (Laurent 2004).

2.5 Kesimpulan

Pembangunan tidak hanya tertumpu kepada bidang ekonomi sahaja dan sebaliknya, bersifat pelbagai disiplin (*multidisciplinary*). Pembangunan merujuk kepada “pertumbuhan ekonomi + perubahan sosial”, perubahan struktur ekonomi yang disokong oleh perubahan sosioekonomi dan institusi sosial.

Oleh kerana tiada teori ekonomi pembangunan yang khusus dalam bidang kajian migrasi berkaitan dengan penempatan semula, penyelidik bidang ekonomi pembangunan menggunakan rangkakerja teoritikal dengan mengukur tingkat kepuasan (utiliti) penduduk berdasarkan teori migrasi Falaris (1979). Teori ini membandingkan utiliti (kepuasan) iaitu perubahan tingkat kebajikan individu dan sosial yang akan diterima jika individu tersebut berpindah ke tempat baru dibandingkan dengan kepuasan yang diterima di lokasi sekarang.

¹¹ Kajian Kevin et.al (2010: 28) di Australia mendapati “*Multicultural policy statements that emphasise cultural pluralism (albeit with equality of citizenship across different cultural groups) can be perceived to challenge (or sideline) the special and primary claims to belonging possessed by Indigenous peoples*”.

Pembangunan tidak dapat mengelakkan proses penempatan semula penduduk secara sukarela atau melalui paksaan. Penempatan semula bergantung kepada tujuan perpindahan sama ada akibat konflik politik, masalah bencana alam atau untuk memudahcarakan pembinaan sesuatu projek pembangunan. Selain itu, pembangunan juga akan melibatkan pembukaan tanah hutan melalui skim atau program pembangunan tanah baru (*new land development scheme*) seperti yang dijalankan di Malaysia melalui skim FELDA dan di Indonesia melalui program Transmigrasi.

Penerokaan kawasan hutan untuk tujuan memperbaiki infra-sosial di peringkat nasional (terutamanya projek empangan hidro) dan pembukaan tanah hutan untuk tujuan pembangunan tanah baru akan melibatkan pengambilan tanah dan penempatan semula penduduk terutamanya masyarakat Orang Asli yang secara semulajadinya tinggal jauh di pendalaman (hutan/pinggir).

Di sesetengah negara perpindahan dan penempatan semula Orang Asli menimbulkan konflik dengan kerajaan atau pengusaha kerana tanah adat mereka diambil alih oleh pihak lain. Taraf hidup setelah dipindahkan ke tempat baru juga banyak dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya masyarakat itu sendiri dan ditentukan oleh faktor sokongan dasar yang berkaitan oleh pihak kerajaan.

Orang Asli merupakan kaum minoriti di kebanyakan negara, jumlah mereka hanya sekitar enam peratus daripada jumlah penduduk dunia. Kehidupan masyarakat Orang Asli masih lagi terpinggir daripada arus perdana pembangunan ekonomi negara, dengan taraf hidup, pendidikan, kesihatan, akses kepada kemudahan awam yang masih rendah (*vulnerable segments of society*). Bagi menjaga hak Orang Asli,

pentadbiran dan pembangunan Orang Asli diperdanakan sebagai satu agensi kerajaan atau melalui penubuhan *National Institutions on the Rights of Indigenous Peoples*. Di peringkat antarabangsa, Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Organization*) telah merangka Deklarasi Hak Asasi Masyarakat Orang Asli (*Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*) yang telah diterima pakai di peringkat antarabangsa sejak tahun 2007 bagi menjaga dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli/orang asal.

BAB 3

DEMOGRAFI DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada tujuh bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan. Bahagian kedua bab ini akan membincang takrif Orang Asli yang digunapakai di Malaysia mengikut Akta Orang Asli 1954. Bahagian ketiga bab ini akan membincang demografi Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang meliputi agihan mengikut negeri, kaum, bandar-luar bandar dan petunjuk-petunjuk umur Orang Asli. Bahagian keempat pula, tertumpu kepada membincang pentadbiran dan perancangan pembangunan Orang Asli daripada dahulu hingga sekarang. Lanjutan daripada itu bahagian kelima akan membincang program-program kerajaan yang khusus untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli yang meliputi Program Penempatan Tersusun (PPT), Program Pembangunan Ekonomi (PPE) dan Program Pembangunan Sosial (PPS).

Bahagian keenam bab ini akan membincang isu-isu utama dalam pembangunan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Isu ini meliputi kemiskinan dan peluang pekerjaan, masalah keciciran pelajar Orang Asli, taraf kesihatan yang rendah, kekurangan kemudahan prasarana dan peralatan isi rumah. Turut dibincang ialah isu berkaitan pemilikan tanah adat dan Akta Orang Asli 1954. Isu-isu lain, yang dibincang meliputi isu berkaitan dengan nilai masyarakat Orang Asli, pengetahuan tradisional dan warisan yang terakhir isu perubahan minda serta kepimpinan desa. Bahagian ketujuh akan membincang kesimpulan bab tiga.

3.2 Takrif Orang Asli Di Malaysia

Artikel oleh P. Schebesta pada tahun 1927 bertajuk *The Negritos in Malay Peninsula. Subdivisions and Name*, dalam Jurnal *Man*, Vol. 27 (May, 1927), ms.89-94, terbitan *Royal Anthropological Institute of Great Britain and Ireland*, Orang Asli dipanggil dengan pelbagai nama bergantung kepada ciri-ciri cara hidup Orang Asli tersebut. Menurut beliau (ketika itu), *the aboriginal tribes have no proper native name on their own and therefore suitable designations have had to be found* (ms.61). Menurut beliau juga, nama lain bagi Orang Asli seperti yang tercatat di dalam literatur ialah Kensi. Ketika itu, orang Melayu memanggil Orang Asli dengan pelbagai nama, seperti Orang Utan (*jungle men*), untuk membezakan mereka dengan orang Melayu yang dipanggil sebagai Orang Kampung (*dwellers in village*).

Di sepanjang sungai Perak, mereka dipanggil sebagai Orang Tanjong (*men of the river reaches*). Mereka juga dipanggil sebagai Orang Bukit kerana mereka tinggal jauh dari perkampungan orang Melayu, biasanya di kawasan berbukit. Di Kelantan, mereka juga dipanggil dengan nama Orang Darat, darat bermaksud hutan besar. Di pantai timur dan di sepanjang Sungai Pergau, mereka juga dipanggil sebagai Orang Belukar (*bush men*) kerana mereka tinggal di pinggir perkampungan orang Melayu (kawasan belukar). Orang Asli juga dipanggil sebagai “Sakai”, tetapi gelaran Sakai tidak digemari oleh Orang Asli (Schebesta 1927). Orang Asli juga dipanggil sebagai Pangan (*eaters of raw food*), orang liar (*wild people*), Bersisi (*people with scales*), Orang Mawas (*ape-like people*), Mantra atau Orang Asal (Nicholas 2002).

Menurut Gordam P. Means (1985: 638);

“the Malay referred them as Sakai, but since that term carries the connection of “slave” the government now use the term “Orang Asli” which in Malay has the literal meaning of “original people”.

Menurut Suki Mee, Yayasan Orang Asli Perak (YOAP) (2009; 2), “terminologi Orang Asli sebagai suatu kategori etnik bangsa hanya wujud selepas tahun 1960”. Menurut beliau juga, pada zaman penjajahan British, pelbagai istilah negatif digunakan untuk merujuk Orang Asli dengan niat mendiskriminasikan mereka. Penggunaan istilah yang positif, “Orang Asal” kemudian “Orang Asli” oleh pihak British hanya digunakan pada zaman darurat (1948-1960) bagi memujuk Orang Asli membantu pihak British menyekat ancaman komunis (Suki Mee 2009).

Ahli sejarah dan antropologi berpendapat kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia berasal dari utara Thailand, Burma dan Cambodia yang telah berpindah ke Semenanjung Malaysia antara tiga hingga lapan ribu tahun dahulu, iaitu sebelum perpindahan kaum Melayu (Gordam 1985). Manakala kaum Melayu-Proto pula, berasal dari kepulauan Indonesia (Iskandar 1976). Orang Kuala dan Orang Seletar dipercayai berasal dari kepulauan Riau-Lingga (BULETIN ASLI 01.2001:11)

Menurut AITPN. 2008: 11;

“Most of them descend from the Hoabinhians, stone tool-using huntergatherers who occupied the peninsula as early as 11,000 B.C”.

Manakalamenurut Peter Bellwood (1997:4);

“The Orang Asli are believed to be descendants of the first settlers on the Malay Peninsula. They are believed to have settled there earlier than the Malays, who are the core of the Bumiputra (meaning original settlers, literally “sons of the earth”).

Menurut Nobuta Toshihiro (2009:xvii);

“The Malays claim political supremacy over the Chinese and Indians in Malaysia because of their earlier arrival in the country. Yet such claims conflict with the position they have taken with regard to the earlier settlers, the Orang Asli. The question of where to position the Orang Asli in respect to national unity is of prime importance for the Malaysian government’s Orang Asli policy. The government considers the most appropriate path to take is to classify them as Bumiputra in preparation for their eventual assimilation with the Malays”.

Menurut Barbara S. Nowak (2004: 307);

“Orang Asli are the original inhabitants of the Peninsula, the first people; Malays are the usurpers. It was Orang Asli who first inhabited the land. Malays came later and called “Malay land”.

Meurut Nicholas, C. (2003: 315);

“Linguistically, some of the northern Orang Asli groups (especially the Senoi and Negrito groups) speak languages, now termed Aslian languages, that suggest a historical link with the tribes people in Burma, Thailand and Indo-China. The members of the Aboriginal-Malay tribes, whose ancestors were believed to have migrated from the Indonesian islands to the south of the peninsula, speak dialects which belong to the same Austronesian family of languages as Malay, with the exceptions of the Semelai and Temoq dialects (which are Austroasiatic)”.

Undang-Undang Malaysia, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974), perkara

3 (1) mentakrif Orang Asli sebagai;

(a) *mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;*

(b) *mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; atau*

(c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.

3.3 Demografi Orang Asli

Orang Asli di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga kaum utama iaitu Senoi, Melayu Proto (Melayu Asli) dan Negrito dan setiap mempunyai enam bangsa yang berbeza (Jadual 3.1).

Jadual 3.1
Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Kaum	Senoi	Melayu-Proto	Negrito
Bangsa	• Semai	• Temuan	• Kensiu
	• Temiar	• Semelai	• Kintak
	• Jahut	• Jakun	• Jahai
	• Che Wong	• Kanaq	• Lanoh
	• Mahmeri	• Kuala ^a	• Mendriq
	• Semoq Beri	• Seletar	• Bateq

Nota: ^ajuga dikenali sebagai Orang Duano atau Dossin Dolak atau “Orang Laut” yang rata-rata menghuni pinggir pantai di Johor (Rohani & Nur Hidayah 2010).

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 23011-2015. Jadual 3. ms.18

Mengikut data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2010, terdapat seramai 178,197 Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dari segi komposisi kaum pula, kaum Senoi adalah yang teramai iaitu 97,856 orang (54.9%) diikuti dengan kaum Melayu-Proto 75,332 orang (42.3%) dan paling sedikit ialah kaum Negrito 5,009 orang (2.8%) (Rujuk Jadual 3.2).



Rajah 3.1

Taburan Orang Asli Mengikut Kaum

Sumber: Erika M. Machacek. 2012. Environmental Justice. Figure 3. ms.11

Sekitar 70 peratus Orang Asli bermastautin di negeri Pahang dan Perak. Dari segi peratusan agihan mengikut negeri pula, paling ramai ialah di negeri Pahang 67,506 orang (37.9%) diikuti oleh negeri Perak 53,299 orang (29.9%), Selangor 17,57 orang (9.9%), Kelantan 13,457 orang (7.6%), Johor 13,139 orang (7.4%), Negeri Sembilan 10,531 orang (5.9%).

Populasi Orang Asli kurang daripada satu peratus di negeri Melaka, Terengganu dan Kedah. Tiada Orang Asli (Senoi, Negrito dan Melayu-Proto) yang direkodkan di negeri Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Serawak, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kaum Senoi paling ramai menetap di negeri Perak 50,281 orang (51.2%). Di Pahang 29,439 orang (30.1%), dan Kelantan 12,047 orang (12.3%). Kaum Melayu-Proto pula, paling ramai menetap di negeri Pahang 37,142 orang (49.3%), Johor 13,083 orang (17.37%) dan Selangor 12,511 orang (16.6%). Manakala bagi kaum Negrito, paling ramai di negeri Perak 2,413 orang (48.2%), Kelantan 1,381 orang (27.6%) dan Pahang 925 orang (18.5%).

Jadual 3.2: Agihan Orang Asli Mngikut Kaum dan Negeri, 2010

	JUMLAH		Negrito			Senoi			Melayu-Proto		
	Bilangan	% kaum mengikut negeri ^a	Bilangan	% kaum mengikut negeri ^a	% negeri mengikut kaum ^a	Bilangan	% kaum mengikut negeri ^a	% negeri mengikut kaum ^a	Bilangan	% kaum mengikut negeri ^a	% negeri mengikut kaum ^a
Pahang	67,506	37.88 (1)	925	18.47 (3) ^b	1.37 (3) ^c	29,439	30.08 (2)	43.61 (2)	37,142	49.30 (1)	55.02 (1)
Perak	53,299	29.91 (2)	2,413	48.17 (1)	4.53 (2)	50,281	51.38 (1)	94.34 (1)	605	0.80 (6)	1.14 (3)
Selangor	17,587	9.87 (3)	3	0.06 (6)	0.02 (3)	5,073	5.18 (4)	28.85 (2)	12,511	16.61 (3)	71.14 (1)
Kelantan	13,457	7.55 (4)	1,381	27.57 (2)	10.26 (2)	12,047	12.31 (3)	89.52 (1)	29	0.04 (8)	0.22 (3)
Johor	13,139	7.37 (5)	1	0.02 (7)	0.01 (3)	55	0.06 (7)	0.42 (2)	13,083	17.37 (2)	99.57 (1)
N.Sembilan	10,531	5.91 (6)	-	-	-	96	0.10 (6)	0.91 (1)	10,435	13.85 (4)	99.09 (1)
Melaka	1,515	0.85 (7)	1	0.02 (7)	0.07 (3)	28	0.03 (8)	1.85 (2)	1,486	1.97 (5)	98.09 (1)
Terengganu	893	0.50 (8)	34	0.68 (5)	3.81 (3)	818	0.84 (5)	91.60 (1)	41	0.05 (7)	4.59 (1)
Kedah	270	0.15 (9)	251	5.01 (4)	92.96 (1)	19	0.02 (9)	7.04 (2)	-	-	-
JUMLAH	178,197	100.00	5,009	100.00		97,856	100.00		75,332	100.00	
% kaum dari jumlah keseluruhan ^a	100.00	-	2.81	-	-	54.91	-	-	42.27	-	-

Nota:

^a dikira oleh penyelidik berdasarkan maklumat daripada sumber di bawah; ^b % agihan kaum mengikut negeri, contoh no. 3 bermaksud kaum Negrito ke-3 terbanyak ialah di negeri Pahang, terbanyak (1) ialah di negeri Perak, ke-2; terbanyak ialah di negeri Kelantan dan seterusnya sehingga no. 7 atau 8

^c % agihan negeri mngikut kaum, contoh no. 3 bermaksud di negeri Pahang, kaum Negrito ialah yang ke-tiga terbanyak selepas kaum Senoi (ke-2) dan Melayu-Proto (1)

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015. ms.19

Di negeri Pahang, kaum Orang Asli paling ramai ialah Melayu-Proto 55 peratus, diikuti dengan kaum Senoi 43.6 peratus manakala, kaum Negrito hanya 1.4 peratus. Sebaliknya, di negeri Perak, paling ramai ialah kaum Senoi 94.4 peratus, manakala peratus kaum Negrito dan Melayu-Proto adalah kurang daripada lima peratus. Peratusan agihan kaum-kaum lain mengikut negeri ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Pada tahun 2010, Orang Asli merupakan 0.8 peratus daripada jumlah penduduk Semenanjung Malaysia dan 0.6 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia¹². Dari segi nisbah Orang Asli-bukan Orang Asli, Orang Asli ialah sebanyak lapan orang bagi setiap 1,000 orang bukan Orang Asli di Semenanjung dan enam orang bagi setiap 1,000 orang bukan Orang Asli di Malaysia (Jadual 3.3).

Dari segi peratusan jumlah penduduk negeri, Orang Asli mewakili 4.5 peratus penduduk negeri Pahang dan 2.3 peratus penduduk negeri Perak. Walaupun bilangan Orang Asli ke-tiga terbanyak di negeri Selangor, dari segi peratusan jumlah penduduk negeri, Orang Asli ke-tiga terbesar ialah di Negeri Sembilan dan mereka merupakan satu peratus daripada jumlah penduduk negeri. Di negeri-negeri lain, Orang Asli mewakili kurang daripada satu peratus penduduk negeri.

¹² Pada tahun 2010 jumlah penduduk Malaysia ialah 28,334,135 orang dan jumlah penduduk Semenanjung ialah 22,569,345. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dipetik dari laporan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, 2011. Jabatan Perangkaan Malaysia. ms.11.

Jadual 3.3

Peratusan dan Nisbah Orang Asli Daripada Penduduk Negeri, 2010

	Jumlah Penduduk ^a	Jumlah Orang Asli ^b	% Orang Asli daripada jumlah penduduk	Nibah Orang Asli bagi setiap 1,000 penduduk bukan Orang Asli	Nibah Orang Asli bagi setiap 10,000 penduduk bukan Orang Asli
Pahang	1,500,817	67,506	4.50	47	471
Perak	2,352,743	53,299	2.27	23	232
Selangor	5,462,141	17,587	0.32	3	32
Kelantan	1,539,601	13,457	0.87	9	88
Johor	3,348,283	13,139	0.39	4	39
N.Sembilan	1,021,064	10,531	1.03	10	104
Melaka	821,110	1,515	0.18	2	18
Terengganu	1,035,977	893	0.09	1	9
Kedah	1,947,651	270	0.01	0	1
Perlis	231,541	-	-	-	-
P.Pinang	1,561,383	-	-	-	-
WP KL	1,674,621	-	-	-	-
WP Putrajaya	72,413	-	-	-	-
SEMENANJUNG	22,569,345	178,197	0.79	8	80
Sabah	3,206,742	-	-	-	-
Sarawak	2,471,140	-	-	-	-
WP Labuan	86,908	-	-	-	-
MALAYSIA	28,334,135	178,197	0.63	6	63

Sumber: ^a Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, 2011. ms.11

^b JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 4. ms.19

Dari segi nisbah Orang Asli-bukan Orang Asli, bagi setiap 1,000 penduduk bukan daripada kaum Orang Asli, Orang Asli berjumlah sebanyak 47 orang di Pahang, 23 orang di Perak, 10 orang di Negeri Sembilan, sembilan orang di negeri Kelantan, empat orang di negeri Johor, tiga orang di negeri Selangor, dua orang di negeri Melaka dan seorang di negeri Terengganu. Orang Asli paling sedikit di negeri Kedah (0.01% daripada jumlah penduduk negeri). Di negeri Kedah, Orang Asli ialah sebanyak satu orang sahaja bagi setiap 10,000 penduduk.


Menurut rekod JAKOA, bilangan penduduk Orang Asli telah meningkat dengan ketara (Rajah 3.2). Dalam tempoh 30 tahun antara 1980-2010, bilangan penduduk Orang Asli telah meningkat daripada 67,014 orang kepada 178,197 orang iaitu sebanyak 166 peratus berbanding dengan penduduk Malaysia yang meningkat sebanyak 106 peratus dalam tempoh yang sama¹³. Dari segi purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan Orang Asli pula, purata kadar pertumbuhan penduduk Orang Asli telah berkurangan daripada 3.3 peratus untuk tempoh 1991-2000 kepada 3.0¹⁴ peratus untuk tempoh 2000-2010. Walaupun purata kadar pertumbuhan ini berkurangan, ia lebih tinggi daripada purata kadar pertumbuhan untuk negara Malaysia iaitu 3.0 peratus untuk tempoh 1991-2000 dan 2.0 peratus untuk tempoh 2000-2010¹⁵. Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan yang berkurangan ini disebabkan oleh

¹³Bilangan penduduk Malaysia 1980 = 13,745,241 juta orang; 2010 = 28,334,135 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011).

¹⁴Dikira menggunakan formula Purata kadar pertumbuhan tahunan penduduk = $1/n [\ln (P_{t+n})/P_t] \times 100$ di mana n=bilangan tahun antara tahun t dan tahun t+n, P_t = jumlah penduduk pada tahun t, P_{t+n} = jumlah penduduk pada tahun t+n, ln=logaritma asli.

¹⁵ Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan Orang Asli dikira berdasarkan bilangan penduduk Orang Asli utk tahun 2000 dan 2010 daripada sumber JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015. ms.20 dan Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan Malaysia berdasarkan maklumat daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, 2011. ms.11.

pengurangan kadar fertiliti apabila tingkat kemajuan negara semakin meningkat bersesuaian dengan teori peralihan demografi (*demographic transition theory*). Kadar pertumbuhan penduduk yang lebih berkurangan ini, menunjukkan negara sedang berubah untuk mencapai status negara maju.



Rajah 3.2

Bilangan Penduduk Orang Asli, 1947-2010

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015

Jadual 5, ms.20

Seperti juga di negara-negara yang lain, bilangan Orang Asli yang tinggal di kawasan bandar juga terus meningkat (Jadual 3.4). Peratusan Orang Asli yang ditinggal di kawasan bandar meningkat daripada hanya 1.6 peratus pada tahun 1970 kepada 11.3 peratus pada tahun 2000. Sebanyak tujuh kampung Orang Asli terletak di kawasan bandar seperti Batu Berangkai, Kampar, Perak; Sungai Ruil di Cameron Highlands, Pahang; Bukit Lanjan, Damansara, Tanjung Sepat, Kuala Langat, Selangor (Juli Edo et al. 2008).

Jadual 3.4
Taburan Peratus Orang Asli Mengikut Strata

Strata	1970	1980	1991	2000 ^a
Bandar (bil. penduduk < 9,999 orang)	1.6	3.8	8.9	11.3
Bandar kecil (bil. penduduk 1,000 – 9,999 orang)	2.4	2.9	2.4	3.0
Luar Bandar (bil. penduduk > 1,000 orang)	96.0	93.3	88.7	85.7

Nota; ^a data lengkap penduduk Orang Asli daripada Banci Penduduk dan Perumahan terkini, 2010 masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Norfariza. 2008. *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*.
 Jadual 2.3. ms.5

Sehingga 31 Disember 2010, terdapat sebanyak 36,658 keluarga Orang Asli di Semenanjung Malaysia iaitu peningkatan daripada 24,368 keluarga pada tahun 2000. KIR (JAKOA 2011a; Norfariza 2008). Pada tarikh yang sama juga terdapat sebanyak 852 buah perkampungan Orang Asli. Perkampungan ini diklasifikasikan kepada tiga berdasarkan lokasi dan kriteria kampung seperti Jadual 3.5. Melalui projek penempatan semula Orang Asli, peratusan perkampungan Orang Asli yang jauh di pedalaman telah berkurangan dan kini semakin banyak perkampungan Orang Asli terletak di kawasan pinggir.

Umur penduduk Orang Asli berada pada peringkat struktur umur muda (*young age structure*). Pada tahun 2000, sekitar 45.6 peratus Orang Asli berada di bawah umur 15 tahun berbanding 36.6 peratus bagi jumlah penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun yang sama. Umur penengah bagi Orang Asli ialah 16.7 tahun berbanding jumlah penduduk Semenanjung Malaysia, 23.8 tahun (Jadual 3.6).

Jadual 3.5
Kategori Perkampungan Orang Asli

Kategori Kampung	Bilangan	Kriteria
Pendalaman	327 (38%)	<ul style="list-style-type: none"> • boleh dihubungi dengan jalan tanah merah, jalan denai atau jalan air • tidak mempunyai kemudahan bekalan air bersih, tiada bekalan elektrik 24 jam dan tidak mempunyai kemudahan asas yang lain • punca ekonomi tidak tetap
Pinggir	519 (61%)	<ul style="list-style-type: none"> • berhampiran dengan kampung Melayu • boleh dihubungi dengan jalan premix • mempunyai kemudahan asas, bekalan air bersih, bekalan elektrik 24 jam • mempunyai projek pembangunan tanah dan punca ekonomi yang tetap
Bandar	6 (1%)	<ul style="list-style-type: none"> • mempunyai kemudahan yang lengkap • tidak terdapat projek pembangunan tanah

Sumber: JAKOA. 2011a. *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015*
 Jadual 6. ms.21.

Jadual 3.6
Perbandingan Petunjuk Umur Orang Asli, 2000

	Orang Asli	Jumlah Penduduk Semenanjung Malaysia
Umur Penengah	16.7	23.8
Nisbah tanggungan	91.2	58.8
Nisbah tanggungan kanak-kanak	87.2	51.5
Nisbah tanggungan umur tua	4.0	6.4

Sumber: Norfariza. 2008. *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*.
 Jadual 3.5. ms.14.

Struktur umur yang muda menyebabkan nisbah tanggungan (keseluruhan) dan nisbah tanggungan kanak-kanak untuk Orang Asli tinggi berbanding jumlah penduduk Semenanjung Malaysia. Manakala jangka hayat yang rendah menyebabkan nisbah

tanggungjawab umur tua yang rendah untuk Orang Asli berbanding jumlah penduduk Semenanjung Malaysia.

Nisbah jantina Orang Asli menunjukkan aliran yang normal, bilangan penduduk lelaki lebih ramai daripada penduduk perempuan. Pada tahun 2000, nisbah jantina Orang Asli ialah 102 (102 lelaki bagi setiap 100 wanita) manakala, untuk jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia ialah 103. Nisbah jantina pada peringkat umur 65 dan lebih menggambarkan bilangan kaum perempuan lebih ramai daripada kaum lelaki (kerana jangka hayat perempuan yang lebih panjang daripada lelaki). Walau bagaimanapun, yang berlaku adalah Sebaliknya, untuk Orang Asli, iaitu pada peringkat umur 65 dan lebih, nisbah jantina untuk Orang Asli ialah 126 berbanding jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia iaitu 85. Nisbah jantina lelaki yang lebih ramai daripada wanita juga boleh menerangkan mengapa pada peringkat umur yang sama (65 dan lebih), 30.8 peratus penduduk lelaki Orang Asli menjadi duda berbanding 14.6 peratus untuk jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia. Manakala untuk wanita pula, pada peringkat umur yang sama, 54.4 peratus wanita Orang Asli menjadi balu hampir sama dengan jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia iaitu 55.9 peratus (Norfariza 2008).

Orang Asli berkahwin pada peringkat umur yang lebih muda berbanding dengan jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2000, umur min perkahwinan untuk kali pertama bagi Orang Asli ialah 25 bagi lelaki dan 22 bagi wanita berbanding dengan 29 bagi lelaki dan 26 bagi wanita untuk jumlah keseluruhan Malaysia. Sekitar 0.9 peratus Orang Asli berkahwin pada umur yang kurang daripada 15 tahun

terutamanya wanita. Sebanyak 0.5 peratus lelaki dan 1.3 peratus wanita Orang Asli berkahwin pada peringkat umur kurang daripada 15 tahun¹⁶.

3.4 Pentadbiran dan Perancangan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Pentadbiran masyarakat Orang Asli telah bermula sejak zaman penjajahan British. Pada tahun 1936 kerajaan British di negeri Perak telah melantik seorang '*Field Ethnographer*' bagi mentadbir hal ehwal masyarakat Orang Asli. Pada tahun 1954 *Aboriginal Peoples Ordinance No.3* telah dikuatkuasakan bagi mengadakan peruntukan perlindungan dan kemajuan Orang Asli di Tanah Melayu. Berikutan dengan penguatkuasaan akta ini, Jabatan Orang Asli telah ditubuhkan dengan tujuan utamanya untuk meningkatkan keselamatan masyarakat Orang Asli daripada fahaman dan anasir negatif pihak komunis. Evolusi pentadbiran dan perancangan Orang Asli boleh diringkaskan seperti dalam jadual 3.7.

Selepas merdeka, 1957 terutamanya dalam era Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), mulai daripada Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2) (1971-1980) hingga RMKe-5 (1986-1990), perancangan pembangunan ekonomi Orang Asli ditumpukan kepada memupuk semangat integrasi nasional, meningkatkan peluang pendidikan, mewujudkan program penempatan tersusun, pembukaan tanah baru yang meliputi program pertanian dan ternakan, meningkatkan kemudahan asas, perubatan dan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli.

¹⁶Rujuk juga Norfariza. 2008. Orang Asli Di Semenanjung Malaysia. Jadual 4.3, ms.20. Banci Penduduk dan Perumahan 2000. Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan. Jadual 3.6, ms.59.

Jadual 3.7
Evolusi Pentadbiran dan Perancangan Orang Asli, 1939-2011

Tahun	Nama	Kementerian	Peristiwa
1939	<i>Field Ethnographer</i>		Seorang ' <i>Field Ethnographer</i> ' telah dilantik pada Disember 1939, sebagai ' <i>Protector of Aborigines</i> ' bagi pihak Negeri Perak. Perlantikan ini dibuat selepas penguatkuasaan ' <i>Perak Aboriginal Tribes Enactment</i> ', No.3 pada 1939. Enakmen ini merupakan undang-undang sedemikian yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua.
1948	<i>Field Ethnographer</i>		Apabila darurat diistiharkan pada tahun 1948, MPAJA yang kemudiannya bertukar menjadi Parti Komunis Malaya(PKM) telah mengadakan hubungan baik dengan Orang - Orang Asli di pedalaman. Menyedari ancaman yang akan dihadapi akibat perkembangan tersebut, kerajaan mula mengambil perhatian dengan mengadakan polisi penempatan semula Orang-Orang Asli di kawasan yang jauh daripada pengaruh komunis. Walau bagaimanapun, langkah ini tidak berjaya, Sebaliknya, Orang Asli semakin rapat dengan PKM dan mengambil sikap anti-kerajaan.
1949	<i>Welfare Officer Aborigines</i>		Pada tahun 1949, ' <i>Welfare Officer Aborigines</i> ', sebuah jawatan Persekutuan telah dilantik untuk mentadbir Pejabat Kebajikan Orang Asli, yang merupakan salah satu seksyen di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pegawai ini kemudian ditukarkan kepada ' <i>Protector of Aborigines</i> ' atau Penasihat bagi Orang Asli. Penasihat ini bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri, yang bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu.
1951 - 1952	Pejabat Orang Asli		Pada tahun 1951-1952, dengan pengenalan Sistem Ahli, Pejabat Orang Asli diwujudkan secara berasingan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diletakkan di portfolio Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada waktu itu pejabat di peringkat Persekutuan ini telah mempunyai 11 orang kakitangan dan peringkat Negeri terdapat seorang ' <i>Protector</i> ' di Pahang dan beberapa ' <i>Protector</i> ' sambilan di Perak dan Kelantan.
1953	Pejabat Kebajikan Orang Asli		Pada tahun 1953, satu polisi baru diadakan di mana kerajaan mula menyalurkan urusan-urusan pentadbiran dan perlindungan kepada Orang-Orang Asli di pedalaman dan tidak lagi berusaha membawa mereka keluar dari kawasan pedalaman tempat tinggal mereka. Berikutan itu Pejabat Kebajikan Orang Asli mula diperbesar.
1953 - 1954	Jabatan Orang Asli (JOA)	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	Jabatan Orang Asli Malaysia ditubuhkan pada tahun 1954 di bawah undang-undang baru yang dinamakan <i>Aboriginal Peoples Ordinance No. 3, 1954</i> . Ia dibentuk bagi melindungi Orang Asli dan cara hidup mereka daripada kepesatan perkembangan tamadun dan eksplotasi, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pendidikan dan pembangunan yang sesuai bagi mereka.

1955	Jabatan Orang Asli	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.	Selepas pilihanraya pada tahun 1955, dengan pengenalan Sistem Kementerian bagi menggantikan Sistem ahli, Jabatan Orang Asli telah diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
1956	Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli	Kementerian Pelajaran	Pada Disember 1956, Jabatan Orang Asli ditukar menjadi Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Nama Ketua Jabatan juga ditukar daripada penasihat bagi Orang Asli kepada Pengarah Muzium dan Penasihat Orang Asli.
1961	Jabatan Orang Asli	Kementerian Dalam Negeri	Hanya selepas tahun 1961 kerajaan mengistiharkan satu dasar pentadbiran bagi Orang-Orang Asli. Matlamat dasar tersebut adalah untuk mengintergrasikan Orang-Orang Asli dengan masyarakat Kebangsaan. Bagi mencapai dasar ini Jabatan Orang Asli mula merancang dan melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi supaya masyarakat Orang Asli dapat bersama-sama dengan kaum-kaum lain maju dan menikmati taraf hidup yang lebih baik.
1964	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)	Kementerian Dalam Negeri	Pada tahun 1957, terdapat ' <i>Protectors</i> ' dan 'Penolong Protector' di semua negeri-negeri kecuali Pulau Pinang, Melaka, Kedah, Perlis dan Terengganu. Pada Ogos 1959, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletak semula di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pada 16 Mei, 1964 kawalan ke atas jabatan ini diambil oleh Kementerian Tanah dan Galian. Ketua Jabatan ketika itu ialah Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli.
1970	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Dalam Negeri	Rombakan kabinet pada 23 September, 1970 telah meletakkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Kementerian Pertanian dan Tanah.
1971	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	Perubahan kabinet sekali lagi pada 21 Disember, 1971 telah meletakkan JHEOA di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan ditadbir oleh Ketua Pengarah yang dibantu oleh enam Pengarah di peringkat negeri. Jabatan ini bertanggungjawab bagi pentadbiran, kemajuan dan kebajikan Orang-Orang Asli di Malaysia Barat, khususnya di negeri-negeri yang mempunyai sejumlah besar Orang Asli.
1974	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Dalam Negeri	Keutamaan juga diberi kepada usaha-usaha membangun sosio-ekonomi dan taraf hidup Orang Asli di samping menyatupadukan mereka dengan masyarakat lain di negara ini. Pada 5 September, 1974, dengan penyusunan kabinet selepas pilihanraya, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletak semula di bawah Kementerian Dalam Negeri.

1990	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	Pada 27 Oktober 1990, Jabatan ini dipindahkan semula di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
1994	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Mulai 1 Januari 1994, Jabatan ini telah dipindahkan di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
1995	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	Dalam penyusunan semula Kementerian-kementerian dalam tahun 1995, Jabatan ini telah dipindahkan ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
2001	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Kementerian Pembangunan Luar Bandar.	Penyusunan semula kementerian-kementerian dan jabatan telah dipindahkan ke bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
2003	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Perubahan nama daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah (KKLW).
2011	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Perubahan nama dan logo jabatan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada 14 Januari 2011

Nota: diubahsuai dan susun semula daripada maklumat daripada dua sumber di bawah;

Sumber: i. Laman Web JAKOA, <http://www.jakoa.gov.my/web/guest/9>
 ii. JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli. Jadual 1, ms.15

Dalam era Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), yang meliputi RMKe-6 (1991-1995) dan RMKe-7 (1996-2000) tumpuan perancangan pembangunan Orang Asli ialah melalui program pembangunan tanah secara komersial, meningkatkan lagi program pembangunan pendidikan dan latihan kemahiran, mengadakan bimbingan usahawan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan awam bagi meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat Orang Asli.

Dalam era Dasar Wawasan Negara (2001-2010) yang meliputi RMKe-8 (2001-2005) dan RMKe-9 (2006-2010) perancangan pembangunan Orang Asli terus

digembelungkan melalui program pembangunan manusia dan masyarakat (Bina Insan), program pembasmian kemiskinan, program pendidikan melalui Pelan Tindakan Pendidikan Orang Asli, meningkatkan akses teknologi maklumat dan komunikasi di perkampungan Orang Asli, mewujudkan Medan Info Desa (MID), memperkenalkan program-program Eko-pelancongan di perkampungan Orang Asli yang bersesuaian dan meningkatkan pemilikan tanah individu di kalangan masyarakat Orang Asli.

Kadar kemiskinan di Malaysia telah turun secara mendadak sejak 1970. Walau bagaimanapun, masih lagi wujud golongan-golongan yang miskin terutamanya mereka yang tinggal jauh daripada arus perdana pembangunan nasional. Sehubungan itu, dalam RMKe-10, tumpuan dasar pengagihan ialah untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40 peratus terendah terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Sasaran RMKe-10 ialah untuk mengurangkan insiden kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50 peratus pada tahun 2009 kepada 25 peratus pada tahun 2015. Tiga strategi utama untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah 40 peratus terendah ialah meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan keusahawanan, meningkatkan akses kepada kemudahan asas dan melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu (Malaysia 2011; Asan & Muszafarshah 2012).

Dari segi meningkatkan kualiti hidup melalui mutu kesihatan dan pendidikan dalam RMKe-10 juga, akses yang lebih baik kepada kemudahan penjagaan kesihatan untuk masyarakat Orang Asli akan diperluaskan lagi melalui klinik bergerak termasuk perkhidmatan doktor udara (*flying doctor*) kepada mereka yang mempunyai akses

perkhidmatan kesihatan yang rendah. Bagi meningkatkan akses pendidikan kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman (mengatasi masalah keciciran), kerajaan akan memperluaskan Sekolah Model Khas, yang menggabungkan pendidikan rendah dan menengah sehingga Tingkatan Tiga di bawah pengurusan sekolah yang sama selain daripada meningkatkan kemudahan asrama kepada pelajar sekolah menengah.

Model Ekonomi Baru (2011-2020) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) juga terus memberi penekanan kepada meningkatkan potensi menjana pendapatan, pencapaian pendidikan dan kemahiran bagi isirumah berpendapatan rendah. Strategi juga dirangka bagi meningkatkan taraf hidup golongan yang terpinggir daripada arus perdana pembangunan ekonomi negara yang meliputi kaum pribumi Sabah, Sarawak, masyarakat Orang Asli di Semenanjung, bantuan-bantuan kewangan dan meningkatkan akses kepada infrastruktur di kampung-kampung baru Cina dan pekerja ladang (Asan 2009; 2010).

RMKe-10 juga memberi penekanan kepada peningkatan lagi pemilikan tanah individu di kalangan masyarakat Orang Asli.

“Bagi masyarakat Orang Asli, program pembangunan dan pemilikan tanah akan dilaksana bagi membolehkan mereka diberi hak milik dan menjadi petani yang aktif. Tanah rezab Orang Asli akan dibangunkan oleh Kerajaan untuk kegunaan aktiviti pertanian. Masyarakat Orang Asli akan dapat mengusahakan tanah dan memperoleh hak milik setelah ladang matang. Setiap isi rumah yang layak akan diberi hak untuk mengusaha dan seterusnya memiliki tanah seluas antara dua hingga enam ekar di samping tapak tanah tambahan seluas 0.5 ekar untuk membina rumah. Program yang serupa akan dipertimbangkan untuk dikaji kesesuaian pelaksanaan bagi etnik minoriti di Sabah dan Sarawak” (Malaysa 2011. RMKe-10:165).

Kerajaan juga dengan kerjasama agensi kerajaan tertentu akan menyalur bantuan termasuk menyediakan latihan keusahawanan dan pembiayaan kepada masyarakat Orang Asli untuk menjalankan aktiviti perniagaan seperti inap desa dan perkhidmatan eko-pelancongan yang bersesuaian. Selain itu, program latihan kemahiran dalam perusahaan kecil melalui program Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) juga akan diperluas meliputi masyarakat Orang Asli.

Tambahan pula, bagi meningkatkan pendapatan dan keushawanan di kalangan masyarakat Orang Asli, inisiatif akan diambil untuk membantu masyarakat ini dengan menubuhkan koperasi bagi memasarkan produk mereka dengan lebih berkesan. Melalui dasar ini, di peringkat permulaan pelaksanaannya, koperasi akan melantik kumpulan pengurusan profesional dan selepas masyarakat Orang Asli (ahli koperasi) memperoleh kemahiran dan pengetahuan, pengurusan tersebut akan diserahkan kepada pihak koperasi.

Institusi sosial Orang Asli akan diketuai oleh Batin (Penghulu Orang Asli). Jawatan Batin boleh diwariskan kepada anak atau dipilih oleh masyarakat Orang Asli di kawasan yang berkenaan. Melalui Akta 134, Akta Orang Asli 1954, institusi Batin telah diangkat sebagai satu jawatan yang rasmi oleh pihak kerajaan. Menteri yang berkaitan diberi kuasa bagi mengesahkan perlantikan seseorang Batin seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 16(1);

“Ketua turun-temurun bagi sesuatu masyarakat Orang Asli hendaklah menjadi ketua masyarakat itu atau, dalam hal sesuatu masyarakat Orang Asli yang dalamnya jawatan ketua itu bukan turun-temurun, seorang yang dipilih sebagai ketua oleh anggota masyarakat itu hendaklah menjadi ketua masyarakat itu, tertakluk dalam setiap kes kepada pengesahan oleh Menteri” (Akta 134: 14)

Sehingga tahun 2010, terdapat sebanyak 590 orang Batin Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang telah dilantik secara rasmi. Paling ramai di negeri Pahang, 207 orang dan Perak 176 orang. Manakala paling sedikit ialah di negeri Kedah iaitu seorang Batin sahaja. Nisbah Batin-Penduduk Orang Asli bagi Semenanjung Malaysia ialah 302 penduduk bagi seorang Batin (Jadual 3.8).

Jadual 3.8

Nisbah Batin dengan Jumlah Penduduk Orang Asli, 2010

	Jumlah Orang Asli	Jumlah Batin	Nisbah Batin dgn jumlah penduduk Orang Asli
Pahang	67,506	207	326
Perak	53,299	176	303
Selangor	17,587	54	326
Kelantan	13,457	47	286
Johor	13,139	46	286
N.Sembilan	10,531	50	211
Melaka	1,515	6	253
Terengganu	893	3	298
Kedah	270	1	270
Perlis	-	-	-
P.Pinang	-	-	-
WP KL	-	-	-
WP Putrajaya	-	-	-
Semenanjung	178,197	590	302

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
 Jadual 4, ms.19 & Jadual 7, ms.22

Di peringkat kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA) telah ditubuhkan sejak 1997 sebagai jentera pentadbiran kerajaan Persekutuan bagi melancarkan pentadbiran dan pembangunan sosioekonomi

masyarakat Orang Asli (JAKOA 2011a). Mulai tahun Januari 2012, kadar baru Elaun Batin sebulan ialah RM800 berbanding tahun sebelumnya elaun Batin dibayar mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh jabatan (JAKOA, BULETIN ASLI 01. 2011:7)¹⁷.

3.5 Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Sepertimana yang termaktub di dalam Akta Orang Asli, program pembangunan masyarakat orang secara langsung terletak di bawah pengurusan dan pentadbiran JAKOA. Tiga program pembangunan Orang Asli ialah;

1. Program Penempatan Tersusun (PPT)
2. Program Pembangunan Ekonomi (PPE)
3. Program Pembangunan Sosial (PPS)

3.5.1 Program Penempatan Tersusun (PPT)

Matlamat program ini ialah untuk menyediakan penempatan baru untuk Orang Asli yang lebih tersusun, dilengkapi dengan infrastruktur asas serta sumber-sumber ekonomi moden. Di bawah PPT juga, JAKOA melaksanakan kerja-kerja ukur bagi mengenalpasti sempadan penempatan dan tanah milik Orang Asli, untuk tujuan mewartakan tanah yang didiami oleh masyarakat Orang Asli. PPT akan melibatkan beberapa komponen infra-sosial seperti berikut;

- i) Rumah peserta
- ii) Bekalan air
- iii) Bekalan elektrik
- iv) Jalan kampung
- v) Projek ekonomi

¹⁷ Bagi Batin Kategori A dibayar RM400, Batin Kategori B, RM300 dan Batin kategori C, dibayar RM200 sahaja (JAKOA, BULETIN ASLI 01. 2011:7).

Program penempatan tersusun (PPT) boleh dibahagikan kepada tiga;

1. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS);
2. Program Penyusunan Semula Kampung (PPK); dan
3. Program Rancangan Kampung Baru (RKB)

Seperti yang diringkaskan dalam Jadual 3.7, Evolusi Pentadbiran dan Perancangan Orang Asli, polisi penempatan semula Orang Asli telah dijalankan sejak zaman darurat (1946-1960) untuk tujuan keselamatan iaitu bagi menghindar Orang Asli daripada pengaruh komunis. Selepas tamat penentangan dan ancaman penganas komunis, pada tahun-tahun 1980an, polisi penempatan semula Orang Asli lebih menjurus kepada meningkatkan kedudukan sosioekonomi dan kualiti hidup mereka (Mustaffa 2008).

Rancangan ini dilaksanakan sejak 1979 dalam RMKe-4 dan kemudian diperkasakan lagi dibawah RMKe-5 dan RMKe-6 sebagai strategi utama untuk meningkatkan lagi kedudukan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Melalui RPS, perkampungan masyarakat Orang Asli yang berselerak dan jauh di pedalaman dikumpulkan dalam satu kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas dan aktiviti ekonomi pertanian komersial (getah dan kelapa sawit). Keluarga yang terlibat akan dipindahkan ke lokasi penempatan semula.

Melalui program ini perancangan dan penyediaan kemudahan asas akan lebih mudah dan berkesan serta dapat membendung kegiatan anasir komunis daripada mempengaruhi Orang Asli di kawasan pedalaman. Selain dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli, program ini juga memberi peluang untuk mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi moden. Melalui program tanaman getah dan kelapa sawit, masyarakat Orang Asli akan menerima dividen menerusi hasil ladang selain

diberi peluang untuk terlibat sebagai pekerja ladang. Sehingga kini terdapat sebanyak 17 RPS iaitu 6 di Perak, 7 di Pahang, 3 di Kelantan dan 1 di Johor (JAKOA 2010). Sekitar 14 peratus masyarakat Orang asli tinggal di kawasan RPS (Mustaffa 2009).

Selain RPS kerajaan juga melaksanakan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK). Program ini dilaksanakan mulai RMKe-7 (1996-2000) yang melibatkan sebanyak 217 buah kampung Orang Asli (12,264 KIR). Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli di kampung-kampung yang sedia ada (selain RPS) melalui komponen-komponen infra-sosial PPT seperti yang dijalankan di RPS.

PPT yang ketiga ialah Rancangan Kampung Baru (RKB). Program penempatan semula ini khusus untuk perkampungan Orang Asli yang bersempadan dengan Thailand dan terletak dalam kawasan KESBAN. Peserta disediakan semua komponen-komponen infra-sosial PPT seperti yang dilaksanakan di RPS dan PPK (JAKOA 2010). Pendekatan KESBAN – “Keselamatan dan Pembangunan” bagi melindungi keselamatan dan mengekalkan kestabilan sosioekonomi dalam kawasan sempadan dalam lingkungan 25 kilometer (km) dari sempadan antarabangsa Malaysia – Thailand.

KESBAN dilaksanakan mulai 1979 dengan menyediakan kemudahan asas dan perumahan beserta program ekonomi seperti aktiviti pertanian, ternakan industri desa.

Contohnya seperti Pos Brooke yang terletak 90 km dari Gua Musang dengan penduduk sekitar 300 penduduk orang¹⁸.

3.5.2 Program Pembangunan Ekonomi (PPE)

Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan pendapatan (mengurangkan kadar kemiskinan) dan mempelbagaikan sumber ekonomi masyarakat Orang Asli. Empat projek utama di bawah PPE ialah;

- i) Projek tanaman kontan (sayur-sayuran)
- ii) Projek ternakan (kambing, lembu, bebiri dan ikan)
- iii) Projek tanaman getah dan kelapa sawit
- iv) Projek pembangunan usahawan masyarakat Orang Asli¹⁹

3.5.3 Program Pembangunan Sosial (PPS)

Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan pinggir²⁰. Program ini juga akan membantu tranformasi fizikal dan minda masyarakat Orang Asli supaya bersedia dan dapat menerima perubahan dalam kehidupan seharian masa kini.

PPS merangkumi komponen seperti berikut;

- i) Bantuan pendidikan
- ii) Perumahan rakyat termiskin
- iii) Infrastruktur dan ameniti sosial
- iv) Pembangunan minda
- v) Pembangunan keluarga
- vi) Pembangunan kesihatan

¹⁸Rujuk juga Mohd Zakaria Yadi. 2004. *Malaysian Emergencies: Anthropological Factors in the Success of Malaysia's Counter Insurgency*.

¹⁹ Pengusaha yang terlibat akan diberi bimbingan dalam aspek pengurusan dan keusahawanan dengan kerjasama agensi teknikal kerajaan yang dilantik.

²⁰ Rujuk juga Jadual 3.5: Kategori Perkampungan Orang Asli.

Kerajaan dalam tempoh RMKe-9 (2006-2010) telah memperuntukkan sebanyak RM337.3 juta untuk melaksanakan program-program PPT, PPE dan PPS (Jadual 3.9). Peruntukan yang paling banyak ialah untuk PPS, iaitu RM250 juta atau 53.3 peratus daripada jumlah peruntukan dalam tempoh RMKe-9²¹.

Jadual 3.9
Peruntukan Mengikut Program dalam Tempoh RMKe-9^a

Program	Peruntukan (RM Juta)	%
Penempatan Tersusun (PPT)	109.9	23.4
Pembangunan Ekonomi (PPE)	109.1	23.3
Pembangunan Sosial (PPS)	250.0	53.3
Jumlah	469.0	100.0

Nota: ^a Jumlah peruntukan asal ialah RM377.3 juta, tambahan sebanyak RM91.7 juta diberi melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 1

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 9 dan Jadual 10. ms.26-27.

3.6 Isu-Isu Dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Umumnya, isu-isu utama dalam pembangunan masyarakat Orang Asli ialah kadar kemiskinan dan kadar keciciran pelajar yang tinggi, taraf kesihatan yang rendah, kemudahan parasana yang tidak menyeluruh dan masalah penerokaan dan pemilikan tanah.

²¹ Jumlah peruntukan asal untuk PPS ialah RM158.3 juta, tambahan sebanyak RM91.7 juta diberi melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 1 yang digunakan untuk projek (1) bantuan rumah golongan miskin & miskin tegar (RM66.5 juta), (2) jalan kampung (RM12.9 juta) dan (3) Jalan pertanian (RM12 juta) (JAKOA 2011a. ms.27). Dari tahun 2008 hingga 2010, RM20 juta diperuntukkan untuk program Wang Saku, Pengangkutan, Bakul Makanan, Input Pertanian, Kurang Zat Makanan (Rujuk juga JAKOA 2011a, Jadual 13-15. ms.29).

Menurut Mustaffa (2008) antara kejayaan program penempatan tersusun melalui

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ialah;

1. Berkurangan aktiviti pertanian pindah (*shifting cultivation*);
2. Membangun dan melengkapkan kawasan penempatan dengan infrastruktur asas;
3. Meningkatkan tahap keselamatan penduduk dari ancaman subversive;
4. Meningkatkan jaringan perhubungan masyarakat setempat dengan masyarakat luar;
5. Meningkatkan hak pemilihan penduduk ke atas rumah dan tanah;
6. Memberi peluang kepada penduduk untuk menetap di dalam satu kawasan yang lebih luas dan bilangan keanggotaan (keluarga) dalam suatu kampung yang lebih ramai;
7. Menawarkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang baik kepada penduduk;
8. Memudahkan pihak kerajaan menyediakan kemudahan dengan lebih efektif;
9. Membantu meningkatkan peluang pendidikan; dan
10. Meningkatkan keprihatinan penduduk terhadap penjagaan kesihatan

Manakala kelemahan RPS menurut Mustaffa (2008) ialah;

1. Pergantungan kepada ekonomi tradisi;
2. Peluang pekerjaan yang terhad dan tidak menjamin masa depan;
3. Kesedaran rendah terhadap kepentingan pendidikan;
4. Mentaliti dan sikap kurang membangun;
5. Isu hakmilik tanah dan pengajian tenaga kerja; dan
6. Kekurangan kemudahan infrastruktur seperti yang dirancang

Manakala menurut Nicholas (2010) dari NGO, *Center for Orang Asli Concerns*, lima

masalah utama masyarakat Orang Asli ialah;

1. Hak milik tanah dan sumber tanah (*right to land and natural resources*);
2. Hak untuk pembangunan (*right to development*);
3. Hak untuk menentukan keperluan sendiri (*right to self-determination*);
4. Hak untuk mengamalkan/mengekalkan budaya dan identiti sendiri (*right to culture and identity*); dan
5. Hak untuk keselamatan (*right to security*).

Secara keseluruhan, pihak JAKOA telah mengenalpasti 11 isu pembangunan masyarakat Orang Asli seperti di bawah²²;

1. Kemiskinan
2. Pendidikan
3. Kesihatan
4. Kemudahan pasarana
5. Pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli
6. Pemilikan dan pembangunan tanah
7. Akta Orang Asli 1954
8. Perubahan minda
9. Nilai masyarakat Orang Asli
10. Kepimpinan desa
11. Peluang pekerjaan

3.6.1 Kemiskinan dan Peluang Pekerjaan

Secara umum, kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli berkait rapat dengan sumber ekonomi mereka yang bergantung kepada ekonomi tradisional secara kecil-kecilan yang bersifat sara diri, bekerja sendiri atau bekerja untuk keluarga tanpa dibayar gaji (mencari hasil hutan, memburu haiwan liar dan menangkap ikan). Sebahagian besar hasil-hasil daripada aktiviti ekonomi ini digunakan sendiri dan lebihannya dijual untuk membeli barang keperluan lain. Faktor lokasi perkampungan masyarakat Orang Asli yang jauh di pedalaman (atau kawasan pinggir), berselerak, bilangan keluarga yang sedikit bagi sebuah kampung, akan menghadkan liputan pembangunan untuk sampai ke kawasan mereka yang juga memberi kesan langsung kepada peluang pekerjaan, masalah kemiskinan, tingkat pendidikan dan kesihatan masyarakat Orang Asli²³.

²² Seperti yang telah disenaraikan oleh JAKOA 2011a, ms.38-63. Pandangan daripada Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli dan *Focus Group* Pembangunan Orang Asli yang telah dibentuk pada Julai 2010.

²³ Pengalaman penyelidik di kawasan perkampungan Orang Asli di Cameron Highlands dan Jelai mendapati ada kampung yang bilangan keluarganya kurang dari 10 KIR. Contoh Kg Kuala Suar di Pos Lanai; bilangan keluarga (KIR) hanya 4 dan Kg Churuk, Pos Lenjang, bilangan keluarga hanya 8 sahaja. Selain itu,, terdapat juga kampung yang baru dibuka oleh Orang Asli yang bilangan keluarga kurang dari 10 dan kampung ini tiada dalam senarai rasmi JAKOA.

Secara tabiinya, masyarakat Orang Asli tinggal dan membesar dalam kelompok masyarakatnya tersendiri. Unsur-unsur keperluan untuk meningkatkan utiliti masyarakat luar (bukan Orang Asli) pastinya tidak sama dengan kehendak masyarakat Orang Asli. Nilai kebendaan dan sikap individualistik masyarakat luar tidak boleh dibandingkan dengan perpektif pandangan hidup masyarakat Orang Asli yang hidup serba sederhana di perkampungan mereka sendiri. Walaupun, secara relatifnya pandangan masyarakat luar terhadap mereka adalah dalam keadaan daif dan miskin tetapi pada padangan masyarakat Orang Asli itu sendiri, apa yang mereka telah kecapai, iaitu memiliki sebahagian barangan keperluan asas untuk kehidupan seharian, adalah memadai.

Insiden kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli masih lagi tinggi walaupun menampakkan tren yang semakin berkurangan. Menurut angka rasmi Bahagian Perancangan dan penyelidikan JAKOA, insiden kemiskinan Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli telah berkurangan dengan ketara daripada 83.4 peratus pada tahun 2000 kepada 31.2 peratus pada penghujung tahun 2010 (Jadual 3.10). Kerajaan, melalui perancangan dalam RMKe-10 mensasarkan insiden kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli yang akan berkurangan kepada 25 peratus pada tahun 2015 (Malaysia 2011). Kajian JAKOA menunjukkan Orang Asli yang tinggal di negeri Pahang, Perak dan Kelantan mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan di negeri-negeri lain (JAKOA 2011a).

Walaupun peratusan Orang Asli yang tinggal di kawasan bandar meningkat (1.6%, 1970 kepada 11.3%, 2000) kadar kemiskinan Orang Asli di kawasan bandar juga tinggi. Berdasarkan kajian di Batu Berangkai dan Kampar, Perak; Sungai Ruil dan

Cameron Highlands, Pahang; Bukit Lanjan dan Tanjung Sepat, Selangor mendapati sekitar 78.7 peratus daripada mereka berpendapatan RM800 dan ke bawah dan hanya sekitar 3.1 peratus sahaja yang berpendapatan RM1,500 dan ke atas (Juli Edo et.al. 2008).

Jadual 3.10
Insiden Kemiskinan KIR Orang Asli, 2000 dan 2010

Tahun	Jumlah KIR	Kemiskinan			Tidak Miskin
		Miskin	Miskin Tegar	Jumlah	
2000	25,337	10,085 (39.8) ^a	11,046 (43.6)	21,131 (84.4)	4,206 (16.6)
2010	36,658	4,102 (11.2)	7,321 (20.0)	11,423 (31.2)	25,235 (68.8)

Nota: ^a () = %

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 9 dan Jadual 16. ms.31.

Pengurangan kadar kemiskinan ini berkait rapat dengan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam sektor ekonomi moden. Amalan sektor ekonomi sara diri (bekerja sendiri) dan utiliti berdasarkan keperluan cukup hidup di kalangan masyarakat Orang Asli semakin berkurangan.

Melalui program-program kerajaan PPT, PPE dan PPS, peluang pekerjaan dan penglibatan Orang Asli dalam sektor moden semakin meningkat. Peratusan Orang Asli yang bekerja sendiri telah berkurangan daripada 65.8 peratus pada tahun 1991 kepada 56.9 peratus pada tahun 2000. Dalam tempoh yang sama juga peratusan Orang

Asli yang bekerja telah meningkat daripada 27 peratus pada tahun 1991 kepada 36.8 peratus pada tahun 2000 (Jadual 3.11).

Jadual 3.11

Taburan Peratus Orang Asli yang Bekerja Mengikut Taraf Guna Tenaga, 1991 dan 2000

Taraf guna tenaga	1991	2000
Majikan	0.6	0.5
Pekerja	27.0	36.8
Pekerja sendiri	65.8	56.9
Pekerja keluarga tanpa gaji	6.6	5.8
Jumlah	100	100

Sumber: Norfariza. 2008. *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*.
Jadual 5.6. ms.44.

Dalam tempoh yang sama juga, peratusan Orang Asli yang bekerja dalam industri tradisi mereka iaitu dalam industri pertanian, pemburuan dan perhutanan; dan perikanan telah berkurangan. Manakala penglibatan mereka sebagai pekerja dalam industri yang moden terus meningkat. Peratusan Orang Asli dalam industri pembuatan telah meningkat dengan ketara daripada 4.8 peratus pada tahun 1991 kepada 10.1 peratus pada tahun 2000 (Jadual 3.12).

Penglibatan Orang Asli dalam program-program ekonomi berskala sederhana dan berorientasikan pasaran semakin meningkat. Melalui program ini, produk masyarakat Orang Asli akan diintegrasikan dengan pasaran di luar kawasan mereka dan bukan lagi berbentuk saradiri atau cukup hidup. Dalam tempoh RMKe-9, 2006-2010, sebanyak 230 projek pertanian dan ternakan dilaksanakan yang melibatkan seramai

1,323 peserta (Jadual 3.13). Dalam tempoh RMKe-10 pula, projek-projek baru seperti Projek Agropolitan, Eco Pelancongan dan tanaman herba telah mula dijalankan.

Jadual 3.12

Taburan Peratus Orang Asli yang Bekerja Mengikut Industri, 1991 dan 2000

Industri	1991	2000
Pertanian, Pemburuan dan Perhutanan	76.2	63.9
Perikanan	3.8	3.4
Perlombongan dan Pengkuarian	0.5	0.4
Pembuatan	4.8	10.1
Bekalan Elektrik, Gas dan Bekalan Air	0.2	0.3
Pembinaan	1.0	3.0
Perdagangan Jual Borong dan Runcit	2.3	4.7
Hotel dan Restoran	0.7	1.8
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	0.5	1.4
Kewangan	0.1	0.2
Aktiviti Hartanah, Penyewaan dan Perniagaan	0.2	0.9
Pentadbiran dan Pertahanan Awam	8.1	7.2
Pendidikan	0.6	1.2
Kesihatan dan Kerja Sosial	0.4	0.7
Aktiviti Perkhidmatan Komuniti, Sosial dan Persendirian Lain	0.5	0.7
Isi Rumah Persendirian dengan Pekerja Bergaji	0.4	0.2
Organisasi dan Badan di Luar Wilayah	-	-
Jumlah Bekerja	100.0	100.0
Bilangan ('000)	31.1	39.8

Sumber: Norfariza. 2008, *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*
Jadual 5.5. ms.42.

Jadual 3.13

Projek Pertanian dan Ternakan Dalam RMKe-9

Tanaman Kontan		Perikanan		Ternakan Haiwan		Jumlah	
Bil Projek	Bil Peserta	Bil Projek	Bil Peserta	Bil Projek	Bil Peserta	Bil Projek	Bil Peserta
56	970	121	174	53	179	230	1,323

Sumber: JAKOA 2011a. *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015*
Jadual 17. ms.33

Dalam tempoh yang sama juga kerajaan (melalui JAKOA) telah membina 175 unit bangunan kedai dan memberi bantuan sebanyak RM20 ribu seorang kepada 240 peserta Orang Asli. Bantuan RM20 ribu seorang ini dalam bentuk peralatan untuk memulakan perniagaan seperti rak, peti sejuk beku, mesin pemprosesan dan lain-lain. Selain itu, sehingga penghujung tahun 2010, dengan kerjasama FELCRA dan RISDA seramai 10,193 peserta Orang Asli telah terlibat dalam pembangunan tanah untuk tanaman getah dan kelapa sawit seluas 23,945.74 hektar (JAKOA 2011a).

Projek-projek ini adalah sebahagian daripada Projek Bimbingan Usahawan dan Program Peningkatan Pendapatan di bawah PPE untuk melahirkan 500 usahawan Orang Asli mulai tahun 2011 sehingga 2015 (JAKOA, BULETIN ASLI 01. 2011:9; JAKOA 2011a:43). Program ini dilaksanakan melalui khidmat nasihat dengan Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterina, Lembaga Koko Malaysia, MARDI dan lain-lain agensi teknikal yang berkaitan. Bagi projek yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, JAKOA akan terlibat memberi bantuan benih, baja, pembajak, alat-alat torehan, mesin tebang dan lain-lain yang berkaitan.

3.6.2 Pendidikan

Secara relatif, tahap pendidikan Orang Asli masih lagi rendah. Sebelum tahun 1995, pegawai-pegawai JAKOA di kawasan pedalaman akan menjalankan tugas guru. Anak-anak Orang Asli akan bersekolah di perkampungan mereka dibantu oleh petugas JAKOA sehingga darjah tiga. Selepas itu mereka akan menyambung pelajar secara formal ke sekolah di bawah kawalselia Kementerian Pelajaran. Pada tahun 1980an, 25 peratus anak-anak Orang Asli yang bersekolah rendah akan meninggalkan sekolah pada tahun satu dan akan meningkat kepada 70 peratus diperingkat darjah

lima. Pada tahun 1994, 75 peratus kanak-kanak Orang Asli berumur antara lima hingga 18 tahun tidak pernah bersekolah (JAKOA 2011b:111).

Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim dalam Dewan Rakyat pada Selasa, 31 Julai 2001 (Jawapan lisan bagi pertanyaan) “*sebanyak 55 peratus anak-anak Orang Asli masih lagi tercicir daripada sistem persekolahan dan peluang-peluang pembangunan negara iaitu angka yang begitu tinggi*” (Dewan Rakyat 2001).

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2000, taburan peratus penduduk Orang Asli yang berumur enam tahun dan lebih mengikut pencapaian pelajaran mendapati 39.2 peratus Orang Asli tidak pernah bersekolah (Jadual 3.14).

Jadual 3.14

Pelajar Orang Asli yang Mendaftar di Sekolah Rendah, Menengah dan Peringkat Tertiar

	1991			2000		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Tidak bersekolah	51.4	46.3	56.6	39.2	35.3	43.2
Rendah	37.8	41.7	33.8	44.5	47.6	41.3
Menengah	10.2	11.3	8.9	15.5	16.3	14.6
Tertiar	0.6	0.7	0.6	0.8	0.8	0.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Norfariza. 2008, *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*
Jadual 4.7. ms.29.

Walaupun angka untuk tahun 2000 menunjukkan penurunan sebanyak 51.4 peratus dibandingkan dengan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991, angka ini masih lagi tinggi. Berdasarkan data banci tahun 2000 juga, jika dibandingkan antara lelaki dan perempuan, peratusan tidak pernah bersekolah lebih tinggi di kalangan perempuan (42.2%) berbanding lelaki (35.3%).

Peratus pelajar lelaki lebih tinggi daripada pelajar perempuan pada semua peringkat pendidikan (rendah, menengah dan tertiar), kecuali pada peringkat tertiar pada tahun 2000, apabila peratus perempuan (0.9) lebih ramai daripada lelaki (0.8)²⁴.

Keadaan ini menunjukkan bahawa keciciran pelajar perempuan lebih tinggi daripada pelajar lelaki di peringkat sekolah rendah dan menengah, tetapi di peringkat tertiar, bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar Orang Asli yang tamat sehingga peringkat tertiar kurang daripada 1,000 orang.

Menurut JAKOA (2011a: 45) dari tahun 1971 hingga 2010, bilangan pelajar Orang Asli yang tamat sehingga peringkat tertiar (Diploma, Sarjana Muda, Sarjana & Doktor Falsafah) ialah 880 orang pelajar. Manakala Menurut Kamarulzaman, K. & Osman, J. (2008: 89), bilangan pelajar Orang Asli yang tamat sehingga peringkat tertiar ialah 395 orang pelajar (data tahun 2006). Bagi tahun 2010, seramai enam pelajar dipilih ke kelas persediaan keluar negara, manakala 230 pelajar Orang Asli

²⁴ Data daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2010 masih belum dikeluarkan. Penyelidik merujuk kepada Norfariza, 2008. *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*. Monograf No 3. Jabatan Perangkaan Malaysia. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000. Jadual 4.7, ms.29.

berjaya memasuki institusi pengajian tinggi di peringkat diploma dan ijazah (JAKOA, BULETIN ASLI 01. 2001:9).

Menurut Mohd Asri (2012), walaupun bilangan pelajar Orang Asli yang mendaftar di sekolah rendah meningkat dan kadar keciciran di kalangan Orang Asli di peringkat sekolah rendah terus berkurangan, kadar ini masih lagi tinggi. Kadar keciciran Orang Asli di peringkat sekolah rendah telah berkurang daripada 39.1 peratus pada tahun 2008 kepada 26 peratus pada tahun 2011 dan kementerian mensasarkan kadar ini berkurangan kepada 15 peratus pada tahun 2015.

Di peringkat nasional, matlamat pendidikan negara ialah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Sebaliknya, untuk masyarakat Orang Asli, matlamat pendidikan ialah untuk meningkatkan lagi kadar kehadiran ke sekolah, mendaftar dan menamatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah (darjah 6) serta mendaftar dan menamatkan pendidikan di peringkat sekolah menengah (sehingga tingkatan 5).

Sejak RMKe-6 (1991-1995) kerajaan telah melaksanakan Skim Galakan Pendidikan bagi mengurangkan keciciran dan meningkatkan pencapaian pendidikan masyarakat Orang Asli. Skim ini melibatkan komponen-komponen seperti berikut;

1. Bantuan pakaian seragam
2. Pengangkutan
3. Yuran pengajian
4. Bantuan makanan untuk sekolah di pedalaman
5. Keperluan peribadi pelajar di asrama
6. Kelas tambahan peperiksaan
7. Kursus motivasi

Tambahan daripada Skim Galakan Pendidikan, pada tahun 2010, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Skim Kempulan Wang Amanah Pejalar Miskin telah memberi bantuan yuran persekolahan, pakaian seragam dan peralatan sekolah kepada 93 buah sekolah yang pelajarnya 100% Orang Asli (JAKOA 2011a:32).

Keciciran pelajar Orang Asli tidak ketara di peringkat sekolah rendah, tetapi agak serius di peringkat :

1. Tamat sekolah rendah dan tidak mendaftar ke sekolah menengah; dan
2. Mendaftar sekolah menengah tetapi tidak tamat sehingga tingkatan lima.

Berdasarkan bilangan tamat Darjah 6 (Jadual 3.15), dalam tempoh tahun 2000 hingga tahun 2007 (bagi yang mendaftar Darjah 1 antara tahun 1995 hingga 2002), kadar keciciran anak Orang Asli di peringkat sekolah rendah ialah antara 9.7 peratus hingga 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2003 apabila kerajaan melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib di bawah Seksyen 29A yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mereka bersekolah mulai Tahun Satu (Darjah 1) sekolah rendah²⁵, berlaku kemasukan pelajar sekolah rendah yang tidak mengikut had umur Sistem Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, selepas enam tahun bersekolah (daripada darjah 1 hingga 6) bilangan pelajar yang tamat darjah enam lebih daripada yang mendaftar ke darjah satu. Sebagai contoh, pada tahun 2003 (tahun kuatkuasa Seksyen 26A),

²⁵ Kementerian Pendidikan telah menetapkan untuk melaksanakan pendidikan wajib di peringkat rendah berkuatkuasa pada 1 Januari 2003. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) (Pindaan 2002) Seksyen 29A, Perkara (2) menyebut; "Tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib". Manakala Perkara 4 pula, menjelaskan bahawa; "Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya". "Murid cicir" ertinya seseorang yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah atau murid yang tidak hadir di sekolah selama suatu tempoh yang melebihi tiga hari berturut-turut tetapi tidak termasuk murid yang tidak hadir di sekolah kerana ponteng, masalah kesihatan atau telah dikesualikan oleh Menteri di bawah subseksyen 29A(3) daripada mengikuti pendidikan wajib. Rujuk juga Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003. Kementerian Pendidikan Malaysia.

bilangan pelajar mendaftar ke Darjah Satu ialah seramai 4,226 orang manakala jumlah pelajar yang tamat darjah enam pada tahun 2008 ialah seramai 4,423 orang, iaitu penambahan sebanyak 197 orang pelajar (Jadual 3.15) .

Jadual 3.15

Pelajar Orang Asli yang Mendaftar Darjah Satu dan Tamat Darjah Enam

Bilangan mendaftar Darjah 1		Bilangan Tamat Darjah 6		Penambahan (+) atau pengurangan (-)	
Tahun Daftar	Bilangan Daftar	Tahun Tamat	Bilangan Tamat	Bil	%
1995	3,205	2000	3,114	-61	-1.9
1996	3,036	2001	2,849	-187	-6.2
1997	3,475	2002	3,333	-142	-4.1
1998	3,730	2003	3,368	-362	-9.7
1999	3,740	2004	3,736	-14	-0.4
2000	3,836	2005	3,814	-22	-0.6
2001	3,829	2006	3,775	-54	-1.4
2002	4,287	2007	4,226	-21	-0.5
2003	4,226	2008	4,423	+197	+4.7
2004	4,225	2009	4,411	+186	+4.4
2005	4,160	2010	4,271	+111	+2.7

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 21. ms.46

Dari segi pelajar yang tamat sekolah rendah dan tidak mendaftar ke sekolah menengah pula, antara tahun 2000 hingga 2010 sebanyak 21.9 peratus hingga 36.7 peratus (purata 35% setahun) pelajar Orang Asli yang tamat sekolah rendah dan tidak meneruskan pendidikan ke sekolah menengah (Jadual 3.16).

Jadual 3.16

Pelajar Orang Asli yang Tamat Darjah Enam dan Mendaftar Tingkatan Satu

Bilangan Tamat Darjah 1		Bilangan Mendaftar Tingkatan 1		Bilangan yang Tidak Mendaftar ke Tingkatan 1 (% keciciran)
Tahun Tamat	Bilangan Tamat	Tahun Daftar	Bilangan Daftar	
1999	2,656	2000	2,075	581 (21.88)
2000	3,144	2001	1,659	1,485 (47.23)
2001	2,849	2002	1,882	967 (33.94)
2002	3,333	2003	1,869	1,464 (43.92)
2003	3,368	2004	2,261	1,107 (32.87)
2004	3,726	2005	2,358	1,368 (36.71)
2005	3,814	2006	2,586	1,228 (32.20)
2006	4,099	2007	2,685	1,414 (34.50)
2007	4,266	2008	2,726	1,540 (36.10)
2008	4,423	2009	3,018	1,405 (31.77)
2009	4,431	2010	3,145	1,286 (29.02)

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
 Jadual 22. ms.47

Manakala dari tahun 2000 hingga 2010, pelajar yang mendaftar di peringkat sekolah menengah tetapi tidak tamat sehingga tingkatan lima ialah antara antara 36.7 peratus hingga 54.7 peratus (purata 45.3% setahun) daripada keseluruhan pelajar Orang Asli yang mendaftar di peringkat sekolah menengah (Jadual 3.17).

Jadual 3.17

Pelajar Orang Asli yang Mendaftar Tingkatan Satu dan Tamat Tingkatan Lima

Bilangan mendaftar Tkt 1		Bilangan Tamat Tkt 5		Pengurangan (-)	
Tahun Daftar	Bil Daftar	Tahun Tamat	Bil Tamat	Bil	%
2000	2,075	2004	941	-1,134	-54.7
2001	1,659	2005	964	-695	-41.9
2002	1,882	2006	1,011	-871	-46.3
2003	1,869	2007	1,183	-686	-36.7
2004	2,261	2008	1,181	-1,080	-47.8
2005	2,358	2009	1,315	-1,043	-44.2
2006 ^a	2,586	2010	1,403	-1,183	-45.7

Nota: dikira daripada sumber seperti di bawah

^a rujuk Jadual 3.15, pergerakan kohot pelajar yang mendaftar Tingkatan 1 pada tahun 2006 dan tamat Tingkatan 5 pada tahun 2010

Sumber: i. JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
 Jadual 24. ms.49;
 ii. JAKOA 2011c, Laporan Tahunan 2010, Jadual 30, ms.47

Berdasarkan pergerakan kohot pelajar Orang Asli yang mendaftar di Tingkatan Satu pada tahun 2006, terdapat keciciran setiap tahun antara 10.8 peratus hingga 20.3 peratus (Jadual 3.18).

Jadual 3.18

Pelajar Orang Asli yang Tercicir Di Peringkat Sekolah Menengah

Tahun	Pegerakan Kohot Pelajar	Bil	Keciciran	%
2006	Mendaftar Tingkatan 1	2,586		
2007	Dari Tingkatan 1 ke Tingkatan 2	2,306	-280	-10.8
2008	Dari Tingkatan 2 ke Tingkatan 3	1,839	-467	-20.3
2009	Dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4	1,591	-248	-13.5
2010	Dari Tingkatan 4 ke Tingkatan 5	1,403	-188	-11.8

Nota: dikira daripada sumber seperti di bawah

Sumber: JAKOA 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
 Jadual 24. ms.49

Kajian JAKOA pada tahun 1997 mendapati salah satu sebab utama keciciran pelajar Orang Asli yang tinggi ialah kerana mengikut keluarga untuk bekerja (JAKOA 2011a). Dapatan ini boleh disokong dengan data Banci Penduduk dan Perumahan 2000 dengan menggunakan definisi kadar penglibatan tenaga buruh penduduk yang berumur 10 tahun dan lebih. Pada tahun 2000 sebanyak 9.4 peratus penduduk berumur 10 hingga 14 tahun telah bekerja (angka ini berkurangan daripada 15.7% pada tahun 1991) (Norfariza 2008; Geok & Zalilah 2008).

Menurut data Banci tahun 2000, walaupun kadar penglibatan tenaga buruh bagi Orang Asli hampir sama dengan kadar untuk Semenanjung Malaysia (50%) tetapi kadar penglibatan tenaga buruh yang tinggi di kalangan jantina lelaki masyarakat Orang Asli dibandingkan dengan jantina lelaki Semenanjung Malaysia (Jadual 3.19). Sebaliknya, untuk jantina perempuan pula, kadar penglibatan tenaga buruh lebih rendah di kalangan jantina perempuan masyarakat Orang Asli berbanding dengan jantina yang sama untuk Semenanjung Malaysia.

Jadual 3.19

Kadar Penglibatan Tenaga Buruh Untuk Penduduk Berumur 10 Tahun dan Lebih, Orang Asli dan Semenanjung Malaysia, 2000

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Orang Asli	71.8	28.0	50.2
Semenanjung Malaysia	66.5	34.7	50.7

Sumber: Norfariza. 2008, *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*
Jadual 5.1. ms.34.

Pihak JAKOA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, KEMAS, PERKIM dan *Malaysian CARE* telah mengadakan program pendidikan untuk golongan dewasa (Kelas Pendidikan Kesejahteraan Keluarga/*Education for the Wellbeing Family Program* dan Pendidikan Literasi Fungsian/*Literacy Education Programme*) bagi meningkatkan tahap pendidikan dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Kementerian pendidikan telah mengadakan 102 sesi (*classes*) yang melibatkan 1,105 orang pelajar dewasa. Hari persekolahan ialah tiga hari seminggu antara jam 3 hingga 5 petang (Kamarulzaman & Osman 2008).

JAKOA dengan kerjasama Kementerian Pelajaran juga mengadakan ‘Sekolah Bergerak’ di Sungai Kejar, Grik, Perak. Ini membolehkan ibu bapa dan belia daripada semua peringkat umur untuk kembali ke sekolah. Sekurang-kurangnya mereka menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (JAKOA 2001).

Terdapat pelbagai punca keciciran yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli²⁶. Antaranya ialah masalah kemiskinan, pertentangan antara pedagogi dengan budaya masyarakat Orang Asli²⁷, masalah bahasa, masalah lokasi perkampungan yang jauh

²⁶Menurut Nicholas, C. 2010, ms. 51, Lima faktor yang Faktor meyebabkan keciciran pelajar Orang Asli ialah “*Factors related to poverty; Non-delivery of educational assistance; Contrast in the Pedagogy and the Culture; Gaps in attendance; and Imperfections in the system*”.

²⁷Menurut Kamarulzaman & Osman, 2008, ms.95. “*Orang Asli has their own culture whereby the philosophy that they uphold is co-responsibility and communal interest, whereby the community takes precedence over the individual. Through their indigenous language, a child is taught to be polite, considerate and amicable. Through their arts and crafts, the child learns that with creativity and effort, unlimited utility can be gained. Through their songs and rituals, the child is reminded of the other world. And through its legends and folklore, pride and identity are instilled in being a member of the community*”.

dan pengangkutan ke sekolah, perasaan malu²⁸, budaya buli di sekolah²⁹, masalah minat dan perhatian terhadap pelajaran³⁰, masalah kesihatan³¹, membantu keluarga bekerja³², ibu bapa tidak berminat menghantar anak bersekolah di kawasan bandar³³, tingkat pendidikan ibu bapa yang rendah³⁴, masalah pergantungan kepada kerajaan, sikap dan minda³⁵ (Khor 1985; Kamarulzaman & Osman 2008; Nicholas, C. 2010).

3.6.3 Kesihatan

Tingkat kesihatan Orang Asli sangat berkait rapat dengan kualiti kehidupan mereka. Kadar kemiskinan yang tinggi, tahap pelajaran yang rendah, akses kemudahan

²⁸ Menurut Tijah Chupil, 2003: 11; “*Orang Asli often shy away from formal discussions due to their reserved nature*”.

²⁹ Menurut Kamarulzaman & Osman, 2008, ms.95 juga, “*Orang Asli children are also frequently bullied or ridiculed as a consequence of the prejudice and ignorance of their origins and their culture. Most Orang Asli children are able to cope, but a significant number choose to leave school, usually in the early years, in order to avoid having to face such distressing behaviour from their non-Orang Asli peers*”.

³⁰ Menurut Kamarulzaman & Osman, 2008, 99; “*... the nature of Orang Asli children to be hyperactive. Orang Asli’s traditional way of life—hunting and gathering in the jungle—is in their blood and thus contributes to this hyperactive behaviour. While it is easy to blame Orang Asli children for having short attention span in class teachers—and the MoEM—sometimes fail to take notice of the contrast in the pedagogy when it comes to the education of Orang Asli. How can one expect Orang Asli children to sit through six hours of lessons a day when what is being taught is of little relevance to them?*”

³¹ Sindrom “letih dan lesu” di sekolah akibat jangkitan cacing (JAKOA2011c. Laporan Tahunan 2010:11).

³² Menurut Kamarulzaman & Osman, 2008, ms.96; “*Harvest season and fruit season are two most important periods in the lifecycle of traditional Orang Asli and their children normally choose to remain at home during these seasons and their parents are chided for placing a low importance on education. Asking the children to go to school during these periods is just like to ask other ethnics in Malaysia such as Malay students to go to school during Hari Raya, Chinese students during the Chinese New Year and Indian during Deepavali*”.

³³ Menurut Nicholas, C. 2010, ms. 50, “*The children are not interested in studying and are fed up with being scolded by teachers,*” ... *the study also said the children would prefer to help their parents at work or were embarrassed to go to school in towns*”.

³⁴ Kajian menunjukkan bahawa ibubapa yang mahir membaca dan menulis berjaya mengurangkan kadar keciciran di sekolah (BULETIN ASLI 01. 2001:4).

³⁵ Menurut Rusalina, 2011, ms.68 “*The Orang Asli’s unchanging situation of a high poverty rate and lack of education are often framed by the government as the group’s failure to accept changes and their resistance towards development. In government policy implementation manuals, the Orang Asli are framed as people resisting development whose ‘mindset’ and ‘attitude’ need to change*”.

kesihatan yang jauh, kemudahan prasarana dan peralatan isi rumah yang terhad akan mempengaruhi mutu kesihatan masyarakat Orang Asli.

Menurut Geok & Zalilah 2008 dan Nicholas, C. 2002;

“Without substantially increasing the number of Orang Asli children enrolled in primary schools and progressing into upper secondary schools, the prospect of socio-economic advancement of the Orang Asli appears bleak. They will remain trapped in the vicious socio-ecological cycle of low education and skills, poverty, poor diet and health”. Geok & Zalilah 2008:75.

“The crude death rates and infant mortality rates for the Orang Asli also do not compare well with the national statistics. For 1984-1987, the Orang Asli recorded a much higher infant mortality rate (median=51.7 deaths per 1,000 infants) than the general population (median=16.3). Similarly, the crude death rate for the Orang Asli (median=10.4) was doubled that of the national population (median=5.2). Accordingly, their life expectancy at birth (estimated at 52 years for females and 54 years for males) was also significantly lower than that for the national population (68 years for females and 72 years for males). The lower life expectancy at birth for Orang Asli females could be due to their higher maternal death rates caused by child-birth or poor maternal health or that Orang Asli mothers are overburdened with reproductive, as well as productive tasks”. Nicholas, C. 2002:11.

Tahap kesihatan masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggiran dan kawasan pendalaman secara relatifnya masih lagi rendah. Secara umum akses kemudahan kesihatan adalah rendah di kalangan masyarakat Orang Asli. Hampir 50 peratus perkampungan Orang Asli terletak sejauh 50 km. daripada kemudahan kesihatan berbanding 70 peratus masyarakat umum berada dalam dalam lingkungan lima km. daripada kemudahan kesihatan(Geok & Zalilah 2008).

Penyakit yang sinonim dengan masyarakat Orang Asli ialah seperti penyakit malaria, tibi, kusta, kekurangan zat makanan dan masalah cacing (*parasitic diseases* -

tuberculosis, malaria, leprosy, filariasis, schistosomiasis, upper respiratory infections and skin problems) (Geok & Zalilah 2008)³⁶.

Perkhidmatan kesihatan JAKOA kepada Orang Asli telah bermula sejak 1954 melalui program bekalan makanan kepada Orang Asli yang memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan kebersihan diri. Pada tahun 1957, kerajaan telah membina Hospital Orang Asli di Kuala Lipis. Hospital ini kemudiannya dipindahkan ke Gombak apabila pentadbiran Orang Asli berpusat di Gombak dan berhampiran dengan Hospital Besar Kuala Lumpur (JAKOA 2011b).

Sehingga kini terdapat 20 buah balai rawatan, 4 buah pusat transit, sebuah hospital dan sebuah klinik desa di kawasan penempatan Orang Asli sama ada yang meliputi kawasan pinggir dan pendalaman. JAKOA juga mengadakan program-program kesihatan kepada penduduk melalui kem-kem kesihatan, klinik bergerak, rawatan pergigian, doktor udara dan kursus penjagaan kesihatan (JAKOA 2011a). Doktor Udara disediakan bagi kawasan pendalaman yang sukar dihubungi melalui jalan darat seperti Pos Gob dan Pos Belatin di Gua Musang, Kelantan (JAKOA 2011b).

³⁶Menurut Geok Lin Khor and Zalilah Mohd Shariff. 2008: 73; *It was reported in a major English newspaper that there were 42 death cases arising from Malaysian women giving birth at home in 1994 (Sunday Star, 29th September, 1996). Out of these, 60% involved Orang Asli women. "Given that the Orang Asli community is only 0.5% of the national population, this means that an Orang Asli mother in 1994 was 119 times more likely to die in childbirth than a Malaysian mother"*(Nicholas, 2000). *"various studies have found that more than one third of Orang Asli surveyed were living in poverty or experiencing household food insecurity"* (Geok & Zalilah 2008:72), *"The prevalence of underweight and stunting in Orang Asli young children are often found in one-third to three quarters of the population groups studied"* (Geok & Zalilah 2008:74).

Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012, Bahagian Kesihatan dan Perubatan JAKOA diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ia meliputi Hospital Orang Asli di Gombak, Klinik Kesihatan di RPS Betau Pahang, RPS Kuala Betis Gua Musang Kelantan dan RPS Kemar Grik Perak. Selain itu, kemudahan Klinik Bergerak, Klinik Pergigian Bergerak dan Doktor Udara juga diserahkan kepada KKM (JAKOA 2012).

3.6.4 Kemudahan Prasarana dan Peralatan Isi Rumah

Kemudahan pasarana utama yang masih belum mencukupi di kawasan perkampungan Orang Asli terutamanya yang jauh di pedalaman iaitu seperti kemudahan perumahan, jalan perhubungan, bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

Dari segi kemudahan perumahan, sekitar 50 peratus keluarga Orang Asli telah menikmati kemudahan perumahan. Bantuan perumahan kepada masyarakat Orang Asli meliputi bantuan rumah dalam Rancangan Pengelompokan Semula (RPS) di mana setiap peserta (keluarga) menerima sebuah rumah baru, Program Bantuan Rumah (untuk penduduk miskin dan miskin tegar) dan skim perumahan untuk ketua masyarakat.

Mengikut rekod JAKOA pada akhir tahun 2010, bilangan Orang Asli yang masih belum menerima bantuan perumahan ialah sebanyak 4,404 buah keluarga. Menurut pemerhatian penyelidik, bilangan rumah yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli akan terus meningkat kerana apabila anak Orang Asli berkahwin (disebut berkelamin) ketua keluarga (KIR) atau batin akan memohon rumah untuk mereka. Selain itu,

terdapat juga rumah papan peserta RPS yang dibuka sejak tahun 1950an yang telah rosak dan perlu diganti.

Jadual 3.20
*Bantuan Perumahan Untuk Masyarakat Orang Asli*³⁷

Kategori Perumahan	Jumlah KIR	Telah disediakan	Belum disediakan
Perumahan Program Bantuan Rumah (PBR)	19,110	18,420	2,818
Perumahan Peserta Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)	3,246	1,768	1,478
Perumahan Ketua Masyarakat	611	503	108
Jumlah	22,967	10,895	4,404

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 19, ms. 35.

Daripada jumlah 852 buah perkampungan Orang Asli pada tahun 2010, sebanyak 574 buah kampung telah menerima kemudahan bekalan air dan 648 buah kampung telah menerima kemudahan bekalan elektrik (Jadual 3.21)

Jadual 3.21
Liputan Bekalan Air dan Elektrik

	Telah disediakan (%)	Belum disediakan (%)
Air	574 (67.3)	278 (32.6)
Elektrik	648 (76.1)	204 (23.9)

Sumber: JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015
Jadual 18, ms. 35.

³⁷Jadual yang sama seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1.

Dari segi kemudahan perhubungan, kerajaan telah membina dan memperbaiki jalan sepanjang 780 km di 462 buah kampung Orang Asli dan akan membina 180.5 km lagi yang melibatkan 125 buah kampung dalam masa terdekat. (JAKOA 2011a).

Kemudahan prasarana akan juga menentukan tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Peningkatan kualiti kehidupan Orang Asli boleh dilihat dari segi peralatan isirumah, bahan binaan dinding rumah dan kemudahan tandas.

Kemudahan perhubungan, air dan elektrik akan meningkatkan penggunaan alat-alat kelengkapan isirumah. Jadual 3.22 menunjukkan perbandingan isi rumah yang mempunyai peralatan isi rumah (seperti disenaraikan) pada tahun 2000. Untuk semua peralatan yang disenaraikan, peratus pemilikan alat-alat tersebut lebih rendah di kalangan isirumah Orang Asli berbanding jumlah isirumah Semenanjung Malaysia. Sebanyak 20.5 peratus isirumah tidak mempunyai sebarang peralatan isirumah seperti yang telah disenaraikan semasa banci tahun 2000 dijalankan.

Dari segi bahan binaan dinding luar rumah, bahan binaan yang diperbuat daripada batu telah meningkat dengan ketara (Jadual 3.23). Ini kerana untuk program-program bantuan rumah baru, bahan pembinaan rumah diperbuat daripada batu. Selain itu, bilangan rumah yang dibina daripada buluh, batang nibung atau pokok nipah telah berkurangan.

Jadual 3.22

Taburan Peratus IsiRumah Orang Asli Mengikut Peralatan IsiRumah dan Serata, Semenanjung Malaysia, 2000

Alat-alat isirumah	Jumlah isirumah Orang Asli	Jumlah isirumah (Semenanjung Malaysia)
Kereta	6.3	53.6
Motosikal	49.5	57.4
Basikal	13.6	32.5
Peti sejuk	14.2	81.1
Telefon talian tetap	47.6	62.7
Television	35.8	87.9
Video/VCD/DVD	11.0	56.6
Radio/hi-fi	5.5	81.7
Alat hawa dingin	0.8	16.6
Mesin basuh	6.2	69.4
Ketua gelombang mikro	0.8	14.6
Telefon bimbit	1.9	29.2
Komputer peribadi	0.6	14.9
Langganan internet	0.3	7.5
Tiada alat yang dinyatakan	20.5	5.6
Jumlah bilangan isirumah	24,368	3,886,740

Sumber: Norfariza 2008, *Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*
Jadual 5.7. ms.45.

Dalam masyarakat umum, kemudahan tandas adalah wajib di setiap rumah, sama ada di dalam atau di luar rumah. Walau bagaimanapun, Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 1991 mendapati 46.6 peratus unit perumahan Orang Asli tidak mempunyai kemudahan tandas (Jadual 3.24). Angka ini telah berkurangan kepada 36 peratus mengikut Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2000 dan dijangka terus berkurangan dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2010.

Jadual 3.23

Taburan Peratus IsiRumah Orang Asli Mengikut Bahan Binaan Dinding Rumah, Semenanjung Malaysia, 1991 dan 2000

Bahan binaan dinding luar	1991		2000	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Batu	1,992	9.2	5,612	20.0
Papan	9,958	47.8	12,341	43.9
Batu dan papan	1,600	7.7	3,670	13.0
Lain-lain ^a	7,361	35.3	6,504	23.1
Jumlah unit perumahan	20,841	100.0	28,127	100.0

Nota: ^a buluh, batang nibung atau pokok nipah

Sumber: Norfariza 2008 Orang Asli Di Semenanjung Malaysia 2008, Jadual 6.2. ms.49.

Jadual 3.24

Taburan Peratus Unit Perumahan Orang Asli Mengikut Jenis Tandas, 1991 dan 2000

Jenis Tandas	1991	2000
	Peratus	Peratus
Tarik	13.0	18.0
Curah	32.0	39.8
Lubang	6.0	5.7
Ruang tertutup di permukaan air	3.0	3.0
Tiada	46.6	36.0
Jumlah unit perumahan	100.0	100.0

Sumber: Norfariza 2008, Orang Asli Di Semenanjung Malaysia Rajah 6.2. ms.53.

Bagi menggalakkan masyarakat Orang Asli mengamalkan Cara Hidup Sihat melalui penggunaan tandas moden demi mengurangkan masalah jangkitan cacing, kerajaan telah membina tandas komuniti yang lengkap dengan kemudahan air bersih. Projek perintis ini dijalankan di Kampung Batu 16, Gombak, Selangor yang melibatkan seramai 65 orang dan 14 buah rumah (JAKOA 2001).

3.6.5 Pemilikan, Pembangunan Tanah dan Akta Orang Asli 1954

Mengikut rekod JAKOA sehingga 31 Disember 2010, tanah yang diduduki dan diusahakan oleh Orang Asli ialah seluas 134,370.95 hektar (331,896.25 ekar)³⁸. Secara keseluruhan nisbah bilangan KIR (keluarga) dengan keluasan tanah Orang Asli adalah tinggi iaitu 3.7 hektar (atau 9 ekar) bagi setiap KIR Orang Asli (Jadual 3.25). Walaupun tanah milik persendirian telah meningkat daripada 0.5 peratus pada tahun 2003 kepada 1.1 peratus pada tahun 2010, namun tanah milik individu, nisbahnya sangat kecil iaitu hanya 0.04 hektar (atau 0.1 ekar) bagi setiap KIR Orang Asli³⁹.

Manakala tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli hanya sekitar 15 peratus daripada tanah yang diduduki oleh Orang Asli. Kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli hanya meningkat sebanyak 3.87 hektar (0.02%) dalam tempoh 20 tahun (daripada 20,666.96 hektar pada tahun 1990 kepada 20,670.83 hektar pada tahun 2010).

Jika dilihat daripada jumlah keseluruhan tanah yang telah diluluskan untuk Orang Asli (keluasan tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli atau Rizab

³⁸1 hektar = 2.47 ekar.

³⁹Bil KIR atau keluarga Orang Asli tahun 2010 = 36,658.

Orang Asli ditambah dengan keluasan tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri tetapi belum diwartakan) didapati keluasan tanahnya semakin berkurangan (berkurangan sebanyak 9,783.99 hektar dalam tempoh 1990-2010).

Jadual 3.25

Keluasan Tanah Diduduki dan Diusahakan, 1990, 2003 dan 2010

No.		1990		2003		2010 ^d	
		Keluasan (Hektar)		Keluasan (Hektar)	%	Keluasan (Hektar)	%
1	Tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli ^a	20,666.96		19,222.15	15.0	20,670.83	15.4
2	Tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri tetapi belum diwartakan	36,076.33		28,760.86	22.4	26,288.47	19.6
3	Tanah yang telah dipohon oleh JAKOA daripada kerajaan negeri untuk dirizabkan kepada Orang Asli	67,019.46		79,715.53	62.1	85,987.34	64.0
4	Tanah milik persendirian Orang Asli untuk tujuan perumahan dan pertanian ^b			644.17	0.5	1,424.31	1.1
JUMLAH				128,342.71	100.0	134,370.95	100.0
Keluasan tanah yang telah diluluskan untuk Orang Asli (No.1 + No.2)		56,743.29		47,983.01	37.39	46,959.30	34.95
Pengurangan (-) ^c				(1990-2003) -8,760.28		(2003-2010) -1,023.71	
						(1990-2010) -9,783.99	

Nota: ^a seperti dinyatakan dalam Akta Orang Asli 1954, Seksyen 6 dan 7

^b untuk tahun 2010, 147.42 hektar untuk perumahan dan 1,276.89 untuk kegunaan pertanian

^c dikira daripada sumber di bawah

^d sehingga 31 Disember 2010

Sumber: i. JAKOA. 2011a. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli, 2011-2015 ms. 55-56;

ii. Nicholas, C. 2010. Orang Asli: Rights, Problems, Solutions Table 1, 2 & 3, ms.23-24

Menurut Nicholas, C. (2010: 29);

“we have found that when Orang Asli are required to be resettled or regrouped, they stand to lose from 70 to 80 per cent of their traditional territories. This was the case, for example, in the resettlement for the Sungai Selangor Dam in KKB”.

Menurut pihak JAKOA, permohonan untuk pembangunan dan pemilikan tanah untuk Orang Asli akan memakan masa yang panjang kerana tanah adalah hak kerajaan negeri dan JAKOA merupakan Jabatan di bawah kerajaan Persekutuan seperti yang tertakluk di bawah Akta Orang Asli 1954 (JAKOA 2011a).

Menurut AITPN (2008: 7);

“The government has the right to gazette lands as Orang Asli Reserve and to degazette the same. However, lands approved for gazetting as Orang Asli Reserves dating back to the 1960s were never officially gazetted. Some of these areas have been reclassified as State land or Malay Reserve land or given to individuals or corporations without the consent or knowledge of the Orang Aslis. In fact, the areas of the Orang Asli gazetted reserves have been decreasing over the years. For example, in 1990, 20,666.96 hectares was gazetted as Orang Asli Reserves. However, by 2003 only 19,222.15 hectares remained, with 1,444.81 hectares degazetted. During the same period, there was an increase in applications for de-gazetting of Orang Asli Reserves, from 67,019.46 hectares to 79,715.53 hectares. A majority of these new applications were to replace Orang Asli lands de-gazetted for development projects, such as the Kuala Lumpur International Airport and Selangor Dam or for new resettlement schemes”.

Selain itu, apabila tanah dirizabkan di bawah Akta Orang Asli 1954, Seksyen 7(1), tanah berkenaan akan menjadi Rizab Kerajaan Persekutuan di bawah perkara 85(5)(a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan.

“Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh Orang Asli sebagai suatu rizab Orang Asli (Akta 134, Seksyen 7(1))”

Walaupun Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak pemilikan harta di mana pelucutan harta hanya boleh dilakukan mengikut undang-undang dan dengan membayar pampasan yang mencukupi (Noor 'Ashikin et.al. 2011), pertikaian pemilikan dan pengambilan tanah tetap wujud kerana bagi masyarakat Orang Asli tanah yang mereka duduki adalah tanah peninggalan turun-temurun. "Tanah saka" atau "tanah adat" atau "tanah warisan" (*customary land*) dan "kawasan rayau" iaitu tanah milik bersama masyarakat Orang Asli di suatu kawasan yang telah lama diusahakan oleh keturunan sebelum mereka adalah warisan turun-temurun.

Wujud pertentangan antara konsep tanah saka/adat Orang Asli dengan peruntukan di Akta Orang Asli 1954, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 83. Pengambilan tanah bagi maksud persekutuan;

"Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan cara yang sama membatalkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah mana-mana perisytiharan rizab Orang Asli yang dibuat di bawah subseksyen (1). Akta Orang Asli 1954, Seksyen 7(3)".

"Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT), seksyen 3 APT menyatakan bahawa tanah boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) jika ia dikehendaki: (a) untuk sesuatu kemudahan awam; (b) oleh mana-mana orang atau badan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat PBN adalah berfaedah untuk pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada orang ramai amnya atau mana-mana kelas orang ramai; atau (c) untuk tujuan perlombongan atau kediaman, pertanian, perdagangan, industri atau tujuan rekreasi ataupun kombinasi daripada tujuan-tujuan tersebut" (Noor 'Ashikin et.al. 2011: 135).

"Perlembagaan Persekutuan, Perkara 83(1): Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tanah di sesuatu Negeri, yang bukan tanah beri hakmilik, dikehendaki bagi maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu, menghendaki Kerajaan Negeri itu, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu, untuk menyebabkan mana-mana tanah sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan diberikan kepada Persekutuan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan".

“The powers of acquisition as detailed in Article 83 of the Federal Constitution are moreover not fettered. That is, the land may be acquired in perpetuity and without restrictions as to the use of the land. Hence, not only is the federal Government empowered to obtain land for Orang Asli reserves, it may also acquire for the Orang Asli exclusive rights over particular tracts of land for specific purposes such as fishing, hunting, gathering, logging, mining, settlement...” (Nicholas, C. 2010:5).

Petikaian isu tanah saka atau tanah adat yang tidak diwartakan sebagai kawasan rizab Orang Asli biasanya akan diputuskan oleh makamah⁴⁰. Terdapat kes di mana mahkamah memutuskan bahawa tanah saka adalah hak Orang Asli dan pampasan harus diberi kepada masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, APT hanya membenarkan seseorang individu untuk mencabar jika tidak berpuas hati dengan pampasan yang diberikan dan bukannya berkaitan dengan keputusan kerajaan terhadap pengambilan tanah Orang Asli (Noor ‘Ashikin et.al. 2011: 135).

Antara kawasan-kawasan Orang Asli yang telah diambil untuk memberi laluan kepada projek pembangunan ialah seperti KLIA di Sepang, pusat pemulihan dadah di Serendah, pembinaan kawasan perumahan di Puchong dan Dengkil, kelab golf di Bukit Unggul dan Bangi, pembinaan universiti di Bangi dan Tapah, kawasan rekreasi di Ulu Yam dan Semenyih, empangan air di Kuala Kubu Baru dan Temenggor,

⁴⁰ Terdapat peruntukan berhubung dengan tanah adat orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan Perkara 90, peruntukan khas yang berhubung dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka.

lebuhraya di Kampar dan Dengkil, pusat beli belah dan kompleks pelabuhan di Setulang Laut Johor dan beberapa kawasan pertanian komersial (Nicholas, C. 2010).

Pengambilan tanah Orang Asli untuk tujuan pembangunan yang terkini ialah di sempadan Cameron Highlands-Lipis untuk Projek Hidroelektrik Hulu Jelai. Ia melibatkan sekitar 300 penduduk Orang Asli di tiga kampung iaitu Kampung Susu, Kampung Pinang dan Kampung Tiat. Setiap keluarga menerima pampasan antara RM21,825 hingga RM212,000 (Haris 2011).

Terdapat juga tanah rizab Orang Asli dijual kepada sektor swasta seperti yang berlaku di Mukim Tanjung Duabelas, Kuala Langat, Selangor apabila seluas 7,160 hektar tanah adat dijual kepada pihak swasta. Lanjutan isu tersebut, pada Julai 2011, Malam anak Gerchang mewakili 4,000 masyarakat Orang Asli kaum Temuan menfail saman di Mahkamah Tinggi Shah Alam berhubung aktiviti komersil yang didakwa dijalankan di tanah berkenaan termasuk perlombongan pasir. Mereka mendakwa hartanah seluas 7,160 hektar itu telah diperuntukan sebagai kawasan rezab Orang Asli serta merupakan tanah warisan dan tanah adat yang diwariskan kepada lebih 4,000 penduduk Orang Asli kaum Temuan sejak kira-kira 200 tahun dahulu. Pada 18 Jun 2012, Mahkamah Tinggi menolak permohonan defendan untuk mengenyepikan saman itu selepas mendapati terdapatnya alasan kukuh bagi meneruskan kes itu melalui perbicaraan penuh⁴¹.

⁴¹Malaysiakini, 29 Januari 2013 bertajuk "Kes tanah: Penghulu Orang Asli Temuan buat laporan polis.

Manakala antara kes-kes yang dibawa kepada keputusan berkaitan tanah Orang Asli ialah seperti seperti berikut (Salleh 2003: 9-10);

Adong bin Kuwau & Ors lwn Kerajaan Negeri Johor [1997] tanah yang selama ini menjadi kampung halaman dan tempat tinggal plaintif (sekumpulan masyarakat Orang Asli) telah diambil defendan untuk membina ampangan, untuk membolehkannya menjual air mentah ke Singapura. Apabila kes ini dirujuk ke mahkamah, Mahkamah Tinggi Johor Baru memutuskan bahawa hak plaintif pada tanah berkenaan hendaklah dihormati, lalu memerintahkan defendan membayar pampasan kepada plaintif. Terkilan dengan keputusan ini, Kerajaan Negeri Johor telah merayu ke Mahkamah Rayuan, di mana akhirnya rayuan ini ditolak. Dalam keputusannya, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa hak Orang Asli yang diiktiraf itu merangkumi hak untuk terus tinggal pada tanah yang telah sekian lama diduduki oleh nenek moyang mereka, dan hak ini tidak hilang atau dimansuhkan oleh undang-undang moden.

Sagong bin Tasi & 6 Ors lwn. Kerajaan Negeri Selangor [2002], plaintif telah diusir keluar dari kawasan mereka, sebidang tanah 38 ekar di Kampung Bukit Tampoi, Dengkil, Selangor. Tanah mereka ini dikehendaki untuk membina sebahagian daripada lebuh raya menuju ke KLIA. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi ialah sama ada plaintif ada hak pada tanah yang mereka duduki selama ini? Mahkamah putuskan, berasaskan keterangan, bahawa nenek moyang plaintif (Temuan tribe) telah menduduki tanah itu selama tidak kurang dari 210 tahun, yang menjadikan tanah itu “their customary and ancestral land”.

Penting bagi kita untuk memahami apa yang dikatakan hak Orang Asli pada tanah mereka. Mengikut hakim bicara, hak mereka ini termasuklah “hak bergerak dengan bebas pada tanah mereka, tanpa dihalang atau diganggu, dan untuk mencari kehidupan dari tanah itu” (the right to move freely about their land, without any form of disturbance or interference and also to live from the produce of the land itself). Beliau menegaskan bahawa hak ini selaras dengan pengiktirafan dunia mengenai hak Orang Asli, Hakim bicara menambah “To be in keeping with the worldwide recognition now being given to aboriginal rights, I conclude that the proprietary rights of the Orang Asli in their customary and ancestral lands is an interest in land and to the land. However, this right is limited to the area that forms their settlement only and is not to be extended to the jungles at large where they used to roam to forage for their livelihood in accordance with their tradition”.

Dalam kes Adong bin Kuwau & Ors lwn Kerajaan Negeri Johor [1997], pampasan yang perlu dibayar bukan berasaskan nilai tanah (kerana beliau tidak memiliki tanah). Pampasan dibayar berasaskan pada nilai apa-apa yang terdapat di permukaan tanah itu yang selama ini telah dinikmati. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bayaran pampasan kepada 52 Orang Asli daripada suku Jakun yang kehilangan tanah seluas

53,273 ekar sebanyak RM26.5 juta (selepas dicampur kadar bunga nilainya menghampiri RM30 juta) kerana kehilangan pendapatan untuk tempoh 25 tahun akan datang (Noor ‘Ashikin et.al. 2011; Nicholas 2010). Bagi kes Sagong bin Tasi & 6 Ors lwn. Kerajaan Negeri Selangor [2002], pampasan hanya diberi terhadap tanah yang didiami dan bukan terhadap tanah hutan /adat di mana mereka mencari makanan untuk hidup menurut tradisi mereka (Noor ‘Ashikin et.al. 2011)⁴².

Dalam kes yang lain, Koperasi Kijang Mas lwn Kerajaan Negeri Perak, 1992,

... “the Ipoh High Court, in deciding the case of Koperasi Kijang Mas & 3 others v Kerajaan Negeri Perak & 2 others, held that the State Government of Perak had breached the Aboriginal Peoples Act, 1954 (revised 1974) when it accepted Syarikat Samudera Budi Sdn. Bhd’s tender to log certain areas in Kuala Kangsar. These areas included lands which have been approved by the State Government as Aboriginal Reserves namely the Orang Asli regroupment schemes of RPS Sungei Banun and RPS Pos Legap. The High Court went on further to hold that Syarikat Samudera accordingly had no rights to carry on logging activities and that only Orang Asli as defined in the Aboriginal Peoples Act had the right to the forest produce in these reserves. (Nicholas, C. 2010:7).

Kecuali tanah rizab Orang Asli yang telah diwartakan dan tanah milik individu, tanah saka atau tanah adat dan kawasan rayau Orang Asli tidak dapat dibuktikan hakmilik dan sempadannya melalui satu dokumen yang berdaftar (geran tanah).

“Hak-hak Orang Asli terhadap tanah tidak digubal secara formal dalam undang undang Malaysia. Sistem perundangan berkaitan tanah yang dikanun secara formal adalah Kanun Tanah Negara 1965. Kepentingan terhadap tanah diberikan kepada individu hanya apabila mereka mendaftarkan tanah di Pejabat Pendaftaran Tanah. Tanah Orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi melalui tradisi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran mengikut undang undang tanah Malaysia dan oleh itu ianya diletakkan di bawah PBN” (Noor ‘Ashikin et.al. 2011; 139).

⁴²Rujuk juga Anuar Alias. 2007, *An Acquisition of Orang Asli Native Land in Malaysia: Perceptions and Challenges in Quantifying of the Compensation.*

“Di Malaysia, Orang Asli hanya dianggap sebagai penyewa (mere-tenants) terhadap tanah nenek moyang dan tiada hak milik sah diberikan kepada mereka. Hak Orang Asli boleh dibatalkan pada bila-bila masa sahaja oleh kerajaan”. (Noor ‘Ashikin et.al. 2011; 140).

“The Orang Aslis possess over 1,38,862.2 hectares of land but they are not recognized as the lawful owners of their lands. The Malaysian government maintains the obnoxious position that the Orang Aslis "have no rights in the land itself" as they are mere "tenants" on the lands they occupy”. (AITPN. 2008: 6)⁴³

Oleh kerana Orang Asli bukan pemilik sah sesuatu kawasan atau tanah, pampasan yang diberikan kepada mereka bukan berdasarkan nilai tanah tetapi gantirugi terhadap usaha mereka memajukan tanah dengan tanaman buah-buahan dan tanaman getah⁴⁴.

Seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Orang Asli 1954 Seksyen 11(1);

“Jika sesuatu masyarakat Orang Asli membuktikan suatu tuntutan terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah di atas mana-mana tanah Kerajaan yang diberi milik, diberikan, dipajakkan bagi apa-apa maksud, diduduki buat sementara waktu di bawah lesen atau selamanya dilupuskan, maka pampasan sedemikian rupa hendaklah dibayar kepada masyarakat Orang Asli itu sebagaimana yang didapati adil oleh Pihak Berkuasa Negeri”.

Isu pengambilan dan pampasan pengambilan tanah adat Orang Asli bertentangan dengan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Deklarasi ini menekankan hak Orang Asli terhadap tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah mereka miliki atau perolehi secara tradisional. Pengiktirafan dan perlindungan undang-undang harus meliputi hak mereka terhadap tanah, wilayah dan sumber-sumber ini dengan mengambil kira adat resam masyarakat Orang Asli tersebut (Noor ‘Ashikin et.al. 2011).

⁴³AITPN = *Asian Indigenous and Tribal Peoples Network*, NGO Orang Asli di peringkat antarabangsa yang terletak di Janakpuri, New Delhi, India.

⁴⁴Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), tidak menganggap Orang Asli sebagai pemilik yang sah mengikut undang-undang terhadap kawasan Orang Asli atau rezab Orang Asli, begitu juga, Akta 134 tidak memberikan mandat kepada Orang Asli untuk mendapatkan pampasan daripada pengambilan paksa kawasan Orang Asli atau rezab Orang Asli. Seksyen 11 Akta 134 menyatakan bahawa pampasan yang dibayar hanya terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah sahaja (Noor ‘Ashikin et.al. 2011; 140).

Bagi mengatasi masalah ini, JAKOA telah menyediakan kertas kerja Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli yang dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009. Mesyuarat pada dasarnya telah bersetuju⁴⁵;

- (a) pemberian hak milik tanah kepada Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli meliputi tapak rumah seluas $\frac{1}{4}$ hingga $\frac{1}{2}$ ekar dan tanah ladang seluas 2 hingga 6 ekar (tertakluk kepada keluasan tanah setempat atau kemampuan kerajaan negeri serta bilangan KIR tempatan)⁴⁶;
- (b) pemberimilikan tanah hanya diberikan kepada KIR Orang Asli yang ditakrifkan di bawah Seksyen 3 Akta 134⁴⁷;
- (c) tempoh pegangan selama-lamanya (*in perpetuity*)⁴⁸; dan
- (d) dikenakan sekatan kepentingan ke atas tanah tersebut seperti berikut;
 - i. tanah yang diberi milik tidak boleh disewa, dipajak, digadai atau dilepaskan secara lain kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN) selepas berunding dengan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli;
 - ii. tanah yang diberi milik tidak boleh dipindah milik selama 15 tahun oleh pemilik pertama; dan
 - iii. pindah milik hanya kepada Orang Asli sahaja.

⁴⁵Dipetik daripada kenyataan akbar Y.A.B Timbalan Perdana Menteri semperna Mesyuarat ke-65 Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009.

⁴⁶ Pemberian hakmilik tanah kepada KIR, geran individu akan memastikan hak Orang Asli ke atas tanahnya di samping tanah juga akan mempunyai nilai di pasaran. Walau bagaimanapun, pemberian hak individu akan berhadapan dengan masalah lain. Sehubungan itu pihak kerajaan perlu satu garis panduan yang jelas untuk difahami oleh masyarakat Orang Asli. Menurut Nicholas, C. 2010: 35; *“It should be noted that, although there are some Orang Asli who want individual titles, there are also those who do not as this will undermine their traditional rights to their communal territories. Also, with individual land titles, individual lots would be fixed in size and number, and their total area would invariably be smaller than what they are asserting traditional rights over. The community will also face problems with fixed-sized lots as it will not be able to cope with expanding households, in contrast to the traditional land tenure system which had the advantage of a relatively large traditional territory to fall back on”*.

⁴⁷Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 berkaitan takrif Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

⁴⁸Di negeri Melaka dalam Garis Panduan Pemakaian dan Pengeluaran Jadual III Kaedah Tanah Melaka 1966 dan Borang 5A Kanun Tanah Negara, Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil.1/2001 (PTG(M)A/A6/01/1 JLD.II) Bertarikh: 11 Januari, 2001 mengenai Dasar Pemberian Tanah Kepada Orang Asli di Negeri Melaka memaklumkan bahawa tanah-tanah perkampungan baru Orang Asli diberimilik kepada setiap KIR Orang Asli dengan keluasan $5\frac{1}{2}$ ekar, iaitu $\frac{1}{2}$ ekar untuk tapak rumah dan 5 ekar untuk kawasan ladang. Kawasan ladang akan diusahakan dengan tanaman getah dengan kerjasama pihak RISDA. Tempoh pajakan 99 tahun.

Mesyuarat juga memaklumkan bahawa tanah-tanah ini akan dimajukan terlebih dahulu melalui perjanjian antara kerajaan negeri dengan pihak pemaju. Tanah ladang akan dimajukan dengan tanaman kelapa sawit, getah atau tanaman lain sebelum hak milik dikeluarkan kepada KIR Orang Asli yang berkaitan. Selain itu, mesyuarat juga memutuskan supaya kawasan rayau dan tanah adat dibincangkan semula dengan kerajaan negeri yang berkaitan.

Pihak JAKOA telah mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Negeri yang meliputi cadangan alternatif dan cadangan perlaksanaannya seperti berikut (JAKOA 2011a: 59)⁴⁹;

- i. keluasan tanah dan tapak ladang daripada keluasan asal 2 hingga 6 ekar kepada 6 hingga 10 ekar;
- ii. pengiktifan kawasan rayau dengan penetapan sempadan
- iii. pemberian hak milik ke atas tanah yang belum diluluskan dan masih dalam permohonan serta warisan/adat; dan
- iv. kaedah bayaran pengurusan tanah di mana bayaran bagi pengsempadanan (kerja ukur) akan disediakan oleh kerajaan. Manakala bayaran premium dan cukai tanah akan didahulukan oleh pihak pemaju dan potongan akan dibuat ke atas peserta melalui dividen hasil ladang.

Hak istimewa Orang Asli juga tidak dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153 berbanding dengan hak kaum pribumi di negeri Sabah dan Sarawak.

“The Orang Aslis, literally meaning first peoples have been treated as second class Bhumiputras, sons of the soil. The Special Provision made under Article 153 of the Constitution of Malaysia only ensures “the special position of the Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak” and makes no reference to the Orang Aslis. The references to the Orang Aslis under Article 8(5)(c), Article 45(2), Article 160(2) and Article 89 of the Federal Constitution of Malaysia failed to address discrimination against the Orang Asli”.

⁴⁹Cadangan alternatif Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli ini akan dibentang dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang akan datang.

“The Orang Asli are referred to as ‘aborigine’ in Article 160(2) of the Federal Constitution. They are separate from the other indigenous groups mentioned therein viz. the Malays and the natives of Sabah and Sarawak who are unambiguously accorded special privileges and protection under Articles 153 and 161A. Article 153 in fact imposes a responsibility that enables, indeed obliges, the Yang DiPertuan Agung to provide these special privileges” (Nicholas, C. 2010:3).

Akta Orang Asli 1954 pada kali terakhir disemak semula hanya pada tahun 1974. Sehubungan itu, pihak JAKOA sedang menyiapkan draf pindaan/penambahbaikan/pemansuhan bahagian-bahagian tertentu akta ini bersesuaian dengan isu-isu pembangunan Orang Asli yang lebih relevan dengan masa kini.

Satu lagi masalah berkaitan dengan penempatan dan pembangunan tanah Orang Asli ialah masalah bencana alam. Mengikut rekod JAKOA, sebanyak 113 buah kampung Orang Asli telah dikenalpasti berisiko bencana alam sama ada tanah runtuh, banjir, ribut atau hakisan ombak. Antara masalah bencana alam yang menimpa perkampungan Orang Asli ialah;

- a. Banjir lumpur di perkampungan Orang Asli Kampung Banir, Pos Dipang, Kampar, Perak. Peristiwa yang berlaku pada 29 Ogos 1996 telah mengorbankan 44 nyawa Orang Asli. Daripada jumlah itu, lima lagi mangsa gagal dikesan sehingga kini. Penempatan baru Orang Asli Kampung Banir telah dibangunkan semula tidak jauh daripada lokasi kejadian asal.
- b. Tanah runtuh di Kampung Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands pada 7 Ogos 2011 mengorbankan 7 nyawa Orang Asli dan dua orang cedera parah. Seramai 137 KIR dan keluarga (1,100 orang penduduk) kini ditempatkan di penempatan sementara di Brinchang. Pihak kerajaan kini sedang dalam proses membangunkan semula perkampungan Sungai Ruil sebagai satu penempatan semula Orang Asli yang serba moden yang dijangka siap pada tahun 2015.
- c. Hakisan ombak dan banjir di Kg Teluk, Kg. Pantai dan Kampung Punjut, Batu Pahat, Johor. Sebanyak 67 buah keluarga telah dipindahkan ke kawasan perumahan baru yang siap dibina pada tahun 2010 (JAKOA 2011c:14).

3.6.6 Nilai dan Warisan Masyarakat Orang Asli

Menurut JAKOA (2011a) sebahagian kecil masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan bandar dan pinggir, kini mula dipengaruhi oleh nilai kebendaan dan bersikap individualistik berbanding dengan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Orang Asli pedalaman masih berpegang teguh kepada nilai-nilai kekeluargaan dan kehidupan seharian melalui kesinambungan amalan tradisi.

Orang Asli juga kaya dengan pengetahuan dan seni pertukangan, anyaman dan ilmu perubatan tradisional. Walau bagaimanapun, harta intelek Orang Asli masih longgar dan semakin pupus. Pengetahuan tradisi Orang Asli ini juga kurang direkodkan dalam bentuk ilmiah. Pengetahuan berkhazanah tersebut mempunyai nilai intelek dan wajar dipaten dan dikomersialkan. Setiap kaum mempunyai nilai pengetahuan dan nilai keseniannya sendiri⁵⁰. Sehubungan itu, *Focus Group* Pembangunan Orang Asli yang telah dibentuk pada Julai 2010 mencadangkan supaya kerajaan membangunkan *Traditional Knowledge Digital Library* dan membentuk konsep rakan pembangunan yang akan melibatkan penyelidik akademik, JAKOA dan masyarakat Orang Asli (JAKOA 2011a).

⁵⁰Rujuk juga Lye Tuck-Po. 2003. *The Significance of Forest to the Emergence of Batek Knowledge in Pahang, Malaysia*.

3.6.7 Perubahan Minda dan Kepimpinan Desa

Masyarakat Orang Asli sangat bergantung kepada subsidi dan bantuan kerajaan. Mereka perlu dibantu melalui program-program pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup dan peluang pekerjaan.

Orang Asli taat kepada ketua dan amat menghormati institusi batin. Batin memainkan peranan yang penting sebagai penggerak masyarakat dan sebagai orang tengah antara masyarakat Orang Asli dengan pihak/agensy kerajaan. Walau bagaimanapun, keupayaan dan kepimpinan kebanyakan batin tercabar kerana mereka berumur antara 40 hingga 70 tahun dengan tahap pendidikan dan kesihatan yang rendah.

3.7 Kesimpulan

Istilah Orang Asli mula digunapakai sejak tahun 1954 melalui pengenalan Akta Orang Asli dan penubuhan Jabatan yang khusus untuk masyarakat Orang Asli. Sebelum tahun 1954 Orang Asli dipanggil dengan pelbagai nama bergantung kepada cara hidup mereka.

Orang Asli merupakan kaum asal Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada tiga kaum utama iaitu Senoi (54.9%), Melayu-Proto (42.3%) dan Negrito (2.8%). Kaum Senoi dan Melayu-Proto berasal daripada utara Thailand, Burma dan Cambodia manakala, kaum Melayu-Proto berasal daripada kepulauan Indonesia. Sebahagian besar kaum Senoi menetap di bahagian tengah, Negrito di utara dan Melayu-Proto di selatan Semenanjung. Sehingga akhir 2010 terdapat seramai 178,197 Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada 36,658 keluarga di 852 buah perkampungan Orang Asli.

Petunjuk demografi Orang Asli sedikit berbeza dengan purata untuk jumlah penduduk Semenanjung Malaysia. Antaranya ialah kadar fertiliti yang tinggi, umur penengah yang rendah (17 tahun), nisbah tanggungan (keseluruhan) dan nisbah tanggungan kanak-kanak untuk Orang Asli yang tinggi dan jangka hayat yang rendah untuk wanita berbanding lelaki yang menyebabkan nisbah jantina pada tingkat umur 65, bilangan lelaki yang lebih ramai daripada wanita.

Perancangan pembangunan terutamanya infra-sosial Orang Asli mula diberi penekanan yang lebih tersusun selepas negara mencapai kemerdekaan 1957, terutamanya dalam tempoh DEB. Dalam rancangan pembangunan lima tahun terkini RMKe-10, penekanan diberi untuk meningkatkan lagi pemilikan tanah individu di kalangan masyarakat Orang Asli. Selain itu, terdapat peningkatan latihan keusahawanan dan program latihan kemahiran dalam perusahaan kecil dan koperasi. Di bawah pengurusan pihak JAKOA, terangkum tiga program pembangunan Orang Asli yang telah dilaksanakan iaitu program penempatan tersusun, program pembangunan ekonomi dan program pembangunan sosial.

Walaupun tingkat kemajuan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli terus meningkat, Orang Asli masih lagi dilihat sebagai *vulnerable segments of society*, dengan kadar kemiskinan dan keciciran pelajar yang tinggi, tahap kesihatan dan kemudahan infra-sosial yang rendah serta terjerumus dalam konflik penerokaan dan pemilikan tanah.

Masalah-masalah yang telah dikenalpasti berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi Orang Asli ialah masalah kemiskinan dan peluang pekerjaan yang terhad, kadar literasi dan tahap kesihatan yang rendah, kemudahan prasarana dan peralatan isi rumah yang terhad, masalah pemilikan, pembangunan tanah dan Akta Orang Asli 1954. Masalah-masalah lain dalam pembangunan masyarakat Orang Asli ialah masalah pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli yang makin pupus dan masalah perubahan minda dan kepimpinan desa.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan bab. Bab ini akan membincang metodologi yang digunakan dalam kajian ini untuk membandingkan pencapaian sosioekonomi antara program penempatan tersusun di Rancangan Penempatan Semula (RPS) dengan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK).

Bahagian kedua bab ini akan membincang reka bentuk kajian yang akan digunapakai bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Bahagian ini meliputi perbincangan mengenai bilangan, taburan dan jenis-jenis penempatan Orang Asli dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands. Ia juga membincang kawasan penempatan semula Orang Asli yang telah dipilih sebagai kawasan kajian dan kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian ini juga menghuraikan bagaimana prosedur pengumpulan data dan kerja lapangan dijalankan.

Bahagian ketiga bab ini akan membincang instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu melalui temubual bersemuka dengan responden berpandukan borang soalselidik. Ia juga membincang bahagian-bahagian, sub-bahagian, bilangan soalan dan bentuk jawapan yang terkandung dalam borang soalselidik.

Bahagian keempat bab ini akan membincang kaedah penganalisan data kajian secara deskriptif dan petunjuk demografi yang akan digunakan. Bahagian kelima adalah kesimpulan bab empat.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah secara deskriptif (tinjauan) yang berbetuk kuantitatif dan kualitatif (*mixed-method*) dengan menggunakan kaedah kajian kes (tinjauan/lapangan). Kajian menggunakan data primer yang diperoleh daripada borang soalselidik melalui proses temubual bersemuka dengan responden yang dipilih dalam kawasan kajian yang telah ditentukan.

Orang Asli menetap di perkampungan tradisional atau di penempatan semula (Rajah 4.1). Di kawasan perkampungan tradisional di pinggir bandar, kerajaan juga menyediakan bantuan perumahan dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Manakala di kawasan penempatan semula, setiap peserta akan menerima sebuah rumah serta dilengkapi dengan infra sosial seperti yang telah dibincangkan dalam bab tiga sebelum ini.


Responden kajian yang dipilih dalam kajian ini ialah KIR yang menetap di kawasan penempatan semula melalui Program Penempatan Tersusun (PPT) yang telah dijalankan, iaitu di kawasan Program Pengumpulan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK)⁵¹.

⁵¹Rujuk Bab 3; 3.5.1 Program Penempatan Tersusun (PPT); penempatan baru untuk Orang Asli yang lebih tersusun, dilengkapi dengan infrastruktur asas serta sumber ekonomi. Melibatkan beberapa komponen infra-sosial seperti rumah peserta, bekalan air, bekalan elektrik, jalan kampung, projek ekonomi. Program Penempatan Tersusun (PPT) boleh dibahagikan kepada Program Pengumpulan Semula (RPS); Program Penyusunan Semula Kampung (PPK); dan Rancangan Kampung Baru (RKB). RKB dijalankan di kawasan bersempadan Malaysia-Thailand, tiada RKB di negeri Pahang.

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Satu, objektif khusus kajian ini terbahagi kepada lima iaitu;

1. Mengenalpasti profil demografi KIR dan AIR di setiap kawasan kajian;
2. Menganalisis impak ekonomi dari segi jenis pekerjaan, lokasi tempat kerja dan pendapatan dan perbelanjaan setiap KIR;
3. Menilai sejauh mana Orang Asli dapat mengekalkan hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi di perkampungan yang baru (RPS dan PPK);
4. Mengenalpasti kepuasan Orang Asli terhadap kemudahan-kemudahan awam yang ada di perkampungan mereka dan apakah lain-lain kemudahan awam yang mereka perlukan; dan
5. Mengenalpasti pilihan lokasi penempatan semula dan rumah yang akan memenuhi kehendak masyarakat Orang Asli

Sehubungan itu, maklumat yang akan dikumpul daripada responden adalah bersesuaian dengan permasalahan dan objektif kajian. Secara amnya, maklumat ini terbahagi kepada lima iaitu maklumat demografi dan sosioekonomi KIR dan AIR (objektif 1 dan nombor 1 dalam Rajah 4.1), maklumat berkaitan impak ekonomi (2) dan sosial (3), jenis kemudahan awam yang ada telah ada dan yang diperlukan (4) dan pilihan KIR terhadap lokasi penempatan (kampung), jenis penempatan semula dan bantuan rumah (5).



Rajah 4.1
 Responden dan Maklumat Kajian
 Sumber: Lakaran Penyelidik

4.2.1 Kawasan Kajian

Dalam kajian kes ini, kawasan yang dipilih meliputi meliputi kampung-kampung Orang Asli yang terlibat dalam Program Penempatan Tersusun (PPT) dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands, Pahang. Parlimen Cameron Highlands meliputi semua mukim (Tanah Rata, Ringlet & Hulu Telom) dalam daerah Cameron Highlands dan mukim Hulu Jelai dalam daerah Lipis (Rajah 4.2). Parlimen Cameron Highlands juga boleh dibahagikan kepada dua Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Tanah Rata dan DUN Jelai.



Rajah 4.2

Daerah Cameron Highlands

Sumber: dipetik daripada Peta Daerah Cameron Highlands. Siri MY90001R, Edisi 2-PPNM, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2011.

Penempatan Orang Asli dalam mukim Tanah, Rata, Ringlet dan Hulu Telom daerah Cameron Highlands dibahagikan kepada empat jenis penempatan iaitu kawasan Pinggir Bandar, Kampung (Kg) Tradisional (Lembah Bertam), Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan program Penyusunan Semula Kampung (PPK)⁵² (Jadual 4.1).

⁵²Dalam dokumen JAKOA Cameron Highlands disebut Program Penempatan Kampung (PPK). Penyelidik menggunakan istilah Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) supaya selari dengan istilah yang digunakan oleh JAKOA Ibu Pejabat dan seperti dalam Bab1 dan Bab 3.

Di daerah Cameron Highlands, 19 peratus KIR Orang Asli tinggal di kawasan Pinggir Bandar, sembilan (9) peratus di Kg Tradisional (Lembah Bertam), 17 peratus di kawasan RPS dan 55 peratus di kawasan PPK. Terdapat sebanyak 27 buah kampung Orang Asli dalam daerah Cameron Highlands yang menempatkan seramai 1,031 KIR (keluarga) dengan jumlah penduduk seramai 6,081 orang.

Manakala di mukim Hulu Jelai, daerah Lipis, penempatan Orang Asli dibahagikan kepada tiga jenis penempatan iaitu kawasan Pinggir Bandar, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) (Jadual 4.2). Sebanyak 11 peratus KIR Orang Asli tinggal di kawasan Pinggir Bandar, 33 peratus di kawasan RPS dan 56 peratus di kawasan PPK.

Terdapat sebanyak 59 buah kampung Orang Asli dalam mukim Hulu Jelai yang menempatkan seramai 1,775 KIR dengan jumlah penduduk seramai 9,206 orang. Sekitar 90 penduduk Orang Asli dalam daerah Lipis bermastautin dalam mukim Hulu Jelai, bakinya bermastautin di dua buah kampung dalam mukim Kecaui, dua buah kampung di mukim Batu Yong dan dua buah kampung lagi di mukim Cheka.

Jadual 4.1
*Perkampungan Orang Asli di Mukim Tanah Rata, Ringlet dan Hulu Telom,
 Daerah Cameron Highlands*

		Mukim	KIR	%	Penduduk
Pinggir Bandar	Kg Sg Ruil	Tanah Rata	137	4.9	1100
	Kg Sg Ubi	Ringlet	60	5.8	300
	Jumlah		197	19.1	1400
Lembah Bertam (Kg Tradisional)	Kg Sg Kabuk	Ringlet	38	3.7	202
	Kg Sg Tiang	Ringlet	34	3.3	168
	Kg Sg Chohong	Ringlet	22	2.1	112
	Jumlah		94	9.1	482
RPS Terisu	Kg Sg Getan	Hulu Telom	40	3.9	197
	Kg Sg Telimau	Hulu Telom	44	4.3	275
	Kg Terisu	Hulu Telom	50	4.8	301
	Kg Sg Jarik	Hulu Telom	41	4.0	180
	Jumlah		175	17.0	953
PPK Menson	Kg Menson/Rantau	Hulu Telom	22	2.1	110
	Kg Kuala Boh	Hulu Telom	87	8.4	458
	Kg Panggeh	Hulu Telom	69	6.7	417
	Kg Leryar	Hulu Telom	52	5.0	264
	Kg Susu	Hulu Telom	32	3.1	158
	Kg Sg Relong	Hulu Telom	68	6.6	407
	Jumlah		330	32.0	1814
PPK Lemoi	Kg Telimau	Hulu Telom	18	1.7	130
	Kg Pos Lemoi	Hulu Telom	26	2.5	104
	Kg Chenan			1.3	
	Cherah	Hulu Telom	13		120
Jumlah		57	5.5	354	
PPK Telanok	Kg Sg Pinang	Hulu Telom	12	1.2	40
	Kg Rening LZ	Hulu Telom	28	2.7	129
	Kg Renglas	Hulu Telom	21	2.0	149
	Kg Cheros	Hulu Telom	26	2.5	151
	Kg Terakit	Hulu Telom	11	1.1	60
	Kg Abu	Hulu Telom	30	2.9	297
	Kg Sg Loon	Hulu Telom	10	1.0	59
	Kg Teji	Hulu Telom	29	2.8	139
	Kg Tiat	Hulu Telom	11	1.1	54
	Jumlah		178	17.3	1078
JUMLAH PPK			565	54.8	3246
JUMLAH CAMERON HIGHLANDS			1,031	100	6,081

Sumber: Pejabat JAKOA Cameron Highlands (tidak diterbitkan)

Jadual 4.2
Perkampungan Orang Asli di Hulu Jelai Daerah Lipis

		Mukim	KIR	%	Penduduk
Pinggir Bandar	Dusun Pak Senam	Hulu Jelai	44	2.5	200
	Kuala Koyan	Hulu Jelai	98	5.5	370
	Sg Padi	Hulu Jelai	56	3.2	365
	Jumlah		198	11.2	935
RPS Batau	Jelengok	Hulu Jelai	16	0.9	85
	Ulu Kenip	Hulu Jelai	28	1.6	184
	Chekai	Hulu Jelai	48	2.7	236
	Chelang	Hulu Jelai	29	1.6	119
	Kuala Kenip	Hulu Jelai	31	1.7	197
	Kuala Meter	Hulu Jelai	14	0.8	77
	Kuala Milut	Hulu Jelai	41	2.3	218
	Sat	Hulu Jelai	47	2.6	235
	Lancang	Hulu Jelai	21	1.2	102
	Limau	Hulu Jelai	5	0.3	27
	Samut	Hulu Jelai	24	1.4	117
	Sarang	Hulu Jelai	43	2.4	201
	Sentoi	Hulu Jelai	40	2.3	224
	Simoi Baru	Hulu Jelai	60	3.4	342
	Bertam/Belida	Hulu Jelai	31	1.7	145
	Tual Baru	Hulu Jelai	43	2.4	255
	Kabang Baru	Hulu Jelai	27	1.5	171
Ulu Milot	Hulu Jelai	34	1.9	15	
Jumlah		582	32.8	2950	
PPK Lanai	Kg Perangkap	Hulu Jelai	28	1.6	152
	Kg Bantal Serau	Hulu Jelai	18	1.0	87
	Kg Harong	Hulu Jelai	20	1.1	112
	Kg Suar	Hulu Jelai	4	0.2	45
	Kg Pantos	Hulu Jelai	29	1.6	150
	Kg Lanai Baru	Hulu Jelai	27	1.5	139
Jumlah		126	7.1	685	
PPK Lenjang	Bandar LZ	Hulu Jelai	22	1.2	104
	Kg Cheang	Hulu Jelai	24	1.4	115
	Kg Churuk	Hulu Jelai	8	0.5	27
	Kg Gempoh	Hulu Jelai	26	1.5	70
	Kg Kenderong	Hulu Jelai	42	2.4	181
	Kg Lenjang	Hulu Jelai	31	1.7	167
	Kg Ngening	Hulu Jelai	20	1.1	98
	Kg Rakoh	Hulu Jelai	27	1.5	91
	Kg Sg Jelai	Hulu Jelai	16	0.9	70
	Kg Simoi Lama	Hulu Jelai	16	0.9	110
	Kg Sop	Hulu Jelai	25	1.4	154
Kg Talut	Hulu Jelai	31	1.7	142	

	Kg Tangau	Hulu Jelai	22	1.2	105
		Jumlah	310	17.5	1434
PPK Sinderut	Belau	Hulu Jelai	32	1.8	193
	Cherong	Hulu Jelai	27	1.5	145
	Janggap	Hulu Jelai	24	1.4	113
	Kabang	Hulu Jelai	21	1.2	104
	Bertang	Hulu Jelai	41	2.3	234
	Bukit Long	Hulu Jelai	36	2.0	204
	Kuala Sinderut	Hulu Jelai	49	2.8	265
	Tidol	Hulu Jelai	48	2.7	235
	Tigol	Hulu Jelai	24	1.4	168
	Labu	Hulu Jelai	14	0.8	89
	Rangan	Hulu Jelai	17	1.0	87
	Regang	Hulu Jelai	34	1.9	264
	Saweh	Hulu Jelai	20	1.1	167
	Tual	Hulu Jelai	63	3.5	361
		Jumlah	450	25.4	2629
PPK Titom	Chincin	Hulu Jelai	14	0.8	93
	Jernang	Hulu Jelai	21	1.2	101
	Pos Titom	Hulu Jelai	38	2.1	191
	Cherues	Hulu Jelai	16	0.9	78
	Sempar	Hulu Jelai	20	1.1	110
			Jumlah	109	6.1
JUMLAH PPK			995	56.1	5321
JUMLAH ULU JELAI			1,775	63.3	9,206
JUMLAH PARLIMEN CAMERON HIGHLANDS			2,806	100.0	15,287

Sumber: Pejabat JAKOA Lipis (tidak diterbitkan)

Bagi keseluruhan kawasan Parlimen Cameron Highlands pula, 36.7 peratus perkampungan Orang Asli terletak dalam daerah Cameron Highlands manakala bakinya 64.3 peratus terletak dalam mukim Hulu Jelai daerah Lipis. Sebanyak 14.1 peratus daripada jumlah ini merupakan penempatan di kawasan pinggir, 3.3 peratus kampung tradisional, 27 peratus RPS dan 55.6 peratus PPK. Jumlah KIR yang terlibat dengan Program Penempatan Tersusun (RPS + PPK) ialah sebanyak 82.6 peratus.

Jadual 4.3
Jenis Penempatan Orang Asli, Parlimen Cameron Highlands

	Cameron Highlands	Hulu Jelai	JUMLAH (%)
Pinggir Bandar	7.0	7.1	14.1
Kg Tradisional	3.3	0	3.3
RPS	6.2	20.7	27.0
PPK	20.1	35.5	55.6
JUMLAH	36.7	63.3	100.0

Nota: dikira daripada Jadual 4.2 dan 4.3

Sumber: Pejabat JAKOA Cameron Highlands dan Lipis (tidak diterbitkan)

Bagi tujuan kajian ini, kawasan kajian yang dipilih ialah penempatan yang terlibat dengan Program Penempatan Tersusun (PPT), iaitu kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan kawasan yang terlibat dengan Penyusunan Semula Kampung (PPK).


Kawasan penempatan Orang Asli di pinggir bandar dan di kampung tradisional (Lembah Bertam) tidak diambil sebagai kawasan kajian kerana tidak terlibat secara langsung dengan RPS dan PPK. Penempatan pinggir bandar ini meliputi Kg Sungai Ruil dalam mukim Tanah Rata, Kg Sungai Ubi dalam mukim Ringlet dan Kg Dusun Pak Senam, Kg Kuala Koyan, Kg Sungai Padi dalam mukim Hulu Jelai. Kg Sungai Ruil terletak sekitar 3 km dari Tanah Rata menghala ke Brinchang, Kg Sungai Ubi, 4 km dari Tanah Rata ke Ringlet dan Kg Dusun Pak Senam, Kg Kuala Koyan, Kg Sungai Padi tidak jauh dari pekan Koyan.

Penduduk Kg Sungai Ruil yang seramai 1,100 orang, kini menetap di kawasan perumahan sementara di Brinchang akibat daripada tanah runtuh yang berlaku pada 7 Ogos 2011. Kampung ini, kini dalam proses membanguan semula yang dijangka siap pada tahun 2015. Kampung tradisional (Lembah Bertam) juga dikategorikan hampir dengan pinggir bandar kerana terletak lebih kurang 3 km dari pekan Ringlet.

Manakala PPK Lanai yang pada asalnya merupakan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) kini dikategorikan sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Penduduk daripada PPK Lanai kini telah berpindah ke Projek Desa Terpencil (PROSDET) Pantos.

PPK Lemoi dalam mukim Hulu Telom (Cameron Highlands) terpaksa dikeluarkan daripada kawasan kajian kerana kawasan tersebut tidak dapat dilawati oleh penyelidik dan pembanci semasa kerja lapangan dijalankan akibat hujan lebat dan tanah/jambatan runtuh. Selain itu, lokasi kawasan ini juga terletak jauh di pedalaman dan bilangan KIR yang sedikit, 57 KIR iaitu hanya sekitar tiga peratus daripada keseluruhan KIR di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Sebanyak lapan kawasan penempatan Orang Asli dalam mukim Hulu Telom (daerah Cameron Highlands) dan mukim Hulu Jelai (daerah Lipis) telah dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif kajian ini iaitu penempatan yang terlibat dengan Program Penempatan Tersusun (PPT). Kawasan-kawasan ini ialah RPS Terisu, RPS Batau, PROSDET Pantos, PPK Menson, PPK Telanok, PPK Lenjang, PPK Titom dan PPK Sinderut (Rajah 4.2).



- Petunjuk: ● kawasan kajian (RPS atau PPK)
 ■ Bandar/pekan utama
 Jalan raya

Nota: Lakaran penyelidikan dan tidak mengikut skala

Rajah 4.3

Kawasan Kajian

Sumber: dipetik daripada Peta Daerah Cameron Highlands dan Peta Lipis. Siri MY90001R, Edisi 2-PPNM, 0283-2011 dan 0249-2011, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

4.2.2 Responden dan Sampel Kajian

Responden kajian yang paling utama dalam kajian ini ialah KIR. KIR yang dipilih sebagai responden kajian akan ditemubual oleh penyelidik/pembanci berdasarkan borang soal selidik yang telah dirangka. Selain KIR, penyelidik juga mengadakan perbincangan dengan pegawai JAKOA daerah Cameron Highlands dan Lipis dan semua batin-batin (ketua kampung) yang terlibat dalam kawasan kajian.

Responden kajian yang dipilih daripada lapan kawasan penempatan Orang Asli dalam kawasan kajian (mukim Hulu Telom dan mukim Hulu Jelai) yang terbahagi kepada tiga RPS (termasuk PROSDET Pantos) dan lima PPK (Jadual 4.4).

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*). Kaedah ini digunakan bagi membolehkan KIR daripada setiap kampung dalam kawasan kajian yang dipilih berkebarangkalian menjadi responden kajian. Pemilihan sampel ini akan melalui dua peringkat. Pertama, menentukan bilangan sampel yang diperlukan untuk satu kawasan penempatan Orang Asli berdasarkan jumlah populasi kawasan penempatan tersebut. Kedua, menentukan bilangan sampel yang diperlukan oleh setiap kampung dalam kawasan penempatan tersebut.

Contoh, katakan kawasan penempatan Orang Asli ialah RPS_a yang mempunyai populasi KIR sebanyak N_{RPS} . RPS mengandungi tiga kampung, Kg_1 , Kg_2 dan Kg_3 dan setiap kampung mempunyai populasi KIR sebanyak N_{kg_1} , N_{kg_2} dan N_{kg_3} . Bilangan sample (S_{RPS}) yang diperlukan oleh RPS_a untuk populasi KIR sebanyak N_{RPS} akan ditentukan oleh jadual *Sample Size for a Given Population Size* (Sekaran, U.

1999. *Research Methods for Business: a Skill-building Approach*. New York: John Wiley & Sons. ms 295) (Lampiran 1). Selepas mengetahui bilangan sampel yang diperlukan untuk N_a , wajaran N_1 , N_2 dan N_3 akan digunakan bagi menentukan bilangan sampel yang diperlukan oleh Kg_1 , Kg_2 dan Kg_3 (Jadual 4.4).

Jadual 4.4

Pengiraan Saiz Sampel Peringkat Kawasan Penempatan dan Kampung

		N (bil KIR)	S (bil sampel)
RPS _a	Kg ₁	Nkg ₁	$S_1 = (Nkg_1 / N_{RPS}) \times S_{RPS}$
	Kg ₂	Nkg ₂	$S_2 = (Nkg_2 / N_{RPS}) \times S_{RPS}$
	Kg ₃	Nkg ₃	$S_3 = (Nkg_3 / N_{RPS}) \times S_{RPS}$
Jumlah		N_{RPS}	S_{RPS} (dipetik daripada Sekaran, U. 1999)

Berdasarkan *Sample Size for a Given Population Size* (Sekaran, U. 1999), bilangan sample yang diperlukan untuk setiap kawasan penempatan, mukim, daerah dan Parlimen Cameron Highlands adalah seperti dalam Jadual 4.5.

KIR yang dipilih sebagai responden kajian meliputi 51.6 peratus daripada KIR dalam kawasan penempatan Rancangan Penempatan Semula (RPS dan PROSDDET) dan sebanyak 56.6 peratus dalam Program Pensusunan Semula Kampung (PPK). Sampel daripada kawasan RPS mewakili 36.9 peratus dan daripada kawasan PPK mewakili sebanyak 63.1 peratus daripada jumlah populasi di kawasan RPS dan PPK. Jika mengikut mukim (daerah), sebanyak 62.8 peratus KIR dalam mukim Hulu Telom (daerah Cameron Highlands) dan 51.1 peratus dalam Mukim Hulu Jelai (daerah Lipis) dipilih sebagai sampel kajian.

Daripada keseluruhan kawasan kajian dalam Parlimen Cameron Highlands yang mempunyai populasi KIR seramai 2,260, seramai 1,235 KIR telah dipilih sebagai sampel kajian. Angka ini mewakili 54.6 peratus daripada keseluruhan populasi kawasan kajian dalam Parlimen Cameron Highlands.

Jumlah bilangan kampung yang terlibat dengan kajian ini ialah 23 buah kampung di RPS dan 46 buah kawasan PPK. Dari segi agihan mengikut mukim (daerah) pula, 18 buah kampung di Hulu Telum (Cameron Highlands) dan 51 buah kampung di mukim Hulu Jelai (Lipis). Keseluruhan kajian akan melibatkan sebanyak 69 buah kampung yang terlibat dengan program penyusunan semula dalam daerah Parlimen Cameron Highlands⁵³

Berdasarkan bilangan sampel untuk setiap kawasan penempatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5, bilangan populasi KIR di setiap kampung akan digunakan sebagai wajaran (*weighted*) bagi mendapatkan bilangan sampel yang diperlukan untuk di peringkat kampung (Jadual 4.6).

⁵³ Jumlah perkampungan Orang Asli dalam parlimen Cameron Highlands ialah sebanyak 86. Kajian ini akan melibatkan 69 buah kg, iaitu 80% daripada perkampungan Orang Asli dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Jadual 4.5

*Saiz Sampel Peringkat Kawasan Penempatan, Mukim, Daerah dan Parlimen
Cameron Highlands*

	Bil Kg	Mukim	Daerah	Bil KIR	Sample	
					Bil	%
RPS Terisu	4	Hulu Telom	Cameron Highlands	175	123	70.3
RPS Betau	18	Hulu Jelai	Lipis	582	236	40.5
PROSDET Pantos	1	Hulu Jelai	Lipis	126	97	77
JUMLAH	Bil	23		883	456	51.6
	%				36.9	
PPK Menson	5	Hulu Telom	Cameron Highlands	330	182	55.2
PPK Telanok	9	Hulu Telom	Cameron Highlands	178	124	69.7
PPK Lenjang	13	Hulu Jelai	Lipis	310	176	56.8
PPK Sinderut	14	Hulu Jelai	Lipis	450	210	46.7
PPK Titom	5	Hulu Jelai	Lipis	109	87	79.8
JUMLAH	Bil	46		1377	779	56.6
	%				63.1	
Mukim Hulu Telom	Bil	18		683	429	62.8
	%				34.7	
Hulu Jelai (Jelai)	Bil	51		1577	806	51.1
	%				65.3	
PARLIMEN	Bil	69		2260	1235	54.6
	%				54.6	

Jadual 4.6
Saiz Sampel Peringkat Kampung

		Bil KIR	Sample	Bil Responden	%
RPS Terisu	Kg Sg Getan	40	28	28	70.0
	Kg Sg Telimau	44	31	31	70.5
	Kg Terisu	50	35	35	70.0
	Kg Sg Jarik	41	29	29	70.7
JUMLAH		175	123	123	70.3
RPS Betau	Jelengok	16	6	8	50.0
	Ulu Kenip	28	11	13	46.4
	Chekai	48	19	21	43.8
	Chelang	29	12	14	48.3
	Kuala Kenip	31	12	14	45.2
	Kuala Meter	14	6	9	64.3
	Kuala Milut	41	16	18	43.9
	Sat	47	19	21	44.7
	Lancang	21	9	13	61.9
	Limau	5	2	3	60.0
	Samut	24	10	15	62.5
	Sarang	43	17	18	41.9
	Sentoi	40	16	19	47.5
	Simoi Baru	60	24	27	45.0
	Bertam/Belida	31	12	16	51.6
	Tual Baru	43	17	20	46.5
Kabang Baru	27	11	12	44.4	
Ulu Milot	34	14	17	50.0	
JUMLAH		582	236	278	47.8
PROSDET Pantos		126	97	97	77.0
PPK MENSON	Kg Menson/Rantau	22	12	12	54.5
	Kg Kuala Boh	87	48	48	55.2
	Kg Panggeh	69	38	38	55.1
	Kg Leryar	52	29	29	55.8
	Kg Susu	32	18	18	56.3
	Kg Sg Relong	68	37	37	54.4
JUMLAH		330	182	182	55.2
PPK TELANOK	Kg Sg Pinang	12	8	8	66.7
	Kg Rening LZ	28	19	21	75.0
	Kg Renglas	21	15	15	71.4
	Kg Cheros	26	18	18	69.2
	Kg Terakit	11	8	9	81.8

	Kg Abu	30	21	21	70.0
	Kg Sg Loon	10	7	7	70.0
	Kg Teji	29	20	20	69.0
	Kg Tiat	11	8	8	72.7
	JUMLAH	178	124	127	71.3
PPK LENJANG	Bandar LZ	22	12	12	54.5
	Kg Cheang	24	14	14	58.3
	Kg Churuk	8	5	5	62.5
	Kg Gempoh	26	15	15	57.7
	Kg Kenderong	42	24	24	57.1
	Kg Lenjang	31	18	18	58.1
	Kg Ngening	20	11	11	55.0
	Kg Rakoh	27	15	15	55.6
	Kg Sg Jelai	16	9	9	56.3
	Kg Simoi Lama	16	9	9	56.3
	Kg Sop	25	14	14	56.0
	Kg Talut	31	18	18	58.1
	Kg Tangau	22	12	12	54.5
	JUMLAH	310	176	176	56.8
PPK SINDERUT	Belau	32	15	15	46.9
	Cherong	27	13	13	48.1
	Janggap	24	11	11	45.8
	Kabang	21	10	10	47.6
	Bertang	41	19	19	46.3
	Bukit Long	36	17	17	47.2
	Kuala Sinderut	49	23	23	46.9
	Tidol	48	22	22	45.8
	Tigol	24	11	14	58.3
	Labu	14	7	6	42.9
	Rangan	17	8	8	47.1
	Regang	34	16	16	47.1
	Saweh	20	9	9	45.0
	Tual	63	29	30	47.6
	JUMLAH	450	210	213	47.3
PPK TITOM	Chincin	14	11	11	78.6
	Jernang	21	17	17	81.0
	Pos Titom	38	30	30	78.9
	Cherues	16	13	13	81.3
	Sempar	20	16	16	80.0
	JUMLAH	109	87	87	79.8

4.2.3 Prosedur Pengumpulan Data Dan Kerja Lapangan

Sebelum pengumpulan data dan kerja lapangan dijalankan, penyelidik telah menghubungi Ibu Pejabat JAKOA di Kuala Lumpur dan mengisi borang permohonan untuk menjalankan kajian di penempatan Orang Asli daerah Cameron Highlands dan Lipis. Selepas mendapat kebenaran daripada pihak JAKOA, penyelidik telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mendapatkan maklumat terkini data populasi Orang Asli, maklumat lokasi kampung, maklumat perancangan dan pembangunan Orang Asli dengan pihak JAKOA di Kuala Lumpur, JAKOA daerah Cameron Highlands dan JAKOA daerah Lipis.

Pada bulan Februari 2012, penyelidik telah mengadakan kajian rintis (*pre-testing*) ke atas 10 KIR di perkampungan Orang Asli Kg Leryar (PPK Menson) dan 10 KIR di Kg Getan (RPS Terisu). Selepas soal selidik diperbaiki berdasarkan kajian rintis yang telah dibuat pada Mac 2012, kerja lapangan telah dimulakan.

Kerja lapangan dijalankan oleh penyelidik dengan dibantu oleh seorang lapan orang pembanci dan dua orang pemandu kenderaan pacuan empat roda (4x4)⁵⁴. Pembanci terdiri daripada anak-anak Orang Asli di kawasan kajian yang berpendidikan minimum Sijil Pelajaran Malaysia. Semua pembanci dilatih dengan tatacara pertanyaan dan proses mengisi borang soal selidik sebelum kerja lapangan dimulakan. Soal selidik menggunakan bahasa Melayu, Walau bagaimanapun, pembanci akan

⁵⁴ Lapan (8) orang pembanci ini terdiri daripada 4 orang yang terlibat dari awal hingga akhir kerja lapangan dan 4 orang lagi yang dipilih daripada belia tempatan di kg kawasan kajian apabila penyelidik hendak mengadakan kerja lapangan di kg tersebut. Selain sebagai pembanci, 4 orang belia tempatan ini juga membantu sebagai penunjuk jalan dan rumah di kg yang berkenaan. Penyelidik (Ahli Parlimen Cameron Highland) dan pegawai JAKOA tidak terlibat semasa kerja lapangan bagi mengelakkan faktor bias semasa responden ditemubual oleh Pembanci.

menemubual responden dalam bahasa Semai atau dalam bahasa Melayu⁵⁵, supaya mudah difahami oleh Orang Asli di kawasan berkenaan. Sebelum kerja lapangan dimulakan, penyelidik akan memaklumkan kepada pihak JAKOA di daerah yang berkaitan tentang lawatan pihak penyelidik ke kampung-kampung yang berkaitan. Setelah tiba di kampung yang berkenaan penyelidik akan menemui Batin, memaklumkan tentang tujuan lawatan dan memperkenalkan pembanci-pembanci yang akan menemubual KIR-KIR di kawasan yang berkenaan.

Proses menemubual responden (KIR) akan bermula pada sekitar jam dua tengahari dan tamat sekitar jam enam petang. Masa ini dipilih kerana pada sebelah pagi ramai KIR keluar bekerja. Pembanci akan mengambil masa sekitar 30 minit untuk menemubual seorang responden dan dalam masa sehari seorang pembanci boleh menemubual lima orang responden. Kerja lapangan melibatkan 45 hari bekerja dalam tempoh tiga bulan iaitu mulai daripada pertengahan Mac 2012 hingga pertengahan Jun 2012.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soalselidik bersemuka dengan responden melalui kerja lapangan di kawasan kajian. Soalan-soalan dalam soalselidik dirangka berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Seperti yang telah dibincangkan dalam Rajah 4.4, maklumat yang akan dikumpul melalui borang soal selidik ialah maklumat demoesioekonomi KIR dan AIR, kepuasan terhadap kemudahan awam yang telah ada dan lain-lain kemudahan awam yang diperlukan, lokasi penempatan (kg), jenis penempatan dan bantuan rumah yang menjadi pilihan responden.

⁵⁵Sekitar 90% responden di kawasan kajian terdiri daripada kaum Senoi-Semai.

Borang soalselidik terbahagi empat (4) bahagian utama iaitu, maklumat KIR, maklumat AIR, maklumat penempatan sekarang dan maklumat rumah sekarang. Pecahan-pecahan bahagian dan sub-bahagian dalam borang soalselidik boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 4.7 (Lampiran 2 – Borang Soalselidik).

Jadual 4.7
Bahagian dan Sub-Bahagian dalam Borang Soalselidik

Bahagian	Sub-Bahagian	Bil soalan	Bentuk jawapan
A Maklumat KIR	A1 Demografi KIR	10	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
	A2 Pendapatan, pekerjaan utama, sampingan, lokasi pekerjaan - sekarang dan sebelum berpindah ke penempatan sekarang	13	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
B Maklumat AIR	B1 Demografi AIR	9	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
C Maklumat penempatan sekarang	C1 Jenis perkampungan, lama dibuka, tempat tinggal sebelum ini	4	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
	C2 Kepuasan terhadap penempatan sekarang – saiz, lokasi, peluang ekonomi	3	Skala Likert
	C3 Penggunaan dan kepuasan terhadap perkhidmatan awam yang disediakan dan lain-lain kemudahan awam yang diperlukan	10	Skala Guttman dan nyatakan (lain-lain kemudahan awam)
	C4 Pendapatan dan peluang ekonomi KIR dan AIR selepas berpindah ke penempatan sekarang	2	Skala Likert
	C5 Hubungan kemasyarakatan AIR selepas berpindah ke penempatan sekarang	8	Skala Likert
	C6 Mengekalkan amalan tradisi selepas berpindah ke penempatan sekarang	3	Skala Likert

		C7	Pilihan kampung	5	Pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
D	Maklumat rumah sekarang	D1	Jenis rumah, binaan dinding, bil bilik tidur, kemudahan tandas	4	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
		D2	Kenderaan persendirian utama	1	Pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
		D3	Pilihan rumah	7	Angka sebenar dan pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan
		D4	Peralatan asas yang dimiliki daripada yang telah disenaraikan	1	Skala Guttman dan nyatakan (lain-lain peralatan asas yang ada)

4.4 Penganalisaan Data

Dalam kajian ini, kawasan atau skim penempatan sekarang merujuk kepada tempat tinggal/kampung yang didiami sekarang iaitu pada masa temubual soslsedlidik dijalankan.

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 19.0 digunakan bagi menganalisis soalan-soalan kajian seperti yang telah disenaraikan dalam Jadual 4.7 bagi mendapatkan statistik deskriptif maklumat-maklumat yang diperlukan. Kaedah analisis yang digunakan ialah frekuensi, min dan *cross-tab*. Selain itu, kajian akan menggunakan *Paired Samples t-Test Statistics* (atau disebut juga sebagai *correlated groups t-test*) bagi membandingkan purata pendapatan KIR sebelum dan selepas berpindah.

Paired Samples T-Test Statistics (t)

$$t = \frac{\bar{D} - \mu_D}{s_d / \sqrt{n}}$$

$$s_d = \sqrt{\frac{SS_d}{n-1}}$$

$$SS_d = \sum D^2 - [(\sum D)^2/n]$$

Di mana;

$\mu_D = \mu_1 - \mu_2$ = perbezaan pendapatan sebelum (μ_1) dan selepas (μ_2) = D

$\sum D$ = jumlah perbezaan ($\mu_1 - \mu_2$)

$\bar{D} = \sum D / n$ = purata jumlah perbezaan

s_d = *standard deviation* perbezaan pendapatan sebelum dan selepas (μ_D)

n = bilangan sampel

Ujian Hipotesis

$H_0: \mu_D = 0$ (tiada perbezaan min pendapatan sebelum dan selepas berpindah)

$H_1: \mu_D > 0$ (min pendapatan selepas berpindah lebih besar daripada sebelum berpindah)

Hipotesis akan diuji pada $\alpha = 0.01$; iaitu pada 1 peratus darjah keertian (99% darjah keyakinan).

Kajian juga akan menggunakan beberapa petunjuk demografi seperti struktur umur, umur penengah (KIR & AIR), nisbah jantina dan nisbah tanggungan. Dapatan daripada analisis deskriptif dan petunjuk demografi ini juga akan digunakan untuk perbandingan impak ekonomi dan kepuasan di antara penempatan RPS dan PPK. Formula nisbah tanggungan dan nisbah jantina yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan formula yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan dalam banci penduduk.

Nisbah tanggungan terbahagi kepada tiga, iaitu nisbah tanggungan umur muda, nisbah tanggungan umur tua dan nisbah tanggungan keseluruhan. Manakala nisbah jantina pula, akan mengira bilangan penduduk perempuan bagi setiap 100 penduduk lelaki.

Formula yang digunakan ialah seperti berikut;

Nota: Nisbah tanggungan umur muda =
$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Nisbah tanggungan umur tua =
$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Nisbah tanggungan keseluruhan =
$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 + berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Nisban Jantina = (bil. penduduk perempuan / bil penduduk lelaki) x 100

Purata kadar pertumbuhan tahunan penduduk = $1/n [\ln (P_{t+n})/P_t] \times 100$

Di mana;

n=bilangan tahun antara tahun t dan tahun t+n,

P_t= jumlah penduduk pada tahun t,

P_{t+n}= jumlah penduduk pada tahun t+n, ln=logaritma asli

Kajian akan mengukur pendapatan peneroka daripada pelbagai sumber untuk mendapatkan jumlah pendapatan isi rumah bulanan purata dan pendapatan isi rumah bulanan purata perkapita bagi membandingkan kadar kemiskinan dan Koefisien Gini.

Langkah-langkah dalam mendapatkan jumlah pendapatan isi rumah bulanan purata (P) dan pendapatan isi rumah bulanan purata perkapita (P perkapita) ialah seperti berikut;

P1 =	Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
P2 =	Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR
P3 =	Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain
P4 =	Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah
P5 =	Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah + Jumlah pendapatan AIR
P perkapita =	P5/bilangan ahli isi rumah

Pendapatan isi rumah bulanan purata perkapita (P perkapita) dikira dengan membahagikan pendapatan isi rumah bulanan purata daripada semua sumber pendapatan dengan bilangan isi rumah. Bilangan ahli isi rumah untuk mengira P perkapita merujuk kepada bilangan keseluruhan ahli isi rumah (bilangan AIR+KIR).

Manakala bagi pendapatan bulanan KIR pula, ia akan dikira dengan menggabungkan pendapatan daripada pekerjaan utama, sampingan dan lain-lain sumber pendapatan KIR. Semua pendapatan/ bantuan yang berbentuk tahunan dibahagikan dengan 12 (bulan) bagi mendapatkan amaun bulanan. Manakala pendapatan (bantuan) yang diterima setiap enam bulan akan dibahagikan dengan enam bagi mendapatkan amaun bulanan.

Dengan menggunakan pendapatan isi rumah bulanan purata perkapita, kajian akan mengira kadar kemiskinan berdasarkan Jumlah Pendapatan Garis Kemiskinan (*Poverty Line Income, Total*), 2008 untuk negeri Pahang, bagi kawasan luar bandar iaitu RM850 sebulan, untuk purata bilangan. isi rumah seramai 6 orang. KIR yang menerima pendapatan isi rumah bulanan purata perkapita yang kurang daripada RM141.7 sebulan ditakrif sebagai miskin.

Kajian juga akan menggunakan Koefisien Gini (pekali Gini) bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan daripada pelbagai sumber (Y1 hingga Y5).

Formula untuk mengukur Koefisien Gini ialah seperti berikut;

$$\text{Koefisien Gini} = \frac{5,000 - \text{luas kawasan yang diliputi oleh keluk Lorenz}}{5,000}$$


$$\text{Luas kawasan keluk Lorenz} = \sum_{i=1}^n (\text{PRG}_i \text{ PIPCG}_{i-1}) + 0.5(\text{PRG}_i \text{ PIG}_i)$$

$$\text{Koefisien Gini} = \frac{5,000 - \sum_{i=1}^n (\text{PRG}_i \text{ PIPCG}_{i-1}) + 0.5(\text{PRG}_i \text{ PIG}_i)}{5,000}$$

Nota;

- i = number kumpulan
- n = bilangan kumpulan
- PRG_i = % reponden dalam kumpulan pertama
- PIG_i = % pendapatan dalam kumpulan pertama
- PIPCG_{t-1} = % pendapatan kumulatif kumpulan terdahulu (t-1)

Nilai Koefisien Gini ialah antara 0.0 hingga 1.0, lebih besar nilai Koefisien Gini bermaksud lebih besar ketidakseimbangan pendapatan di kawasan kajian. Nilai Koefisien bersamaan dengan 0.0 bermaksud agihan pendapatan adalah sempurna (*perfect distribution*) dan jika nilainya bersamaan dengan 1.0 bermaksud agihan pendapatan tidak seimbang sempurna.



Rajah 4.4
Keluk Lorens dan Koefisien Gini

Kajian akan mengukur kepuasan KIR di kawasan kajian berdasarkan lima indikator iaitu iaitu;

1. Peluang ekonomi (E)
2. Hubungan kemasyarakatan (K)
3. Keupayaan mengekalkan amalan tradisi (T)
4. Saiz dan lokasi kampung dan rumah (P)
5. Kemudahan perkhidmatan awam (A)

Nota: () singkatan untuk indikator berkaitan

Setiap lima indikator ini terbahagi kepada beberapa sub-indikator seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian instrument kajian yang lepas iaitu;


1. Peluang ekonomi iaitu (E);
 - E1. Peluang ekonomi di kampung/skim sekarang
 - E2. Peluang untuk peningkatan pendapatan KIR di kampung/skim sekarang
 - E3. Peluang untuk meningkatkan pendapatan AIR di kampung/skim sekarang
2. Hubungan kemasyarakatan (K)
 - K1. Hubungan kekeluargaan KIR
 - K2. Hubungan KIR dengan masyarakat setempat (kampung)
 - K3. Hubungan KIR dengan masyarakat luar
 - K3. Hubungan KIR dengan Batin
 - K5. Hubungan KIR dengan ketua agama/imam
 - K6. Hubungan KIR dengan pegawai JAKOA
 - K7. Hubungan KIR dengan Wakil Rakyat
 - K8. Hubungan KIR dengan Wakil Parlimen
3. Keupayaan mengekalkan amalan tradisi (T)
 - T1. Mengekalkan tradisi/amalan dalam upacara perkahwinan
 - T2. Mengekalkan tradisi/amalan dalam upacara keagamaan
 - T3. Mengekalkan tradisi/amalan dalam upacara keramaian dan Sewang
4. Saiz dan lokasi perkampungan/skim sekarang
 - P1. Kepuasan terhadap saiz kampung/skim sekarang
 - P2. Kepuasan terhadap lokasi kampung/skim sekarang
5. Kemudahan perkhidmatan awam (A), merangkumi lapan sub-indikator perkhidmatan awam dan satu indicator perkhidmatan persendirian (kedai runcit) iaitu
 - A1. Pengangkutan awam (Bas)
 - A2. Jalan berturap ke kawasan kampung
 - A3. Jalan berturap dalam kawasan kampung
 - A4. Balai Raya
 - A5. Sekolah Rendah

- A6. Telefon awam
- A7. Rumah ibadat
- A8. Balai adat
- A9. Kedai runcit

Untuk semua indikator-indikator satu hingga empat iaitu, Ekonomi, Kemasyarakatan, Tradisi, Saiz dan lokasi Kampung/Rumah, tahap kepuasan akan diukur sama ada kepuasan meningkat, tidak berubah atau berkurangan (tiga petunjuk aras). Manakala bagi indikator kelima, perkhidmatan kemudahan awam, tahap kepuasan akan diukur sama ada berpuas hati dan tidak berpuas hati dengan kemudahan awam yang telah disediakan (dua petunjuk aras).

Peringkat-peringkat dalam mengukur kepuasan adalah seperti berikut (Rajah 4.5);

1. Peringkat pertama iaitu tahap kepuasan setiap sub-indikator (contoh E1, E2 dan E3)
2. Peringkat kedua iaitu tahap kepuasan meningkat, tidak berubah atau berkurangan untuk indikator ekonomi (E), kemasyarakatan (K), tradisi (T), dan perumahan (P). Manakala berpuas hati atau tidak berpuas hati bagi indikator kemudahan awam (A)
3. Peringkat ketiga itu menyeragamkan semula semua petunjuk aras kepuasan kepada dua iaitu berpuas hati atau tidak berpuas hati (seperti indikator A). Tahap kepuasan berpuas hati merujuk kepada kepuasan yang meningkat. Manakala tahap tidak berpuas hati merujuk kepada tahap kepuasan tidak berubah dan berkurangan untuk indikator E,K,T dan P.
4. Peringkat keempat iaitu membandingkan secara aggregate (keseluruhan) tahap kepuasan berpuas hati dengan tidak berpuas hati di antara kawasan RPS dan PPK.



Rajah 4.5
Peringkat-Peringkat Analisis Kepuasan

Jika; M = Meningkatkan; TB = Tidak Berubah; B Berkurangan
 BH = Berpuas Hati; TBH = Tidak Berpuas Hati
 s = bilangan KIR; N = Populasi (jumlah)

Peringkat 1: Perbandingan setiap sub-indikator, RPS dan PPK bagi kepuasan meningkat, tidak berubah dan berkurangan untuk indikator Ekonomi, Kemasyarakatan, Tradisi dan Perkampungan; dan berpuas hati atau tidak berpuas hati bagi indikator perkhidmatan awam.

1. Kepuasan Ekonomi (E)

$(sE_1M / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sE_1TB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sE_1B / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sE_nM / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$
 $(sE_nTB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$
 $(sE_nB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$

$(sE_1M / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ PPK}$
 $(sE_1TB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ PPK}$
 $(sE_1B / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator E, sub-indikator } E_1, \text{ PPK}$
 $(sE_nM / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ PPK}$
 $(sE_nTB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ PPK}$
 $(sE_nB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator E, sub-indikator } E_n, \text{ PPK}$

2. Kepuasan hubungan Kemasyarakatan (K)

$(sK_1M / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ RPS}$
 $(sK_1TB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ RPS}$
 $(sK_1B / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ RPS}$
 $(sK_nM / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ RPS}$
 $(sK_nTB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ RPS}$
 $(sK_nB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ RPS}$

$(sK_1M / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ PPK}$
 $(sK_1TB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ PPK}$
 $(sK_1B / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator K, sub-indikator } K_1, \text{ PPK}$
 $(sK_nM / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ PPK}$
 $(sK_nTB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ PPK}$
 $(sK_nB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator K, sub-indikator } K_n, \text{ PPK}$

3. Kepuasan mengekalkan amalan Tradisi (T)

$(sT_1M / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sT_1TB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator T, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sT_1B / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator T, sub-indikator } E_1, \text{ RPS}$
 $(sT_nM / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$
 $(sT_nTB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator T, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$
 $(sT_nB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator T, sub-indikator } E_n, \text{ RPS}$

$(sT_1M / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, sub-indikator } T_1, \text{ PPK}$
 $(sT_1TB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator T, sub-indikator } T_1, \text{ PPK}$
 $(sT_1B / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator T, sub-indikator } T_1, \text{ PPK}$
 $(sT_nM / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, sub-indikator } T_n, \text{ PPK}$
 $(sT_nTB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator T, sub-indikator } T_n, \text{ PPK}$
 $(sT_nB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator T, sub-indikator } T_n, \text{ PPK}$

4. Kepuasan terhadap saiz dan lokasi Perkampungan/skim sekarang (P)

$(sP_1M / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ RPS}$
 $(sP_1TB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ RPS}$
 $(sP_1B / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ RPS}$
 $(sP_2M / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ RPS}$
 $(sP_2TB / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ RPS}$
 $(sP_2B / N_{RPS}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ RPS}$

$(sP_1M / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ PPK}$
 $(sP_1TB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ PPK}$
 $(sP_1B / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator P, sub-indikator } P_1, \text{ PPK}$
 $(sP_2M / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ PPK}$
 $(sP_2TB / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan tidak berubah indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ PPK}$
 $(sP_2B / N_{PPK}) = \% \text{ peratus kepuasan berkurangan indikator P, sub-indikator } P_2, \text{ PPK}$

5. Kepuasan terhadap perkhidmatan kemudahan Awam yang disediakan (A)

$(sA_1BH / N_{RPS}) = \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, sub-indikator } A_1, \text{ RPS}$
 $(sA_1TBH / N_{RPS}) = \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, sub-indikator } A_1, \text{ RPS}$
 $(sA_nBH / N_{RPS}) = \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, sub-indikator } A_n, \text{ RPS}$
 $(sA_nTBH / N_{RPS}) = \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, sub-indikator } A_n, \text{ RPS}$

$(sA_1BH / N_{PPK}) = \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, sub-indikator } A_1, \text{ PPK}$
 $(sA_1TBH / N_{PPK}) = \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, sub-indikator } A_1, \text{ PPK}$
 $(sA_nBH / N_{PPK}) = \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, sub-indikator } A_n, \text{ PPK}$
 $(sA_nTBH / N_{PPK}) = \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, sub-indikator } A_n, \text{ PPK}$

Peringkat 2: Perbandingan di kawasan RPS dan PPK bagi indikator Ekonomi, Kemasyarakatan, Tradisi dan Perkampungan, bagi kepuasan meningkat, tidak berubah dan berkurangan.

1. RPS

$$[sE_1M + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, RPS}$$

$$[sK_1M + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, RPS}$$

$$[sT_1M + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, RPS}$$

$$[sP_1M + sP_2M) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, RPS}$$

$$[sE_1TB + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator E, RPS}$$

$$[sK_1TB + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator K, RPS}$$

$$[sT_1TB + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator T, RPS}$$

$$[sP_1TB + sP_2M) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator P, RPS}$$

$$[sE_1B + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator E, RPS}$$

$$[sK_1B + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator K, RPS}$$

$$[sT_1B + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator T, RPS}$$

$$[sP_1B + sP_2M) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator P, RPS}$$

2. PPK

$$[sE_1M + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator E, PPK}$$

$$[sK_1M + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator K, PPK}$$

$$[sT_1M + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator T, PPK}$$

$$[sP_1M + sP_2M) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan meningkat indikator P, PPK}$$

$$[sE_1TB + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator E, PPK}$$

$$[sK_1TB + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator K, PPK}$$

$$[sT_1TB + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator T, PPK}$$

$$[sP_1TB + sP_2M) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan T/Berubah indikator P, PPK}$$

$$[sE_1B + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator E, PPK}$$

$$[sK_1B + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator K, PPK}$$

$$[sT_1B + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator T, PPK}$$

$$[sP_1B + sP_2M) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus kepuasan Berkurangan indikator P, PPK}$$

Perbandingan di kawasan RPS dan PPK bagi indikator kemudahan awam bagi Berpuas hati dan tidak berpuas hati

1. RPS

$$[sA_1BH + sA_2BH, \dots + sA_nBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, RPS}$$

$$[sA_1TBH + sA_2TBH, \dots + sA_nTBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, RPS}$$

2. PPK

$$[sA_1BH + sA_2BH, \dots + sA_nBH) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, PPK}$$

$$[sA_1TBH + sA_2TBH, \dots + sA_nTBH) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati A, PPK}$$

Peringkat 3: Perbandingan di antara kawasan RPS dan PPK bagi berpuas hati dan tidak berpuas hati untuk setiap indikator.

1. RPS

$[(sE_1M + sE_2M, \dots + sE_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator E, RPS}$
 $[(sE_1TB + sE_2TB, \dots + sE_nTB) + (sE_1B + sE_2B, \dots + sE_nB)] / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator E (ekonomi), RPS}$

$[(sK_1M + sK_2M, \dots + sK_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator K, RPS}$
 $[(sK_1TB + sK_2TB, \dots + sK_nTB) + (sK_1B + sK_2B, \dots + sK_nB)] / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator K (kemasyarakatan), RPS}$

$[(sT_1M + sT_2M, \dots + sT_nM) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator T, RPS}$
 $[(sT_1TB + sT_2TB, \dots + sT_nTB) + (sT_1B + sT_2B, \dots + sT_nB)] / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator T (tradisi), RPS}$

$[(sP_1M + sP_2M) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator P, RPS}$
 $[(sP_1TB + sP_2TB) + (sP_1B + sP_2B)] / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator P (saiz dan lokasi perkampungan/rumah), RPS}$

$[sA_1BH + sA_2BH, \dots + sA_nBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator A, RPS}$
 $[sA_1TBH + sA_2TBH, \dots + sA_nTBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator A (perkhidmatan awam), RPS}$

Peringkat 4: Perbandingan RPS dan PPK untuk semua indikator.

1. RPS

$[(sE_1M + sE_2M, \dots + sE_nM) + (sK_1M + sK_2M, \dots + sK_nM) + (sT_1M + sT_2M, \dots + sT_nM) + (sP_1M + sP_2M) + (sA_1BH + sA_2BH, \dots + sA_nBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator E + K + T + P + A, RPS}$

$[(sE_1TB + sE_2TB, \dots + sE_nTB) + (sE_1B + sE_2B, \dots + sE_nB) + (sK_1TB + sK_2TB, \dots + sK_nTB) + (sK_1B + sK_2B, \dots + sK_nB) + (sT_1TB + sT_2TB, \dots + sT_nTB) + (sT_1B + sT_2B, \dots + sT_nB) + (sP_1TB + sP_2TB) + (sP_1B + sP_2B) + sA_1TBH + sA_2TBH, \dots + sA_nTBH) / N_{RPS}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator E + K + T + P + A, RPS}$

2. PPK

$[(sE_1M + sE_2M, \dots + sE_nM) + (sK_1M + sK_2M, \dots + sK_nM) + (sT_1M + sT_2M, \dots + sT_nM) + (sP_1M + sP_2M) + (sA_1BH + sA_2BH, \dots + sA_nBH) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus berpuas hati indikator E + K + T + P + A, PPK}$

$[(sE_1TB + sE_2TB, \dots + sE_nTB) + (sE_1B + sE_2B, \dots + sE_nB) + (sK_1TB + sK_2TB, \dots + sK_nTB) + (sK_1B + sK_2B, \dots + sK_nB) + (sT_1TB + sT_2TB, \dots + sT_nTB) + (sT_1B + sT_2B, \dots + sT_nB) + (sP_1TB + sP_2TB) + (sP_1B + sP_2B) + sA_1TBH + sA_2TBH, \dots + sA_nTBH) / N_{PPK}] = \sum \% \text{ peratus tidak berpuas hati indikator E + K + T + P + A, PPK}$

4.5 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian yang pertama dijalankan bagi menilai impak penempatan semula di kalangan masyarakat Orang Asli di Parlimen Cameron Highlands. Kawasan kajian meliputi tiga mukim dalam daerah Cameron Highlands (Tanah Rata, Ringlet & Hulu Telom) dan mukim Hulu Jelai dalam daerah Lipis. Jumlah KIR Orang Asli dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands ialah seramai 2,806 dengan jumlah penduduk seramai 15,287 orang.

Kajian deskriptif ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif (*mixed-method*) dengan menggunakan kaedah kajian kes bagi mengutip data primer yang diperoleh melalui temubual dengan masyarakat Orang Asli di kawasan kajian. Instrumen kajian ini ialah melalui borang soalselidik dan responden kajian terdiri daripada KIR yang terlibat dengan Program Penempatan Tersusun (PPT), sama ada Program Pengumpulan Semula (RPS) atau program Penyusunan Semula Kampung (PPK).

Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis impak sosioekonomi daripada program penempatan semula. Kajian juga akan mengenalpasti kepuasan dan keperluan Orang Asli terhadap kemudahan-kemudahan awam yang ada telah disediakan dan mengenalpasti pilihan lokasi dan rumah yang dikehendak oleh masyarakat Orang Asli. Kajian menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) supaya KIR daripada setiap kampung yang dipilih dalam kawasan kajian berkebarangkalian menjadi responden kajian.

Kerja lapangan mengambil masa lima bulan dan telah bermula Februari 2012 dan tamat pada Jun 2012 dengan bantuan lapan orang pembanci. Sebanyak 1,235 KIR

telah ditemubual yang meliputi 37 peratus di kawasan Program Pengumpulan Semula (RPS) dan 63 peratus di kawasan program Penyusunan Semula Kampung (PPK). Keseluruhan bilangan responden (KIR) mewakili 54.6 peratus daripada jumlah KIR dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Kajian mendapat kerjasama daripada masyarakat Orang Asli dan kakitangan pejabat JAKOA Cameron Highlands dan Lipis. Cabaran utama semasa menjalankan kerja lapangan ialah lokasi perkampungan Orang Asli yang berselerak. Selain itu, terdapat juga kampung yang jauh di pedalaman dan penyelidik terpaksa menggunakan khidmat dua buah kenderaan pancuan empat roda (4wd) untuk membawa pembanci ke kawasan kajian dan bermalam di beberapa buah kampung sepanjang kerja lapangan dijalankan.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada enam bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan bab. Bab kedua akan membincang dapatan kajian daripada objektif pertama kajian iaitu mengenalpasti profil demografi KIR dan AIR di setiap kawasan kajian. Manakala, bahagian ketiga bab ini akan menjawab objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis impak ekonomi daripada segi jenis pekerjaan, lokasi tempat kerja dan pendapatan serta perbelanjaan setiap KIR. Seterusnya bahagian keempat bab ini akan membincang sejauh mana Orang Asli dapat mengekalkan hubungan kemasyarakatan, kepercayaan dan tradisi di perkampungan yang baru, yang merupakan objektif kajian ketiga kajian ini.

Bahagian kelima bab ini akan menjawab objektif kajian keempat iaitu mengenalpasti kepuasan Orang Asli terhadap kemudahan-kemudahan awam yang ada di perkampungan mereka dan keperluan kemudahan awam yang lain-lain. Manakala bahagian keenam bab ini akan membincang dapatan kajian daripada objektif kelima kajian iaitu mengenalpasti pilihan lokasi penempatan semula dan jenis rumah yang akan memenuhi kehendak masyarakat Orang Asli.

Bahagian terakhir bab ini iaitu bahagian ketujuh ialah kesimpulan dapatan kajian. Ia akan membincang kesimpulan kajian dari segi profil sosio-demografi, impak ekonomi, kemasyarakatan, keupayaan mengekalkan tradisi, kepuasan terhadap kemudahan awam, lokasi perkampungan dan pilihan rumah. Bahagian ini juga akan

membincang kesimpulan secara keseluruhan dari segi kepuasan meningkat atau berkurangan dan KIR berpuas hati atau tidak dengan skim sekarang.

5.2 Profil Sosio-Demografi

5.2.1 Agihan Mengikut Kaum

Hampir keseluruhan responden kajian terdiri daripada kaum Senoi, suku Semai dan Termiar. Hanya satu peratus terdiri daripada kaum-kaum lain. Di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), 95.8 peratus terdiri daripada kaum Senoi iaitu suku Semai, dua peratus daripada suku Temiar dan bakinya 2.2 peratus daripada kaum-kaum lain. Manakala di kawasan Program Penempatan Semula Kampung (PPK), 98.1 peratus terdiri daripada kaum Senoi, iaitu suku Semai, 1.7 peratus suku Temiar dan hanya 0.3 peratus daripada kaum-kaum lain (Jadual 5.1).

Jadual 5.1
Agihan Responden Mengikut Kaum

	Jumlah ^a		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Senoi						
Semai	1,199	97.2	435	95.8	764	98.1
Termiar	22	1.8	9	2.0	13	1.7
Lain-lain	12	1.0	10	2.2	2	0.3
Jumlah	1,233	100	454	100	779	100

Nota; ^aJumlah = keseluruhan kawasan kajian (RPS + PPK)

Sumber: Soalselidik Kajian

5.2.2 Struktur Umur dan Jantina

Dari segi struktur umur KIR, sebahagian besar KIR berada dalam sela umur 25 hingga 44 tahun terutamanya dalam sela 35 hingga 44 tahun. Di keseluruhan kawasan kajian 29.7 peratus KIR berada dalam sela umur 35 hingga 44 tahun. Manakala di RPS, 33.3 peratus dan di PPK 27.6 peratus KIR berada dalam sela umur 35 hingga 44 tahun (Jadual 5.2).

Di keseluruhan kawasan kajian, umur penengah KIR ialah 40 tahun. Manakala umur penengah KIR di RPS ialah 41 tahun dan di PPK ialah 39 tahun. Secara bandingan purata umur KIR di RPS lebih tinggi berbanding dengan di PPK.

Jadual 5.2
Struktur Umur KIR

Sela	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
15-24	122	9.9	37	8.1	85	10.9
25-34	303	24.6	97	21.4	206	26.4
35-44	366	29.7	151	33.3	215	27.6
45-54	215	17.4	71	15.6	144	18.5
55-64	138	11.2	57	12.6	81	10.4
65+	89	7.2	41	9.0	48	6.2
	1,233	100	454	100	779	100

Sumber: Soalselidik Kajian

Di keseluruhan kawasan kajian, 84.7 peratus KIR adalah daripada kaum lelaki. Manakala 83.5 peratus KIR di RPS dan 85.4 peratus KIR di PPK adalah daripada kaum lelaki. Secara bandingan KIR perempuan adalah lebih tinggi di RPS (16.5%) berbanding dengan PPK (14.6%) (Jadual 5.3).

Jadual 5.3
Jantina KIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	1,044	84.7	379	83.5	665	85.4
Perempuan	189	15.3	75	16.5	114	14.6
Jumlah	1,233	100	454	100	779	100

Sumber: Soalselidik Kajian

AIR di kawasan kajian terdiri daripada suami/isteri kepada KIR, anak-anak KIR, menantu, cucu/cicit, ibu/bapa kepada KIR, abang/kakak/adik kepada KIR dan orang-orang lain yang bersaudara dengan KIR. Di keseluruhan kawasan kajian, sekitar 95.5 peratus AIR merupakan anak-anak kepada KIR (Jadual 5.4).

Jadual 5.4
Hubungan KIR dan AIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Anak KIR	5627	95.5	2164	95.8	3463	95.4
Menantu	57	1	20	0.9	36	1.0
Cucu/cicit	82	1.4	38	1.7	44	1.2
Bapa/Ibu KIR @ suami/isteri	26	0.4	5	0.2	22	0.6
Abang/Kakak/adik KIR atau suami/isteri	57	1	2	0.1	54	1.5
Orang lain yg bersaudara	40	0.7	29	1.3	11	0.3
	5,889	100	2,259	100	3,630	100

Sumber: Soalselidik Kajian

Oleh kerana anak-anak kepada KIR, merupakan peratusan terbesar KIR di kawasan kajian, sebahagian besar umur AIR ialah kurang daripada 14 tahun. Di PPK, 50.7 peratus AIR berumur kurang daripada 14 tahun, manakala di RPS ialah sebanyak 44.4 peratus (Jadual 5.5).

Jadual 5.5
Struktur Umur AIR

Sela	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0-14	2845	48.3	1,003	44.4	1842	50.7
15-24	1653	28.1	719	31.8	934	25.7
25-34	670	11.4	277	12.3	393	10.8
35-44	370	6.3	142	6.3	228	6.3
45-54	221	3.8	66	2.9	155	4.3
55-64	86	1.5	32	1.4	54	1.5
65+	44	0.7	20	0.9	24	0.7
	5,889	100.0	2,259	100.0	3,630	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi struktur umur penduduk (KIR+AIR) pula, 41.8 peratus isi rumah di PPK berumur kurang daripada 14 tahun berbanding 37 peratus di RPS. Sekitar 60.8 peratus penduduk di RPS berada dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) berbanding dengan 56.6 peratus di PPK. Selain itu, sebanyak 2.2 peratus penduduk di RPS berumur lebih daripada 64 tahun berbanding dengan 1.6 peratus di PPK (Jadual 5.6).

Jadual 5.6
Struktur Umur Penduduk (KIR+AIR)

Sela	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0-14	2,845	39.9	1,003	37.0	1,842	41.8
15-24	1775	24.9	756	27.9	1019	23.1
25-34	973	13.7	374	13.8	599	13.6
35-44	736	10.3	293	10.8	443	10.0
45-54	436	6.1	137	5.0	299	6.8
55-64	224	3.1	89	3.3	135	3.1
65+	133	1.9	61	2.2	72	1.6
	7,122	100.0	2,713	100.0	4,409	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Peratusan penduduk di PPK lebih tinggi daripada RPS pada peringkat umur kurang daripada 15 tahun, manakala peratusan penduduk di PPK lebih rendah daripada RPS pada peringkat umur bekerja (15 hingga 64 tahun) dan peratusan penduduk di PPK rendah daripada RPS pada peringkat umur lebih daripada 64 tahun. Sehubungan itu, struktur umur di PPK secara bandingannya lebih muda berbanding dengan di RPS.

Struktur umur penduduk di RPS dan PPK yang berbeza memperlihatkan nisbah tanggungan yang berbeza antara dua kawasan tersebut. Nisbah tanggungan umur muda lebih tinggi di PPK (73.8) berbanding dengan RPS (60.8) manakala sebaliknya, nisbah tanggungan umur tua lebih tinggi di RPS (3.7) berbanding dengan di PPK (2.9). Bagi nisbah tanggungan keseluruhan, nilainya lebih tinggi di PPK (76.7) berbanding dengan RPS (64.5) (Jadual 5.7).

Jadual 5.7
Nisbah Tanggungan

	Jumlah	RPS	PPK
Nisbah Tanggungan Umur Muda	68.7	60.8	73.8
Nisbah Tanggungan Umur Tua	3.2	3.7	2.9
Nisbah Tanggungan Keseluruhan	71.9	64.5	76.7

Nota: Nisbah tanggungan umur muda =

$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Nisbah tanggungan umur tua =

$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Nisbah tanggungan keseluruhan =

$$\frac{\text{bilangan penduduk berumur kurang dari 15 tahun} + \text{berumur lebih dari 64 tahun}}{\text{bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun}}$$

Sumber: Soalselidik Kajian

Struktur jantina AIR memperlihatkan bilangan AIR daripada kaum perempuan lebih ramai daripada kaum lelaki terutamanya di kawasan RPS. Di keseluruhan kawasan kajian, 56.9 peratus AIR ialah kaum perempuan, manakala 58.4 peratus di RPS dan 56.0 peratus di PPK (Jadual 5.8). Peratusan kaum perempuan yang besar di kawasan RPS adalah kerana ramai anak-anak lelaki KIR telah berkahwin dan berpindah ke rumah lain.

Jadual 5.8
Struktur Jantina AIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	2,536	43.1	944	41.6	1,599	44.0
Perempuan	3,353	56.9	1,315	58.4	2,031	56.0
Jumlah	5,889	100	2,259	100	3,630	100

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi struktur jantina keseluruhan (KIR+AIR), kaum perempuan lebih ramai daripada kaum lelaki di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Di Kawasan RPS, peratusan kaum lelaki ialah sebanyak 48.8 peratus berbanding dengan peratusan kaum perempuan iaitu sebanyak 51.2 peratus. Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk di kawasan kajian ialah 99 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki. Nisbah jantina di kawasan RPS pula, ialah 105 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki, manakala di kawasan PPK, 95 orang perempuan bagi setiap 100 orang lelaki (Jadual 5.9).

Jadual 5.9
Struktur Jantina Penduduk (KIR+AIR)

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	3,580	50.3	1,323	48.8	2,264	51.3
Perempuan	3,542	49.7	1,390	51.2	2,145	48.7
Jumlah	7,122	100.0	2,713	100.0	4409	100.0
Nisbah Jantina	100:99		100:105		100:95	

Nota; Nisban Jantina = (bil. penduduk perempuan / bil penduduk lelaki) x 100
(bilangan penduduk perempuan bagi setiap 100 penduduk lelaki)

Sumber: Soalselidik Kajian

5.2.3 Taraf Perkahwinan dan Pendidikan

Taraf perkahwinan di kawasan kajian menunjukkan sebahagian besar KIR telah berkahwin sama ada di kawasan RPS atau di PPK. Oleh kerana struktur umur di RPS yang lebih tua daripada PPK, peratusan balu/duda adalah lebih besar di RPS (6.6%) berbanding dengan PPK (4.9%) (Jadual 5.10).

Jadual 5.10
Taraf Perkahwinan KIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Berkahwin	1,155	93.7	422	93	733	94.1
Balu/duda	68	5.5	30	6.6	38	4.9
Bercerai/Berpisah tetap	10	0.8	2	0.4	8	1.0
Jumlah	1,233	100	454	100	779	100

Sumber: Soalselidik Kajian

Bagi AIR pula, taraf belum pernah berkahwin merupakan peratusan yang tertinggi, Walau bagaimanapun, peratusannya hampir sama di kawasan RPS dan PPK. Di kawasan PPK 71 peratus AIR belum berkahwin manakala 69.5 peratus di RPS. Di kawasan RPS, sebanyak 29.9 peratus AIR telah berkahwin pula, berbanding dengan 28.3 peratus di kawasan PPK (Jadual 5.11).

Jadual 5.11
Taraf Perkahwinan AIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Belum pernah berkahwin	4,150	70.6	1,571	69.5	2,579	71.0
Berkahwin	1,703	29.0	675	29.9	1,028	28.3
Balu/duda	27	0.5	11	0.5	16	0.4
Bercerai/Berpisah tetap	9	0.2	2	0.1	7	0.2
Jumlah	5,889	100.1	2,259	100.0	3,630	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi tingkat pendidikan KIR pula, sebahagian besar KIR berpendidikan sekolah rendah atau tidak pernah bersekolah. Di kawasan RPS 36.6 peratus KIR tidak pernah bersekolah, 45.8 peratus KIR berpendidikan sekolah rendah dan 17.7 peratus berpendidikan sekolah menengah. Manakala di kawasan PPK pula, 38.9 peratus KIR tidak pernah bersekolah, 44 peratus KIR berpendidikan sekolah rendah dan 17.1 peratus berpendidikan sekolah menengah (Jadual 5.12).

Bagi taraf pendidikan AIR pula, di kawasan RPS 41.8 peratus KIR berpendidikan sekolah rendah (telah tamat/berhenti atau sedang), 29.2 peratus berpendidikan sekolah menengah (telah tamat/berhenti atau sedang), 0.3 peratus berpendidikan lepasan sekolah menengah dan pendidikan tinggi (telah tamat/berhenti atau sedang), 16.2 peratus belum bersekolah dan 12.4 peratus tidak pernah bersekolah. Sebaliknya, di kawasan PPK pula, 43.6 peratus KIR berpendidikan sekolah rendah, 23.4 peratus berpendidikan sekolah menengah, 0.2 peratus berpendidikan lepasan sekolah

menengah dan pendidikan tinggi, 20.4 peratus belum bersekolah dan 12.5 peratus tidak pernah bersekolah (Jadual 5.13).

Jadual 5.12
Tingkat Pendidikan KIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	551	44.7	208	45.8	343	44.0
Menengah Rendah (/Ting 1-3)	144	11.7	47	10.4	97	12.5
Menengah Atas (Ting 4-5)	69	5.6	33	7.3	36	4.6
Lepasan Menengah (Ting 6, Matrikulasi)	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Tidak Pernah Bersekolah	469	38.0	166	36.6	303	38.9
Jumlah	1,233	100.0	454	100.0	779	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Jadual 5.13
Tingkat Pendidikan AIR

AIR	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	2,528	42.9	945	41.8	1,583	43.6
Menengah Rendah (Ting 1-3)	940	16.0	396	17.5	544	15.0
Menengah Atas (Ting 4-5)	569	9.7	265	11.7	304	8.4
Lepasan Menengah (Ting 6, Matrikulasi)	8	0.1	4	0.2	4	0.1
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	6	0.1	3	0.1	3	0.1
Belum Bersekolah	1104	18.7	365	16.2	739	20.4
Tidak Pernah Bersekolah	734	12.5	281	12.4	453	12.5
	5,889	100.0	2,259	100.0	3,630	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Bagi taraf pendidikan anak-anak KIR sahaja (tidak termasuk lain-lain anggota keluarga yang tinggal bersama KIR), di kawasan RPS, 38.4 peratus anak-anak KIR berpendidikan sekolah rendah, 37.7 peratus berpendidikan sekolah menengah, 0.3 peratus berpendidikan lepasan sekolah menengah dan pendidikan tinggi, 13.3 peratus belum bersekolah dan 8.3 peratus tidak pernah bersekolah.

Sebaliknya, di kawasan PPK pula, 45.5 peratus KIR berpendidikan sekolah rendah, 17.6 peratus berpendidikan sekolah menengah, 0.2 peratus berpendidikan lepasan sekolah menengah dan pendidikan tinggi, 25.2 peratus belum bersekolah dan 11.6 peratus tidak pernah bersekolah.

Oleh kerana struktur umur di PPK yang lebih muda dibanding dengan RPS, anak-anak KIR yang berpendidikan sekolah menengah lebih ramai di RPS berbanding dengan PPK. Sebaliknya, anak-anak KIR yang belum bersekolah lebih ramai di PPK berbanding dengan di RPS (Jadual 5.14).

Jika dibandingkan tingkat pendidikan KIR dan anak-anak KIR, didapati pencapaian anak-anak KIR lebih baik dibandingkan dengan tingkat pendidikan KIR. Tiada KIR yang pendidikan lepasan menengah dan tinggi. Di sebaliknya, terdapat sebanyak 0.3 peratus anak-anak KIR berpendidikan lepasan sekolah menengah dan pendidikan tinggi di kawasan RPS dan 0.2 peratus di kawasan PPK.

Jadual 5.14
Tingkat Pendidikan, Anak-Anak KIR

	Jumlah		RPS		PPK	
	Jumlah	%	RPS	%	PPK	%
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	2406	42.8	831	38.4	1575	45.5
Menengah Rendah (Ting 1-3)	898	16.0	475	22.0	423	12.2
Menengah Atas (Ting 4-5)	569	10.1	383	17.7	186	5.4
Lepasan Menengah (Ting 6, Matrikulasi)	8	0.1	4	0.2	4	0.1
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	6	0.1	3	0.1	3	0.1
Belum Bersekolah	1159	20.6	288	13.3	871	25.2
Tidak Pernah Bersekolah	581	10.3	180	8.3	401	11.6
	5,627	100.0	2,164	100.0	3,463	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Perbandingan dari segi anak-anak KIR yang berpendidikan sekolah rendah dan menengah tidak sesuai dibuat kerana terdapat anak-anak yang masih bersekolah (rendah atau menengah) dan yang masih belum bersekolah. Walau bagaimanapun, tingkat pendidikan tidak pernah bersekolah di antara anak-anak KIR dengan KIR boleh dibandingkan. Di kawasan RPS, 36.6 peratus KIR tidak pernah bersekolah dibandingkan dengan anak-anak KIR di kawasan RPS yang hanya 8.3 peratus tidak pernah bersekolah. Di kawasan PPK pula, 38.9 KIR tidak pernah bersekolah dibandingkan dengan anak-anak KIR di kawasan PPK, yang hanya 11.6 peratus tidak pernah bersekolah.

Jadual 5.15
Perbandingan Tingkat Pendidikan KIR dengan Anak-Anak KIR

	RPS		PPK	
	KIR	Anak	KIR	Anak
Sekolah rendah (Darjah 1-6)	45.8	38.4	44.0	45.5
Menengah Rendah (Ting 1-3)	10.4	22.0	12.5	12.2
	7.3	17.7	4.6	5.4
Menengah Atas (Ting 4-5)	(17.7)	(37.7)	(17.1)	(17.6)
Lepasan Menengah (Ting 6, Matrikulasi)	0.0	0.2	0.0	0.1
Tinggi (Politeknik/Maktab/Kolej/Universiti)	0.0	0.1	0.0	0.1
Belum Bersekolah	-	13.3	-	25.2
Tidak Pernah Bersekolah	36.6	8.3	38.9	11.6

Nota: () = peratusan menengah rendah + menengah atas

Sumber: Soalselidik Kajian

Jika tingkat tidak pernah bersekolah di kalangan anak-anak KIR digunakan sebagai kayu ukur tahap pencapaian pendidikan, didapati pencapaian pendidikan adalah lebih berjaya di kawasan RPS berbanding dengan di PPK. Di rancangan RPS peratusan anak-anak KIR yang tidak pernah bersekolah adalah lebih rendah berbanding dengan anak-anak KIR di kawasan PPK. Selain itu, peratusan anak-anak KIR yang berpendidikan lepasan sekolah menengah dan tinggi (sedang belajar atau telah tamat) adalah lebih tinggi di RPS berbanding dengan di PPK (pada kadar perbezaan peratusan yang kecil).

5.3 Impak Ekonomi

5.3.1 Pekerjaan dan Lokasi

Secara purata, kawasan RPS dan PPK di kawasan kajian telah diduduki/dibuka sekitar 35 tahun dahulu. Untuk menilai impak ekonomi, penyelidik membahagikan petunjuk ekonomi seperti pekerja utama dan pendapatan sebelum dan selepas penempatan di kawasan RPS dan PPK. Bagi mengkaji pekerja utama dan pendapatan “sekarang” (pada masa kajian dijalankan) semua tingkat umur KIR diambil kira iaitu 454 orang KIR di kawasan RPS dan 779 orang KIR di kawasan PPK. Manakala bagi mengkaji pekerja utama dan pendapatan “dahulu” (sebelum penempatan semula di kawasan sekarang), hanya KIR pada tingkat umur lebih daripada 35 diambil kira, iaitu 320 orang KIR di kawasan RPS dan 488 orang KIR di kawasan PPK. Secara purata KIR yang berumur kurang daripada 35 tahun tidak terlibat dalam penempatan/penyusunan semula kerana mereka dilahirkan di penempatan sekarang.

Pekerjaan utama KIR di kawasan RPS dan PPK dahulu (sebelum penempatan /penyusunan semula) ialah mencari hasil hutan iaitu 59.4 peratus di kawasan RPS dan 60.9 peratus di kawasan PPK. Di kawasan RPS, mencari hasil hutan sebagai pekerjaan utama telah berkurangan sebanyak 32.9 peratus, manakala di kawasan PPK keadaan ini telah berkurangan sebanyak 28.5 peratus (Jadual 5.16). Pekerjaan utama, mencari hasil hutan, kini (sekarang) telah menjadi yang kedua penting di kawasan RPS dan PPK.

Jadual 5.16
Pekerjaan Utama Sekarang dan Sebelum Berpindah

	Bil			%		
	Sekarang	Dahulu	+/-	Sekarang	Dahulu	+/-
RPS						
Pekebun kecil getah atau kelapa sawit	186	45	141	41.0	14.1	26.9
Makan gaji dgn kerajaan	12	8	4	2.6	2.5	0.1
Makan gaji dgn swasta	31	11	20	6.8	3.4	3.4
Mencari hasil hutan	120	190	-70	26.4	59.4	-32.9
Berniaga	3	1	2	0.7	0.3	0.3
Bercucuk tanam	82	21	61	18.1	6.6	11.5
Menternak	0	0	0	0.0	0.0	0.0
Pesara kerajaan	2	2	0	0.4	0.6	-0.2
Tidak bekerja	18	42	-24	4.0	13.1	-9.2
	454	320	134	100.0	100.0	0.0
PPK						
Pekebun kecil getah atau kelapa sawit	61	23	38	7.8	4.7	3.1
Makan gaji dgn kerajaan	24	19	5	3.1	3.9	-0.8
Makan gaji dgn swasta	82	20	62	10.5	4.1	6.4
Mencari hasil hutan	252	297	-45	32.3	60.9	-28.5
Berniaga	1	0	1	0.1	0.0	0.1
Bercucuk tanam	323	56	267	41.5	11.5	30.0
Menternak	1	0	1	0.1	0.0	0.1
Pesara kerajaan	9	2	7	1.2	0.4	0.7
Tidak bekerja	26	71	-45	3.3	14.5	-11.2
	779	488	291	100.0	100.0	0.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Di kawasan RPS, peratusan pekerjaan utama KIR yang telah meningkat selepas berpindah ke penempatan semula ialah pekebun kecil getah atau kelapa sawit (daripada 14% kepada 41%) dan bercucuk tanam (daripada 7% kepada 18%), lain-lain seperti bekerja dengan pihak swasta (daripada 3% kepada 7%), manakala bekerja

dengan pihak kerajaan, berniaga dan menternak, tidak banyak berubah. Manakala di kawasan PPK, peratusan pekerjaan utama KIR yang telah meningkat seperti bercucuk tanam (daripada 12% kepada 42%), bekerja dengan pihak swasta (daripada 4% kepada 11%), pekebun kecil getah atau kelapa sawit (daripada 5% kepada 8%), manakala bekerja dengan pihak kerajaan, berniaga dan menternak, tidak banyak berubah.

Selain itu, peratusan KIR yang tidak bekerja telah berkurangan di kedua-dua kawasan penempatan. Di kawasan RPS, peratusan KIR yang tidak bekerja telah berkurangan daripada 13.1 peratus kepada 4 peratus (berkurangan sebanyak 9.2%). Manakala di kawasan PPK, peratusan ini telah berkurangan daripada 15.5 peratus kepada 3.3 peratus. Secara bandingan, KIR yang tidak bekerja di kawasan RPS lebih tinggi (4%) kerana bilangan KIR yang berumur lebih daripada 65 tahun lebih ramai di RPS. Sekitar sembilan peratus KIR berumur lebih 65 tahun di kawasan RPS berbanding dengan enam peratus di kawasan PPK (rujuk juga Jadual 5.2: Struktur Umur KIR).

Di kawasan RPS pekerjaan utama dahulu (mengikut turutan), ialah mencari hasil hutan (59.4%), sebagai pekebun kecil getah atau kelapa sawit (14.1%) dan seterusnya bercucuk tanam (tanaman kontan) (11.5%). Walau bagaimanapun, pekerjaan utama sekarang di kawasan RPS ialah pekebun kecil getah atau kelapa sawit (41%), mencari hasil hutan (26.4%) dan seterusnya bercucuk tanam (18.1%).

Manakala di kawasan PPK pekerjaan utama dahulu (mengikut turutan), ialah mencari hasil hutan (60.9%), bercucuk tanam (11.5%) dan sebagai pekebun kecil getah atau kelapa sawit (4.7%). Walau bagaimanapun, pekerjaan utama sekarang di kawasan

PPK ialah bercucuk tanam (41.5%), mencari hasil hutan (32.3%) dan bekerja dengan pihak swasta (10.5%).

Di kawasan penempatan/penyusunan sekarang, pekerjaan utama KIR di PRS ialah sebagai pekebun kecil getah atau kelapa sawit, manakala di PPK, pekerjaan utama KIR ialah bercucuk tanam (tanaman kontan). Di kawasan RPS, KIR yang terlibat sebagai pekebun kecil getah atau kelapa sawit telah meningkat sebanyak 26.9 peratus, manakala di kawasan PPK, KIR yang terlibat dalam bercucuk tanam telah meningkat sebanyak 30 peratus.

Lokasi pekerjaan utama KIR di kawasan RPS dan PPK ialah di kawasan perkampungan mereka sekarang. Lokasi pekerjaan utama di luar perkampungan mereka telah berkurangan terutamanya KIR di kawasan RPS. KIR di kawasan RPS yang bekerja di luar perkampungan mereka telah berkurangan sebanyak 8.6 peratus, Manakala KIR di kawasan PPK, yang bekerja di luar perkampungan mereka telah berkurangan sebanyak 3.2 peratus (Jadual 5.17).

Pekerjaan sampingan dalam kajian ini merujuk kepada pekerjaan yang dibayar gaji dalam bentuk wang atau hasil pekerjaan sampingan tersebut dijual bagi mendapatkan wang. Ini kerana sebahagian besar Orang Asli mempunyai pekerjaan sampingan, tetapi hasilnya adalah untuk penggunaan KIR dan keluarga (AIR), seperti menanam tanaman kontan (terutamanya ubi kayu), menternak ayam dan itik, mencari hasil hutan (termasuk memburu).

Jadual 5.17
Lokasi Pekerjaan Utama Sekarang dan Sebelum Berpindah

	Bil			%			
	Sekarang	Dahulu	+/-	Sekarang	Dahulu	+/-	
	Di kg sekarang	418	238	251	92.1	74.4	17.7
	Di kg berhampiran	12	24	-12	2.6	7.5	-4.9
RPS	Di kawasan lain	6	16	-10	1.3	5.0	-3.7
	Tidak bekerja	18	42	-229	4.0	13.1	-9.2
		454	320	0	100.0	100.0	0.0
	Di kg sekarang	697	366	467	89.5	75.0	14.5
	Di kg berhampiran	35	23	12	4.5	4.7	-0.2
PPK	Di kawasan lain	21	28	-7	2.7	5.7	-3.0
	Tidak bekerja	26	71	-472	3.3	14.5	-11.2
		779	488	0	100.0	100.0	0.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Di kawasan perkampungan “dahulu”, tiada isi rumah yang mempunyai pekerjaan sampingan berbanding dengan kawasan penempatan “sekarang”. Di kawasan penempatan RPS, sekitar 30 peratus KIR mempunyai pekerjaan sampingan, manakala di kawasan PPK, peratusannya lebih sedikit ialah sekitar 21 peratus (Jadual 5.18).

Pekerjaan sampingan yang utama di kawasan RPS ialah bercucuk tanam (13%), pekebun kecil getah atau kelapa sawit (7.5%) dan mencari hasil hutan (5.3%). Manakala pekerjaan sampingan yang utama di kawasan PPK ialah bercucuk tanam (11%), mencari hasil hutan (6%) dan bekerja dengan pihak swasta (3%).

Jadual 5.18
Pekerjaan Sampingan

Pekerjaan Sampingan	RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%
Pekebun kecil getah atau kelapa sawit	34	7.5	5	0.6
Makan gaji dgn kerajaan	0	0.0	0	0.0
Makan gaji dgn swasta	12	2.6	22	2.8
Mencari hasil hutan	24	5.3	47	6.0
Berniaga	5	1.1	4	0.5
Bercucuk tanam	59	13.0	85	10.9
Menternak	1	0.2	3	0.4
Jumlah - mempunyai kerja sampingan	135	29.7	166	21.3
Tidak mempunyai kerja sampingan	319	70.3	613	78.7
Jumlah	454	100.0	779	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi lokasi pekerjaan sampingan pula, sebahagian besarnya ialah di dalam kawasan perkampungan sekarang. Di kawasan RPS, 90.5 peratus lokasi pekerjaan sampingan ialah di dalam kawasan perkampungan, manakala di kawasan PPK pula, sebanyak 94 peratus pekerjaan sampingan ialah di dalam kawasan perkampungan (Jadual 5.19).

Jadual 5.19
Lokasi Pekerjaan Sampingan

	RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%
Di kg sekarang	122	90.4	156	94.0
Di kg berhampiran	7	5.2	6	3.6
Di kawasan lain	6	4.4	4	2.4
	135	100.0	166	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

5.3.2 Pendapatan Utama dan Sampingan

Sebahagian besar KIR di kawasan kajian berpendapatan kurang daripada RM300 ringgit sebulan. Di kawasan RPS, peratusan penduduk yang berpendapatan kurang daripada RM300 berkurangan daripada 91.5 peratus kepada 80.4 peratus. Dalam masa yang sama penduduk yang berpendapatan lebih daripada RM300 sebulan telah meningkat daripada 8.4 peratus kepada 19.5 peratus selepas berpindah ke penempatan baru, iaitu pertambahan sebanyak 11.1 peratus.

Manakala di kawasan PPK, peratusan penduduk yang berpendapatan kurang daripada RM300 berkurangan daripada 88.2 peratus kepada 78.7 peratus. Pada masa yang sama, penduduk yang berpendapatan lebih daripada RM300 sebulan telah meningkat daripada 11.7 peratus kepada 21.3 peratus selepas penyusunan semula kampung, iaitu pertambahan sebanyak 9.6 peratus (Jadual 5.20).

Jadual 5.20
Pendapatan Utama KIR

	Bil			%			
	RM	Sekarang	Dahulu	+/-	Sekarang	Dahulu	+/-
	0	18	42	-24	4	13.1	-9.2
	1-100	60	51	9	13.2	15.9	-2.7
	101-200	132	62	70	29.1	19.4	9.7
RPS	201-300	155	138	17	34.1	43.1	-9
	(1-300)	(365)	(293)	(72)	(80.4)	(91.5)	(-11.2)
	301-600	55	19	36	12.1	5.9	6.2
	601-900	21	6	15	4.6	1.9	2.8
	901-1200	10	2	8	2.2	0.6	1.6
	1201-1500	1	0	1	0.2	0	0.2
	1501-2000	1	0	1	0.2	0	0.2
	2001-3000	1	0	1	0.2	0	0.2
	(301-3000)	(89)	(27)	(62)	(19.5)	(8.4)	(11.1)
		454	320	134	100	100	0
	0	26	71	-45	3.3	14.5	-11.2
	1-100	101	90	11	13	18.4	-5.5
	101-200	314	38	276	40.3	7.8	32.5
	201-300	172	232	-60	22.1	47.5	-25.5
	(1-300)	(613)	(431)	(182)	(78.7)	(88.2)	(-9.5)
PPK	301-600	67	19	48	8.6	3.9	4.7
	601-900	55	22	33	7.1	4.5	2.6
	901-1200	36	15	21	4.6	3.1	1.5
	1201-1500	5	1	4	0.6	0.2	0.4
	1501-2000	2	0	2	0.3	0	0.3
	2001-3000	1	0	1	0.1	0	0.1
	(301-3000)	(166)	(57)	(109)	(21.3)	(11.7)	(9.6)
		779	488	291	100	100	

Sumber: Soalselidik Kajian

Di kawasan RPS sebahagian besar KIR berpendapatan antara RM201 hingga RM300 sebulan (34.1%). Manakala di kawasan PPK pula, dalam sela pendapatan RM101 hingga RM200 sebulan (40.3%).

Sekitar 30 peratus KIR di kawasan RPS dan 21 peratus KIR di kawasan PPK mempunyai pendapatan sampingan. Sebanyak 25.6 peratus KIR di kawasan RPS dan 19.5 peratus KIR di kawasan PPK mempunyai pendapatan sampingan antara satu hingga RM200 sebulan (Jadual 5.21).

Jadual 5.21
Pendapatan Sampingan KIR

RM	RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%
1-100	88	19.4	128	16.4
101-200	28	6.2	24	3.1
201-300	9	2.0	8	1.0
301-600	8	1.8	4	0.5
601-900	2	0.4	2	0.3
Jumlah - mempunyai kerja sampingan	135	29.7	166	21.3
Tidak mempunyai kerja sampingan	319	70.3	613	78.7
Jumlah	454	100.0	779	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Dengan menggunakan *Paired Samples T-Test Statistics*, bagi mengukur purata (*mean*) pendapatan sebelum dan selepas berpindah ke penempatan sekarang, untuk keseluruhan kawasan kajian, didapati nilai purata pendapatan (daripada sumber utama) telah meningkat daripada RM85 sebulan kepada RM231 sebulan, iaitu peningkatan sebanyak RM146 sebulan (Jadual 5.22). Oleh itu, nilai *t* obtain lebih

besar ($>$) dari t kritikal ($\alpha = 0.01$), maka wujud perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua min (purata) skor sampel ($\mu_1 - \mu_2$); $H_1 : \mu_D > 0$, min pendapatan selepas berpindah lebih besar daripada sebelum berpindah.

Jadual 5.22

Paired Samples T-Test Statistics Keseluruhan Kawasan Kajian

<i>Paired Samples Statistics</i>					
		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah	230.69	808	272.324	9.814
	Y utama sebulan selepas berpindah	84.87	808	251.402	9.060

<i>Paired Samples Test</i>									
		Paired Differences			95% Confidence Interval of the Difference		t	df	Sig. (2-tailed)
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	Lower	Upper			
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah - Y utama sebulan selepas berpindah	145.817	279.822	10.084	126.021	165.613	14.460	769	.000

Nota; N=808 kerana hanya mengambil kira KIR yang berumur 35 tahun dan ke atas sahaja

Di Kawasan RPS purata pendapatan bulanan telah meningkat daripada RM77 sebulan kepada RM228 sebulan, iaitu peningkatan sebanyak RM151 sebulan (Jadual 5.23). Manakala di kawasan PPK purata pendapatan telah meningkat daripada RM90 kepada RM232 sebulan, iaitu peningkatan sebanyak RM142 sebulan (Jadual 5.24). Oleh itu,

nilai t obtain lebih besar ($>$) dari t kritikal ($\alpha = 0.01$), maka wujud perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua min (purata) skor sampel ($\mu_1 - \mu_2$); $H_1 : \mu_D > 0$, min pendapatan KIR di kawasan RPS dan PPK selepas berpindah adalah lebih besar daripada sebelum berpindah.

Jadual 5.23

Paired Samples T-Test Statistics Keseluruhan Kawasan RPS

<i>Paired Samples Statistics</i>					
		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah	228.54	320	227.619	13.076
	Y utama sebulan selepas berpindah	76.70	320	178.814	10.273

<i>Paired Samples Test</i>									
		Paired Differences			95% Confidence Interval of the Difference		t	df	Sig. (2-tailed)
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	Lower	Upper			
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah - Y utama sebulan selepas berpindah	151.845	263.551	15.141	122.050	181.639	10.029	302	.000

Nota; N=320 kerana hanya mengambil kira KIR yang berumur 35 tahun dan ke atas sahaja

Jadual 5.24

Paired Samples T-Test Statistics Keseluruhan Kawasan PPK

<i>Paired Samples Statistics</i>					
		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah	232.08	488	297.992	13.789
	Y utama sebulan selepas berpindah	90.17	488	288.973	13.372

<i>Paired Samples Test</i>									
		Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
					Lower	Upper			
Pair 1	Y utama sebulan sebelum berpindah - Y utama sebulan selepas berpindah	141.906	290.102	13.424	115.526	168.285	10.571	466	.000

Nota; N=488 kerana hanya mengambil kira KIR yang berumur 35 tahun dan ke atas sahaja

Secara keseluruhan, pendapatan purata KIR telah meningkat daripada RM85 kepada RM231 selepas terlibat dengan program penempatan semula. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati wujud perbezaan purata pendapatan di antara kawasan RPS dan kawasan PPK. Di kawasan RPS purata pendapatan meningkat daripada RM77 kepada RM229, manakala di kawasan PPK purata pendapatan meningkat daripada RM90 kepada RM232 (Jadual 5.25).

Di kawasan PPK, pengurangan purata pendapatan selepas terlibat dengan program penempatan adalah kerana mereka yang dahulu tidak bekerja, kini telah bekerja dan sebahagian besarnya menerima pendapatan antara RM101 hingga RM200 (40.3%). Berbanding dengan di kawasan RPS pula, mereka yang dahulunya tidak bekerja, kini telah bekerja dan menerima pendapatan bulanan antara RM101 hingga RM600 (rujuk juga jadual 5.20) .

Jadual 5.25

Purata Pendapatan Utama dan Sampingan Sebelum dan Selepas Berpindah

	Jumlah ^a	RPS	PPK
Pendapatan utama di kawasan penempatan dahulu (sebelum berpindah)	85	77	90
Pendapatan utama di kawasan penempatan sekarang (selepas berpindah)	231	229	232
Pendapatan sampingan di kawasan penempatan dahulu (sebelum berpindah)	0	0	0
Pendapatan sampingan di kawasan penempatan sekarang (selepas berpindah)	67	115	47

^a Nota: Jumlah merujuk kepada keseluruhan kawasan kajian (RPS + PPK)

Sumber: Soalselidik Kajian

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, tiada KIR yang menerima pendapatan sampingan di penempatan dahulu. Walau bagaimanapun, di penempatan sekarang, KIR memperolehi purata pendapatan sampingan sebulan sebanyak RM115 bagi KIR di kawasan RPS dan RM47 bagi KIR di kawasan PPK.

Sumber-sumber pendapatan lain KIR di kawasan kajian ialah bantuan kebajikan masyarakat, pencen, biasiswa persekolahan anak-anak, dividen koperasi dan bantuan kewangan daripada Pihak/Agensi Berkuasa Tempatan, kerajaan negeri dan pusat. Semua sumber pendapatan ini ialah dalam bentuk wang. KIR juga menerima bantuan lain dalam bentuk barang dan perkhidmatan (Jadual 5.26).

Jadual 5.26
Purata Sumber-sumber Pendapatan Lain

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil KIR	Purata Seorang KIR (RM)	Bil KIR	Purata Seorang KIR (RM)	Bil KIR	Purata Seorang KIR (RM)
Bantuan kebajikan masyarakat	16	312	6	306	10	315
Pencen	11	765	2	800	9	758
Biasiswa persekolahan	59	31	35	31	24	31
Dividen koperasi	251	28	201	26	50	33
Bantuan kewangan daripada Pihak/Agensi Berkuasa Tempatan	1	42	1	42	0	0
Bantuan kewangan daripada Pihak/Agensi Kerajaan Negeri	7	54	1	42	6	56
Bantuan kewangan daripada Pihak/Agensi Kerajaan Pusat (BR1M)	697	42	454	42	779	42

Sumber: Soalselidik Kajian

Untuk anak-anak yang bersekolah, KIR akan menerima bantuan seperti pakaian seragam, pengangkutan, yuran pengajian, bantuan makanan untuk sekolah di pendalaman, keperluan peribadi pelajar di asrama, kelas tambahan peperiksaan dan kursus motivasi. KIR juga menerima bantuan benih pokok, baja, pembajak, alat-alat torehan, mesin tebang dan lain-lain yang berkaitan jika mereka terlibat dalam aktiviti pertanian komersial. Selain itu, setiap KIR juga akan menerima bantuan “Bakul Makanan”. Kandungan setiap Bakul Makanan ini meliputi bahan makanan (beras, susu, gula dan biskut) dan ubatan (ubat cacing) (seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 4).

Bantuan-bantuan dan bentuk kewangan (sumber-sumber pendapatan lain) KIR di kawasan kajian adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.26. Sebanyak 16 orang KIR menerima bantuan kebajikan kemasyarakatan dengan nilai purata RM312 sebulan. Bantuan ini diberi kepada KIR yang merupakan ibu tunggal, berumur lanjut (lebih daripada 65 tahun dan daif) atau mempunyai anak kelainan upaya (OKU). Sebelas orang KIR menerima pencen dengan nilai purata RM765 sebulan dan seramai 252 KIR menerima dividen koperasi dengan nilai purata RM28 sebulan (dividen koperasi dalam bentuk tahunan dibahagikan dengan 12 bagi mendapatkan nilai bulanan).

Selain itu, terdapat seorang KIR menerima bantuan daripada agensi pihak berkuasa tempatan yang bernilai RM42 sebulan (RM500 setahun) dan tujuh orang KIR menerima bantuan daripada agensi kerajaan negeri yang bernilai purata RM54 sebulan. Semua KIR di kawasan kajian menerima bantuan kewangan daripada

kerajaan persekutuan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) yang bernilai RM500 bagi setiap KIR (purata RM42 sebulan).

Jumlah pendapatan KIR yang meliputi semua sumber pendapatan (pendapatan utama, pendapatan sampingan dan sumber-sumber pendapatan lain) memperlihatkan peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan pendapatan utama sahaja. Jika berdasarkan pendapatan utama sahaja, sekitar 80 peratus KIR berpendapatan antara hanya RM1 hingga RM300 sebulan. Selepas mengambil kira semua sumber pendapatan KIR, sekitar 86 peratus KIR berpendapatan antara RM100 hingga RM600 (Jadual 5.27).

Jadual 5.27
Jumlah Pendapatan KIR

RM	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
1-100	231	18.7	63	13.9	168	21.6
101-200	336	27.3	60	13.2	276	35.4
201-300	207	16.8	107	23.6	100	12.8
301-600	287	23.3	164	36.1	123	15.8
601-900	76	6.2	28	6.2	48	6.2
901-1200	55	4.5	18	4.0	37	4.7
1201-1500	26	2.1	10	2.2	16	2.1
1501-2000	9	0.7	1	0.2	8	1.0
2001-3000	6	0.5	3	0.7	3	0.4
	1,233	100.0	454	100.0	779	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Selain itu, selepas diambil kira bantuan-bantuan kewangan yang diterima daripada pelbagai sumber, tiada lagi KIR tanpa pendapatan bulanan (RM0) berbanding jika hanya berdasarkan pendapatan utama sahaja (rujuk juga Jadual 5.20). Jika dibandingkan antara kawasan RPS dengan PPK, di kawasan RPS peratus terbesar KIR ialah dalam sela pendapatan RM300 hingga RM600 sebulan. Manakala di kawasan PPK, peratus terbesar KIR ialah dalam sela pendapatan RM101 hingga RM200 sebulan. Bagi KIR yang berpendapatan lebih daripada RM600 sebulan, peratusannya tidak banyak berbeza diantara kawasan RPS dan PPK. Di kawasan RPS sekitar 13 peratus berpendapatan lebih daripada RM600 sebulan manakala sekitar 14 peratus bagi kawasan PPK.

Secara purata jumlah pendapatan bulanan daripada pelbagai sumber mendapati purata jumlah pendapatan sebulan KIR di kawasan kajian ialah RM358. Di kawasan RPS jumlah pendapatan bulanan KIR ialah RM407 berbanding RM337 di kawasan PPK (Jadual 5.28).

Jika pendapatan hanya berdasarkan pendapatan daripada pekerjaan utamanya sahaja, nilainya adalah lebih besar dikawasan PPK (RM232) berbanding dengan kawasan RPS (229). Manakala bagi purata pendapatan sampingan pula, nilainya jauh lebih besar di kawasan RPS (RM115) berbanding dengan kawasan PPK (RM47). Ini kerana, sekitar 30 peratus penduduk di kawasan RPS mempunyai pekerjaan sampingan berbanding dengan 21 peratus di kawasan PPK. Purata pendapatan yang diterima daripada sumber-sumber lain (pelbagai bantuan kewangan dan pencen) hampir sama, iaitu RM63 sebulan di kawasan RPS manakala RM58 sebulan di kawasan PPK.

Jadual 5.28

Purata Jumlah Pendapatan KIR daripada Pelbagai Sumber

	Jumlah	RPS	PPK
Pendapatan daripada Pekerjaan Utama	231	229	232
Pendapatan daripada Pekerjaan Sampingan	67	115	47
Sumber-sumber pendapatan lain	60	63	58
Jumlah Pendapatan Bulanan	358	407	337


Sumber: Soalselidik Kajian

5.3.3 Agihan Pendapatan dan Kemiskinan

Dengan menggunakan pendapatan isirumah bulanan puratan (P1 hingga P5) daripada pelbagai sumber kajian mendapati agihan pendapatan yang diukur menggunakan Koefisien Gini ditunjukkan seperti dalam Rajah 5.1. Semakin besar nilai Koefisien Gini bermakna semakin besar ketidakseimbangan agihan pendapatan (nilai antara 0.0 hingga 1.0). Secara am Koefisien Gini di kawasan kajian adalah tinggi berbanding dengan nilai Koefisien Gini untuk Malaysia iaitu 0.441⁵⁶.

Jika pendapatan isirumah bulanan purata yang hanya berdasarkan pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sahaja (P1), Koefisien Gini di kawasan PPK lebih tinggi daripada kawasan RPS. Koefisien Gini di kawasan RPS yang lebih rendah ini ada kaitannya dengan perancangan kawasan RPS yang disediakan dengan program ekonomi untuk setiap peserta (KIR).

⁵⁶ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah/Kemudahan Asas (PPIR/KA) yang dijalankan pada tahun 2009. Jabatan Perangkaan Malaysia.



Nota:

- P1 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang
- P2 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR
- P3 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber –sumber pendapatan lain
- P4 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber-sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah
- P5 = Pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sekarang + pendapatan sampingan KIR + sumber –sumber pendapatan lain + pemberian daripada AIR yang telah berpindah + Jumlah pendapatan AIR

Rajah 5.1
Koefisien Gini di Kawasan RPS dan PPK

Jika pendapatan isirumah bulanan purata adalah berdasarkan pendapatan KIR daripada pekerjaan utama dan sampingan (P2), Koefisien Gini akan berkurangan di kawasan RPS dan di sebaliknya meningkat di kawasan PPK. Ini kerana lebih ramai KIR di kawasan RPS terlibat dengan pekerjaan sampingan berbanding dengan KIR di kawasan PPK.

Seterusnya, apabila pendapatan isirumah bulanan purata adalah berdasarkan pendapatan KIR daripada pekerjaan utama, sampingan dan sumber-sumber pendapatan lain (P3), Koefisien Gini di kedua-dua kawasan akan berkurangan terutamanya di kawasan RPS. Ini kerana ramai KIR yang mempunyai pendapatan daripada sumber-sumber lain dan nilainya (RM) agak seragam. Selain itu, tingkat umur AIR di kawasan RPS yang secara relatifnya lebih tinggi menyebabkan peratusan KIR yang menerima sumber-sumber pendapatan lain seperti bantuan biasiswa persekolahan dan dividen koperasi yang lebih tinggi daripada kawasan PPK seperti yang telah dibincangkan dalam Jadual 5.26.

Jika pendapatan isi rumah bulanan purata adalah berdasarkan pendapatan KIR daripada pekerjaan utama sahaja, pendapatan sampingan, sumber-sumber pendapatan lain dan pemberian daripada AIR yang telah berpindah (migrasi keluar) (P4), didapati nilai Koefisien Gini berkurangan di kedua-dua kawasan. Walau bagaimanapun, nilai Koefisien Gini hanya berkurangan sedikit sahaja (-3 mata peratusan) oleh kerana tidak ramai AIR yang telah berpindah keluar daripada kawasan kajian yang memberi sumbangan setiap bulan kepada KIR.


Seterusnya, jika pendapatan isirumah bulanan purata adalah berdasarkan pendapatan KIR daripada pekerjaan utama, pendapatan sampingan, sumber-sumber pendapatan lain, pemberian daripada AIR yang telah berpindah termasuk juga pendapatan bulanan purata AIR (P5), Koefisien Gini di kedua-dua kawasan akan meningkat terutamanya di kawasan PPK. Peningkatan yang lebih tinggi (+21 mata peratusan) di kawasan PPK disebabkan tingkat umur AIR di kawasan PPK yang lebih muda berbanding dengan di kawasan RPS (+1 mata peratusan). Lebih ramai AIR bekerja di kawasan RPS berbanding dengan AIR di kawasan PPK.

Kadar kemiskinan Malaysia untuk kawasan luar bandar ialah 7.7 peratus (tahun 2008) dan insiden kemiskinan KIR Orang Asli secara keseluruhan telah berkurangan dengan ketara. Walaupun kadarnya berkurangan daripada 83.4 peratus pada tahun 2000 kepada 31.2 peratus pada penghujung tahun 2010⁵⁷, kajian penyelidikan mendapati kadar kemiskinan di kawasan kajian masih tinggi lagi.

Kadar kemiskinan tidak banyak berbeza antara kawasan RPS dan PPK. Sekitar 80 peratus penduduk di kawasan kajian adalah miskin dan hanya sekitar 20 peratus sahaja yang tidak miskin (Rajah 5.2)⁵⁸.

⁵⁷ Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3; Jadual Jadual 3.10 Insiden Kemiskinan KIR Orang Asli, 2000 dan 2010.

⁵⁸Nota: dikira berdasarkan Jumlah Pendapatan Garis Kemiskinan (*Poverty Line Income, Total*), 2008 untuk negeri Pahang, luar bandar = RM850 sebulan, untuk purata bil. isirumah seramai 6 orang. Jika Pendapatan perkapita kurang daripada RM141.7 sebulan, ditakrif sebagai miskin.



Rajah 5.2
Kadar Kemiskinan di Kawasan RPS dan PPK

5.3.4 Kepuasan Ekonomi KIR

Jika dinilai dari segi kepuasan KIR berdasarkan peluang ekonomi untuk meningkatkan pendapatan bulanan, didapati sekitar 71 peratus KIR di kawasan RPS dan 68 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan peluang ekonomi yang diperoleh di perkampungan sekarang lebih tinggi (meningkat). Walau bagaimanapun, terdapat sekitar 19 peratus KIR di kawasan RPS dan 16 peratus KIR di kawasan PPK yang peluang ekonominya tidak berubah. Tambahan pula, sekitar 11 peratus KIR di kawasan RPS dan 16 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan peluang ekonomi yang diperoleh di perkampungan sekarang lebih sedikit berbanding dahulu (Jadual 5.29).

Sekitar 73 peratus KIR di kawasan RPS dan 69 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan pendapatan mereka (KIR) telah meningkat di perkampungan sekarang.

Walau bagaimanapun, sekitar 18 peratus KIR di kawasan RPS dan 18 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan tingkat pendapatan mereka tidak berubah di perkampungan sekarang. Dalam masa yang sama sekitar 9 peratus KIR di kawasan RPS dan 14 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan tingkat pendapatan mereka telah berkurangan di perkampungan sekarang berbanding dengan di perkampungan yang dahulu.

Jadual 5.29

Kepuasan Ekonomi KIR Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
(E1) Peluang ekonomi di kampung/skim sekarang	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Meningkat	851	69.0	322	70.9	529	67.9
Tiada perubahan	207	16.8	81	17.8	126	16.2
Berkurangan	175	14.2	51	11.2	124	15.9
(E2) Adakah selepas berpindah anda dapat meningkatkan pendapatan KIR	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Meningkat	866	70.2	331	72.9	535	68.7
Tiada perubahan	220	17.8	83	18.3	137	17.6
Berkurangan	147	11.9	40	8.8	107	13.7
(E3) Adakah selepas berpindah anda dapat meningkatkan pendapatan AIR	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Meningkat	951	77.1	356	78.4	595	76.4
Tiada perubahan	207	16.8	46	10.1	161	20.7
Berkurangan	75	6.1	52	11.5	23	3.0

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi perubahan pendapatan ahli isi rumah (AIR) pula, sekitar 78 peratus KIR di kawasan RPS dan 76 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan pendapatan AIR telah meningkat di perkampungan sekarang. Manakala sekitar 10 peratus di kawasan RPS dan 21 peratus di kawasan PPK menyatakan tingkat pendapatan AIR tidak berubah di

perkampungan sekarang. Selain itu,, sekitar 11 peratus KIR di kawasan RPS dan 3 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan tingkat pendapatan AIR telah berkurangan di perkampungan sekarang berbanding dahulu.

5.4 Impak Kemasyarakatan dan Tradisi

5.4.1 Kepuasan Kemasayarakataan

Kajian dari segi kepuasan dari sudut kemasyarakatan secara keseluruhan hubungan kemasyarakatan KIR di kawasan RPS dan PPK telah meningkat sama ada dari segi hubungan kekeluargaan (KIR-AIR), hubungan dengan masyarakat setempat (kampung) dan hubungan dengan masyarakat luar.

Hubungan dengan pemimpin iaitu Batin (ketua kampung), imam (atau pemimpin agama) dan pegawai JAKOA juga menunjukkan peningkatan selepas berpindah di kawasan penempatan semula. Selain itu,, hubungan dengan pemimpin politik iaitu Wakil Rakyat dan Wakil Parlimen juga menunjukkan peningkatan (Jadual 5.30).

Sebanyak 85.7 peratus KIR menyatakan bahawa hubungan kekeluargaan (hubungan dengan AIR) telah meningkat, 11.8 peratus tidak berubah dan 2.4 peratus KIR menyatakan hubungan kekeluargaan telah berkurangan selepas berpindah di kawasan penempatan semula.

Jika dibandingkan di antara kawasan RPS dan PPK, didapati Peratusan KIR yang menyatakan hubungan kekeluargaan telah meningkat ini lebih besar di kawasan RPS berbanding PPK. Manakala peratusan KIR yang menyatakan hubungan kekeluargaan tidak berubah dan berkurangan lebih besar di PPK berbanding dengan kawasan RPS.

Jadual 5.30: *Kepuasan Kemasyarakatan Di kawasan Penempatan Sekarang*

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(K1) Hubungan kekeluargaan						
Meningkat	1057	85.7	399	88.0	658	84.4
Tiada perubahan	146	11.8	49	10.7	98	12.5
Berkurangan	30	2.4	6	1.3	24	3.1
(K2) Hubungan dengan masyarakat setempat (kampung)						
Meningkat	1038	84.2	387	85.2	652	83.6
Tiada perubahan	156	12.7	57	12.6	99	12.7
Berkurangan	38	3.1	10	2.2	29	3.7
(K3) Hubungan dengan masyarakat luar						
Meningkat	769	62.4	304	66.9	465	59.7
Tiada perubahan	297	24.1	116	25.5	181	23.2
Berkurangan	167	13.6	34	7.5	133	17.1
(K4) Hubungan dengan Batin						
Meningkat	1054	85.5	379	83.6	674	86.6
Tiada perubahan	124	10.1	60	13.2	64	8.2
Berkurangan	55	4.5	15	3.2	40	5.2
(K5) Hubungan dengan ketua agama/imam						
Meningkat	879	71.3	346	76.1	533	68.4
Tiada perubahan	231	18.7	68	15.0	163	20.9
Berkurangan	123	10.0	40	8.9	83	10.7
(K6) Hubungan dengan pegawai JAKOA						
Meningkat	739	59.9	316	69.6	423	54.3
Tiada perubahan	316	25.6	89	19.6	227	29.1
Berkurangan	178	14.4	49	10.8	129	16.6
(K7) Hubungan dengan pegawai Wakil Rakyat						
Meningkat	646	52.4	288	63.4	358	46.0
Tiada perubahan	315	25.5	96	21.1	219	28.1
Berkurangan	272	22.0	70	15.3	202	26.0
(K8) Hubungan dengan pegawai Wakil Parlimen						
Meningkat	1091	88.5	410	90.3	681	87.4
Tiada perubahan	50	4.1	24	5.4	26	3.3
Berkurangan	92	7.5	20	4.3	72	9.3

Selain itu, sebanyak 84.2 peratus KIR menyatakan hubungan dengan masyarakat setempat (masyarakat kampung) telah meningkat selepas berpindah di kawasan penempatan semula. Manakala 12.7 peratus KIR menyatakan hubungan dengan masyarakat setempat tidak berubah dan bakinya, 3.1 peratus menyatakan hubungan dengan masyarakat setempat telah berkurangan selepas berpindah di kawasan penempatan semula.

Jika dibandingkan di antara kawasan RPS dan PPK, didapati peratusan KIR di kawasan RPS yang menyatakan hubungan dengan masyarakat setempat lebih besar peningkatannya berbanding dengan KIR di kawasan PPS. Seperti juga hubungan kekeluargaan, peratusan KIR yang menyatakan hubungan dengan masyarakat setempat tidak berubah dan lebih besar kekurangannya di PPK berbanding dengan kawasan RPS.

Seterusnya, secara keseluruhan sebanyak 63.4 peratus KIR menyatakan hubungan dengan masyarakat luar (masyarakat luar kampung) telah meningkat selepas berpindah di kawasan penempatan semula. Manakala 24.1 peratus KIR menyatakan hubungan dengan masyarakat luar tidak berubah dan bakinya sebanyak 13.6 peratus menyatakan hubungan dengan masyarakat luar telah berkurangan di kawasan penempatan sekarang.

Jika dibandingkan di antara kawasan RPS dan PPK, didapati Peratusan KIR di kawasan RPS yang menyatakan hubungan dengan masyarakat luar telah meningkat atau tidak berubah adalah lebih besar berbanding dengan KIR di kawasan PPS.

Sebaliknya, peratusan KIR yang menyatakan hubungan dengan masyarakat luar telah berkurangan adalah lebih besar di PPK berbanding dengan kawasan RPS.

Dari segi hubungan dengan Batin pula, secara keseluruhan, sebanyak 85.5 peratus KIR menyatakan hubungannya dengan batin telah meningkat, 10.1 peratus tidak berubah dan bakinya 13.6 peratus berkurangan. Jika dibandingkan di antara kawasan RPS dan PPK, peratusan peningkatan adalah lebih besar di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Manakala peratus tiada perubahan lebih besar di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK.

Manakala dari segi hubungan dengan ketua agama (imam) pula, menunjukkan sebanyak 71.3 peratus KIR menyatakan hubungannya dengan ketua agama telah meningkat di kawasan penempatan sekarang. Peratus ini lebih besar di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Peratusan KIR yang menyatakan hubungannya tidak berubah atau berkurangan adalah lebih besar di PPK berbanding dengan RPS.

Seterusnya, hubungan KIR dengan pegawai JAKOA juga meningkat peratusannya di kedua-dua kawasan terutamanya di kawasan RPS. Secara keseluruhan peratusan KIR yang menyatakan hubungan ini telah meningkat ialah sekitar 60 peratus, di kawasan RPS sekitar 70 peratus dan di kawasan PPK pula, sekitar 54 peratus. Di kawasan PPK sekitar 30 peratus KIR menyatakan tiada perubahan dalam hubungannya dengan pegawai JAKOA dan 17 peratus menyatakan hubungannya telah berkurangan setelah berpindah ke kawasan PPK. Dibandingkan dengan KIR di kawasan RPS sekitar 15 peratus KIR menyatakan tiada perubahan dalam hubungannya dengan pegawai

JAKOA dan 9 peratus menyatakan hubungannya telah berkurangan setelah berpindah ke kawasan RPS.

Dari segi hubungan dengan pemimpin politik, secara keseluruhan, KIR yang menyatakan hubungannya telah meningkat dengan Wakil Rakyat ialah sebanyak 52 peratus, manakala dengan Wakil Parlimen iaitu sebanyak 89 peratus. Sebanyak 22 peratus KIR menyatakan hubungannya dengan Wakil Rakyat telah berkurangan berbanding dengan hanya 8 peratus KIR telah menyatakan hubungannya telah berkurangan dengan Wakil Parlimen di kawasan penempatan sekarang. Di kawasan RPS sekitar 90 peratus KIR menyatakan hubungannya dengan Ahli Parlimen telah meningkat berbanding dengan sekitar 63 peratus KIR yang menyatakan hubungannya dengan Wakil Rakyat telah meningkat.

Secara keseluruhan jika disusun peratusan (daripada % tinggi ke rendah) KIR yang menyatakan hubungannya telah meningkat selepas berpindah ke kawasan penempatan semula yang paling utama (lebih daripada 80%) ialah hubungannya dengan Wakil Parlimen, hubungan kekeluargaan, hubungan dengan batin dan hubungan dengan masyarakat setempat. Seterusnya (61-80%) ialah hubungan dengan pemimpin agama dan hubungan masyarakat luar. Peningkatan yang agak rendah (41-60%) adalah hubungan dengan pegawai JAKOA dan hubungan dengan Wakil Rakyat (Jadual 5.31).

Di kawasan RPS susunan hubungan yang paling besar peningkatannya ialah hubungan dengan Wakil Parlimen (90.3%), kekeluargaan (88%), masyarakat setempat

(85.2), batin (83.6), ketua agama (76.1%), pewartai JAKOA (69.6%) masyarakat luar (66.9) dan Wakil Rakyat (63.4%).

Jadual 5.31

Kepuasan Kemasyarakatan Meningkatkan Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Hubungan dengan Wakil Parlimen	88.5	1	90.3	1	87.4	1
Hubungan kekeluargaan	85.7	2	88.0	2	84.4	3
Hubungan dengan Batin	85.5	3	83.6	4	86.6	2
Hubungan dengan masyarakat setempat	84.2	4	85.2	3	83.6	4
Hubungan dengan ketua agama/imam	71.3	5	76.1	5	68.4	5
Hubungan dengan masyarakat luar	62.4	6	66.9	7	59.7	6
Hubungan dengan pegawai JAKOA	59.9	7	69.6	6	54.3	7
Hubungan dengan Wakil Rakyat	52.4	8	63.4	8	46.0	8

Sumber: Soalselidik Kajian

Manakala di kawasan PPK susunan hubungan yang paling besar peningkatannya ialah hubungan dengan Wakil Parlimen (87.4%), batin (86.6), kekeluargaan (84.4%), masyarakat setempat (83.6%), ketua agama (68.4%), masyarakat luar (59.7%), pewartai JAKOA (54.3%) dan Wakil Rakyat (46%).

Secara keseluruhan jika disusun peratusan (daripada % tinggi ke rendah) KIR yang menyatakan hubungannya tidak berubah (tiada perubahan) selepas berpindah ke kawasan penempatan semula ialah hubungannya dengan pegawai JAKOA, Wakil Rakyat, masyarakat luar, ketua agama, masyarakat setempat, keluarga, batin dan Wakil Parlimen (Jadual 5.32).

Di kawasan RPS, KIR yang menyatakan hubungannya tidak berubah (tiada perubahan) selepas berpindah ke kawasan penempatan semula ialah hubungannya dengan masyarakat luar (25.5%), Wakil Rakyat (21.1%), pegawai JAKOA (19.6%), pemimpin agama (15%), Batin (13,3%), masyarakat setempat (12.6%), keluarga (10.7%) dan Wakil Parlimen (5.4%).

Jadual 5.32

Kepuasan Kemasyarakatan Tiada Perubahan Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Hubungan dengan pegawai JAKOA	25.6	1	19.6	3	29.1	1
Hubungan dengan Wakil Rakyat	25.5	2	21.1	2	28.1	2
Hubungan dengan masyarakat luar	24.1	3	25.5	1	23.2	3
Hubungan dengan ketua agama/imam	18.7	4	15.0	4	20.9	4
Hubungan dengan masyarakat setempat	12.7	5	12.6	6	12.7	5
Hubungan kekeluargaan	11.8	6	10.7	7	12.5	6
Hubungan dengan Batin	10.1	7	13.2	5	8.2	7
Hubungan dengan Wakil Parlimen	4.1	8	5.4	8	3.3	8

Sumber: Soalselidik Kajian

Manakala di kawasan PPK, KIR yang menyatakan hubungannya tidak berubah (tiada perubahan) selepas berpindah ke kawasan penempatan semula ialah hubungannya dengan pegawai JAKOA (29.1%), Wakil Rakyat (28.1%), masyarakat luar (23,2%), ketua agama (20.9%), masyarakat setempat (12.7%), keluarga (12.5%), batin (8.2%) dan Wakil Parlimen (3.3%).

Secara keseluruhan jika disusun peratusan (daripada % rendah ke tinggi) KIR yang menyatakan hubungannya telah berkurangan selepas berpindah ke kawasan

penempatan semula ialah hubungan kekeluargaan, masyarakat setempat, Batin, Wakil Parlimen, pemimpin agama, masyarakat luar, pegawai JAKOA dan Wakil Rakyat (Jadual 5.33).

Di kawasan RPS, KIR yang menyatakan peratus hubungan telah berkurangan selepas berpindah ke kawasan penempatan semula ialah hubungan kekeluargaan (1.3%), masyarakat setempat (2.2%), Batin (3.2%), Wakil Parlimen (4.3%), masyarakat luar (7.5%), pemimpin agama (8.8%), pegawai JAKOA (10.8%) dan Wakil Rakyat (15.3%).

Manakala di kawasan PPK, KIR yang menyatakan peratus hubungan telah berkurangan selepas berpindah ke kawasan penempatan semula ialah hubungan kekeluargaan (3.1%), masyarakat setempat (3.7%), Batin (5.2%), Wakil Parlimen (9.3%), pemimpin agama (10.7%), masyarakat luar (17.1%), pegawai JAKOA (16.1%) dan Wakil Rakyat (20%).

Jadual 5.33
Kepuasan Kemasyarakatan Berkurangan Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Hubungan kekeluargaan	2.4	1	1.3	1	3.1	1
Hubungan dengan masyarakat setempat	3.1	2	2.2	2	3.7	2
Hubungan dengan Batin	4.5	3	3.2	3	5.2	3
Hubungan dengan Wakil Parlimen	7.5	4	4.3	4	9.3	4
Hubungan dengan ketua agama/imam	10.0	5	8.9	6	10.7	5
Hubungan dengan masyarakat luar	13.6	6	7.5	5	17.1	6
Hubungan dengan pegawai JAKOA	14.4	7	10.8	7	16.6	7
Hubungan dengan Wakil Rakyat	22.0	8	15.3	8	26.0	8

Sumber: Soalselidik Kajian

5.4.2 Kepuasan Mengekalkan Tradisi

Dari segi kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam), secara keseluruhan sekitar 61 peratus mengatakan mereka dapat meningkatkan tradisi/amalan dari segi upacara perkahwinan, meningkat sekitar 44 peratus bagi upacara keagamaan dan meningkat sekitar 78 peratus bagi upacara-upacara keramaian/Sewang (Jadual 5.34).

Jadual 5.34

Kepuasan Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(T1) Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara perkahwinan						
Meningkat	754	61.2	259	57.0	496	63.7
Tiada perubahan	310	25.2	153	33.7	157	20.2
Berkurangan	169	13.7	42	9.4	126	16.2
(T2) Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara keagamaan						
Meningkat	537	43.6	244	53.7	294	37.7
Tiada perubahan	516	41.9	163	36.0	353	45.3
Berkurangan	179	14.5	47	10.3	132	16.9
(T3) Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara keramaian dan Sewang						
Meningkat	957	77.6	413	90.9	544	69.8
Tiada perubahan	185	15.0	22	4.9	163	20.9
Berkurangan	91	7.4	19	4.2	72	9.2

Sumber: Soalselidik Kajian

Selain itu, secara keseluruhan sekitar 25 peratus mengatakan tiada perubahan dalam mengamalkan amalan tradisi mereka dari segi upacara perkahwinan, sekitar 42 peratus bagi upacara keagamaan dan sekitar 15 peratus bagi upacara-upacara

keramaian/Sewang. Dalam masa yang sama secara keseluruhan sekitar 14 peratus KIR mengatakan amalan tradisi mereka telah berkurangan dari segi upacara perkahwinan, berkurangan sekitar 15 peratus bagi upacara keagamaan dan berkurangan sekitar 7 peratus bagi upacara-upacara keramaian/Sewang.

Secara keseluruhan jika disusun peratusan KIR tahap kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) yang paling tinggi (peratusan terbesar) ialah dari segi upacara keramaian dan Sewang (77.6%), kedua dari segi upacara perkahwinan (61.2%) dan ketiga dari segi upacara keagamaan (43.6%). Secara bandingan, peratusan KIR yang menyatakan kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) telah meningkat dari segi upacara keramaian/Sewang adalah lebih besar di kawasan RPS (90.9%) berbanding dengan kawasan PPK (69.8%) (Jadual 5.35).

Jadual 5.35

Kepuasan Meningkat dalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam upacara keramaian dan Sewang	77.6	1	90.9	1	69.8	1
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam upacara perkahwinan	61.2	2	57.0	2	63.7	2
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam segi upacara keagamaan	43.6	3	53.7	3	37.7	3

Sumber: Soalselidik Kajian

Dalam masa yang sama, secara keseluruhan peratusan KIR yang menyatakan kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) tidak berubah ialah dari segi upacara keagamaan (41.9%), upacara perkahwinan (25.2%) dan upacara

keramaian (15%). Secara bandingan, peratusan KIR yang menyatakan kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) adalah tidak berubah, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.36 di bawah.

Peratusan KIR yang menyatakan tidak berubah dari segi upacara keagamaan dan dari segi upacara keramaian dan Sewang adalah lebih besar di kawasan PPK berbanding dengan RPS. Manakala peratusan KIR yang menyatakan tidak berubah dari segi upacara perkahwinan adalah lebih besar di kawasan RPS berbanding PPK.

Jadual 5.36
Kepuasan Tiada Perubahan dalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam upacara keagamaan	41.9	1	36.0	1	45.3	1
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam upacara perkahwinan	25.2	2	33.7	2	20.2	3
Mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) dalam upacara keramaian dan Sewang	15.0	3	4.9	3	20.9	2

Sumber: Soalselidik Kajian

Dalam masa yang sama, secara keseluruhan peratusan KIR yang menyatakan kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) telah berkurangan ialah dari segi upacara keramaian dan Sewang (7.4%), upacara perkahwinan (13.7%) dan keagamaan (14.5%). Secara bandingan, peratusan KIR yang menyatakan kepuasan untuk mengekalkan tradisi/amalan (adat-resam) telah berkurangan seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.37. Peratusan KIR yang menyatakan telah berkurangan

dalam mengamalkan tradisi mereka (dari segi upacara keagamaan, keramaian dan Sewang dan perkahwinan) adalah lebih besar di kawasan PPK berbanding RPS.

Jadual 5.37

Kepuasan Berkurangan dalam Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
Mengekalkan tradisi/amalam (adat-resam) dalam upacara keramaian dan Sewang	7.4	1	4.2	1	9.2	1
Mengekalkan tradisi/amalam (adat-resam) dalam upacara perkahwinan	13.7	2	9.4	2	16.2	2
Mengekalkan tradisi/amalam (adat-resam) dalam upacara keagamaan	14.5	3	10.3	3	16.9	3

Sumber: Soalselidik Kajian

5.5 Kemudahan Awam

5.5.1 Kepuasan Kemudahan Awam

Secara keseluruhan, sekitar 11 peratus KIR di kawasan kajian menyatakan terdapat kemudahan bas di kawasan penempatan mereka. Daripada 100 peratus KIR yang menggunakan perkhidmatan tersebut, sebanyak 64 peratus berpuas hati dengan kemudahan yang diberikan. Jika dibandingkan di antara kawasan RPS dan PPK pula, sekitar 14 peratus KIR di kawasan RPS dan 9 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kawasan mereka mempunyai kemudahan bas dan 100 peratus daripada mereka menggunakan perkhidmatan tersebut. Sekitar 72 peratus KIR di kawasan PPK dan sekitar 55 KIR di kawasan RPS berpuas hati dengan kemudahan bas tersebut (Jadual 5.38).

Jadual 5.38

Kepuasan Terhadap Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah			RPS			PPK		
	Ada	Guna	Berpuas hati	Ada	Guna	Berpuas hati	Ada	Guna	Berpuas hati
(A1)									
Pengangkutan awam (Bas)	133	133	85	65	65	36	68	68	49
N	1233	133	133	454	65	65	779	68	68
%	10.8	100.0	63.9	14.3	100.0	55.4	8.7	100.0	72.1
(A2) Jalan ke kampung									
	1017	1017	302	402	402	159	615	615	143
N	1233	1017	1017	454	402	402	779	615	615
%	82.5	100.0	29.7	88.5	100.0	39.6	78.9	100.0	23.3
(A3) Jalan dalam kampung									
	1016	1016	323	403	403	171	613	613	152
N	1233	1016	1016	454	403	403	779	613	613
%	82.4	100.0	31.8	88.8	100.0	42.4	78.7	100.0	24.8
Balai Raya									
	157	150	119	33	32	15	124	118	104
N	1233	157	157	454	33	33	779	124	124
%	12.7	95.5	75.8	7.3	97.0	45.5	15.9	95.2	83.9
(A4) Sekolah Rendah									
	572	572	476	285	285	242	287	287	234
N	1233	572	572	454	285	285	779	287	287
%	46.4	100.0	83.2	62.8	100.0	84.9	36.8	100.0	81.5
(A5) Telefon Awam									
	56	56	4	22	22	2	34	34	2
N	1233	56	56	454	22	22	779	34	34
%	9.2	100.0	7.1	4.8	100.0	9.1	4.4	100.0	5.9
(A6) Rumah Ibadat									
	565	281	187	213	106	51	352	175	211
N	1233	565	388	454	213	106	779	352	352
%	45.8	49.7	48.2	46.9	49.8	48.1	45.2	49.7	59.9
Balai Adat									
	565	281	262	213	106	51	352	175	211
N	1233	565	458	454	213	106	779	352	352
%	45.8	49.7	57.2	46.9	49.8	48.1	45.2	49.7	59.9
(A7) Kedai Runcit									
	603	603	393	361	361	221	242	242	172
N	1233	603	603	454	361	361	779	242	242
%	48.9	100.0	65.2	79.5	100.0	61.2	31.1	100.0	71.1

Manakala secara keseluruhan sekitar 82 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan jalan ke kampung mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan jalan tersebut, Walau bagaimanapun, hanya sekitar 30 peratus sahaja yang berpuas hati dengan kemudahan jalan ke kampung mereka. Di kawasan RPS dan PPK pula, sekitar 88 peratus KIR di kawasan RPS dan 79 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan terdapat kemudahan jalan ke kampung mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan jalan tersebut, Walau bagaimanapun, hanya 23 peratus sahaja KIR di kawasan PPK dan 40 peratus KIR di kawasan RPS yang berpuas hati dengan kemudahan tersebut.

Dari segi kemudahan berturap dalam kawasan kampung pula, sekitar 82 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan tersebut di perkampungan kampung mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan jalan tersebut, Walau bagaimanapun, hanya sekitar 32 peratus sahaja daripada mereka yang berpuas hati dengan kemudahan jalan di dalam kampung mereka. Sekitar 89 peratus KIR di kawasan RPS dan 79 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan terdapat kemudahan jalan berturap ke kampung mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan jalan tersebut, Walau bagaimanapun, hanya 25 peratus sahaja KIR di kawasan PPK dan 42 peratus KIR di kawasan RPS yang berpuas hati dengan kemudahan tersebut.

Secara keseluruhan, sekitar 13 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan Balai Raya di perkampungan mereka dan 96 peratus daripada mereka menggunakan kemudahan Balai Raya tersebut. Daripada jumlah itu, sekitar 76 peratus daripada mereka berpuas hati dengan kemudahan Balai Raya yang telah disediakan. Sekitar 7 peratus KIR di kawasan RPS dan 16 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan

terdapat kemudahan Balai Raya di kampung mereka. 97 peratus daripada KIR di kawasan RPS dan 95 peratus KIR di kawasan PPK menggunakan kemudahan Balai Raya yang telah disediakan. Daripada jumlah tersebut, sekitar 46 peratus KIR di kawasan RPS dan 84 peratus KIR di kawasan PPK berpuas hati dengan kemudahan Balai Raya di kawasan perkampungan mereka.

Dari segi kemudahan sekolah rendah pula, secara keseluruhan 46 peratus KIR di kawasan kajian menyatakan terdapat kemudahan sekolah rendah di kawasan perkampungan mereka dan 100 peratus daripada mereka menggunakan kemudahan tersebut. Daripada jumlah 100 peratus tersebut, sebanyak 83 peratus daripada mereka berpuas hati dengan kemudahan sekolah rendah yang telah disediakan. Di kawasan RPS sekitar 63 peratus KIR dan di kawasan PPK sekitar 37 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan sekolah rendah di kawasan perkampungan mereka. Daripada jumlah itu sebanyak 85 peratus KIR di kawasan RPS dan 82 peratus KIR di kawasan PPK berpuas hati dengan kemudahan sekolah rendah yang telah disediakan.

Secara keseluruhan, hanya sebanyak 9.2 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan telefon awam di kawasan perkampungan mereka. Daripada 100 peratus yang menggunakan kemudahan tersebut, hanya sekitar 7 peratus sahaja yang berpuas hati. Jika dibandingkan antara kawasan RPS dan PPK, peratusannya tidak banyak berbeza. Di kawasan RPS dan PPK sekitar 5 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan ini di perkampungan mereka dan 100 peratus daripada KIR menggunakan perkhidmatan telefon awam. Walau bagaimanapun, hanya sekitar 9 peratus KIR di kawasan RPS dan 6 peratus KIR di kawasan PPK yang berpuas hati dengan perkhidmatan telefon awam di kawasan perkampungan masing-masing.

Dari segi rumah ibadat pula, secara keseluruhan sekitar 46 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan rumah ibadat (masjid atau gereja) di kawasan perkampungan mereka. Sekitar 50 peratus menggunakan rumah ibadat ini dan 48 peratus daripada mereka berpuas hati dengan kemudahan rumah ibadat yang telah disediakan. Di kawasan RPS sekitar 47 peratus dan di kawasan PPK sekitar 45 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan rumah ibadat di perkampungan mereka. Daripada jumlah ini, sekitar 50 peratus daripada KIR di kawasan RPS dan PPK menggunakan perkhidmatan tersebut. Di kawasan RPS sekitar 48 peratus dan di kawasan PPK sekitar 60 peratus berpuas hati dengan kemudahan rumah ibadat ini.

Dari segi Balai Adat pula, secara keseluruhan sekitar 46 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan ini di kawasan perkampungan mereka. Daripada jumlah ini sekitar 50 peratus menggunakan kemudahan ini dan 57 peratus daripada mereka berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Di kawasan RPS, sekitar 47 peratus daripada KIR dan di kawasan PPK sekitar 45 peratus daripada KIR menyatakan terdapat kemudahan ini di perkampungan mereka. Daripada jumlah ini sekitar 50 peratus daripada KIR di kawasan RPS dan PPK menggunakan kemudahan ini. Sebanyak 60 peratus daripada KIR di kawasan PPK dan 48 peratus KIR di kawasan RPS berpuas hati dengan kemudahan Balai Adat yang telah disediakan.

Secara keseluruhan terdapat sebanyak 49 peratus KIR di kawasan kajian menyatakan terdapat kemudahan kedai runcit di kawasan perkampungan mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan kemudahan ini dan sekitar 65 peratus berpuas hati. Dalam masa yang sama, sebanyak 80 peratus KIR di kawasan RPS menyatakan terdapat kemudahan kedai runcit di kawasan perkampungan mereka. 100 peratus

daripada mereka menggunakan kemudahan ini dan sekitar 61 peratus berpuas hati. Manakala di kawasan PPK pula, sebanyak 31 peratus KIR menyatakan terdapat kemudahan kedai runcit di kawasan perkampungan mereka. 100 peratus daripada mereka menggunakan kemudahan ini dan sekitar 71 peratus berpuas hati dengan kemudahan kedai runcit yang ada di kawasan perkampungan mereka.

Peratusan kemudahan awam yang ada di kawasan kajian berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada KIR ialah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.36. Sekitar 79 hingga 89 peratus KIR di kawasan RPS dan PPK menyatakan terdapat jalan ke kampung dan jalan dalam kawasan kampung. Dari segi kemudahan kedai runcit, sekolah rendah dan pengangkutan awam, peratusannya adalah sangat berbeza antara kawasan RPS dan PPK. Peratusan KIR yang menyatakan terdapat kemudahan kedai runcit, sekolah rendah dan pengangkutan awam adalah rendah di PPK berbanding dengan kawasan RPS. Sebaliknya, peratusan KIR yang menyatakan terdapat kemudahan balai raya pula, adalah rendah di RPS berbanding dengan kawasan PPK (Jadual 5.39).

Sebanyak 100 peratus KIR sama ada di kawasan RPS atau PPK menggunakan kemudahan pengangkutan awam (bas), jalan berturap ke kampung dan dalam kampung, sekolah rendah dan telefon awam. Manakala sekitar 95 peratus menggunakan kemudahan Balai Raya dan 50 peratus menggunakan kemudahan rumah ibadat dan Balai Adat yang telah disediakan (Jadual 5.40).

Jadual 5.39

Peratusan Ada Kemudahan Awam Tersebut Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah	RPS	PPK
1 Jalan ke kg	82.5	88.5	78.9
2 Jalan dalam kg	82.4	88.8	78.7
3 Kedai Runcit	48.9	79.5	31.1
4 Sekolah Rendah	46.4	62.8	36.8
5 Rumah Ibadat	45.8	46.9	45.2
6 Balai Adat	45.8	46.9	45.2
7 Balai Raya	12.7	7.3	15.9
8 Pengangkutan awam (Bas)	10.8	14.3	8.7
9 Telefon Awam	9.2	4.8	4.4

Sumber: Soalselidik Kajian

Jadual 5.40

Peratusan Menggunakan Kemudahan Awam Tersebut Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah	RPS	PPK
1 Pengangkutan awam (Bas)	100.0	100.0	100.0
2 Jalan ke kg	100.0	100.0	100.0
3 Jalan dalam kg	100.0	100.0	100.0
4 Sekolah Rendah	100.0	100.0	100.0
5 Telefon Awam	100.0	100.0	100.0
6 Kedai Runcit	100.0	100.0	100.0
7 Balai Raya	95.5	97.0	95.2
8 Rumah Ibadat	49.7	49.8	49.7
9 Balai Adat	49.7	49.8	49.7

Sumber: Soalselidik Kajian

Manakala peratusan KIR yang menyatakan berpuas hati dengan kemudahan awam sekolah rendah adalah yang paling tinggi (83.2%), diikuti oleh Balai Raya (75.8%), kedai runcit (65.2%), pengangkutan awam (bas) (63.9%) dan Balai Adat (57.2%). Seterusnya, peratusan yang paling rendah penggunaannya ialah kemudahan telefon awam iaitu hanya 6 peratus di kawasan PPK dan 9 peratus di kawasan PPK. Begitu juga dengan kemudahan jalan berturap ke kampung dan dalam kampung, peratusan KIR yang menyatakan berpuas hati dengan kemudahan ini adalah lebih kecil di kawasan PPK berbanding dengan kawasan RPS (Jadual 5.41).

Jadual 5.41
Peratusan Berpuas Hati dengan Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang

	Jumlah	RPS	PPK
1 Sekolah Rendah	83.2	84.9	81.5
2 Balai Raya	75.8	45.5	83.9
3 Kedai Runcit	65.2	61.2	71.1
4 Pengangkutan awam (Bas)	63.9	55.4	72.1
5 Balai Adat	57.2	48.1	59.9
6 Rumah Ibadat	48.2	48.1	59.9
7 Jalan dalam kg	31.8	42.4	24.8
8 Jalan ke kg	29.7	39.6	23.3
9 Telefon Awam	7.1	9.1	5.9

Sumber: Soalselidik Kajian

5.5.2 Kemudahan-kemudahan Awam lain yang Diperlukan

Kemudahan-kemudahan awam lain yang paling utama diperlukan oleh KIR di kawasan kajian ialah klinik (Klinik Rakyat 1 Malaysia), padang (bola sepak, takraw dan bola jaring), taman permainan kanak-kanak, pencawang telefon bimbit, kelas tuisyen, pusat internet, lampu jalan dalam kampung, tadika, peti surat dan bengkel kemahiran. Susunan keutamaan kemudahan-kemudahan awam lain yang diperlukan di kawasan RPS dan PPK adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.42.

Jadual 5.42
Lain-lain Kemudahan Awam yang Diperlukan

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
				33.3		29.3
1 Klinik (KR1M)	379	30.7	151	(1)	228	(1)
				22.5		17.2
2 Padang (bola/takraw/bola jaring)	236	19.1	102	(2)	134	(2)
				9.5		13.5
3 Taman permainan kanak-kanak	148	12.0	43	(4)	105	(3)
				10.8		8.4
4 Pencawang telefon bimbit	114	9.2	49	(3)	66	(4)
				3.3		8.2
7 Kelas tuisyen	80	6.5	15	(7)	64	(5)
				7.3		5.4
6 Pusat Internet	75	6.1	33	(5)	42	(8)
				5.7		5.8
5 Lampu jalan dalam kampung	71	5.8	26	(6)	45	(7)
				2.6		7.1
9 Tadika	67	5.4	12	(9)	55	(6)
				2.9		3.5
8 Peti surat	40	3.2	13	(8)	27	(9)
				2.2		1.7
10 Bengkel kemahiran	23	1.9	10	(10)	13	(10)
Jumlah	1233	100.0	454	100.0	779	100.0

5.6 Pilihan Kampung dan Rumah

5.6.1 Maklumat Perumahan Sekarang

Secara purata penempatan sekarang (RPS dan PPK) telah diduduki sejak 30 tahun dahulu. Pada peringkat awal, semua penduduk RPS dibekalkan dengan rumah. Manakala di kawasan PPP, kawasan perumahan (kampung) disusun semula dan bantuan rumah diberi secara berperingkat-peringkat. Secara keseluruhannya, sekitar 48 peratus daripada KIR menduduki rumah bantuan kerajaan dan bakinya, rumah tradisional (52%). Di kawasan penempatan semula RPS, sekitar 75 peratus dan di kawasan penempatan PPK sekitar 32 peratus menduduki rumah bantuan kerajaan (Jadual 5.43). Di kawasan RPS, terdapat pertambahan sekitar 25 peratus kelamin baru (anak-anak KIR yang telah berkahwin). Mereka membina rumah-rumah tradisional dalam kawasan penempatan RPS. Melalui pemerhatian penyelidik, sekitar 85 peratus rumah-rumah kelamin baru dibina bersebelahan dengan rumah KIR. Bantuan perumahan kepada kelamin baru akan diberi secara berperingkat-peringkat.

Pada tahun-tahun sebelum 1990an, kerajaan memberi bantuan rumah yang diperbuat daripada kayu untuk masyarakat Orang Asli. Rumah kayu ini terbahagi kepada dua bentuk. Sebelum tahun 1980an, ia dipanggil Rumah Melati dan selepas 1980an dipanggil Rumah Meranti. Mulai tahun 1990an, kerajaan memberi bantuan rumah batu yang mempunyai satu bilik tidur dan mulai tahun 2000, rumah batu yang mempunyai dua bilik tidur.

Jadual 5.43
Maklumat Perumahan Sekarang

Jenis Rumah	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Rumah tradisional	642	52.1	114	25.1	528	67.8
Rumah bantuan kerajaan	591	47.9	340	74.9	251	32.2
Bahan binaan dinding	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Batu	443	35.9	191	42.1	252	32.3
Campuran Kayu/Buluh/Rotan	728	59.0	233	51.3	495	63.5
Campuran Batu, kayu/buluh/rotan	62	5.0	30	6.6	32	4.1
Kemudahan tandas	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tandas tarik	249	20.2	108	23.8	141	18.1
Tandas curah/siram	320	26.0	136	30.0	184	23.6
Lubang	48	3.9	16	3.5	32	4.1
Lubang tertutup di permukaan air	11	0.9	6	1.3	5	0.6
Tiada	605	49.1	188	41.4	417	53.5
Bilangan bilik tidur	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tiada	81	6.6	11	2.4	70	9.0
Satu	461	37.4	201	44.3	260	33.4
Dua	369	29.9	132	29.1	237	30.4
Tiga	270	21.9	98	21.6	172	22.1
Empat	52	4.2	12	2.6	40	5.1
Kenderaan persendirian utama	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kereta	89	7.2	47	10.4	42	5.4
Motosikal/skuter	607	49.2	271	59.7	336	43.1
Basikal	14	1.1	5	1.1	9	1.2
Tiada	523	42.4	131	28.9	392	50.3

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi bahan binaan dinding (termasuk lantai), sekitar 59 peratus rumah KIR diperbuat daripada campuran kayu, buluh dan rotan. 36 peratus diperbuat daripada batu dan bakinya lima peratus daripada campuran batu, kayu, buluh dan rotan. Di kawasan RPS sekitar 51 peratus bahan binaan dinding diperbuat daripada campuran kayu, buluh dan rotan, manakala 64 peratus di kawasan PPK.

Sekitar 50 peratus rumah di kawasan kajian tiada kemudahan tandas. 54 peratus rumah KIR di kawasan PPK dan 41 peratus di kawasan RPS, tidak mempunyai kemudahan tandas. Jenis tandas yang paling utama ialah tandas curah/siram (tanpa *flush*) (26%). Di kawasan RPS, sekitar 39 peratus rumah KIR mempunyai kemudahan tandas curah/siram manakala 24 peratus di kawasan PPK. Hanya sekitar 20 peratus rumah di kawasan kajian mempunyai kemudahan tandas tarik (dengan *flush*), iaitu 24 peratus di kawasan penempatan RPS dan 18 peratus di kawasan penempatan PPK. Bakinya, sekitar lima peratus, menggunakan tandas jenis lubang di permukaan tanah atau permukaan air (sungai).

Secara keseluruhan, sebahagian besar rumah mempunyai satu hingga dua bilik tidur. Sebanyak 73 peratus rumah di kawasan RPS dan 64 peratus di kawasan PPK mempunyai satu hingga dua bilik tidur. Terdapat sekitar 24 peratus rumah di kawasan RPS dan 27 peratus di kawasan PPK mempunyai tiga hingga empat kemudahan bilik tidur. Dalam masa yang sama, terdapat sekitar 2 peratus rumah di kawasan RPS dan 9 peratus di kawasan PPK yang tidak mempunyai kemudahan bilik tidur.

Dari segi kenderaan persendirian pula, secara keseluruhan kenderaan persendirian yang paling utama ialah motosikal (termasuk skuter) (49%). Di kawasan RPS, sebanyak 60 peratus KIR mempunyai motosikal, berbanding 43 peratus di kawasan

PPK. Selain itu, di kawasan RPS, sebanyak 10 peratus KIR mempunyai kereta berbanding 5 peratus di kawasan PPK. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan terdapat sekitar 42 peratus KIR tidak mempunyai sebarang kenderaan utama, yang meliputi 50 peratus KIR di kawasan PPK dan sekitar 29 peratus KIR di kawasan RPS.

5.6.2 Peralatan Asas Dalam Rumah

Dari segi peralatan asas dalam rumah secara keseluruhan 50 hingga 60 peratus KIR di kawasan kajian memiliki TV dan alat pemain video (termasuk VCD/DVD). Sekitar 30 peratus KIR memiliki telefon bimbit, kipas elektrik, dapur gas dan radio. Selain itu, sekitar 10 peratus KIR mempunyai periuk nasi (*rice cooker*) dan pengisar (*blender*) elektrik. Kurang daripada 5 peratus KIR memiliki komputer, cerek elektrik (*electric kettle*) dan peti sejuk (*freezer*) (Jadual 5.41).

Lebih ramai KIR di kawasan RPS memiliki semua peralatan asas seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.44. berbanding KIR di kawasan PPK. Sekitar 83 peratus KIR di kawasan RPS memiliki TV berbanding 46 peratus di kawasan PPK dan sekitar 73 peratus KIR di kawasan RPS memiliki alat pemain video berbanding 39 peratus di kawasan PPK.

Jadual 5.44
Peralatan Asas Dalam Rumah

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
TV	733	59.4	375	82.6	358	46.0
Video//VCD/DVD	637	51.7	333	73.3	304	39.0
Telefon bimbit	412	33.4	185	40.7	227	29.1
Kipas	410	33.3	278	61.2	132	16.9
Dapur gas	371	30.1	137	30.2	234	30.0
Radio	362	29.4	146	32.2	216	27.7
Periuk nasi elektrik	131	10.6	90	19.8	41	5.3
Pengisar elektrik	122	9.9	81	17.8	41	5.3
Komputer	60	4.9	34	7.5	26	3.3
Cerek elektrik	59	4.8	36	7.9	23	3.0
Peti sejuk	40	3.2	17	3.7	23	3.0

Sumber: Soalselidik Kajian

5.6.3 Kepuasan Perkampungan/Skim Sekarang

Secara keseluruhan, sekitar 69 peratus KIR di kawasan kajian yang menyatakan kepuasan mereka terhadap saiz kampung telah meningkat. Jika dibandingkan di antara RPS dan PPK, kepuasan (meningkat) terhadap saiz kampung lebih tinggi di kawasan PPK (73%) berbanding dengan di kawasan PPK (69%). Manakala sekitar 20 peratus KIR di kawasan RPS dan 15 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan bahawa tiada perubahan terhadap kepuasan mereka berkaitan dengan saiz kampung di penempatan sekarang. Bakinya, sekitar 16 peratus KIR di kawasan RPS dan 12 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan mereka terhadap saiz kampung telah berkurangan (Jadual 5.45)

Jadual 5.45
Kepuasan di Perkampungan/Skim Sekarang

	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(P1) Kepuasan terhadap saiz kampung/skim sekarang						
Meningkat	855	69.3	289	63.7	566	72.7
Tiada perubahan	210	17.0	93	20.5	117	15.0
Berkurangan	168	13.6	72	15.9	96	12.3
(P2) Kepuasan terhadap lokasi kampung/skim sekarang						
Meningkat	878	71.2	297	65.4	581	74.6
Tiada perubahan	212	17.2	94	20.7	118	15.1
Berkurangan	143	11.6	63	13.9	80	10.3

Sumber: Soalselidik Kajian

Secara bandingan, lebih ramai KIR di kawasan PPK yang berpuas hati (kepuasan meningkat) dengan lokasi perkampungan sekarang berbanding dengan KIR di kawasan RPS. Sekitar 65 peratus KIR di kawasan RPS dan 75 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan mereka berkaitan lokasi kampung telah meningkat. Manakala di kawasan RPS sekitar 21 peratus dan di kawasan PPK sekitar 15 peratus KIR menyatakan kepuasan mereka terhadap lokasi kampung sekarang tidak berubah berbanding dengan lokasi kampung yang dahulu. Dalam masa yang sama, sekitar 14 peratus KIR di kawasan RPS dan 10 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan mereka terhadap lokasi perkampungan sekarang telah berkurangan.

5.6.4 Pilihan Kampung

Dari segi pilihan kampung yang KIR inginkan, didapati pilihan mereka adalah hampir sama ada KIR di kawasan RPS atau KIR di kawasan PPK. Secara keseluruhan, mereka lebih berminat dengan corak perkampungan yang berkelompok (64%) di suatu kawasan berbanding dengan perkampungan tradisional (36%) yang berselerak (Jadual 5.46).

Dari segi lokasi perkampungan pula, sebahagian besar (50%) daripada KIR inginkan kawasan perumahan yang hampir dengan kawasan hutan berbanding dengan kawasan penempatan yang hampir dengan jalan raya (37%) atau hampir dengan bandar (13%). Selain itu, mereka juga inginkan kawasan perumahan di kawasan tanah landai (78%) berbanding dengan kawasan penempatan yang hampir dengan sungai (16%) atau kawasan penempatan dikawasan kaki bukit (6%).

Dari segi pilihan sama ada inginkan perkampungan yang menghadap matahari atau Sebaliknya, secara keseluruhan mereka lebih berminat jika kawasan perkampungan mendapat matahari (78%) berbanding dengan tidak menghadap matahari (22%). Walau bagaimanapun, peratusan ini berbeza antara kawasan RPS dan PPK. Di kawasan RPS sebanyak 62.1 peratus dan di kawasan PPK sebanyak 87.3 peratus inginkan perkampungan yang menghadap matahari. Sebaliknya, 37.9 peratus KIR di kawasan RPS dan 12.7 peratus KIR di kawasan PPK inginkan kawasan perkampungan yang tidak mendapat matahari.

Jadual 5.46
Pilihan Kampung

	Jumlah		RPS		PPK	
Bagaimanakah pilihan kampung/skim yang anda inginkan dari segi rupa bentuk						
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Berkelompok	787	63.8	291	64.1	496	63.7
Kg tradisional	446	36.2	163	35.9	283	36.3
Bagaimanakah pilihan kampung/skim yang anda inginkan dari segi lokasi						
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Pinggir bandar	156	12.7	57	12.6	99	12.7
Hampir dengan jalan raya	460	37.3	175	38.5	285	36.6
Hampir dengan kawasan hutan	617	50.0	222	48.9	395	50.7
Bagaimanakah pilihan kampung/skim yang anda inginkan dari segi lokasi						
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Hampir dengan sungai	204	16.5	51	11.2	153	19.6
Kaki bukit	74	6.0	33	7.3	41	5.3
Tanah landau	955	77.5	370	81.5	585	75.1
Bagaimanakah pilihan kampung/skim yang anda inginkan dari segi lokasi						
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Mengadap matahari	962	78.0	282	62.1	680	87.3
Tidak mengadap matahari	271	22.0	172	37.9	99	12.7

Sumber: Soalselidik Kajian

5.6.5 Pilihan Rumah

Secara keseluruhan pilihan rumah yang KIR inginkan ialah bahan dinding (89%) dan lantai (86%) diperbuat daripada batu, berbumbungkan genting (67%), mempunyai 3 hingga 4 bilik tidur (76%), rumah yang tidak bertiang (48%), kemudahan tandas di dalam rumah (60%) dan jarak di antara rumah antara 5 hingga 10 meter (38%) (Jadual 5.44 dan Jadual 5.47).

Di kawasan perkampungan RPS, sekitar 88 peratus dan di kawasan perkampungan PPK sekitar 89 peratus KIR inginkan bahan binaan rumah diperbuat daripada batu. Begitu juga dengan bahan binaan lantai, sekitar 90 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 84 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan bahan binaan lantai diperbuat daripada batu. Hanya sekitar 11 hingga 14 peratus KIR di kawasan PPK dan RPS inginkan bahan binaan dinding atau lantai diperbuat daripada kayu/buluh/rotan atau campuran batu dengan kayu/buluh/rotan.

Manakala bahan binaan bumbung pula, sekitar 65 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 68 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan bahan binaan bumbung diperbuat daripada genting. Bakinya, sekitar 28 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 24 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan bahan binaan bumbung diperbuat daripada zink.

Jadual 5.47
Pilihan Rumah

Bahan binaan dinding	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Batu	1094	88.7	401	88.3	693	89.0
Campuran Kayu/Buluh/Rotan	56	4.5	14	3.1	42	5.4
Campuran Batu, kayu/buluh/rotan	83	6.7	39	8.6	44	5.6
Bahan binaan lantai	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Batu	1060	86.0	408	89.9	652	83.7
Campuran Kayu/Buluh/Rotan	49	4.0	11	2.4	38	4.9
Campuran Batu, kayu/buluh/rotan	124	10.1	35	7.7	89	11.4
Bahan binaan bumbung	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Zink	312	25.3	129	28.4	183	23.5
Genting	821	66.6	295	65.0	526	67.5
Campuran	100	8.1	30	6.6	70	9.0
Bilangan bilik tidur	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	71	5.8	13	2.9	58	7.4
Tiga	314	25.5	120	26.4	194	24.9
Empat	629	51.0	238	52.4	391	50.2
Lima	219	17.8	83	18.3	136	17.5
Tiang	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bertiang	542	44.0	272	59.9	270	34.7
Tidak bertiang	601	48.7	158	34.8	443	56.9
Campuran	90	7.3	24	5.3	66	8.5
Kemudahan tandas	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dalam rumah	738	59.9	279	61.5	459	58.9
Luar rumah	495	40.1	175	38.5	320	41.1

Sumber: Soalselidik Kajian

Dari segi bilangan bilik tidur, sebahagian besar KIR inginkan tiga hingga empat bilik tidur. Sekitar 79 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 75 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan rumah yang mempunyai tiga hingga empat bilik tidur. Malah daripada peratusan ini, sekitar 52 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 50 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan rumah yang mempunyai empat bilik tidur.

Dari segi kemudahan tandas pula, peratusannya hampir sama di antara RPS dan PPK. Sekitar 62 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 59 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan kemudahan tandas di dalam rumah. Bakinya, sekitar 39 peratus KIR di kawasan penempatan RPS dan 41 peratus KIR di kawasan perkampungan PPK inginkan kemudahan tandas di luar rumah.

Terdapat perbezaan pilihan dari segi rumah bertiang atau tidak bertiang (di atas tanah) antara KIR di kawasan RPS dengan KIR di kawasan PPK. Di kawasan RPS, sekitar 60 peratus KIR inginkan rumah bertiang dan sekitar 35 peratus inginkan rumah yang tidak bertiang. Keadaan ini berbeza dengan kawasan PPK iaitu sekitar 35 peratus KIR inginkan rumah bertiang dan sekitar 57 peratus inginkan rumah yang tidak bertiang.

Seperti juga pilihan rumah bertiang atau tidak, pilihan dari segi jarak di antara rumah terdapat juga perbezaan pilihan antara KIR di kawasan RPS dengan KIR di kawasan PPK. Secara keseluruhan KIR inginkan jarak antara rumah sekitar 5 hingga 10 meter (38%). Walau bagaimanapun, di kawasan perumahan RPS, sekitar 38 peratus KIR inginkan jarak antara rumah sebanyak 5 hingga 10 meter dan sekitar 21 peratus KIR inginkan jarak antara rumah sebanyak 16 hingga 20 meter. Manakala di kawasan perumahan PPK pula, sekitar 37 peratus KIR inginkan jarak antara rumah sebanyak 5

hingga 10 meter dan sekitar 37 peratus KIR juga inginkan jarak antara rumah sebanyak 5 hingga 10 meter (Jadual 5.48).

Jadual 5.48
Pilihan Jarak Antara Rumah

Meter	Jumlah		RPS		PPK	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
5-10	462	37.5	173	38.0	290	37.2
11-15	96	7.8	58	12.8	38	4.9
16-20	225	18.2	96	21.1	129	16.6
21-25	329	26.7	44	9.6	285	36.6
26-30	13	1.1	4	1.0	9	1.1
31-35	11	0.9	9	1.9	2	0.3
35-40	11	0.9	9	1.9	2	0.3
41-45	86	7.0	62	13.7	23	3.0
	1,233	100.0	454	100.0	779	100.0

Sumber: Soalselidik Kajian

5.7 Kesimpulan Dapatan Kajian

5.7.1 Profil Sosio-Demografi

Kaum Senoi merupakan majoriti penduduk Orang Asli di kawasan kajian. Pola petunjuk-petunjuk demografi di kawasan kajian menyamai pola demografi Orang Asli secara keseluruhan.

Umur perkahwinan kali pertama yang rendah, bilangan anak yang ramai dan kadar jangka hayat yang rendah menyebabkan petunjuk-petunjuk demografi masyarakat

Orang Asli berbeza dengan petunjuk-petunjuk demografi untuk kawasan luar bandar atau Malaysia⁵⁹.

Purata saiz isirumah di kawasan kajian ialah 5.6 orang di kawasan RPS dan 4.8 orang di kawasan PPK berbanding 4.6 orang untuk Malaysia. Di kawasan RPS terdapat saiz isirumah yang lebih ramai kerana anak-anak KIR yang telah berkahwin dan mempunyai anak (cucu KIR) yang menetap bersama KIR. Struktur umur masyarakat Orang Asli yang muda terutamanya di kawasan PPK menyebabkan umur penengah dan peratusan penduduk dalam umur bekerja lebih sedikit berbanding dengan nilainya di peringkat nasional (Malaysia) (Jadual 5.49).

Dalam masa yang sama, peratusan penduduk yang berumur kurang daripada 15 tahun dan penduduk yang belum berkahwin, lebih tinggi di kawasan kajian berbanding purata Malaysia. Peratusan penduduk yang berumur kurang daripada 15 tahun yang ramai menyebabkan nisbah tanggungan di kawasan kajian lebih tinggi daripada purata Malaysia. Manakala jangka hayat yang rendah menyebabkan peratusan penduduk yang bertaraf perkahwinan balu atau duda yang rendah di kawasan kajian berbanding purata Malaysia.

⁵⁹ Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab3, Orang Asli berkahwin pada peringkat umur yang lebih muda berbanding dengan jumlah keseluruhan Semenanjung Malaysia. Umur min perkahwinan untuk kali pertama bagi Orang Asli ialah 25 bagi lelaki dan 22 bagi wanita berbanding dengan 29 bagi lelaki dan 26 bagi wanita untuk jumlah keseluruhan Malaysia (data tahun 2000). Sekitar 0.5 peratus lelaki dan 1.3 peratus wanita Orang Asli berkahwin pada peringkat umur kurang daripada 15 tahun. Rujuk juga Norfariza. 2008. Orang Asli Di Semenanjung Malaysia. Jadual 4.3, ms.20. Banci Penduduk dan Perumahan 2000. Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan. Jadual 3.6, ms.59.

Jadual 5.49
Ringkasan Profil Sosio-Demografi

	RPS	PPK	Perbandingan ⁶⁰
Penduduk; Kaum – Senoi	97.8	99.8	Kaum Orang Asli terbanyak di Semenanjung ialah kaum Senoi iaitu 54.9 peratus dan 30 peratus daripada jumlah ini menetap di negeri Pahang
KIR; Umur penengah	41	39	Malaysia, Luar bandar, 1991 = 44.2; 2000 = 46
Saiz isirumah	5.6	4.8	Malaysia, 2010 = 4.6
Penduduk; Umur kurang daripada 15 tahun	37%	41.8%	Malaysia, 2000 = 33.3%; 2010 = 27.6%
Penduduk; Dalam umur bekerja (15-64 tahun)	60.8	56.6	Malaysia, 2000 = 62.8%; 2010 = 67.3%
Penduduk; Nisbah tanggungan	64	77	Malaysia, 2000 = 59; 2010 = 48
Penduduk; Balu/duda (%)	1.5	1.2	Malaysia, 1991 = 5.0; 2000 = 4.4
Penduduk; Belum berkahwin (%)	69.5	71.0	Malaysia, 1991 = 34.6; 2000 = 35.0
KIR; Tidak pernah bersekolah	36.6	38.9	
Anak-anak KIR; Tidak pernah bersekolah	8.3	11.6	
Penduduk; Tidak pernah bersekolah (%)	14.6	17.1	Malaysia, 1991 = 16; 2000 = 11

⁶⁰ Dalam sesetengah bahagian, penyelidik menggunakan data tahun 2000 sebagai bandingan kerana Laporan Am Banci Penduduk untuk tahun 2010 masih belum diterbitkan. Rujuk juga Laporan Am Banci penduduk dan Perumahan 2000, ms.44, 52, 88, 132-133 dan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, 2010, ms. 6, 7. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dari segi pencapaian pendidikan yang diukur berdasarkan peratus penduduk yang tidak pernah bersekolah, didapati sebanyak 14.6 peratus penduduk di kawasan RPS dan 17.1 peratus penduduk di kawasan PPK tidak pernah bersekolah iaitu lebih tinggi daripada peratusan Malaysia iaitu 11 peratus. Jika dibandingkan antara kawasan RPS dan PPK, peratusan tidak pernah bersekolah bagi KIR, anak-anak KIR dan penduduk, secara relatifnya didapati lebih besar peratusannya di kawasan PPK berbanding dengan kawasan RPS.

5.7.2 Impak Ekonomi

Dari segi impak ekonomi pula, wujud perubahan yang signifikan dari segi jenis pekerjaan utama dan peningkatan pendapatan di kawasan penempatan sekarang⁶¹ (Jadual 5.50). Jika di penempatan dahulu, pekerjaan utama KIR ialah mencari hasil hutan, kini di kawasan penempatan sekarang, pekerjaan utama KIR di kawasan RPS ialah sebagai pekebun kecil getah atau kelapa sawit, manakala pekerjaan utama KIR di kawasan PPK ialah bercucuk tanam (tanaman kontan). Mencari hasil hutan, kini merupakan pendapatan utama kedua penting di kawasan kajian (RPS dan PPK).

Jadual 5.50
Ringkasan Impak Ekonomi

	RPS	PPK
Pekerjaan utama KIR “dahulu”	Mencari hasil hutan (59.4%)	Mencari hasil hutan (60.9%)
Pekerjaan utama KIR “sekarang”	Pekebun kecil getah/kelapa sawit (41.0%)	Bercucuk tanam (tanaman kontan) (41.5%)

⁶¹ Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1, program RPS melibatkan perpindahan ke kawasan/kampung yang baru Manakala program PPK hanya melibatkan penyusunan semula penduduk di kampung yang asal. Penempatan sekarang merujuk kepada kawasan/kampung penempatan/rumah yang baru bagi peserta/KIR RPS dan kawasan/rumah yang baru bagi peserta/KIR PPK.

Peratusan KIR tidak bekerja “dahulu”	13.1	14.5
Peratusan KIR tidak bekerja “sekarang”	4.0	3.3
Lokasi pekerjaan utama KIR “dahulu”	Dalam kawasan kampung berkenaan (74.4%)	Dalam kawasan kampung berkenaan (92.1%)
Lokasi pekerjaan utama KIR “sekarang”	Dalam kawasan kampung berkenaan (75.0%)	Dalam kawasan kampung berkenaan (89.5%)
Peratusan KIR yang mempunyai pekerjaan sampingan “dahulu”	0.0%	0.0%
Peratusan KIR yang mempunyai pekerjaan sampingan “dahulu”	29.7%	21.3%
Pekerjaan sampingan KIR yang utama	Bercucuk tanam (13.0%)	Bercucuk tanam (10.9%)
Lokasi pekerjaan sampingan KIR “sekarang”	Dalam kawasan kampung berkenaan (90.4%)	Dalam kawasan kampung berkenaan (94.0%)
Purata Pendapatan KIR sebulan daripada pekerjaan utama “dahulu”	RM77	RM90
Purata Pendapatan KIR sebulan daripada pekerjaan utama “sekarang”	RM229	RM232
Purata Pendapatan KIR sebulan daripada pekerjaan sampingan “sekarang”	RM115	RM47
Purata Pendapatan KIR sebulan daripada sumber-sumber pendapatan lain “sekarang”	RM63	RM58
Jumlah Purata Pendapatan KIR sebulan “sekarang”	RM407	RM337

Di penempatan sekarang juga, terdapat isi rumah yang mempunyai pekerjaan sampingan terutamanya bercucuk tanam (tanaman kontan). Dari segi lokasi pekerjaan utama dan sampingan, sebahagian besar KIR bekerja dalam kawasan kampung/penempatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, KIR yang tidak bekerja⁶² telah berkurangan di kedua-dua kawasan kajian.

Dari segi peningkatan pendapatan pula, kajian mendapati wujudnya perubahan yang signifikan selepas KIR terlibat dengan penempatan semula sama ada di kawasan RPS atau PPK. Di kawasan RPS, pendapatan KIR telah meningkat sekitar 66 peratus manakala 61 peratus di kawasan PPK. Walaupun secara relatif purata pendapatan bulanan daripada pekerjaan utama KIR di kawasan RPS (RM229) lebih rendah daripada kawasan PPK (RM232), namun purata pendapatan bulanan daripada pekerjaan sampingan dan sumber-sumber pendapatan lain yang lebih tinggi di kawasan RPS menyebabkan jumlah purata pendapatan bulanan KIR di kawasan RPS lebih tinggi daripada kawasan PPK.


Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan di kawasan kajian masih tinggi lagi iaitu sekitar 80 peratus berbanding dengan kadar nasional 7.7 peratus untuk kawasan luar bandar (2008). Manakala dari segi agihan pendapatan juga kadarnya lebih tinggi dibandingkan daripada kadar nasional, Koefisien Gini Malaysia bagi tahun 2009 ialah 0.441 berbanding dengan Koefisien Gini di kawasan RPS (0.694) dan PPK (0.855).

⁶² Tidak bekerja merujuk kepada mereka yang tidak mendapatkan bayaran dari pekerjaan yang diusahakan. Tidak bekerja termasuk mereka yang mencari hasil hutan/bercucuk tanam hanya untuk kegunaan sendiri/keluarga.

Kepuasan ekonomi dinilai dengan menggunakan tiga indikator (petunjuk) iaitu;

1. Peluang ekonomi di kampung/skim sekarang.
2. Peluang untuk peningkatan pendapatan KIR di kampung/skim sekarang.
3. Peluang untuk meningkatkan pendapatan AIR di kampung/skim sekarang.

Kepuasan ekonomi menampakkan peningkatan paling utama dari segi peluang meningkatkan pendapatan AIR di kawasan penempatan sekarang. Secara keseluruhan, kepuasan ekonomi KIR di kawasan RPS lebih tinggi dibandingkan dengan KIR di kawasan PPK. Di kawasan RPS, 74 peratus KIR menyatakan kepuasan ekonomi meningkat di penempatan sekarang berbanding 71 peratus KIR di kawasan PPK (Rajah 5.3).



Rajah 5.3
Keseluruhan Kepuasan Ekonomi KIR Di kawasan Penempatan Sekarang

Kepuasan ekonomi yang meningkat disebabkan oleh peluang peserta/KIR terlibat secara aktif dalam ekonomi/pertanian komersial (getah/kelapa sawit) terutamanya di kawasan RPS atau terlibat secara aktif dalam aktiviti pertanian tanaman kontan. Dalam masa yang sama KIR yang tidak berbuat demikian telah berkurangan.

Dalam masa yang sama, 18 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan ekonomi tidak berubah di kawasan penempatan baru berbanding 15 peratus KIR di kawasan RPS. Manakala, sekitar 11 peratus KIR di kawasan RPS dan PPK menyatakan kepuasan ekonomi mereka telah berkurangan di kawasan penempatan baru.

Sebahagian besar golongan ini (kepuasan tidak berubah atau berkurangan) merupakan mereka yang berumur lebih daripada 55 tahun dan masih mengekalkan aktiviti mencari hasil hutan sebagai pekerjaan utama. Dalam masa yang sama, faktor umur KIR yang tinggi secara relatifnya dan pengurangan hasil/sumber hutan sama ada secara semulajadi atau perubahan status hutan untuk tujuan pembangunan dan tanaman komersial, menyebabkan dapatan daripada hasil hutan semakin berkurangan.


5.7.3 Hubungan Kemsayarakatan

Kepuasan kemsayarakatan pula dinilai dengan lapan indikator iaitu dari segi;

1. Hubungan kekeluargaan KIR
2. Hubungan KIR dengan masyarakat setempat (kampung)
3. Hubungan KIR dengan masyarakat luar
4. Hubungan KIR dengan Batin
5. Hubungan KIR dengan ketua agama/imam
6. Hubungan KIR dengan pegawai JAKOA
7. Hubungan KIR dengan Wakil Rakyat
8. Hubungan KIR dengan Wakil Parlimen

Seperti yang telah dibincangkan, hubungan kemsayarakatan KIR dalam kelapan-lapan indikator di atas telah meningkat di kawasan penempatan sekarang. Kepuasan meningkat dari segi hubungan kemsayarakatan yang paling utama ialah hubungan dengan Wakil Parlimen. Sebaliknya, kepuasan yang paling rendah ialah hubungan dengan pegawai JAKOA.

Secara keseluruhannya, kepuasan kemasyarakatan KIR di kawasan kajian telah meningkat terutamanya di kawasan RPS. 78 peratus KIR di kawasan RPS menyatakan kepuasan kemasyarakatan meningkat di penempatan sekarang berbanding 71 peratus KIR di kawasan PPK (Rajah 5.4).



Rajah 5.4
Keseluruhan Kepuasan Kemasyarakatan KIR Di kawasan Penempatan Sekarang


Dalam masa yang sama, 17 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan kemasyarakatan tidak berubah di kawasan penempatan baru berbanding 15 peratus KIR di kawasan RPS. Manakala sekitar 11 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan kemasyarakatan mereka telah berkurangan di kawasan penempatan baru berbanding 8 peratus KIR di kawasan RPS. Sebahagian besar daripada mereka (KIR) merupakan mereka yang tinggal jauh di kawasan pendalaman dan KIR (kelamin) yang baru berumah tangga (berumur kurang daripada 35 tahun).

5.7.4 Mengekalkan Tradisi

Manakala kepuasan untuk mengekalkan tradisi dinilai menggunakan tiga indikator iaitu;

1. Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara perkahwinan.
2. Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara keagamaan.
3. Mengekalkan tradisi/amalam dalam upacara keramaian dan Sewang.

Peningkatan kepuasan dari segi keupayaan untuk mengekalkan tradisi yang paling utama ialah dalam amalan keramaian dan Sewang. Di samping itu, pengurangan kepuasan yang paling utama ialah dalam amalan keagamaan. Secara keseluruhan, kepuasan mengekalkan tradisi KIR di kawasan RPS adalah lebih besar dibandingkan dengan KIR di kawasan PPK. Di kawasan RPS, 67 peratus KIR menyatakan kepuasan mengekalkan tradisi kemasyarakatan telah meningkat di penempatan sekarang berbanding 57 peratus KIR di kawasan PPK (Rajah 5.5).



Rajah 5.5
Keseluruhan Kepuasan Mengekalkan Tradisi Di kawasan Penempatan Sekarang

Dalam masa yang sama, 29 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan mengekalkan tradisi tidak berubah di kawasan penempatan sekarang berbanding 25 peratus KIR di kawasan RPS. Manakala, sekitar 14 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan mengekalkan tradisi mereka telah berkurangan di kawasan penempatan sekarang berbanding 8 peratus KIR di kawasan RPS.

Kepuasan mengekalkan tradisi dalam amalan keramaian dan Sewang meningkat di kawasan/perkampungan yang mempunyai pentas untuk upacara tarian Sewang masyarakat Orang Asli terutamanya di kawasan RPS. Faktor kepuasan yang berkurangan dalam mengekalkan tradisi dan amalan kagamaan agak subjektif kerana sebahagian (sekitar 50%) daripada masyarakat Orag Asli di kawasan kajian tidak mempunyai agama atau mengamalkan kepercayaan nenek-moyang terutamanya kalangan yang berumur lanjut (tua). Sebahagian daripada mereka berkepercayaan agama Islam, Kristian atau Bahai.


5.7.5 Kemudahan Awam

Indikator kemudahan awam pula, meliputi lapan jenis perkhidmatan awam dan satu perkhidmatan persendirian (kedai runcit) iaitu

1. Pengangkutan awam (Bas)
2. Jalan berturap ke kawasan kampung
3. Jalan dalam kawasan kampung
4. Balai Raya
5. Sekolah Rendah
6. Telefon awam
7. Rumah ibadat
8. Balai adat
9. Kedai runcit

Sekitar 80 peratus perkampungan Orang Asli di kawasan kajian mempunyai perkhidmatan jalan ke kampung dan dalam kawasan kampong. Sekitar 50 peratus

mempunyai perkhidmatan kedai runcit, sekolah rendah, rumah ibadat dan Balai Adat. Tambahan pula, sekitar 13 peratus mempunyai perkhidmatan Balai Raya, 11 peratus perkhidmatan bas awam dan 9 peratus mempunyai perkhidmatan tetefon awam. Secara bandingan peratusan perkampungan yang mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah lebih besar di kawasan RPS berbanding dengan di kawasan PPK (kecuali Balai Raya).



Rajah 5.6
Keseluruhan Kepuasan Terhadap Kemudahan Awam Di kawasan Penempatan Sekarang

Sekitar 100 peratus KIR menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan ini kecuali rumah ibadat dan Balai Adat yang hanya digunakan oleh 50 peratus penduduk di kawasan kajian. Sekitar 50 hingga 80 peratus KIR berpuas hati dengan kemudahan sekolah rendah, Balai Raya, kedai runcit, pengangkutan awam (bas), Balai Adat dan rumah ibadat. Sekitar 30 KIR berpuas hati dengan kemudahan jalan ke kawasan kampung dan dalam kawasan kampung. Manakala hanya 7 peratus berpuas hati dengan kemudahan telefon awam yang disediakan.

Secara keseluruhan peratusan ada, guna dan berpuas hati dengan kemudahan awam yang telah disediakan adalah lebih tinggi di kawasan RPS berbanding dengan di kawasan PPK. Sekitar 89 peratus KIR di kawasan RPS dan 87 peratus KIR di kawasan PPK menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan awam ini. Daripada peratusan yang menggunakan perkhidmatan awam ini, sekitar 53 peratus KIR di kawasan RPS dan 48 peratus KIR di kawasan PPK berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada.

Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diperlukan oleh KIR di kawasan kajian ialah Klinik kesihatan (KR1M), padang permainan (bola sepak, takraw, bola jaring/futsal), taman permainan kanak-kanak, pencawang telefon bimbit, kelas tuisyen, pusat internet, lampu jalan untuk kawasan kampung, tadika, peti surat dan bengkel kemahiran untuk golongan belia.

Di kawasan penempatan sekarang, sekitar 48 peratus daripada KIR menduduki rumah bantuan kerajaan dan 52 peratus menduduki rumah tradisional. Sebahagian besar (59%) rumah diperbuat daripada campuran kayu, buluh dan rotan dengan bilangan bilik tidur antara satu hingga dua (70%). Peratusan KIR yang mempunyai motosikal (termasuk skuter) adalah sekitar 49 peratus. Pemilikan peralatan asas dalam rumah⁶³ adalah lebih besar di kawasan RPS berbanding dengan di kawasan PPK. Ini kerana tingkat pendapatan purata peserta/KIR di kawasan RPS lebih tinggi dibandingkan dengan kawasan PPK.


⁶³ meliputi TV dan alat pemain video (termasuk VCD/DVD), telefon bimbit, kipas elektrik, dapur gas dan radio, periuk nasi (*rice cooker*) dan pengisar (*blender*) elektrik, komputer, cerek elektrik (*electric kettle*) dan peti sejuk (*freezer*). Rujuk juga Jadual 5.44.

5.7.6 Saiz dan Lokasi Perkampungan dan Rumah

Kepuasan di perkampungan/skim sekarang yang dinilai dengan menggunakan dua indikator iaitu dari segi;

1. Kepuasan terhadap saiz kampung/skim sekarang
2. Kepuasan terhadap lokasi kampung/skim sekarang

Pada keseluruhannya, kepuasan KIR di perkampungan/skim sekarang lebih besar di kawasan PPK dibandingkan dengan kawasan RPS. Di kawasan PPK sekitar 74 peratus KIR menyatakan kepuasan menetap di perkampungan sekarang telah meningkat berbanding 64 peratus KIR di kawasan RPS (Rajah 5.7).



Rajah 5.7
Keseluruhan Kepuasan di Perkampungan/Skim Sekarang

Dalam masa yang sama, 21 peratus KIR di kawasan RPS menyatakan kepuasan menetap di perkampungan sekarang tidak berubah berbanding 15 peratus KIR di kawasan PPK. Manakala, sekitar 15 peratus KIR di kawasan PPK menyatakan kepuasan menetap di kawasan perkampungan sekarang telah berkurangan berbanding 11 peratus KIR di kawasan RPS.

Kajian mendapati masyarakat Orang Asli di kawasan kajian lebih berminat dengan corak perkampungan yang berkelompok (64%) berbanding dengan perkampungan tradisional, separuh (50%) daripada mereka inginkan kawasan kampung yang hampir dengan kawasan hutan, kawasan perumahan yang landai dan mendapat matahari.


Dari segi pilihan rumah pula, bahan dinding dan lantai diperbuat daripada batu, berbumbungkan genting, mempunyai 3 hingga 4 bilik tidur dengan kemudahan tandas di dalam kawasan rumah dan jarak di antara rumah antara 5 hingga 10 meter. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan pendapat dari segi bentuk rumah yang mereka inginkan. Sekitar 60 peratus KIR di kawasan RPS inginkan rumah yang bertiang. Di sebaliknya, sekitar 60 peratus KIR di kawasan PPK inginkan rumah yang tidak bertiang.

5.7.7 Kepuasan Meningkat dan Berkurangan


Di kawasan RPS kepuasan meningkat antara 64 hingga 78 peratus. Kepuasan yang paling tinggi peratusan peningkatannya di kawasan RPS ialah bagi kepuasan kemasyarakatan (hubungan kekeluargaan KIR, hubungan KIR dengan masyarakat setempat, masyarakat luar, Batin, ketua agama/imam, pegawai JAKOA, Wakil Rakyat dan dengan Wakil Parlimen yang meningkat). Keadaan ini diikuti dengan kepuasan ekonomi (peluang ekonomi, peningkatan pendapatan KIR dan AIR di kampung/skim sekarang), kepuasan mengekalkan tradisi/amalam masyarakat Orang Asli (dalam upacara perkahwinan, keagamaan, keramaian dan Sewang) dan yang terakhir kepuasan terhadap saiz dan lokasi kampung/skim sekarang (Rajah 5.8 dan 5.9).

Sebaliknya, di kawasan RPS, pengurangan keseluruhan kepuasan adalah antara 7 hingga 15 peratus. Kepuasan berkurang paling tinggi peratusannya dalam kepuasan terhadap saiz dan lokasi kampung, peluang ekonomi, keupayaan mengekalkan tradisi dan yang paling kecil ialah kepuasan dalam hubungan kemasyarakatan (terbalik daripada kepuasan meningkat)⁶⁴.

⁶⁴Perbezaan antara peratusan kepuasan meningkat dengan kepuasan berkurangan ialah kepuasan tidak berubah. Contoh kemasyarakatan, kepuasan meningkat = 77.9, kepuasan berkurangan = 6.7, kepuasan tidak berubah = 15.4. Jumlah = 100%.



Rajah 5.8
Keseluruhan Kepuasan Meningkatkan – RPS




Rajah 5.9
Keseluruhan Kepuasan Berkurangan – RPS


Di kawasan RPS, perkampungan secara berkelompok menampakkan peningkatan hubungan kemasyarakatan (78%) berbanding dengan di kawasan penempatan lama yang berselerak. Kepuasan ini juga tinggi dibandingkan dengan kepuasan-kepuasan lain (ekonomi, tradisi, kampung) dan lebih tinggi tingkat kepuasan kemasyarakatannya di kawasan PPK (71%) (Rajah 5.10 dan 5.11).

Dalam masa yang sama, RPS juga telah berjaya meningkatkan peluang ekonomi dan peningkatan pendapatan KIR dan AIR di mana sebanyak 74 peratus KIR menyatakan peluang ekonomi mereka telah meningkat. Angka ini lebih besar dibandingkan dengan kawasan PPK (71%). Begitu juga kepuasan dari segi mengekalkan tradisi dan amalan harian mereka, yang lebih tinggi di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Walau bagaimanapun, dari segi kepuasan terhadap saiz dan lokasi kampung, ianya secara relatif paling rendah dibandingkan dengan kepuasan kemasyarakatan, ekonomi dan tradisi.

Di kawasan PPK pula, kepuasan dari segi saiz dan lokasi kampung serta hubungan kemasyarakatan meningkat lebih besar berbanding dengan peluang ekonomi dan mengekalkan tradisi. Berbeza dengan kawasan RPS, program PPK tidak melibatkan perpindahan kampung. Oleh itu, kepuasan terhadap saiz dan lokasi kampung dan hubungan kemasyarakatan tidak berubah dengan ketara dibandingkan dengan peserta RPS.



Rajah 5.10
Keseluruhan Kepuasan Meningkat – PPK



Rajah 5.11
Keseluruhan Kepuasan Berkurangan – PPK

Di peringkat awal pelaksanaan program RPS setiap peserta akan disediakan dengan peluang ekonomi iaitu kawasan tanah untuk tanaman komersial sama ada getah atau kelapa sawit dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan. Di kawasan PPK pula, program tanaman komersial bergantung kepada rizab tanah yang sedia ada untuk dimajukan.

Secara relatif, agihan tanah kepada KIR (peserta) di kawasan PPK lebih kecil berbanding dengan peserta di kawasan RPS. Sehubungan itu, saiz tanah yang kecil lebih sesuai untuk tanaman kontan dan tidak ekonomik untuk tanaman getah dan kelapa sawit. Faktor ini juga ada kaitannya dengan pendapatan daripada pekerjaan utama KIR di kawasan RPS dan PPK. Pekerjaan utama KIR di kawasan RPS ialah sebagai pekebun kecil getah dan kelapa sawit manakala di kawasan PPK ialah mengusahakan tanaman kontan. Pendapatan daripada tanaman getah dan kelapa sawit juga lebih tinggi daripada mengusahakan tanaman kontan di kawasan kajian.


Dari segi kepuasan untuk mengekalkan tradisi didapati peratusannya lebih tinggi di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Faktor umur AIR di kawasan RPS yang lebih tinggi daripada kawasan PPK (struktur umur yang muda) menyebabkan golongan belia (lepasan sekolah menengah) lebih ramai di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK. Aktiviti seperti upacara perkahwinan, keramaian dan sewang lebih kerap diadakan di kawasan RPS berbanding dengan kawasan PPK.

5.7.8 Berpuas Hati dan Tidak Berpuas Hati


Dengan menyusun semula indikator kajian kepada dua pilihan jawapan sahaja iaitu berpuas hati dan tidak puas hati, dapatan kajian boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 5.12 dan 5.13⁶⁵. Di kawasan RPS peratusan KIR berpuas hati paling utama (tinggi) ialah terhadap hubungan kemasyarakatan (1), peluang ekonomi (2), keupayaan untuk mengekalkan amalan tradisi (3), saiz dan lokasi kampung (4) dan terakhir ialah berkaitan kemudahan awam yang disediakan di kawasan RPS (5). Manakala di kawasan PPK pula, peratusan KIR berpuas hati paling utama ialah saiz dan lokasi kampung (1), hubungan kemsayarakatan (2), peluang ekonomi (3), keupayaan untuk mengekalkan amalan tradisi (4) dan terakhir ialah berkaitan kemudahan awam yang disediakan di kawasan PPK (5).

Di kawasan RPS kepuasan terhadap saiz dan lokasi kampung merupakan yang keempat berbanding dengan di kawasan PPK. Ini kerana, seperti yang telah dibincangkan dalam bab empat, RPS melibatkan perpindahan kampung sementara di kawasan PPK hanya melibatkan penyusunan semula kampung yang sedia ada. Kepuasan berpuas hati terhadap saiz dan lokasi kampung di kawasan PPK adalah yang tertinggi kerana mereka tinggal di tempat yang sama sejak sekian lama (sejak keturunan sebelum mereka) dan kebanyakan kawasan PPK terletak hampir dengan perkampungan masyarakat Melayu dan jalan utama ke kawasan bandar atau pekan yang berhampiran.

⁶⁵ Dalam bahagian yang lepas kepuasan KIR dibahagi kepada tiga tahap iaitu, meningkat, tidak berubah dan berkurangan kecuali indikator yang dinilai berdasarkan berpuas hati dan tidak berpuas hati. Dalam bahagian ini kepuasan dibahagikan kepada dua iaitu berpuas hati dan tidak berpuas hati. Tahap kepuasan berpuas hati merujuk kepada kepuasan yang meningkat manakala tahap tidak berpuas hati merujuk kepada nilai aggregate tidak berubah dan berkurangan.




Rajah 5.12
Keseluruhan Berpuas Hati – RPS



Rajah 5.13
Keseluruhan Berpuas Hati – PPK

Walau bagaimanapun kepuasan (berpuas hati) terhadap peluang ekonomi penduduk di kawasan RPS lebih tinggi berbanding penduduk di kawasan PPK. Ini kerana penempatan semula RPS dirancang dengan peluang ekonomi yang lebih tersusun. Selain itu, kepuasan terhadap keupayaan mengekalkan tradisi di kawasan RPS juga lebih tinggi berbanding dengan kawasan PPK. Keadaan ini ada kaitan dengan faktor umur ahli isi rumah dan lokasi kawasan penempatan tersebut. Proses asimilasi budaya masyarakat Orang Asli dan budaya masyarakat Melayu lebih banyak berlaku di kawasan PPK. Manakala, di kedua-dua kawasan peratusan yang tidak berpuas hati paling utama ialah terhadap kemudahan awam yang disediakan. Hanya sekitar 53 peratus KIR di kawasan RPS dan 55 peratus KIR di kawasan PPK berpuas hati dengan kemudahan awam yang sedia ada.

Setelah mencampurkan semua indikator-indikator kajian (Ekonomi, Kemasyarakatan, Tradisi, Kampung dan Kemudahan Awam) didapati secara keseluruhan 67 peratus KIR berpuas hati dengan skim penempatan sekarang dan bakinya 33 peratus tidak berpuas hati (Rajah 5.14). Jika dibandingkan antara kawasan penempatan RPS dan PPK, peratusan KIR secara agregat yang berpuas hati dengan skim penempatan tidak banyak berbeza antara kawasan RPS dan PPK. Di kawasan KIR, yang berpuas hati dengan skim sekarang ialah sekitar 70 peratus iaitu tinggi sedikit dibandingkan dengan KIR di kawasan PPK (67%). Ini bermaksud tidak semua (100%) KIR berpuas hati dengan skim penempatan sekarang. Sekitar 33 peratus KIR di kawasan PPK dan 30 peratus KIR di kawasan RPS masih tidak berpuas hati dengan skim penempatan sekarang.



Rajah 5.14
Keseluruhan Indikator Kajian, RPS dan PPK

BAB 6

KESIMPULAN KAJIAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan bab. Bahagian kedua akan membincang kesimpulan kajian secara keseluruhan, implikasi dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang berkaitan perancangan pembangunan masyarakat Orang Asli. Bahagian ketiga merupakan bahagian terakhir bab kajian ini dan akan mencadangkan kajian-kajian lanjutan daripada kajian yang telah dijalankan.

6.2 Keimpulan dan Implikasi Dasar

Orang Asli merupakan kaum minoriti yang peratusannya kurang dari satu peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Di Malaysia tumpuan dasar pembangunan Orang Asli telah dilaksanakan sejak 1954 melalui Akta Orang Asli (Akta 134) dan penubuhan Jabatan Orang Asli (JOA). Walau bagaimanapun, sehingga kini, masyarakat Orang Asli masih kekal sebagai satu kelompok kecil golongan minoriti yang terpinggir daripada teras pembangunan nasional atau di peringkat antarabangsa, mereka masih digolongkan sebagai “*the most marginalized sector of society*”. Di Malaysia, walaupun peratusan penduduk yang tinggal di kawasan bandar terus meningkat, tetapi hanya sekitar satu peratus masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan bandar.

Terdapat tiga Program pembangunan yang dirangka khusus untuk masyarakat Orang Asli iaitu Program Penempatan Tersusun (PPT), Program Pembangunan Ekonomi (PPE) dan Program Pembangunan Sosial (PPS). Dua program penempatan tersusun yang paling utama ialah Rancangan Penempatan Semula dan Program Penyusunan Semula Kampung. Program-program ini melibatkan penyusunan semula perkampungan Orang Asli yang sistematik yang dilengkapi dengan kemudahan air dan elektrik.

RPS melibatkan perpindahan masyarakat Orang Asli yang jauh berselerak ke dalam satu kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas dan aktiviti ekonomi pertanian komersial (getah dan kelapa sawit). Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) pula tidak melibatkan perpindahan penduduk, tetapi kawasan penempatan mereka disusun semula dari segi kemudahan rumah, komponen-komponen infra sosial yang lain bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli di kampung-kampung yang sedia ada.

Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan bagi menilai impak program penempatan semula ke atas petunjuk sosio ekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Secara amnya, Program Penempatan Tersusun di kawasan kajian iaitu RPS dan PPK telah berjaya mencapai matlamatnya dari segi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Kepuasan masyarakat Orang Asli yang dinilai dari sudut hubungan kemasyarakatan, peluang ekonomi, keupayaan mengekalkan tradisi, lokasi dan saiz kampung telah meningkat berbanding dengan penempatan mereka yang dahulu.

Walaupun secara am, matlamat perancangan Orang Asli telah membantu dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli, pencapaian ini masih rendah dibandingkan dengan nilai purata di peringkat nasional (purata nasional). Jika dibandingkan di antara RPS dan PPK, kajian mendapati kejayaan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli lebih berjaya di RPS berbanding dengan di PPK (berdasarkan indikator-indikator yang digunakan dalam kajian ini)⁶⁶.

Walaupun dari segi impak ekonomi, pendapatan dan penglibatan mereka dalam aktiviti tanaman moden telah meningkat tetapi kadar peningkatannya masih lagi rendah dibandingkan dengan purata pendapatan bulanan penduduk Malaysia. Hampir keseluruhan (90%) masyarakat Orang Asli di kawasan kajian tergolong dalam isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah. Selain itu, kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli masih sangat tinggi lagi. Sekitar 80 peratus penduduk terdiri daripada isi rumah yang miskin⁶⁷.

Selain itu, walaupun mencari hasil hutan bukan lagi sumber pendapatan utama masyarakat Orang Asli di kawasan kajian, mencari hasil hutan masih menjadi sumber kedua penting di kawasan kajian. Sehubungan itu, sasaran RMKe-10 untuk mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50.0

⁶⁶ Sebagai contoh kajian oleh Muftaffa, (2008:186) mendapati antara kelemahan RPS ialah (1) pergantungan kepada ekonomi tradisi, (2) peluang pekerjaan yang terhad dan tidak menjamin masa depan, (3) kesedaran rendah terhadap kepentingan pendidikan, (4) kekurangan kemudahan infrastruktur seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, melalui kajian ini, penyelidikan mendapati pencapaian (1) hingga (4) lebih memuaskan di RPS berbanding dengan di PPK.

⁶⁷ Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Juli Edo et.al (2008) di kawasan Batu Berangkai dan Kampar, Perak; Sungai Rul dan Cameron Highlands, Pahang; Bukit Lanjan dan Tanjung Sepat, Selangor yang mendapati sekitar 80% peratus daripada mereka berpendapatan RM800 dan ke bawah (miskin).

peratus pada tahun 2009 kepada 25.0 peratus pada tahun 2015 memerlukan satu pendekatan yang holistik dalam menjana potensi pendapatan masyarakat Orang Asli.

Tidak dapat dinafikan, faktor lokasi perkampungan masyarakat Orang Asli yang jauh di pedalaman akan menghadkan kesampaian liputan pembangunan ke kawasan mereka yang menyebabkan peluang pekerjaan yang agak terhad di kawasan kajian. Walau bagaimanapun, dengan meningkatkan akses kepada kemudahan pengangkutan dan melaksana program khusus untuk masyarakat Orang Asli dijangkakan dapat meningkatkan pendapatan bulanan masyarakat Orang Asli.

Selain itu, sebahagian besar lokasi pekerjaan utama dan sampingan (sumber pendapatan masyarakat Orang Asli) terletak dalam kawasan perkampungan mereka termasuk di kawasan tanah rizab, tanah adat dalam kawasan rayau. Melalui pemerhatian penyelidikan, masyarakat Orang Asli (termasuk golongan belia, terutamanya wanita) kurang bermigrasi keluar dari kawasan penempatan mereka. Mereka lebih selesa dan berasa “selamat” untuk terus tinggal dalam komuniti yang sedia ada.

Sehubungan itu, dasar berbentuk “*if development cannot be brought to people, bring the people towards development*” adalah kurang sesuai. Apa yang lebih penting ialah bagaimana projek-projek pembangunan (atau kawasan bandar) yang semakin hampir dengan penempatan masyarakat Orang Asli dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Sebagai contoh, dalam kategori pekerja tidak mahir (termasuk pekerja hotel dan restoren), satu dasar yang sesuai dirangka ialah menghadkan penglibatan pekerja asing dan digantikan dengan penglibatan masyarakat

Orang Asli. Dasar dan program kesediaan psiko-sosio di kalangan belia perlu dijanakan demi memperkasa keperluan sedemikian.

Dalam masa yang sama, kerajaan boleh menganjurkan kursus-kursus teknikal dan vokasional di kawasan penempatan Orang Asli khusus untuk meningkatkan sumber manusia golongan belia. Melalui cara ini, golongan belia yang masih tinggal di kawasan perkampungan mereka boleh menghadiri kursus berkaitan tanpa perlu bermigrasi keluar.

Di kawasan kajian, program pembangunan ekonomi melalui tanaman getah atau kelapa sawit dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan wajar dinilai semula. Saiz tanah untuk setiap peserta antara dua hingga enam ekar didapati tidak ekonomikal untuk menampung pendapatan isi rumah Orang Asli yang mempunyai bilangan AIR yang secara relatifnya ramai. Selain itu, pemberian hak milik tanah kepada peserta yang terlibat dijangka akan meningkatkan lagi daya usaha peserta yang secara langsung akan meningkatkan lagi produktiviti tanaman/tanah yang sedia ada. Secara bandingan, peserta tanah rancangan FELDA diberi tanah seluas 10 ekar dan hak milik individu selepas selesai membayar kos membangunkan tanah/penempatan tersebut kepada pihak FELDA. Model FELDA (seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2) yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai salah satu model peningkatan pendapatan penduduk luar bandar boleh diamalkan untuk masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, model FELDA memerlukan peserta membayar semula kos yang terlibat dalam program penempatan semula tersebut. Sebagai alternatif, kerajaan

boleh juga menggunakan model penempatan semula seperti di Indonesia (program transmigrasi) dengan membuat beberapa pengubahsuaian supaya selaras dengan kehendak masyarakat Orang Asli. Selain itu, para peserta tidak perlu membayar semula semua kos yang terlibat dalam program tersebut.

Dalam masa yang sama, program keusahawanan berasaskan komuniti boleh dijalankan di kawasan penempatan Orang Asli, contohnya melalui aktiviti koperasi. Inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dengan menubuhkan koperasi di kalangan masyarakat Orang Asli merupakan satu pendekatan awal bagi meningkatkan pendapatan mereka. Seperti yang dinyatakan dalam RMKe-10, iaitu di peringkat awal penubuhan, koperasi akan melantik kumpulan pengurusan profesional dan selepas masyarakat Orang Asli (ahli koperasi) memperoleh kemahiran dan pengetahuan, pengurusan tersebut akan diserahkan kepada 'stateholders' merupakan satu dasar yang sesuai. Walau bagaimanapun, satu bentuk *business model* yang sesuai perlu dirangka terlebih dahulu bagi memastikan dasar tersebut sesuai dan boleh memberi impak jangka panjang kepada masyarakat Orang Asli.

Walaupun menerusi program penempatan semula, bilangan anak-anak yang bersekolah telah meningkat tetapi pencapaian akademik mereka masih rendah. Sehubungan itu, dasar kerajaan yang berkaitan dengan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli harus mengambil kira faktor lokasi, budaya dan pola demografi Orang Asli yang berbeza dengan petunjuk yang sama di peringkat nasional.

Dalam masa yang sama, program penempatan semula harus mengambilkira aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan lagi hubungan kemasyarakatan Orang Asli dan

penyuburan amalan tradisi nenek moyang mereka. Pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli merupakan khazanah negara yang harus dipelihara oleh generasi seterusnya. Sehubungan itu, dasar kerajaan yang berbentuk asimilasi mungkin kurang sesuai. Sebaliknya, dasar yang lebih menekankan faktor integrasi masyarakat Orang Asli dalam masyarakat perdana adalah lebih sesuai.

